

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL  
NIAT GELAGAT PENGGUNA MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM**

**AZMAWIDA BINTI ABDULLAH**



**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
MEI 2025**

**PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL  
NIAT GELAGAT PENGGUNA MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM**

**Oleh**

**AZMAWIDA BINTI ABDULLAH**



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**Diserahkan kepada  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia,  
bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Doktor  
Falsafah**



Pusat Pengajian Perniagaan Islam  
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL  
كلية إدارة الأعمال الإسلامية  
Universiti Utara Malaysia

## PERAKUAN KERJA TESIS/DISERTASI (Certification of thesis/dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**AZMAWIDA BINTI ABDULLAH (901463)**

Calon untuk ijazah **DOCTOR OF PHILOSOPHY (ISLAMIC MANAGEMENT)**  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis/disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis/dissertation of the following title):

**PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL NIAT GELAGAT PENGGUNA  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

seperti yang tercatat dimuka surat tajuk dan kulit tesis/disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis/dissertation)

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:  
**6 November 2024.**

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
**6<sup>th</sup> November 2024.**

Pengerusi Viva Voce  
(Chairman for Viva Voce)

: **Prof. Dr. Nor Hayati binti Ahmad  
(IBS/UUMCOB)**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar  
(External Examiner)

: **Prof. Madya Dr. Nor'azzah binti Kamri  
(UM)**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam  
(Internal Examiner)

: **Dr. Mohd Sollehudin bin Shuib  
(IBS/UUMCOB)**

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh : **6 November 2024**  
(Date)

**Nama Pelajar**  
*(Name of Student)*

: Azmawida binti Abdullah (901463)

---

**Tajuk Tesis/Disertasi**  
*(Title of the Thesis/ Dissertation)*

: Pembangunan Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna Menurut Perspektif Islam

---

**Program Pengajian**  
*(Programme of Study)*

: Doctor of Philosophy

---

**Nama Penyelia/Penyelia-Penyelia**  
*(Name of Supervisor/Supervisors)*

: Dr. Mohd Murshidi bin Mohd Noor



*Tandatangan*

**Nama Penyelia/Penyelia-Penyelia**  
*(Name of Supervisor/Supervisors)*

: Prof. Madya Dr. Syarifah binti Md Yusof



*Tandatangan*



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## **KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Pengarah Unit Pengajian Siswazah, Kolej Perniagaan tempat saya melakukan tesis terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Ia juga difahami bahawa kerana pengiktirafan akan diberikan kepada saya dan UUM dalam setiap penggunaan ilmiah yang boleh dibuat sebarang bahan dalam tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:



## ABSTRAK

Pengguna merupakan salah satu pihak yang memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi dan pemasaran sesebuah negara. Di Malaysia pada masa ini, pelbagai masalah yang timbul kebanyakannya berpunca daripada gelagat pengguna yang dipengaruhi corak penggunaan Barat. Berdasarkan kajian-kajian gelagat pengguna, kajian mengenai niat gelagat sering dijalankan bagi membolehkan para pemasar memahami keperluan dan kehendak pengguna. Dalam kajian niat gelagat pengguna Muslim, para pengkaji juga turut menggunakan teori yang diperkenalkan oleh sarjana Barat. Walaupun al-Quran dan sunnah telah mengariskan konsep gelagat, teori gelagat pengguna Muslim sedia ada masih kurang memberi penekanan terhadap elemen niat. Terdapat juga pengkaji Muslim yang telah membentuk kerangka konseptual berkaitan niat gelagat menurut perspektif Islam, namun mereka kurang memberi perhatian kepada gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Timbul persoalan mengenai apakah konsep niat dan faktor-faktor yang perlu ada dalam mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Justeru, penyelidikan ini bertujuan untuk mentakrifkan konsep dan faktor-faktor yang perlu ada dalam mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim menurut perspektif Islam. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah bersifat kualitatif dengan pendekatan penerokaan. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Hasil kajian mendapati bahawa konsep niat bergelagat menurut perspektif Islam adalah berbeza dengan konsep niat dalam pemikiran Barat. Iman, ilmu, nafsu serta muhasabah telah dikenal pasti sebagai faktor yang diperlukan dalam mempengaruhi niat seseorang pengguna Muslim. Penyelidikan ini menyumbang sebuah kerangka konseptual niat bergelagat menurut perspektif Islam yang boleh digunakan oleh pengkaji niat bergelagat pengguna Muslim pada masa hadapan. Konsep niat dan faktor yang mempengaruhi niat yang telah dikenal pasti adalah penting untuk diterapkan dalam pendidikan kepenggunaan. Hal ini perlu dilakukan untuk mendidik pengguna Muslim agar mengaplikasikan konsep niat menurut Islam dalam aktiviti penggunaan.

**Kata Kunci:** Niat pengguna, Pengguna Muslim, Aktiviti Penggunaan, Nafsu, Muhasabah

## ABSTRACT

Consumers play a vital role in the economic and marketing sectors of a nation. In Malaysia, various issues related to consumer behavior often arise from the influence of Western consumption patterns. Studies on consumer behavior typically focus on behavioral intentions to help marketers better understand the needs and desires of consumers. In the context of Muslim consumers, research on behavioral intention often relies on theories introduced by Western scholars. While the Quran and Sunnah outline concepts of behavior, existing theories of Muslim consumer behavior place limited emphasis on the element of intention. Although some Muslim researchers have developed conceptual frameworks related to behavioral intention from an Islamic perspective, there remains limited attention to Muslim consumer behavior in consumption activities. As a result, questions arise regarding the concept of intention and the factors that influence the behavioral intentions of Muslim consumers in consumption activities from an Islamic perspective. This study aims to define the concept of intention and identify the factors that influence the behavioral intentions of Muslim consumers from an Islamic perspective. The research employs a qualitative design with an exploratory approach, using document analysis and semi-structured interviews for data collection. The findings reveal that the concept of behavioral intention from an Islamic perspective differs from that of Western theories. Four key factors were identified as essential in influencing Muslim consumers' intentions: faith, knowledge, desires (nafs), and self-reflection. This study contributes to the development of a conceptual framework for behavioral intention from an Islamic perspective, which can serve as a guide for future researchers. The identified concept of intention and its influencing factors are also crucial for integration into consumer education, aiming to help Muslim consumers apply the Islamic concept of intention in their daily consumption activities.

**Keywords:** Consumer intention, Muslim consumers, Consumption activities, Desires (nafs), Self-reflection

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga Baginda, para sahabat Baginda dan seluruh umat Islam yang memperjuangkan syariat Islam. Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi taufik dan hidayah-Nya serta nikmat masa dan tenaga kepada penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan sehinggalah penulisan tesis ini selesai dengan jayanya. Semoga Allah SWT melihat usaha penyelidikan ini sebagai ibadah dan segala ilmu yang terkandung dalam tesis ini bakal memberi manfaat kepada *ummah*. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya, penyelidik ingin merakamkan penghargaan buat insan-insan yang berada di sebalik penghasilan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia yang dihormati Dr Mohd Murshidi Mohd Noor dan Prof Madya Dr Syarifah Md Yusof. Segala bentuk tunjuk ajar, kesabaran, motivasi, bimbingan, nasihat, perkongsian ilmu dan pengalaman telah banyak membantu dalam usaha menyiapkan kajian ini. Juga tidak dilupakan kepada para pensyarah dan staf dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua informan yang telah memberi kerjasama yang sangat baik dalam sesi temu bual bagi kajian ini.

Tesis ini turut didedikasikan buat arwah ayahanda Haji Abdullah Ibrahim yang sentiasa memberi semangat dan dorongan, buat bonda Hajjah Che Wan Ahmad yang tidak pernah penat memberi kata-kata semangat dan doa untuk terus menyiapkan kajian ini. Buat anakanda Ahmad Firdaus Mohamad Izham yang tetap sabar bersama-sama mengharung liku perjalanan kajian ini. Dedikasi istimewa buat suami, Mohamad Izham Mohamad Zainal yang terlalu banyak berkorban dan memberi semangat serta dorongan untuk membolehkan kajian ini diselesaikan. Akhir sekali buat semua para guru, sanak saudara, sahabat handai yang telah mendoakan serta memberi semangat hingga perjuangan ini sampai ke penghujung.

Akhir kata, moga semua yang telah terlibat menjayakan kajian ini secara langsung dan tidak langsung dikurniakan ganjaran terindah daripada Allah SWT.

## ISI KANDUNGAN

KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN .....	v
ABSTRAK .....	vi
ABSTRACT .....	vii
PENGHARGAAN .....	viii
ISI KANDUNGAN .....	ix
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Rajah .....	xiv
Senarai Lampiran .....	xv
Senarai Singkatan.....	xvi
BAB SATU .....	1
PENDAHULUAN .....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.3 Penyataan Masalah.....	6
1.4 Persoalan Kajian .....	11
1.5 Objektif Kajian.....	12
1.6 Kepentingan Kajian .....	12
1.7 Skop Kajian.....	13
1.8 Definisi Istilah.....	16
1.9 Struktur Penulisan Kajian .....	18
1.10 Kesimpulan .....	19

BAB DUA.....	20
KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA .....	20
2.1 Pengenalan .....	20
2.2 Kajian Lepas Berkaitan Niat dalam Tingkah Laku Pengguna Muslim .....	21
2.3 Teori Gelagat Pengguna Menurut Perspektif Islam.....	27
2.4 Gelagat Pengguna .....	40
2.4.1 Pengguna.....	45
2.4.2 Penggunaan .....	47
2.5 Niat Menurut Perspektif Barat .....	54
2.5.1 Teori Niat Bergelagat Menurut Perspektif Barat.....	61
2.5.2 Kritikan Terhadap Teori Barat.....	64
2.6 Niat Menurut Perspektif Islam.....	66
2.6.1 Definisi Niat.....	67
2.6.2 Sumber Ilmu Niat.....	69
2.6.3 Fungsi dan Kepentingan Niat.....	76
2.6.4 Tahap Niat .....	78
2.6.5 Jenis Niat.....	81
2.7 Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat Bergelagat.....	83
2.7.1 Keagamaan.....	86
2.7.2 Pengetahuan .....	89
2.8 Kerangka Konseptual Kajian .....	91
2.9 Kesimpulan .....	92

BAB TIGA.....	94
METODOLOGI KAJIAN.....	94
3.1 Pengenalan .....	94
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	94
3.3 Pembentukan Tema Awal Kajian .....	99
3.4 Sumber Data dan Kaedah Pengumpulan Data.....	100
3.5 Sampel dan Prosedur Persampelan .....	100
3.6 Pembentukan Protokol Temu Bual .....	102
3.7 Kajian Rintis .....	105
3.8 Kajian Lapangan .....	106
3.9 Kaedah Menganalisis Data .....	108
3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian.....	113
3.11 Kesimpulan .....	115
BAB EMPAT.....	117
DAPATAN DAN PERBINCANGAN.....	117
4.1 Pengenalan.....	117
4.2 Konsep Niat Bagi Gelagat Pengguna Menurut Perspektif Islam.....	118
4.2.1 Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan .....	119
4.2.2 Cara Berniat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam.	128
4.2.3 Kesan Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam ...	150
4.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam.....	156

4.3.1	Iman .....	158
4.3.2	Ilmu .....	168
4.3.3	Nafsu .....	194
4.3.4	Muhasabah .....	200
4.4	Hubungan antara Iman, Ilmu, Nafsu, Niat, Tindakan dan Muhasabah.....	203
4.5	Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna untuk Pengguna Muslim dalam Aktiviti Penggunaan.....	209
4.6	Kesimpulan .....	215
BAB LIMA .....		218
KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP .....		218
5.1	Pengenalan .....	218
5.2	Gambaran Ringkas Kajian.....	218
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian.....	220
5.4	Implikasi Kajian.....	222
5.4.1	Implikasi Teoretikal.....	222
5.4.2	Implikasi Praktikal .....	224
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	226
5.6	Kesimpulan .....	230
RUJUKAN.....		232
LAMPIRAN.....		246

## Senarai Jadual

Jadual 1.3	Punca Teori Barat Tidak Sesuai dalam Mengkaji Gelagat Muslim.	8
Jadual 2.3 (a)	Ringkasan Pandangan dalam Teori Gelagat Pengguna Muslim oleh Sarjana Ekonomi Islam.	27 - 29
Jadual 2.3 (b)	Corak Penggunaan dan Tahap Kebahagiaan	37
Jadual 2.4.2	Perbandingan Penggunaan Menurut Perspektif Islam dan Barat	50
Jadual 2.5.1	Teori dan Model Barat yang Mempunyai Elemen Niat	63
Jadual 2.6.3	Pendapat Berkaitan Fungsi dan Kepentingan Niat	76
Jadual 2.7	Ringkasan Kajian-kajian Lepas	84 - 86
Jadual 3.3	Senarai Tema Awal Kajian	99
Jadual 3.6	Pembentukan Protokol Temu Bual	103 - 105
Jadual 3.9	Informan dan Jadual Perjalanan Sesi Temu Bual	107
Jadual 4.2.1	Hasil Dapatan Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan dan Manfaatnya	119
Jadual 4.2.2 (a)	Tujuan Sesuatu Gelagat dan Kesannya	132
Jadual 4.2.2 (b)	Kategori Niat dan Pecahan Niat Bercampur Aduk Pandangan Imam Al-Ghazali	142
Jadual 4.2.2 (c)	Hasil Dapatan Cara Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam	150
Jadual 4.2.3	Hasil Dapatan Kesan Niat dalam Aktiviti Penggunaan	151
Jadual 4.3	Hasil Dapatan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Niat	158
Jadual 5.5	Cadangan Soal Selidik	227 - 228

## Senarai Rajah

Rajah 2.2 (a)	Kerangka Konseptual Niat Bertingkah Laku Berteraskan Islam	22
Rajah 2.2 (b)	Lima Kategori Ayat Al-Quran Berkaitan Niat	24
Rajah 2.2 (c)	Konsep Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan	26
Rajah 2.3 (a)	Model Bergelagat Al-Ghazali	27-29
Rajah 2.3 (b)	Teori Gelagat Pengguna Muslim (Islamic Theory of Consumer Behaviour- ITCB).	40
Rajah 2.8	Kerangka Konseptual Awal Kajian	92
Rajah 3.2	Proses Pelaksanaan Kajian	98
Rajah 3.9	Model Penganalisan Data	111
Rajah 3.9.2 (a)	Contoh Data Temu Bual yang Telah Dianalisis.	112
Rajah 3.9.2 (b)	Contoh Hasil Temu Bual yang Telah Dianalisis.	112
Rajah 3.11	Elemen Penting dalam Metodologi.	116
Rajah 4.2	Tema Bagi Objektif Pertama	118
Rajah 4.2.1	Subtema Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan	122
Rajah 4.2.2	Cara Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam	150
Rajah 4.3.1	Tahap Iman	161
Rajah 4.3.2 (a)	Ilmu yang Diperlukan oleh Pengguna Muslim	193
Rajah 4.3.2 (b)	Tahap Keperluan yang Pengguna Muslim Perlu Ikuti.	193
Rajah 4.3.3	Tahap Nafsu	199
Rajah 4.5 (a)	Ketidak Sesuaian Teori Niat Bergelagat Barat	213
Rajah 4.5 (b)	Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna dalam Aktiviti Penggunaan Menurut	214
Rajah 4.5 (c)	Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam	214
Rajah 4.5 (d)	Tahap Iman, Kategori Ilmu dan Tahap Nafsu	215

## Senarai Lampiran

Lampiran A : Soalan Temu Bual	246-248
Lampiran B : Surat Kebenaran Mengadakan Temu Bual	249
Lampiran C : Pengesahan Dapatan oleh Pakar 1	250-251
Lampiran D : Pengesahan Dapatan oleh Pakar 2	252-253



## Senarai Singkatan

ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
ITCB	<i>Islamic theory of consumer behaviour</i>
NKA	Niat kerana Allah SWT.
NKA	Niat selain Allah SWT
PPIM	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
TPB	<i>Theory of Planned Behaviour</i>
TRA	<i>Theory of Reasoned Action</i>
TVET	Pelajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional



# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Penghuraian dalam Bab Satu ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian. Bab ini juga dikenali sebagai bab pengenalan, turut menerangkan tentang kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi istilah serta organisasi tesis. Bab ini penting bagi memahami masalah serta objektif yang telah mendorong penyelidikan ini dijalankan serta untuk memahami perjalanan kajian.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Sebagai agama yang sempurna, Islam telah memberikan garis panduan dalam setiap gelagat seharian seorang Muslim. Termasuklah panduan dalam aktiviti seharian seperti berbelanja, makan minum, berpakaian dan sebagainya. Seperti firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

*Terjemahan: “Dan mereka (yang diredhai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.*

*(al-Furqan 25:67)*

Al-Zuhaili (2013) dan Ibn Kathir (2017) telah mengupas ayat ini dengan menjelaskan setiap Muslim perlulah bersederhana dalam berinfak atau berbelanja. Bersederhana bermaksud tidak memboros, dan tidak kedekut. Berdasarkan kupasan ayat ini oleh al-Zuhaili (2013), sikap bersederhana dalam berbelanja juga adalah salah satu ciri *ibadurrahman*. Ciri-ciri *ibadurrahman* adalah seorang hamba Allah SWT yang layak mendapat rahmat-Nya (al-Qardawi, 2009). Ciri-ciri *ibadurrahman* telah dinyatakan dalam ayat 63-74 surah al-Furqan.

Tambahan lagi, sebagai seorang Muslim setiap gelagat seharian yang dijalankan seharusnya membawa manfaat dunia dan akhirat. Termasuklah dalam memenuhi keperluan seharian seperti berbelanja, makan, minum, berpakaian dan sebagainya.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:



*Terjemahan: "Dan (ingatlah) Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku".*

*(az-Zariyat 51:56)*

Menurut Ibn Kathir (2017), setiap manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepada Allah SWT. Ibadat yang dimaksudkan tidaklah hanya ibadat khusus seperti solat dan puasa, bahkan gelagat seharian seperti berbelanja, makan minum dan sebagainya juga termasuk dalam gelagat yang boleh menjadi ibadat. Sebagaimana yang telah dibincangkan oleh al-Ghazali (1981), setiap gelagat seharian atau perkara *mubah*, boleh menjadi ibadat sekiranya disertakan dengan niat yang betul.

Niat adalah sesuatu yang penting dalam setiap gelagat seorang Muslim. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ<sup>1</sup>.

*Terjemahan: “Sesungguhnya setiap amal tergantung kepada niat. Dan pahala bagi setiap orang yang beramal diberikan sesuai dengan apa yang diniatkannya. Siapa yang hijrah dengan niat kerana hendak memperoleh keredhaan Allah dan RasulNya, maka pahalanya ada di sisi Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrah dengan niat hendak memperoleh harta kekayaan (kebanggaan duniawi) atau dengan niat hendak mengahwini seorang perempuan yang dicintainya, maka pahala hijrahnya sesuai dengan niatnya pula”.*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

Hadis ini menjelaskan setiap gelagat seorang individu akan dinilai berdasarkan niatnya. Sekiranya baik dan betul niatnya, maka setiap gelagat yang lahir daripada niat tersebut adalah berpotensi menjadi gelagat yang baik juga. Hadis ini telah diriwayatkan oleh dua orang imam hadis terkemuka, iaitu Abu Abdillah Muhammad bin Ismail, atau dikenali sebagai Imam Bukhari dan Abulhusain Muslim bin Alhajjaj bin Muslim Alqusyairi Annaisaburi atau dikenali sebagai Imam Muslim.

Hadis ini disabdakan oleh Baginda Rasulullah SAW ketika peristiwa hijrah, disebabkan terdapat pemuda yang tujuan utama hijrahnya adalah untuk menikahi seorang wanita. Menurut al-Nawawi (1984) oleh kerana niatnya tidak ikhlas dalam berhijrah ke Madinah, maka pahala hijrah bagi pemuda tersebut adalah kosong.

---

<sup>1</sup> Al-Bukhāri, Bad-ul Wahyi, Kayfa Kāna Bad-ul Wahyi 'Ilā Rasulillahi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, hadith 1, daripada Umar bin al-Khattab.

Walaupun tujuan hadis ini adalah untuk peristiwa hijrah, namun para imam mujtahidin berpendapat bahawa setiap gelagat yang disertakan dengan niat kerana Allah SWT akan mendapat ganjaran pahala.

Al-Nawawi (1984) turut menjelaskan hadis ini juga sesuai digunakan dalam gelagat yang bersifat *mubah* dalam kehidupan seharian. Kepentingan niat dalam gelagat seharian adalah untuk membolehkan setiap gelagat tersebut mendapat ganjaran pahala jika disertakan dengan niat. Seperti kisah dalam hadis hijrah tadi, betapa ruginya seorang yang telah berhijrah namun tidak diniatkan kerana Allah SWT, maka tiada pahala hijrah baginya.

Seterusnya, kepentingan niat juga turut disebutkan dalam al-Quran. Walaupun tidak disebut dengan jelas menggunakan perkataan niat, namun terdapat beberapa perkataan dalam al-Quran yang menggambarkan tentang kepentingan dan keperluan berniat dalam sesuatu gelagat (Othman, 2018). Misalnya ayat 265 surah al-Baqarah, telah menjelaskan keperluan niat dalam gelagat berbelanja:

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ  
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَاتَتْهُ أَكْثَرُهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ  
فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

*Terjemahan: "Perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan untuk mengukuhkan (keimanan) mereka itu seperti sebuah kebun di dataran tinggi yang disirami hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buah dua kali ganda banyaknya. Jika hujan tidak turun menyiraminya, embun atau gerimis pun (sudah memadai). Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu lakukan".*

*(al-Baqarah 2:265)*

Ayat ini menjelaskan keperluan untuk seseorang berniat kerana Allah SWT dalam setiap gelagat yang melibatkan pembelanjaan hartanya. Seseorang yang tidak berniat akan mengalami kerugian, sebaliknya seseorang yang berniat gelagatnya kerana Allah SWT akan mendapat ganjaran dan manfaat daripada Allah SWT (al-Zuhaili, 2013; Ibn Kathir, 2017). Ibn Kathir (2017) mengukuhkan lagi penjelasan berkaitan kepentingan niat dalam bergelagat ini dengan menjelaskan bahawa setiap gelagat seorang manusia sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT dan akan diberikan ganjaran walaupun gelagat yang remeh pada pandangan manusia. Allah SWT tidak pernah mengabaikan setiap gelagat yang dilakukan dengan tujuan kerana-Nya walaupun hanya dalam aktiviti memenuhi keperluan seharian. Firman Allah SWT:



Tambahan lagi, Salleh (1990) telah menjelaskan semua manusia telah dianugerahkan sumber untuk memenuhi keperluan hidup oleh Allah SWT. Namun, sebagai seorang Muslim tidak boleh menggunakan setiap sumber yang dikurniakan sesuka hati. Setiap Muslim perlulah mematuhi segala perintah dan larangan-Nya, di samping setiap gelagat yang dilakukan perlulah ikhlas kerana Allah SWT serta mengawal keinginan nafsu dengan iman dan ilmu. Beliau menyandarkan penjelasan ini kepada firman Allah SWT:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا

وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

*Terjemahan: “Dan kami berfirman, “Wahai Adam, tinggallah kamu dan isterimu di syurga dan makanlah apa-apa sahaja makanan yang kamu sukai sepuas-puasnya dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu hampirinya), jika tidak jadilah kamu daripada golongan orang yang zalim!”*

*(al-Baqarah 2:35)*

Berdasarkan perbincangan ini menunjukkan bahawa niat penting dalam gelagat penggunaan. Hal ini demikian kerana al-Qardawi (2018) dan al-Zuhaili (2010) turut menyatakan setiap tindakan seharian perlu dilakukan dengan niat kerana Allah SWT bagi memperolehi manfaat dunia dan akhirat. Bahkan terdapat ilmuan yang telah memberikan contoh niat-niat yang boleh dipelbagaikan dalam beberapa gelagat penggunaan untuk panduan pengguna Muslim untuk membantu mereka untuk berniat dalam setiap gelagat seharian (Alkaf, 2013; Ibn 'Alwi Alaydrus, 2023; Musthafa, 2010).

### 1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan perbincangan dalam latar belakang kajian, niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam amat penting. Namun, kebanyakan kajian oleh para penyelidik Muslim berkaitan niat bergelagat adalah menggunakan teori-teori niat bergelagat yang diperkenalkan oleh sarjana Barat (Ahmad Najib, 2019; Mokhtar, 2018; Othman, 2018). Niat bergelagat individu Muslim dalam perihal keagamaan turut menggunakan teori yang dipelopori oleh sarjana Barat (Ahmad Najib, 2019).

Kebanyakan pengkaji lepas menggunakan *Theory of Planned Behaviour* (TPB) atau *Theory of Reasoned Action* (TRA) untuk mengkaji niat gelagat pengguna, termasuklah dalam mengkaji niat gelagat pengguna Muslim (Junaidi, 2021). Sepertimana yang dinyatakan oleh Ahmad Najib (2019), pengkaji Muslim telah menggunakan teori Barat untuk mengkaji gelagat Muslim dalam melaksanakan tuntutan hukum hakam Islam seperti berzakat, berwakaf, pemilihan produk halal dan sebagainya. Hal ini didapati bertentangan dengan pandangan beberapa pengkaji Muslim yang menegaskan tentang ketidaksesuaian penggunaan teori Barat dalam mengkaji niat gelagat pengguna Muslim (Adnan, 2011; Adnan et al., 2017; Ahmad Najib, 2019, 2022; Basarud-din & Abu Bakar, 2019 ; Mokhtar, 2018; Othman, 2018).

Pengkaji-pengkaji yang menolak penggunaan teori Barat tersebut memberikan beberapa alasan. Pertama, teori Barat tidak menepati syariat Islam (Adnan, 2011; Adnan et al., 2017; Ahmad Najib, 2019:2022; Basarud-din & Abu Bakar (2019); Mokhtar, 2019; Othman, 2018). Kedua, konsep niat menurut Barat tidak selari dengan ajaran Islam serta faktor yang mempengaruhi niat tidak selari dengan ajaran Islam (Ahmad Najib, 2019; Basarud-din & Abu Bakar, 2019; Mokhtar, 2019). Seterusnya, teori Barat tidak mempunyai unsur mendidik dan menyelesaikan masalah sosial (Abdul Razak & Mohd Dali, 2012; Adnan, 2011; Adnan et al., 2017; Basarud-din & Abu Bakar, 2019). Jadual 1.3 meringkaskan tentang punca ditolak teori niat bergelagat menurut perspektif Barat oleh beberapa pengkaji Muslim yang lalu.

Jadual 1.3

*Punca Teori Barat Tidak Sesuai dalam Mengkaji Gelagat Muslim.*

<b>Punca teori Barat ditolak</b>	<b>Pendapat</b>
Tidak menepati syariat Islam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Adnan (2011)</li> <li>- Adnan et al. (2017)</li> <li>- Ahmad Najib (2019, 2022)</li> <li>- Basarud-din &amp; Abu Bakar (2019)</li> <li>- Mokthar (2019)</li> <li>- Othman (2018)</li> </ul>
Konsep niat tidak selari dengan ajaran Islam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ahmad Najib (2019)</li> <li>- Basarud-din &amp; Abu Bakar (2019)</li> <li>- Mokthar (2019)</li> </ul>
Faktor yang mempengaruhi niat tidak selari dengan ajaran Islam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ahmad Najib (2019)</li> <li>- Mokthar (2019)</li> </ul>
Tidak mempunyai unsur mendidik dan menyelesaikan masalah sosial.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Abdul Razak &amp; Mohd Dali (2012)</li> <li>- Adnan (2011)</li> <li>- Adnan et al. (2017)</li> <li>- Basarud-din &amp; Abu Bakar (2019)</li> </ul>

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Teori Barat tidak menepati syariat Islam dalam bergelagat kerana mereka menolak konsep ketuhanan dan ajaran dalam Islam. Seperti dinyatakan oleh Ahmad Najib (2019) dan Othman (2018), Barat menolak kefahaman bahawa setiap tindakan manusia diperhatikan Allah SWT dan dicatat oleh malaikat, tidak menyentuh elemen dosa pahala dan keredaan Allah SWT, serta tidak menyentuh perihal iman, amal dan akhlak. Ahmad Najib (2022) turut menyatakan teori Barat tidak berpandukan kepada al-Quran dan sunnah, malah lebih kepada pandangan manusia semata-mata.

Berdasarkan konsep teori Barat, setiap individu bebas bertindak dengan apa juga gelagat tanpa sebarang garis panduan dan tidak mempertimbangkan konsep halal dan haram (Ahmad Najib, 2019; Basarud-din & Abu Bakar 2019; Othman, 2019). Tambahan lagi, Adnan (2011) menyatakan Barat juga mementingkan material dan berpandangan kepuasan nafsu perlu dipenuhi.

Seterusnya, teori Barat tidak sesuai untuk pengguna Muslim kerana konsep niat yang berbeza. Ahmad Najib (2019) menyatakan teori niat Barat tidak menjelaskan proses terjadinya niat dengan terperinci, bahkan konsep niat hanya sekadar untuk menjelaskan adanya niat atau tujuan untuk memilih atau bertindak dalam sesuatu perkara. Hal ini berbeza dengan konsep niat Islam yang menekankan tujuan utama, iaitu untuk mendapat keredaan Allah SWT. Niat dalam sudut pandang Islam juga lengkap dengan tatacara dan parameter tersendiri, serta mengambil kira manfaat duniawi dan ukhrawi.

Faktor yang mempengaruhi niat bergelagat yang dipopularkan oleh Barat juga tidak sesuai dengan ajaran Islam. Hal ini demikian kerana seperti yang dijelaskan oleh Othman (2019), niat perlu dipengaruhi oleh ilmu agama untuk memastikan setiap niat dan seterusnya gelagat seseorang berada dalam lingkungan syarak. Beliau turut menyatakan, konsep dipengaruhi oleh orang lain atau persekitaran adalah tidak menepati konsep ikhlas dalam Islam.

Punca terakhir mengapa teori Barat tidak sesuai untuk digunakan dalam konteks kajian niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam adalah kerana teori-teori tersebut tidak mengandungi unsur mendidik dan menyelesaikan masalah sosial yang relevan dengan nilai-nilai Islam. Misalnya, *Theory of Planned Behaviour* (TPB) dan *Theory of Reasoned Action* (TRA), sering kali berfokus pada aspek psikologi individu dan keberkesanan tingkah laku tanpa mempertimbangkan dimensi moral atau etika yang penting dalam Islam (Ahmad Najib, 2019; Basarud-din & Abu Bakar, 2019).

Berbeza dengan pendekatan ini, ajaran Islam terlebih dahulu memperingatkan seorang Muslim agar menjauhkan diri daripada perkara yang tidak bermanfaat, pembaziran, dan perkara haram. Misalnya, Abdul Razak dan Mohd Dali (2012) telah menekankan bahawa konsep perbelanjaan Islam bertujuan untuk mengelakkan inflasi dan pembaziran, telah menunjukkan bagaimana nilai-nilai Islam dapat menangani isu-isu ekonomi dan sosial dengan lebih holistik.

Bukti terdapatnya pengguna Muslim tidak menepati konsep penggunaan Islam adalah seperti berikut. Pertama, Mohd Noor (2024) menyatakan sudah menjadi suatu perkara biasa fenomena kini pengguna Muslim membeli belah secara berlebihan dan membeli sesuatu yang tidak diperlukan. Pengguna kini juga telah terpengaruh dengan konsep ekonomi kapitalis yang bersifat materialisme yang membawa kepada corak perbelanjaan yang berlebihan dan membazir (Mohd Noor, 2024). Abdullah et al. (2022) pula melaporkan majoriti individu yang disenaraikan sebagai *mufflis* di Malaysia adalah dalam kalangan umat Islam. Manakala Sajahan et al. (2021) menyatakan pembaziran makanan dalam negara-negara membangun telah menjadi isu global, dan isu ini turut melibatkan negara-negara Islam. Selain itu, saban tahun akhbar-akhbar tempatan melaporkan isu-isu pembaziran makanan terutamanya pada musim-musim perayaan dan bulan Ramadan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah untuk mengkaji konsep niat bagi gelagat penggunaan dan mengkaji faktor yang mempengaruhi niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Seterusnya membentuk kerangka konseptual niat bergelagat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Kajian ini juga adalah bagi memenuhi kelompongan yang telah dinyatakan oleh Adnan et al. (2017); Ahmad

Najib (2019); Puteri et al. (2022) dan Sholihin (2023). Adnan et al. (2017) menyatakan telah ada pelbagai teori dan model gelagat pengguna, namun masih belum mampu memenuhi gelagat pengguna yang menepati syariat Islam secara menyeluruh.

Seterusnya, Puteri et al. (2022) berpendapat bahawa pembolehubah-pembolehubah daripada perspektif Islam dalam kajian niat gelagat pengguna Muslim masih belum sempurna dan memerlukan kajian berterusan untuk mendapatkan teori atau model yang sempurna dalam mengkaji niat gelagat pengguna Muslim dalam memilih sesuatu produk atau perkhidmatan. Hal ini disokong oleh Sholihin (2023) yang menyatakan masih terdapat kekurangan dalam teori yang mengkaji gelagat pengguna Muslim membuatkan kajian-kajian berkaitan gelagat pengguna Muslim masih menggunakan *Theory Planned Behaviour* (TPB).

Bagi membolehkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam dibentuk, terlebih dahulu kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti konsep niat dan faktor mempengaruhi niat pengguna bergelagat menurut perspektif Islam.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan isu dan permasalahan yang dibincangkan, maka timbul persoalan seperti berikut:

- 1) Apakah konsep niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?

- 2) Apakah faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?
- 3) Bagaimanakah membangunkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?

### **1.5 Objektif Kajian**

Bagi menjawab persoalan kajian, tiga objektif kajian ditetapkan seperti berikut:

- 1) Menjelaskan konsep niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.
- 2) Meneroka faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.
- 3) Membangunkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini akan menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Daripada sudut teori, kajian ini boleh menjadi sumber rujukan bagi penulisan dan karya khususnya berkaitan niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan.

Hal ini demikian kerana kajian-kajian terdahulu dalam bidang niat gelagat pengguna mengaplikasikan teori niat bertingkah laku yang diperkenalkan oleh sarjana Barat. Namun, daripada beberapa pandangan pengkaji-pengkaji lepas menyatakan ketidaksesuaian niat gelagat pengguna Muslim dikaji menggunakan teori Barat. Oleh itu, kajian ini penting bagi membangunkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Kajian ini juga penting bagi memahami konsep niat yang betul menurut perspektif Islam dalam aktiviti-aktiviti seharian, khususnya dalam aktiviti penggunaan. Hal ini demikian kerana dengan memahami konsep niat yang betul secara tidak langsung akan melahirkan tindakan yang betul dan menepati syariat Islam. Di samping itu, penting juga untuk mengetahui faktor-faktor yang seharusnya mempengaruhi niat seorang pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Supaya niat pengguna Muslim tidak terpengaruh oleh faktor yang tidak sepatut. Misalnya terpengaruh oleh orang sekeliling yang berlumba-lumba mengamalkan budaya kehidupan mewah.

Akhirnya, kajian ini penting untuk memberi sudut pandangan yang tepat dan berlandaskan Islam terhadap konsep berniat yang sebenar dalam aktiviti seharian, khususnya aktiviti penggunaan.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini adalah memfokuskan kepada pembangunan kerangka konseptual niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Konsep niat menurut perspektif Islam menjadi fokus utama kerana ianya berbeza

dengan konsep niat yang diterapkan dalam pendekatan Barat. Menurut perspektif Islam, niat tidak hanya berkait dengan matlamat akhir tetapi juga dengan elemen rohani, kesedaran diri, dan kesediaan individu untuk mencapai keredaan Allah SWT dalam setiap tindakan. Perkara ini berbeza dengan konsep niat menurut perspektif Barat yang lebih bersifat rasional dan berasaskan manfaat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami konsep niat dan faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Skop kajian adalah apa yang telah kajian ini fokuskan. Terdapat tiga batasan kajian, iaitu batasan subjek kajian, batasan sumber kajian dan batasan analisis. Subjek kajian ini terhad kepada mengenal pasti secara menyeluruh konsep niat gelagat pengguna daripada perspektif Islam dalam aktiviti penggunaan sahaja. Sumber kajian diperoleh melalui analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur, namun dokumen-dokumen yang dianalisis tidak menyeluruh kerana hanya merangkumi karya beberapa ulama Islam terpilih dan beberapa karya yang berkaitan dengan niat. Temu bual pula hanya melibatkan lima orang informan, yang mungkin menghadkan pandangan yang lebih luas mengenai topik ini. Bagi sudut analisis, kajian ini hanya melibatkan analisis kandungan dengan tumpuan untuk menganalisis konsep niat dan faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Dapatan kajian ini hanya menumpukan perbincangan kepada faktor dalaman yang mempengaruhi niat berkelakuan, seperti iman, ilmu, dan nafsu, tanpa mengambil kira faktor luaran seperti promosi, harga, kualiti produk, dan aspek lain yang berkaitan. Selain itu, kajian ini hanya menghasilkan sebuah kerangka konseptual serta

mencadangkan instrumen soal selidik yang boleh digunakan oleh penyelidik masa hadapan. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak menjalankan kajian empirikal yang melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik.

Seterusnya bagi memenuhi objektif ketiga, penyelidik memilih untuk membentuk kerangka konseptual dan bukannya model. Hal ini kerana kerangka konseptual membolehkan penyelidikan memberi tumpuan kepada hubungan yang lebih fleksibel antara elemen-elemen yang terlibat, berbanding model yang memerlukan hubungan statistik atau struktur yang lebih terperinci. Justeru, kerangka konseptual adalah lebih sesuai untuk kajian kualitatif kerana mampu memberi ruang kepada penerokaan yang tidak terhad kepada hipotesis atau pemboleh ubah yang perlu diuji secara statistik (Ali & Gibbs, 1998; Ravitch & Riggan, 2017).

Pemilihan kerangka konseptual berbanding model dalam kajian ini juga kerana kajian ini tidak menilai hubungan antara pemboleh ubah tetapi bertujuan memahami intipati konsep niat dan faktor mempengaruhi niat menurut perspektif Islam secara komprehensif. Sebagai contoh, elemen iman, ilmu dan nafsu mungkin tidak dapat dinilai atau diukur secara kuantitatif melalui model sedia ada tetapi dapat difahami melalui analisis mendalam dalam kerangka konseptual yang diterapkan dalam kajian ini. Kerangka konseptual ini membolehkan penjelasan yang lebih holistik dan bersifat terbuka terhadap aspek-aspek ajaran Islam. Perkara ini sesuai dengan matlamat kajian yang ingin mengemukakan pandangan menyeluruh mengenai niat gelagat pengguna Muslim, termasuk kesedaran untuk bermuhasabah yang tidak hanya merangkumi aspek fizikal tetapi termasuk juga aspek rohani dan moral.

## 1.8 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini bertujuan menjelaskan maksud atau makna mengikut konteks kajian. Tujuan istilah ini digunakan untuk memudahkan pembaca memahami maksud yang disampaikan oleh penyelidik bagi mengelakkan kekeliruan. Istilah-istilah tersebut adalah pembangunan kerangka konseptual, niat gelagat pengguna dan perspektif Islam.

### *i. Pembangunan kerangka konseptual*

Kerangka konseptual adalah sesuatu yang digunakan sebagai panduan untuk membentuk sesuatu keadaan atau situasi. Misalnya, Abd Samad et al. (2019) telah membangunkan kerangka konseptual untuk panduan pelajar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) dalam memilih kerjaya selepas tamat pengajian. Justeru itu, kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka konseptual niat bergelagat untuk pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Kerangka konseptual yang telah dibina oleh pengkaji dengan harapan boleh digunakan kerangka konseptual tersebut untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian seorang pengguna Muslim. Kerangka konseptual kajian ini menjelaskan niat mempengaruhi tindakan seorang pengguna Muslim, dan niat pula dipengaruhi oleh beberapa perkara. Berdasarkan dapatan kajian iman, ilmu, nafsu dan muhasabah merupakan faktor yang perlu ada pada pengguna Muslim bagi membentuk niat dan tindakan yang boleh mencapai keredaan Allah SWT.

## *ii. Niat gelagat pengguna*

Niat didefinisikan sebagai maksud atau tujuan sesuatu perbuatan, ingatan dalam hati juga kehendak untuk melakukan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Niat dalam konteks kajian ini adalah sesuatu yang mempengaruhi gelagat seseorang pengguna bertindak dalam aktiviti penggunaan.

Pengguna adalah seseorang yang membeli atau menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan. Paim dan Masud (2003) menerangkan daripada sudut ekonomi dan membuat kesimpulan bahawa pengguna adalah semua orang yang menggunakan produk dan perkhidmatan, daripada bayi hinggalah orang tua. Nooh dan Ab.Aziz (2018) pula berpendapat pengguna merujuk kepada individu atau isi rumah yang menggunakan barangan dan perkhidmatan yang telah dihasilkan dalam pasaran. Menurut Yahaya dan Othman (2002), pengguna adalah pihak yang mempengaruhi kitaran penawaran dan permintaan dalam ekonomi sesebuah negara.

Oleh yang demikian, niat gelagat pengguna dalam kajian ini merujuk kepada tujuan seseorang pengguna Muslim bergelagat dalam aktiviti penggunaan. Misalnya niat pengguna dalam pengambilan makanan.

## *iii. Perspektif Islam*

Islam sebuah agama yang syumul dan universal sesuai untuk semua lapisan masyarakat, tidak mengira bangsa dan pangkat. Islam mempunyai garis panduan dalam keseluruhan kehidupan seharian. Bukan sekadar panduan untuk ibadat khusus

seperti solat, puasa dan haji bahkan semua aktiviti harian. Panduan utama ajaran Islam adalah al-Quran dan sunnah.

Perspektif Islam merujuk kepada sudut pandang yang didasarkan pada ajaran dan nilai-nilai Islam. Oleh itu, kajian ini membincangkan konsep niat dan faktor-faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan daripada sudut pandang ajaran Islam.

### **1.9 Struktur Penulisan Kajian**

Secara keseluruhan, kajian ini terbahagi kepada lima bab. Bab Satu merupakan bab yang menerangkan berkaitan latar belakang kajian yang mengandungi isu-isu berkaitan kajian dan pernyataan masalah yang akan diselesaikan dalam kajian ini. Terdapat juga persoalan kajian dan objektif kajian yang terbentuk daripada pernyataan masalah. Seterusnya, Bab Satu juga mengandungi skop dan batasan kajian, definisi istilah yang menerangkan istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

Bab Dua merupakan ulasan terhadap kajian lepas dan sorotan karya berkaitan niat pengguna bergelagat. Terdapat perbincangan mengenai gelagat pengguna, niat menurut perspektif Barat, model serta teori gelagat pengguna daripada perspektif Islam, konsep niat bergelagat menurut perspektif Islam dan faktor mempengaruhi niat bergelagat.

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini dibincangkan dalam Bab Tiga. Antara yang dibincangkan dalam metodologi kajian adalah reka bentuk kajian, populasi dan teknik persampelan, prosedur pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Seterusnya, Bab Empat mengupas tentang dapatan kajian yang disusun mengikut persoalan dan objektif kajian. Kesimpulan dan cadangan kajian akan dibincangkan di bahagian akhir kajian, iaitu dalam Bab Lima.

### **1.10 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, bab ini menghuraikan pendahuluan kajian yang meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah dan struktur penulisan kajian. Bab ini turut menghuraikan secara umum bagaimana isu permasalahan timbul dan keperluan permasalahan tersebut ditangani. Bab ini sangat penting dalam membuka laluan utama perjalanan penyelidikan ini agar ianya lebih tersusun dan objektif kajian dapat dicapai.

## BAB DUA

### KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

#### 2.1 Pengenalan

Bab Kedua dalam kajian ini memfokuskan kepada kajian lepas dan ulasan karya yang berkaitan dengan niat gelagat pengguna, model dan teori gelagat, serta faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna. Ulasan karya ini penting untuk mengenal pasti jurang pengetahuan dalam literatur sedia ada dan menyokong pembentukan kerangka konseptual yang sesuai untuk mengkaji niat dan gelagat pengguna Muslim.

Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan perbincangan mengenai kajian lepas berkaitan niat dalam tingkah laku pengguna Muslim, yang relevan dengan objektif kajian ini kerana ia membantu mengenal pasti faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna Muslim, serta membentuk asas teori yang kukuh untuk kerangka konseptual.

Diikuti dengan perbincangan mengenai teori gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Seterusnya perbincangan ulasan karya berkaitan gelagat pengguna, serta konsep asas pengguna dan penggunaan.

Seterusnya perbincangan diteruskan dengan membincangkan tentang niat menurut perspektif Barat dan ketidaksesuaian penggunaan teori niat Barat dalam mengkaji gelagat pengguna Muslim, seperti pengabaian faktor keagamaan dan nilai-nilai spiritual yang menjadi dasar dalam kehidupan pengguna Muslim. Tidak ketinggal niat menurut perspektif Islam turut dibincangkan. Antara yang dibincangkan dalam niat menurut perspektif Islam adalah definisi, sumber ilmu, fungsi dan kepentingan, tahap

serta jenis niat. Perbincangan seterusnya merangkumi kajian-kajian lepas berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi niat bergelagat. Hasil daripada analisis mendalam terhadap kajian-kajian ini dan ulasan karya, kerangka konseptual awal kajian ini dibentuk berdasarkan gabungan penemuan dan jurang literatur yang dikenal pasti.

Bab ini diakhiri dengan kesimpulan yang merumuskan dapatan utama daripada ulasan karya, termasuk kepentingan niat dalam gelagat pengguna Muslim dan justifikasi pembentukan kerangka konseptual kajian ini.


## **2.2 Kajian Lepas Berkaitan Niat dalam Tingkah Laku Pengguna Muslim**

Konsep niat dalam bergelagat telah dibincangkan oleh beberapa pengkaji lepas. Konsep niat dibincang dalam gelagat seharian secara umum (Ahmad Najib, 2019), dalam gelagat berzakat (Othman, 2018) dan berwakaf (Mokhtar, 2018). Ketiga-tiga pengkaji tidak fokus kepada niat dalam aktiviti penggunaan secara khusus.

Ahmad Najib (2019) telah merumuskan kerangka konseptual niat bergelagat menurut perspektif Islam serta menganalisis kesesuaian Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) digunakan untuk kajian melibatkan gelagat Muslim. Dalam kajian tersebut, Ahmad Najib (2019) membuat perbandingan antara konsep niat menurut perspektif Islam dan Barat dilakukan. Kajian dijalankan menggunakan metodologi kualitatif, dengan menggunakan kaedah penerokaan. Data kajian diperolehi menerusi analisis dokumen sahaja.

Hasil kajian Ahmad Najib (2019) mendapati TPB tidak sesuai digunakan untuk mengkaji niat bergelagat dalam kalangan Muslim. Hal ini demikian kerana konsep niat dalam TPB tidak selari dengan ajaran Islam. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi niat seorang Muslim adalah ingin mencapai keredaan Allah SWT. Dapatan tersebut membuktikan niat mempengaruhi gelagat seorang Muslim, dan setiap gelagat yang dilakukan perlulah mengikut hukum syarak yang telah ditetapkan. Di samping itu, tatacara berniat dan parameter niat juga turut dibincangkan oleh Ahmad Najib (2019).

Rajah 2.2 (a) menunjukkan kerangka konseptual kajian Ahmad Najib (2019). Daripada hasil kajian tersebut didapati terdapat kelompongan dan timbul persoalan kepada penyelidik. Persoalan yang ingin dibangkitkan oleh penyelidik adalah bagaimana cara untuk mencapai reda Allah SWT dalam niat bergelagat. Selain mencapai reda Allah SWT, apakah faktor yang mempengaruhi niat seorang Muslim. Hal ini demikian kerana Imam al-Ghazali ada menjelaskan bahawa niat mempengaruhi sesuatu tindakan dan niat itu juga ada pengaruhnya tersendiri (al-Ghazali, 2016).



Rajah 2.2 (a)  
*Kerangka Konseptual Niat Bertingkah Laku Berteraskan Islam*  
 Sumber: Ahmad Najib (2019)


Seterusnya, Othman (2018) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk merungkai permasalahan yang timbul dalam isu pembayaran zakat. Antara isunya adalah merungkai kedudukan niat dalam urusan ibadat zakat pendapatan yang memberi kelangsungan kepada gelagat kepatuhan berzakat. Dalam merungkai masalah tersebut, Othman (2018) telah mendapati pengkaji-pengkaji lepas telah menggunakan teori Barat bagi mengkaji niat bertingkah laku menunaikan zakat pendapatan. Oleh itu, telah timbul persoalan adakah sesuai teori Barat digunakan dalam mengkaji niat bertingkah laku seorang Muslim terutamanya dalam tindakan berstatus ibadat khusus seperti zakat. Lantaran itu, Othman (2018) telah menjalankan kajian kualitatif berbentuk penerokaan dengan mendapatkan data melalui analisis kandungan dan temu bual mendalam.

Hasil dapatan Othman (2018) mendapati teori Barat kurang sesuai digunakan dalam mengkaji perkara-perkara berkaitan ibadat dalam Islam. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa alasan penolakan teori Barat untuk digunakan dalam kajian melibatkan individu Muslim. Pertama, matlamat sebenar tindakan seorang Muslim adalah bertujuan untuk mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT melalui niat dan gelagat yang dilakukan. Sebaliknya, teori Barat tidak menyentuh elemen pahala dan keredaan Allah SWT.

Kedua, Barat berpendapat manusia bebas untuk bertindak dan hanya mengutamakan kehidupan dunia. Sebaliknya, Islam mempunyai garis panduan tertentu dan setiap gelagat perlu mempunyai tujuan untuk kehidupan dunia dan akhirat. Seterusnya, setiap gelagat seorang Muslim berkait rapat dengan iman, amal dan akhlak. Ketiga-tiga elemen tersebut sama sekali tidak disentuh oleh sarjana Barat. Terakhir, Barat menolak


bahawa setiap tindakan manusia diperhatikan oleh Allah SWT dan dicatat oleh malaikat. Dapat dirumuskan bahawa teori oleh pandangan Barat ditolak kerana memisahkan konsep tauhid dengan niat bergelagat.


Othman (2018) juga telah menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan niat. Selari dengan pendapat oleh al-Qardawi (2018) menyatakan bahawa dalam al-Quran tidak digunakan perkataan niat atau *an-niyyat*, namun istilah-istilah lain yang sama ertinya dengan niat digunakan dengan membawa maksud kepada niat. Rajah 2.2 (b) menunjukkan lima kategori ayat al-Quran berkaitan niat. Pertama, dalil diwajibkan berniat dalam ibadat. Kedua, bersiap sedia dengan ikhlas dalam niat untuk melakukan perbuatan. Ketiga, perbuatan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah SWT. Keempat, menginfakkan harta semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dan terakhir, melarang perbuatan syirik yang membawa maksud perintah untuk ikhlas dalam setiap tindakan. Selain itu, Othman (2018) turut meneliti hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitan niat.



Rajah 2.2 (b)  
*Lima Kategori Ayat Al-Quran Berkaitan Niat.*  
Sumber: Othman (2018)

Othman (2018) telah mengenal pasti maksud niat berteraskan Islam dalam tingkah laku, dan hasil daripada temu bualnya telah mendapati terdapat beberapa maksud niat. Antara dapatan Othman (2018) berkaitan maksud niat adalah: lintasan hati, tujuan, maksud yang diyakini, keazaman, ikhlas hanya kerana Allah SWT, dan asas kepada amalan. Tambahan lagi, dapatan kajian Othman (2018) berkaitan konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat adalah seperti Rajah 2.2 (c). Daripada Rajah 2.2 (c) dapat dijelaskan bahawa seorang pembayar zakat dipengaruhi oleh nafsu baik atau sebaliknya. Seterusnya, terdapat dua dimensi penentu niat dalam tindakan membayar zakat pendapatan, iaitu hubungan manusia sebagai hamba (*Habl min Allah*) dan manusia sebagai khalifah (*Habl min nas*). Terdapat beberapa faktor penentu niat pembayar zakat pendapatan, iaitu ilmu, akidah, akhlak, motivasi diri dan kualiti perkhidmatan. Othman (2018) menyatakan, terdapat tiga kategori niat telah ditemui, iaitu niat ikhlas, niat bercampur aduk dan niat tidak ikhlas. Tujuan niat membayar zakat pendapatan juga adalah untuk mendapat keredaan Allah SWT.





Rajah 2.2 (c)  
 Konsep Niat Berteraskan Islam dalam Tingkah Laku Kepatuhan Zakat Pendapatan  
 Sumber: Othman (2018)

Hasil kajian Othman (2018) tentang niat bergelagat adalah berteraskan kepada al-Quran dan hadis. Perbincangannya dalam membentuk konsep niat bergelagat hanya berfokus kepada tindakan membayar zakat.

### 2.3 Teori Gelagat Pengguna Menurut Perspektif Islam

Merujuk kepada kajian dan perbincangan daripada pengkaji-pengkaji lepas telah ada teori gelagat pengguna yang dibincangkan menurut perspektif Islam oleh beberapa orang sarjana ekonomi Islam. Antaranya adalah Abdul Hamid Abdul Latif Mahboob, Asad Zaman, Bendjilal dan Bashir, Mohammed Afr, Mohammad Anas Zarqa, Mohammad Fahim Khan, Monzer Khaf, Muhammad Nejatullah Siddiqi dan Shawqi Dunia (Mustafar & Mohamad, 2018; Tahir et al., 1992). Ringkasan penjelasan berkaitan teori gelagat pengguna Muslim oleh sarjana ekonomi Islam seperti Jadual 2.3 (a).

Tujuan sarjana ekonomi Islam lepas mengambil inisiatif menghasilkan model gelagat pengguna berteraskan Islam berikutan teori gelagat pengguna yang sedia ada adalah menurut fahaman Barat dan sama sekali tidak selari dengan ajaran Islam. Hal ini demikian kerana model gelagat pengguna daripada Barat secara tidak langsung melahirkan pengguna yang bertunjangan kepuasan semata-mata (Mustafar & Mohamad, 2018).

Jadual 2.3 (a)

*Ringkasan Pandangan dalam Teori Gelagat Pengguna Muslim oleh Sarjana Ekonomi Islam.*

<b>Sarjana Ekonomi Islam</b>	
Abdul Hamid Abdul Latif Mahboob (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Dua jenis perbelanjaan, diri sendiri dan keluarga serta kebajikan.</li><li>- Perbelanjaan kebajikan bergantung kepada tahap iman.</li><li>- Zakat tidak termasuk dalam perbelanjaan kebajikan.</li></ul>
Abdul Mannan (1970)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Sederhana dan pentingkan kebajikan.</li></ul>

Asad Zaman (seperti yang dinyatakan dalam Tahir et al., 1992)	- Mengutamakan kebajikan sosial
Bendjilali dan Bashir (1989)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bincangkan konsep utiliti dalam Islam ada tiga tahap manakala barat tiada tahap.</li> <li>- Tiga tahap itu adalah keperluan, keselesaan dan mewah.</li> <li>- Perbelanjaan untuk kebajikan sosial perlu diutamakan.</li> <li>- Tujuan penggunaan adalah untuk mencapai <i>alfalah</i>.</li> <li>- <i>Alfalah</i> dalam penggunaan mempunyai hubungan antara utiliti dan tahap iman.</li> </ul>
Kahf (1991)	- Menekankan tiga prinsip, iaitu kepercayaan hari akhirat, kejayaan dan kekayaan.
Khan (2014)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dua jenis perbelanjaan, diri sendiri dan keluarga serta kebajikan.</li> <li>- Perbelanjaan kebajikan termasuk zakat, sedekah, wakaf dan lain-lain.</li> <li>- Ubah konsep utiliti Barat kepada konsep masalah.</li> <li>- Konsep masalah menitik beratkan lima elemen, agama, nyawa, harta, akal dan keturunan.</li> </ul>
Mohammed Afr (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendapatan diberikan kepada tiga bahagian: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbelanjaan pada jalan Allah SWT.</li> <li>ii. Barang keperluan.</li> <li>iii. Barang keselesaan dan barang mewah.</li> </ul> </li> <li>- Penggunaan barangan mewah dibolehkan dengan syarat mengutamakan kebajikan sosial dan tidak riak.</li> </ul>
Shawqi Dunia (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018)	- Mengaplikasikan konsep utiliti Barat dalam penggunaan Islam.
Siddiqi (1981)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Membolehkan istilah-istilah ekonomi Barat diaplikasi dalam ekonomi Islam, dengan syarat tidak melanggar syariat Islam yang telah ditetapkan.</li> <li>- Perkara penting diberi perhatian: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjauhkan barangan yang diharamkan seperti alkohol.</li> </ul> </li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Barang mewah dikurangkan, dan sebahagian barang mewah perlu dimansuhkan.</li> <li>iii. Utamakan untuk memenuhi keperluan dan keselesaan.</li> <li>iv. Utamakan kebajikan sosial.</li> </ul>
Zarqa (2003)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pentingkan kebajikan</li> <li>- Matlamat penggunaan untuk maksimumkan peluang dapat pahala.</li> <li>- Syarat penggunaan berpahala: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berniat kerana Allah SWT.</li> <li>ii. Penggunaan mengikut keutamaan.</li> </ul> </li> <li>- Penggunaan seimbang dan tidak membazir.</li> </ul>

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Kahf (1991) telah menyatakan bahawa terdapat tiga prinsip pengguna Muslim bergelagat, iaitu kepercayaan kepada hari akhirat, kejayaan dan kekayaan. Dalam prinsip pertama, Kahf (1991) telah menjelaskan seluruh aktiviti kehidupan seharian seorang Muslim perlu dikaitkan dengan kehidupan sebelum dan selepas kematian. Termasuklah aktiviti penggunaan, seorang pengguna Muslim sepatutnya tidak hanya memikirkan manfaat sesuatu penggunaan untuk memenuhi keperluan sekarang, namun perlu juga mempertimbangkan manfaatnya di akhirat kelak.

Oleh itu, Kahf (1991) telah menyatakan terdapat dua jenis perbelanjaan akhir. Iaitu perbelanjaan material untuk keperluan dan kepuasan diri dan keluarga, kedua perbelanjaan untuk jalan Allah SWT seperti sedekah dan zakat. Terdapat dua kesan daripada perbelanjaan, iaitu kesan pada waktu sekarang dan kesan semasa di akhirat kelak.

Dalam konsep kejayaan pula, Kahf (1991) menjelaskan kejayaan yang dimaksudkan adalah kejayaan di akhirat. Setiap tindakan seorang Muslim adalah bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dalam setiap tindakan, termasuklah dalam penggunaan. Konsep terakhir adalah kekayaan. Kekayaan atau pendapatan dalam perspektif Islam adalah unik, ia merupakan suatu rezeki atau pemberian daripada Allah SWT yang perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Kekayaan yang dikurniakan adalah untuk dimanfaatkan dengan baik sebagai alat untuk dibelanjakan dalam memenuhi keperluan dan kehendak. Beliau turut menekankan kepentingan dan kewajipan berzakat serta menyatakan menabung dan pelaburan bukanlah sebagai perbelanjaan akhir.

Seterusnya Khan (2014) pula membincangkan terdapat dua perbelanjaan dalam model gelagat pengguna Muslim. Perbelanjaan pertama adalah perbelanjaan untuk diri sendiri dan keluarga yang bersifat untuk memenuhi keperluan. Perbelanjaan kedua adalah perbelanjaan untuk kebajikan masyarakat, perbelanjaan yang berdasarkan kepada persaudaraan dan kemasyarakatan. Perbelanjaan kedua ini terdiri daripada zakat, sedekah, wakaf dan lain-lain. Khan (2014) telah mengubah konsep utiliti yang dibincangkan oleh Barat kepada konsep *maslahah*.

Khan (2014) menyatakan lagi, terdapat lima elemen yang perlu dititikberatkan iaitu dalam teori gelagat pengguna Muslim: nyawa, harta, agama, akal dan keturunan. Pendapat ini sama seperti pendapat Abd al-Hamid Abd al-Latif Mahbut (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018), iaitu terdapat dua perbelanjaan untuk diri dan keluarga serta kebajikan. Namun bezanya Abd al-Hamid Abd al-Latif Mahbut (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018) berpendapat zakat tidak

termasuk dalam kategori perbelanjaan kebajikan, kerana zakat adalah suatu kewajipan bagi setiap Muslim, dan turut menyatakan perbelanjaan kebajikan juga bergantung kepada tahap keimanan seseorang. Beliau berpendapat lagi, seorang pengguna Muslim akan memaksimumkan utiliti mereka, dan corak membelanjakan harta juga adalah bergantung kepada tahap keimanan. Tidak bermakna pengguna yang tidak berkemampuan atau pendapatannya hanya cukup sekadar untuk diri dan keluarga tidak membelanjakan pendapatan untuk kebajikan itu rendah imannya atau tidak ada rasa simpati. Namun jika ada lebih di kemudian hari individu tersebut akan membelanjakan pendapatannya untuk jalan Allah SWT (Mustafar & Mohamad, 2018).

Sarjana ekonomi Islam seterusnya adalah Shawqi Dunya (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018), telah membincangkan tentang penerimaan konsep utiliti yang diperkenalkan oleh Barat dalam penggunaan Muslim. Walaupun prinsip utiliti ditolak oleh beberapa sarjana ekonomi Islam, namun Shawqi Dunya menyatakan konsep utiliti boleh diaplikasikan dalam penggunaan Muslim selagi mana tidak melanggar syariat Islam. Kemudian, Bendjilali dan Bashir (1989) telah membincangkan perbezaan konsep utiliti daripada perspektif Islam dan Barat. Konsep utiliti dalam Islam terbahagi kepada tiga tahap iaitu barang keperluan, barang keselesaan dan barang mewah. Manakala Barat tidak meletakkan perbezaan dalam ketiga-tiga tahap barangan ini. Bendjilali dan Bashir (1989) turut berpendapat terdapat dua prinsip penggunaan yang boleh diguna pakai oleh pengguna Muslim dalam memenuhi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan.

Prinsip pertama adalah, pengguna Muslim perlu memilih setiap penggunaan melalui tiga peringkat, iaitu memilih penggunaan di tahap keperluan, keselesaan atau mewah.

Manakala prinsip kedua, pengguna Muslim boleh memilih penggunaan dengan memenuhi keperluan, kemudian memilih untuk memiliki barangan keselesaan atau mewah. Prinsip kedua tidak digalakkan dalam ajaran Islam, namun masih dibenarkan, dengan syarat tidak melanggar syariat Islam. Bendjilali dan Bashir (1989) turut membincangkan tujuan penggunaan seorang Muslim adalah untuk mencapai *alfalah*. *Alfalah* dalam penggunaan adalah mempunyai hubungan antara utiliti dan tahap iman seseorang individu (Mustafar & Mohamad, 2018).

Seterusnya, Mohamad Afr (seperti yang dinyatakan dalam Mustafar & Mohamad, 2018) menjelaskan bahawa asas penggunaan bagi seorang Muslim adalah membahagikan pendapatan kepada tiga bahagian. Iaitu, perbelanjaan pada jalan Allah SWT, barang keperluan dan barang keselesaan serta barang mewah. Pendapat beliau selari dengan prinsip penggunaan kedua yang dibincangkan oleh Bendjilali dan Bashir (1989), iaitu seorang Muslim masih boleh memilih barangan mewah jika berkemampuan, namun tidak boleh melanggar syariat seperti riak dan perlu juga mengutamakan kebajikan sosial.

Pendapat Bendjilali dan Bashir mengenai keperluan mengutamakan kebajikan sosial selari dengan pendapat Assad Zaman (seperti yang dinyatakan dalam Tahir et al., 1992) dan Siddiqi (1981). Hal ini demikian kerana mereka yang telah mencadangkan elemen tidak mementingkan diri perlu dimasukkan ke dalam setiap pembentukan model gelagat pengguna Muslim untuk menjaga kebajikan sosial. Selain itu, Assad Zaman (seperti yang dinyatakan dalam Tahir et al., 1992) turut menyatakan andaian Barat yang menyatakan kepuasan pengguna adalah tidak terbatas boleh diaplikasikan dalam penggunaan Islam, namun perlulah perbelanjaan tersebut bukan hanya untuk kepuasan diri semata-mata, namun perlulah ada perbelanjaan untuk kebajikan masyarakat juga.

Manakala Abdul Mannan (1970) pula berpendapat membentuk teori gelagat pengguna Muslim tidaklah hanya fokus kepada apa yang dilarang atau yang diharamkan oleh ajaran Islam. Namun, penting juga menekankan konsep kesederhanaan dan pentingkan kebajikan orang lain dalam aktiviti penggunaan seharian.

Seterusnya Zarqa (2003) juga telah membincangkan dalam andaian ekonomi Islam, matlamat utama penggunaan adalah untuk memaksimumkan peluang mendapatkan pahala. Zarqa (2003) berpendapat kepuasan penggunaan seorang Muslim diambil kira daripada keseimbangan penggunaan barangan atau perkhidmatan yang digunakan dan memaksimumkan pahala. Terdapat beberapa syarat untuk mencapai penggunaan yang berpahala. Pertama niat kerana Allah SWT, kedua penggunaan mengikut susunan keutamaan, ketiga penggunaan yang seimbang dan tidak membazir.

Zarqa (2003) turut menyatakan seorang pengguna Muslim yang tidak berniat kerana Allah SWT dalam penggunaan diandaikan tidak mendapat sebarang ganjaran pahala. Beliau turut menyatakan seorang pengguna Muslim yang berkemampuan, namun tidak memenuhi keperluan dengan sengaja sama ada kerana malas atau bakhil juga akan mendapat balasan dosa. Sebaliknya, seorang pengguna Muslim yang telah memenuhi keperluan asas diri dan keluarga, dan memilih untuk mengurangkan perbelanjaan untuk diri dengan melebihkan perbelanjaan untuk kebajikan di jalan Allah SWT, maka diandaikan pengguna tersebut akan mendapat ganjaran pahala yang banyak.

Perbincangan mengenai model dan teori gelagat pengguna menurut perspektif Islam diteruskan dengan melihat kepada perbincangan oleh Khan (2020). Fokus utama Khan (2020) adalah mengembangkan teori gelagat pengguna dengan mempertimbangkan

pandangan bersumberkan al-Quran dan hadis. Hasil daripada penelitiannya, Khan (2020) telah mencadangkan gelagat pengguna diukur berdasarkan kepada empat keadaan iaitu bersederhana, memboros, membazir atau bakhil dengan menghubungkan nilai kebahagiaan dalam setiap gelagat yang dilakukan.

Khan (2020) menyatakan bersederhana adalah suatu corak penggunaan yang berada dipertengahan antara kemewahan dan bakhil. Individu yang bersederhana akan sentiasa memenuhi keperluan diri dan keluarga secukupnya, di samping akan melakukan infak kepada masyarakat mengikut kemampuan diri. Sederhana diperlukan dalam setiap gelagat, bukan sekadar dalam aktiviti penggunaan seperti makan minum, pakaian, pengangkutan, namun dalam semua tindakan Islam menyarankan untuk bersederhana. Bahkan dalam tindakan menginfakkan harta seperti bersedekah juga disarankan untuk bersederhana (al-Zuhaili, 2013). Selain itu bersederhana juga mendatangkan kesan yang amat positif terhadap penggunaan seseorang, dan merupakan corak perbelanjaan paling bijak dan ekonomik.

Memboros pula adalah perbelanjaan atau penggunaan berlebihan daripada keperluan yang sepatutnya. Memboros boleh menyebabkan sesuatu penggunaan tidak ekonomik dan tidak cekap. Sebaliknya pembaziran adalah perbelanjaan atau penggunaan yang tidak wajar, seperti berbelanja untuk bermegah-megah atau perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang ditegah oleh agama (Khan, 2020).

Pembaziran juga boleh berlaku jika membelanjakan sesuatu yang tidak diperlukan atau tidak digunakan. Misalnya seorang pengguna membeli pakaian ketika waktu promosi,

namun pakaian tersebut tidak diguna. Penggunaan yang bersifat boros dan membazir mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada pengguna, antaranya timbul budaya berhutang, sentiasa tamak dan rasa tidak cukup serta tidak mampu menginfakkan pendapatan ke jalan Allah SWT.

Bakhil adalah corak penggunaan terakhir dibincangkan dalam kertas kerja Khan (2020). Bakhil adalah satu tindakan rasa sayang pada harta tidak bertempat, atau sikap berjimat yang melampaui batas. Seseorang yang bakhil akan mempunyai sikap sayangkan harta hingga enggan memenuhi keperluan diri dan keluarga walaupun berkemampuan. Misalnya, seorang yang berkemampuan namun tidak menggunakan perbelanjaan yang secukupnya untuk memenuhi keperluan seharian seperti pakaian dan kesihatan serta pendidikan. Individu yang bakhil juga menjauhkan diri daripada amalan zakat dan sedekah, serta tidak melibatkan diri dalam perihal kebajikan masyarakat.

Keempat-empat dimensi ini adalah kayu ukur kepada aktiviti seorang Muslim. Hal demikian, kesemuanya terdapat penerangan dalam al-Quran. Sholihin (2023) telah menyenaraikan sebahagian ayat-ayat al-Quran yang membincangkan berkaitan empat dimensi ini, iaitu bersederhana (Q. 2:143; 5:87–88; 7:32; 17:29; 17:110; 25:67; 57:27), ayat larangan membazir (Q. 6:141; 7:31; 25:67; 26:151) dan berlebih-lebihan (Q. 17:26–27; 20:81; 90:6–7), serta menghindari ketamakan dalam tingkah laku penggunaan (Q. 3:180; 9:34–35; 9:75–76; 17:100; 47:36–38; 57:23–24; 64:16; 68:12–14; 70:18, 21; 92:8–11; 104:2–3). Khan (2020) turut menyatakan walaupun telah ada perbincangan keempat-empat dimensi ini dalam kajian lepas namun tidak ditakrifkan dengan tepat dan tidak diterangkan cara mengukur tingkah laku tersebut.

Seterusnya Khan (2020) mengukur tahap kebahagiaan pada setiap dimensi corak penggunaan. Khan (2020) menyimpulkan corak penggunaan pada tahap sederhana sahaja yang akan mengecapi kebahagiaan yang tinggi. Hal ini demikian kerana individu yang sentiasa bersederhana menggunakan setiap pendapatan dengan sempurna akan sentiasa dalam keadaan tenang. Manakala individu yang memboros, membazir dan bakhil berada pada tahap kebahagiaan yang rendah.

Konsep kebahagiaan dalam penggunaan yang diterangkan oleh Khan (2020) turut dibincangkan oleh Wani (2013). Kebahagiaan seorang pengguna Muslim yang mematuhi syariat agama bukanlah pada kepemilikan atau manfaat sesuatu produk atau perkhidmatan yang dimiliki atau digunakan. Namun, kebahagiaan yang dimiliki adalah apabila benar-benar mematuhi segala ajaran Islam, dengan mengharapkan balasan kebaikan di akhirat kelak (Wani, 2013).

Khan (2020) turut mencadangkan suatu mekanisme kepada pembuat dasar bagi menggalakkan gelagat pengguna yang bertanggungjawab dan memaksimumkan kebahagiaan. Di samping itu, kertas kerja Khan (2020) juga boleh digunakan sebagai suatu model membantu membanteras gelagat pengguna yang membahayakan individu dan masyarakat. Sebagai contoh, jika tahap pemborosan atau pembaziran dapat diukur dalam corak penggunaan individu dalam pembelian kereta, pakaian dan minyak wangi, pihak berkuasa boleh mengenakan cukai atau denda kepada individu tersebut. Jadual 2.3 (b) menjelaskan corak penggunaan dan tahap kebahagiaan yang dapat dikecapi oleh seorang pengguna.

Jadual 2.3 (b)


*Corak Penggunaan dan Tahap Kebahagiaan*

<b>Corak Kepenggunaan</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Tahap Kebahagiaan</b>
<b>Bersederhana</b>	Berbelanja secara pertengahan antara kemewahan dan bakhil, memenuhi semua keperluan dengan sempurna dan mencukupi dan tidak berlebihan. Di samping berinfak jika berkemampuan.	Tinggi
<b>Memboros</b>	Berbelanja secara berlebihan daripada keperluan yang sepatutnya, menyebabkan perbelanjaan tidak ekonomik dan perbelanjaan yang tidak cekap.	Rendah
<b>Membazir</b>	Perbelanjaan secara tidak wajar, bazir jika berbelanja untuk bermegah-megah atau perbelanjaan ke atas perkara-perkara haram. Membazir jika perbelanjaan yang tidak mendatangkan manfaat atau tidak digunakan.	Rendah
<b>Bakhil</b>	Tidak berbelanja memenuhi keperluan walaupun berkemampuan, serta tidak menginfakkan pendapatan ke jalan Allah SWT.	Rendah

Sumber: Khan (2020)

Seterusnya, Sholihin (2023) telah merumuskan model bergelagat daripada pandangan al-Ghazali. Persoalan kajian Sholihin (2023) adalah mengenai rasionaliti dalam gelagat pengguna Muslim. Hal ini demikian kerana beliau berpendapat rasionaliti amat penting dalam gelagat pengguna Muslim, namun jarang dikaji. Oleh kerana kekurangan perbincangan mengenai rasionaliti dalam model gelagat pengguna Muslim, membuatkan kebanyakan kajian lepas berkaitan gelagat pengguna Muslim telah menggunakan *Theory Planned Behavior* (TPB). Walaupun dalam karya al-Ghazali tidak disebut secara nyata berkaitan rasionaliti, namun al-Ghazali banyak membincangkan tentang gelagat Muslim yang ideal mengikut perspektif Islam dengan merujuk kepada al-Quran dan hadis.

Al-Ghazali menjelaskan dalam bergelagat, setiap manusia dipengaruhi oleh nafsu atau dipanggil sebagi tentera hati. Terdapat tiga jenis nafsu yang sering menguasai manusia, iaitu nafsu *mutmainnah* , nafsu *lawwamah* dan nafsu *ammarah*. Seorang individu yang dipengaruhi oleh nafsu *mutmainnah* adalah seorang yang beriman dan sentiasa mengawal tindakannya mengikut syariat dan sentiasa menghubungkan tindakannya dengan akhirat. Individu yang dipandu oleh nafsu *lawwamah* pula adalah seorang individu yang selalu ingin melakukan kebaikan, namun sering juga terjerumus melakukan tindakan yang ditegah oleh Islam. Seterusnya nafsu *ammarah*, adalah seorang individu yang dipengaruhi oleh nafsu yang sentiasa membisikkan untuk melakukan atau bertindak bertentangan dengan ajaran Islam (Sholihin, 2023).




Rajah 2.3 (a)  
 Model Bergelagat Al-Ghazali  
 Sumber: Sholihin (2023)

Muhammad et al. (2020) turut membincangkan berkaitan nafsu dalam penggunaan, namun terdapat perbezaan pada tahap nafsu yang telah dibincang oleh Sholihin (2023). Muhammad et al. (2020) menyatakan terdapat tujuh tahap nafsu yang telah dibincangkan oleh para ulama. Tujuh tahap nafsu tersebut adalah, nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah*, nafsu *mulhamah*, nafsu *mutmainnah*, nafsu *radhiyah*, nafsu *mardhiyyah* dan nafsu *kamilah*. Nafsu-nafsu ini turut dibincangkan dalam skop aktiviti ekonomi. Muhammad et al. (2020) mendapati perbincangan sarjana ekonomi Islam lepas tidak memasukkan perbincangan tahap nafsu menurut perspektif Islam secara menyeluruh dalam aktiviti ekonomi. Justeru itu, mereka gagal memahami secara mendalam tentang hakikat kehendak melampau dalam memenuhi kehendak manusia. Kegagalan memahami hakikat kehendak melampau menyebabkan sarjana ekonomi Islam gagal mencari penyelesaian terbaik dalam mengawal kehendak masyarakat yang melampau. Walhal dalam ajaran Islam semuanya telah lengkap, termasuklah kaedah-kaedah mengawal kehendak yang melampau. Oleh itu, Muhammad et al. (2020) mencadangkan pengkaji akan datang membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan nafsu dalam mengawal kehendak masyarakat yang tidak terkawal.

Seterusnya, Amin (2019) telah memperkenalkan Teori Tingkah Laku Pengguna Islam (*Islamic Theory of Consumer Behaviour- ITCB*). Teori ini adalah lanjutan daripada Teori Tingkah Laku Pengguna Islam oleh Khan (2014). ITCB telah digunakan bagi mengkaji gelagat pengguna Muslim dalam memilih kewangan perumahan. Amin (2019) menjelaskan gelagat pengguna Muslim dipengaruhi oleh peranan iman, sokongan gadai janji Islam dan indek maqasid pengguna. Seterusnya gelagat pengguna mempengaruhi kepuasan beragama. Namun kajiannya tidak memasukkan niat sebagai faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna. Perkara ini dilihat seperti satu

kekurangan, hal ini demikian kerana niat adalah penentu sesuatu gelagat (al-Ghazali, 2016). Rajah 2.3 (b) adalah kerangka ITCB yang dibentuk oleh Amin (2019):



Rajah 2.3 (b)  
*Teori Gelagat Pengguna Muslim (Islamic Theory of Consumer Behaviour- ITCB).*  
Sumber: Amin (2019)

Berdasarkan konsep model-model dan teori-teori yang telah dibincangkan oleh sarjana lepas, penyelidik mendapati elemen niat daripada perspektif Islam kurang ditekankan sebagai elemen yang penting dalam mempengaruhi gelagat pengguna Muslim, dan faktor iman dan nafsu adalah antara perkara yang perlu dimasukkan dalam teori gelagat pengguna Muslim.

## 2.4 Gelagat Pengguna

Gelagat pengguna merupakan konsep yang merangkumi pelbagai tindakan, keputusan, dan proses mental yang dilakukan oleh individu atau kumpulan dalam memilih, membeli, menggunakan, dan melupuskan produk atau perkhidmatan (Schiffman &

Kanuk, 2010; Solomon, 2018). Terdapat tiga bidang yang sering membincangkan perihal gelagat pengguna iaitu, pemasaran (Kotler & Keller, 2016), ekonomi (Samuelson & Nordhaus, 2010) dan kepenggunaan (Ab Rahman & Jamaludin, 2011). Yahaya dan Othman (2002) turut menyatakan gelagat pengguna adalah satu cabang daripada bidang sains perlakuan (*behavioral science*) yang dikembangkan dalam bidang sains lain seperti pemasaran, psikologi, antropologi, ekonomi dan pengurusan ekologi manusia.

Gelagat pengguna sering dikaji dalam bidang pemasaran dan ekonomi. Dalam bidang pemasaran, gelagat pengguna dikaji untuk mengetahui corak permintaan terhadap produk yang pengguna inginkan. Schiffman dan Kanuk (2007) menyatakan, menurut perspektif pemasaran gelagat pengguna ditakrifkan sebagai tingkah laku yang dipaparkan oleh pengguna dalam mencari, membeli, menggunakan, menilai, dan melupuskan produk atau perkhidmatan yang diharapkan akan memenuhi keperluan mereka.

Dalam bidang ekonomi pula, gelagat pengguna diteliti untuk menilai bagaimana individu membuat keputusan yang rasional (atau sebaliknya) dalam situasi sumber adalah terhad. Gelagat pengguna juga dikaji dalam bidang ekonomi untuk mengetahui corak permintaan dan penawaran oleh masyarakat (Samuelson & Nordhaus, 2010; Yahaya & Othman, 2002).

Seterusnya, seperti yang dinyatakan oleh Ab Rahman dan Jamaludin (2011), gelagat pengguna merupakan aspek penting yang turut dibincangkan dalam bidang

kepenggunaan. Adnan (1994) telah mendefinisikan kepenggunaan melalui tiga perspektif yang berbeza. Pertama, berdasarkan perkataan “guna”, seseorang itu dianggap sebagai “pengguna” apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan, yang membawa kepada definisi kepenggunaan sebagai tindakan penggunaan barang atau perkhidmatan. Kedua, kepenggunaan juga merujuk kepada sistem perdagangan yang memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih produk yang mereka inginkan. Ketiga, kepenggunaan ditakrifkan sebagai amalan dan usaha untuk melindungi hak pengguna, termasuk dari segi undang-undang, pendidikan, dan aspek lain yang berkaitan. Berdasarkan definisi-definisi ini, definisi pertama oleh Adnan (1994) dilihat lebih relevan dan sesuai untuk konteks kajian ini, kerana ia secara langsung berkait dengan tindakan penggunaan yang menjadi fokus kajian ini.

Ismail dan Ahmad (2021); Kastin Hassan dan Ahmad (2010) pula berpendapat bahawa gelagat pengguna menurut pandangan Barat dan Islam adalah berbeza. Menurut perspektif Barat, gelagat pengguna adalah lebih cenderung untuk mengetahui cara pengguna membelanjakan pendapatan mereka (Kotler & Keller, 2016; Samuelson & Nordhaus, 2010). Sebaliknya menurut perspektif Islam, gelagat pengguna yang dibincangkan adalah tentang bagaimana pengguna bergelagat untuk mencapai tujuan utama iaitu mendapat pahala dan mencapai keredaan Allah SWT (al-Qardawi, 2009a; Kastin Hassan & Ahmad, 2010) . Oleh itu, Kastin Hassan dan Ahmad (2010) menyatakan gelagat pengguna menurut perspektif Islam memerlukan elemen-elemen yang membawa kepada tujuan utama tersebut. Elemen-elemen itu adalah:

- i. Aqidah yang betul.
- ii. Niat kerana Allah SWT.

- iii. Jenis penggunaan yang halal dan mengikut tahap keperluan dengan natijah yang baik.
- iv. Penggunaan yang sederhana, tidak membazir dan boros.
- v. Tidak meninggalkan ibadat wajib.

Selanjutnya, Adnan et al. (2017) telah mencadangkan untuk gelagat pengguna Islam perlu dijadikan sebagai sub disiplin tersendiri, tanpa bergantung dalam mana-mana disiplin lain. Hal ini berikutan kebiasaannya gelagat pengguna sering kali dibincangkan dalam bidang pemasaran (Adnan et al., 2017). Oleh itu, Adnan et al. (2017) mencadangkan pengkaji akan datang menjalankan kajian dalam skop gelagat pengguna Islam sama ada dengan membentuk konsep, model atau teori, pendekatan atau perundangan yang berteraskan sumber-sumber ilmu Islam iaitu al-Quran, hadis, ijma' dan ulama.

Cadangan Adnan et al. (2017) untuk membentuk gelagat pengguna Islam adalah sangat relevan dengan keadaan semasa. Hal ini demikian kerana pada masa kini pengguna Muslim berdepan dengan pelbagai cabaran dalam membuat keputusan memilih sesuatu produk. Seperti yang dinyatakan oleh Nooh dan Ab.Aziz (2018), pengguna Muslim kini berdepan dengan cabaran dalam membuat keputusan bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Cabaran yang dimaksudkan adalah untuk mengawal keputusan pembelian, iaitu antara membeli berdasarkan keperluan, atau mengikut kehendak nafsu dan trend semasa. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Muhammad et al. (2020) yang menyatakan manusia cenderung mengikut keinginan nafsu dalam memiliki barangan dan perkhidmatan, dan seterusnya bertindak secara melampaui batas tanpa mematuhi garis panduan Islam.

Seterusnya kajian yang sering menjadi pilihan pengkaji lepas dalam bidang gelagat pengguna adalah berkaitan niat gelagat pengguna. Sholihin (2023) menyatakan, untuk memahami sesuatu corak tindakan adalah bermula dengan mengetahui niat seseorang. Sholihin (2023) telah mengkaji 69 artikel berkaitan gelagat pengguna Muslim menggunakan kaedah analisis dokumen dalam menjawab persoalan kajiannya dengan memfokuskan kepada kajian dalam bidang pemasaran dan ekonomi. Hal ini demikian kerana kedua-dua bidang tersebut mempunyai banyak kajian berkaitan gelagat pengguna. Hasil kajian Sholihin (2023) membuktikan kajian gelagat pengguna Muslim yang banyak dijalankan adalah kajian berkaitan niat gelagat pengguna memilih produk halal. Hasil kajian beliau terhadap kajian-kajian lepas menemui bahawa niat adalah sesuatu yang signifikan mempengaruhi gelagat pengguna dengan niat itu sendiri dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keagamaan, sikap dan logo halal.

Selain itu, Wiyono et al. (2022) juga telah meneliti 30 kajian lepas sekitar tahun 2010 hingga 2019 berkaitan niat gelagat pengguna Muslim dalam memilih produk halal. Wiyono et al. (2022) telah mendapati gelagat pengguna Muslim sebahagiannya dipengaruhi oleh ideologi Islam, dan sebahagian yang lain dipengaruhi oleh ideologi Barat. Penelitian Wiyono et al. (2022) turut mendapati majoriti kajian-kajian lepas telah menggunakan teori-teori yang diperkenalkan oleh Barat sebagai alat untuk menilai niat gelagat pengguna. Antara teori yang kerap digunakan adalah *Theory of Reasoned Action* (TRA) dan *Theory Planned Behaviour* (TPB). Mereka turut berpendapat kedua-dua teori tersebut sesuai digunakan untuk mengkaji gelagat pengguna Muslim dalam memilih produk halal. Namun pendapat mereka tidak seiring dengan pendapat Adnan (2011); Adnan et al. (2017); Ahmad Najib (2019; 2022);

Basarud-din dan Abu Bakar (2019); Mokhtar (2019) dan Othman (2018) yang telah menyatakan TRA dan TPB tidak sesuai digunakan untuk mengkaji niat pengguna Muslim menurut perspektif Islam. Wiyono et al. (2022) turut mencadangkan kajian lanjutan perlu dilakukan untuk memastikan adakah niat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pengguna Muslim memilih produk halal.

Oleh yang demikian teori niat gelagat menurut perspektif Barat dan niat menurut perspektif Islam akan diperdalami, di samping elemen pengguna dan penggunaan difahami terlebih dahulu, berikutan pengguna adalah pihak utama yang terlibat dalam gelagat pengguna. Manakala penggunaan pula adalah aktiviti yang terlibat oleh pengguna dalam gelagat pengguna (al-Qardawi, 2009a; Adnan, 1994; Kastin Hassan & Ahmad, 2010; Schiffman & Kanuk, 2007).

#### 2.4.1 Pengguna

Pengguna memainkan peranan yang penting dalam ekonomi sesebuah negara, kerana tanpa mereka, ekonomi negara tidak dapat berfungsi dengan lancar (Yahaya & Othman, 2002). Selain itu, pengguna juga mempengaruhi permintaan dan pengeluaran produk serta perkhidmatan. Menurut Sheth dan Mittal (2004), pengguna mempunyai tiga peranan utama, iaitu membeli, membayar, dan menggunakan produk atau perkhidmatan. Ketiga-tiga peranan ini boleh dilakukan oleh individu yang sama, atau mungkin seorang individu hanya terlibat dalam salah satu atau dua daripada peranan tersebut. Sementara itu, Ab Rahman dan Jamaludin (2011) menambah bahawa pengguna adalah sesiapa sahaja yang menggunakan produk atau perkhidmatan, merangkumi pelbagai golongan seperti pelajar, petani, pekerja kerajaan atau swasta,

suri rumah tangga, dan sebagainya. Pengertian ini menunjukkan betapa luasnya peranan pengguna dalam masyarakat, yang menjadikan kajian terhadap gelagat pengguna penting.

Menurut Adnan (1994) pula, pengguna adalah individu yang membeli, menyewa, atau menerima barangan atau perkhidmatan untuk digunakan, disimpan, dijaga, atau dibuang dalam bentuk akhir. Nooh dan Ab. Aziz (2018) menyatakan bahawa pengguna merujuk kepada individu atau isi rumah yang menggunakan barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam ekonomi. Pendapat ini selari dengan pandangan Mohd Noor (2024), yang menyatakan bahawa semua individu perlu menggunakan barangan dan perkhidmatan untuk meneruskan kehidupan seharian.

Pengguna Muslim berbeza daripada pengguna bukan Muslim terutama dari segi pengamalan mereka, contohnya dalam kewajiban memilih produk yang halal. Hal ini menjadikan pengguna Muslim mempunyai keunikan tersendiri dalam proses pengambilan keputusan penggunaan berbanding pengguna lain. Mereka tidak semata-mata dipandu oleh keinginan nafsu, seperti yang sering difokuskan dalam teori pengguna Barat (Muhammad et al., 2020). Sebaliknya, pengguna Muslim perlu mengikuti panduan agama dalam memenuhi keperluan dan keinginan mereka. Alserhan (2011) menekankan bahawa pengguna Muslim harus mempertimbangkan aspek-aspek seperti mengapa, berapa, apa, bila, dan di mana dalam setiap keputusan penggunaan mereka, menunjukkan pengamalan pengguna Muslim sepatutnya lebih teliti dan beretika.

Pengguna Muslim juga perlu memberi perhatian kepada dua garis masa yang penting, iaitu waktu sekarang dan masa depan. Waktu sekarang merujuk kepada situasi kehidupan di dunia, manakala masa depan merujuk kepada kehidupan selepas kematian, iaitu kehidupan di akhirat. Selain itu, pengguna Muslim harus menitikberatkan konsep hubungan dengan Allah SWT (*hablumminallah*) dan hubungan dengan sesama makhluk (*hablumminnas*) dalam setiap tindakan mereka.

Oleh itu, penyelidik mendefinisikan seorang pengguna sebagai individu yang terlibat dalam aktiviti membeli, membayar, atau menggunakan. Walaupun seseorang individu hanya terlibat dalam salah satu daripada tindakan ini, mereka tetap dikategorikan sebagai pengguna. Dalam konteks kajian ini, fokus utama adalah terhadap pengguna Muslim. Perbincangan seterusnya adalah aktiviti pengguna iaitu penggunaan.

#### **2.4.2 Penggunaan**

Penggunaan merupakan aktiviti harian yang dijalankan oleh semua lapisan masyarakat atau pengguna. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) penggunaan adalah berkaitan perbuatan atau kegiatan menggunakan sesuatu barang. Contoh aktiviti penggunaan adalah seseorang pengguna membeli makanan untuk diri dan keluarga. Alif Yahya dan Wan Hasan (2019) menjelaskan, penggunaan adalah tahap hierarki terakhir dalam proses pengeluaran dan pengagihan.

Ab Rahman dan Jamaludin (2011) telah menjelaskan tiga elemen asas dalam kepenggunaan iaitu pengguna, pengusaha dan produk. Oleh itu, tanpa penggunaan

proses pengeluaran dan pengagihan tidak dapat dilaksanakan (Gordon & Ronal, 1994). Tambahan lagi, tanpa pengguna dan penggunaan tidak akan wujud permintaan dalam mekanisme pasaran (Alif Yahya & Wan Hasan, 2019).

Nooh dan Ab. Aziz (2018) menyatakan penggunaan dalam sudut pandang Barat adalah suatu aktiviti menggalakkan pengguna berbelanja untuk memenuhi keperluan dan kehendak dengan setiap sumber yang ada, atau memaksimumkan kepuasan dengan sumber yang terhad (al-Qardawi, 2009). Pengguna didorong untuk meningkatkan pendapatan bagi membolehkan mereka memenuhi segala keinginan yang sentiasa meningkat. Pengguna juga bebas bertindak berdasarkan kemampuan dan pertimbangan sendiri dalam memenuhi kehendak mereka tanpa sebarang garis panduan. Perihal ini menyebabkan penggunaan menurut sudut pandang Barat boleh mendatangkan masalah kepada individu dan masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan fenomena masa kini, beberapa isu dalam penggunaan berleluasa.

Sepertimana yang diucapkan oleh Mohd Noor (2024) dalam Syarahan Pengukuhan Profesor 2024 Siri 5 di Pusat Pengajian Perniagaan Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia, bahawa sudah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat berbelanja secara berlebihan dan membazir. Hal ini juga berikutan pengguna kini telah terjebak dengan cara hidup ekonomi kapitalis, yang mengamalkan gaya hidup materislisme yang sudah pasti bertentangan dengan ajaran Islam.

Kenyataan ini disokong oleh Ngadiman et al. (2019a) dan Ngadiman et al. (2019b) bahawa pengguna yang berpendapatan rendah sanggup berhutang untuk memenuhi keperluan *tahsiniyyat* dengan dipengaruhi oleh keinginan menjaga harga diri dan

pengaruh sosial. Abdullah et al. (2022) menyatakan terdapat ramai pengguna Muslim di Malaysia disenaraikan sebagai *muflis*. Hal ini demikian kerana pengguna mudah terjebak dengan hutang. Gelagat suka berhutang berpunca daripada tindakan penggunaan yang berpandukan pandangan barat, tanpa mengikut garis panduan yang telah Islam sediakan. Malahan, niat berhutang memburukkan lagi gelagat suka berhutang semata-mata untuk memenuhi keinginan nafsu (Adnan et al., 2018).

Seterusnya, Abd Razak et al. (2018); Ang et al. (2021) dan Sajahan et al. (2021) pula telah membincangkan isu pembaziran makanan yang berleluasa di Malaysia dan juga di peringkat global. Bahkan isu pembaziran makanan ini melibatkan umat Islam sendiri. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Sobian (2022), pembaziran makanan telah melibatkan negara-negara Islam, dan pembaziran makanan sering meningkat pada bulan Ramadan. Pembaziran makanan ini boleh diatasi sekiranya pengguna Muslim mengikut panduan penggunaan makanan yang telah Islam tetapkan (Sobian, 2022).

Oleh yang demikian, seperti yang dinyatakan oleh beberapa penyelidik, penggunaan dalam Islam adalah berbeza dan dianggap sebagai sebaik-baik penggunaan berbanding penggunaan dalam konteks Barat. Menurut Ab Rahman dan Jamaludin (2011); Aminuddin dan Ramli (2015); Alif Yahya dan Wan Hasan (2019) serta al-Qardawi (2009a), terdapat beberapa perbezaan mendasar antara kedua-dua pendekatan ini. Ismail dan Ahmad (2021) serta Nooh dan Ab.Aziz (2018) turut menekankan bahawa prinsip penggunaan dalam Islam tidak hanya berorientasikan materialistik, tetapi juga mengambil kira aspek moral dan etika. Yahaya dan Othman (2002) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa penggunaan dalam Islam lebih berfokus kepada kesejahteraan dan keadilan.

Wani (2013) telah mengenal pasti sembilan aspek utama yang membezakan penggunaan Barat dan penggunaan Islam, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.4.2. Aspek-aspek ini memberi gambaran yang lebih jelas mengenai bagaimana prinsip-prinsip Islam diterapkan dalam konteks penggunaan harian berbanding dengan pendekatan Barat.

Jadual 2.4.2

*Perbandingan Penggunaan Menurut Perspektif Islam dan Barat*

<b>Perilaku Penggunaan</b>	<b>Perspektif Islam</b>	<b>Perspektif Barat</b>
Konsep Barangan	Semua barangan atau rezeki adalah dikurniakan Allah, berguna, bersih, menyihatkan, boleh diguna pakai, mendatangkan faedah secara fizikal dan material, boleh meningkatkan kerohanian.	Apa sahaja yang mempunyai utiliti.
Horizon Masa Utiliti	Sebelum kematian dan setelah kematian (akhirat).	Semasa hidup sahaja.
Prinsip Panduan	Syariah Islamiah (Fiqh).	Bebas memilih apa sahaja.
Fokus	Individu dan kebajikan masyarakat.	Individu
Keputusan belian	Berasaskan nilai.	Boleh berasaskan nilai atau tidak.
Tabiat	Berbelanja sederhana (Tidak kedekut atau berbelanja secara berlebihan).	Rawak, bebas berbelanja.
Penggunaan Barang/Perkhidmatan	Menurut syariah Islam (Fiqh) (tidak boleh yang haram/membahayakan/mengganggu orang lain).	Bebas untuk menggunakan apa-apa saja, dengan cara yang disukai pengguna.
Orientasi	Berorientasikan masa depan kerana tumpuan adalah kepada simpanan, pelaburan dan pengagihan atas kekayaan.	Fokus pada situasi semasa tentang penggunaan barangan/perkhidmatan.
Motivasi	Mengharapkan reda Allah SWT.	Memuaskan nafsu semata-mata.

Sumber: Wani (2013)

Daripada Jadual 2.4.2, jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara penggunaan menurut perspektif Islam dan Barat. Dalam Islam, konsep barangan dianggap sebagai rezeki baik yang dikurniakan oleh Allah SWT dan perlu diurus dengan penuh tanggungjawab. Islam juga menekankan kepentingan keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat, di mana setiap keputusan penggunaan harus mempertimbangkan impak jangka panjang, termasuk kehidupan selepas kematian. Sebaliknya, pendekatan Barat cenderung memberi tumpuan kepada kepuasan segera dan keperluan kehidupan sekarang tanpa mengambil kira akibat jangka panjang. Sebagai contoh, Islam dengan tegas mengharamkan penggunaan produk yang berkaitan dengan khinzir, memandangkan kepatuhan kepada syariah adalah aspek utama dalam setiap tindakan pengguna. Manakala, pendekatan Barat memberikan kebebasan yang lebih luas dalam berbelanja tanpa sebarang sekatan. Daripada segi motivasi pula, penggunaan dalam Islam bertujuan untuk mencari reda Allah SWT, manakala dalam konteks Barat, ia lebih berfokus kepada memenuhi nafsu dan keinginan individu.

Seterusnya, Aminnuddin dan Ramli (2015) dan Sholihin et al. (2023) menyatakan konsep penggunaan dalam Islam adalah berasaskan tauhid, mementingkan ketaqwaan dan keimanan dalam setiap gelagat penggunaan. Sharma et al. (2016) pula berpandangan, pengguna Muslim yang mempunyai tahap keimanan yang lebih tinggi akan lebih berhati-hati dalam memilih produk dan memastikan setiap penggunaan mereka adalah tidak melanggar syariat yang ditetapkan oleh Islam. Daripada kedua-dua pandangan ini, menggambarkan keimanan seseorang pengguna Muslim adalah mempengaruhi dan memberi kesan kepada setiap tindakan mereka.

Kamri (2008); Mustafar dan Borhan (2013); Sharma et al. (2016) dan Quoquab et al. (2015) pula menyatakan, penggunaan menurut perspektif Islam perlu menepati garis panduan yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam. Setiap garis panduan adalah berasaskan al-Quran dan sunnah. Hal ini bertepatan dengan pendapat al-Qardawi (2018) yang menyatakan al-Quran dan sunnah adalah sumber utama yang mengatur seluruh kehidupan dan tingkah laku umat Islam.

Tambahan lagi, setiap produk yang dipilih dalam aktiviti penggunaan perlu dititikberatkan manfaatnya, dan setiap aktiviti penggunaan tersebut perlu mempunyai tujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT (Ismail dan Ahmad, 2021; Paim & Masud 2003; Sharma et al., 2016 ). Paim dan Masud (2003) mengulaskan, sebagai pengguna Muslim yang ingin memenuhi kehendak dan keperluan diri, kepuasan sebenar seorang pengguna Muslim ialah apabila memperoleh manfaat dan pada masa yang sama mematuhi segala yang ditetapkan oleh syariat serta mengharapkan ganjaran pahala di akhirat kelak.

Al-Qardawi (2009a); Ismail dan Ahmad (2021) turut menyatakan penggunaan menurut pandangan Islam mempunyai konsep rasionaliti. Rasionaliti adalah setiap barangan dianggap sebagai anugerah Allah SWT untuk dimanfaatkan dan merupakan suatu rezeki untuk manusia. Setiap penggunaan juga adalah untuk memenuhi kehendak diri dan kehendak rohani. Penggunaan juga adalah amanah yang perlu dikawal, iaitu keinginan untuk memenuhi kepuasan nafsu semata-mata adalah ditegah. Sholihin et al. (2023) turut membincangkan rasionaliti dengan memberikan definisi rasionaliti dalam Islam sebagai menghadkan kepentingan diri sendiri dan setiap gelagat adalah

perlu patuhi syariat. Perkara ini sudah pasti berbeza dengan Barat, yang mengutamakan kepuasan diri dan tiada sebarang batasan dalam bergelagat.

Al-Qardawi (2009a) turut menggariskan tiga prinsip penggunaan dalam Islam iaitu kepercayaan kepada hari akhirat, kejayaan dan kekayaan. Prinsip pertama, setiap pengguna Muslim yang bergelagat dalam penggunaan perlulah meyakini bahawa setiap tindakannya ada balasan di akhirat kelak, bukan sekadar untuk memenuhi kehendak semasa. Prinsip kedua, seorang pengguna mencapai kejayaan sebenar apabila setiap gelagatnya mendapat keredaan Allah SWT, setelah berusaha mematuhi syariat dan menjauhi segala yang dilarang oleh syariat. Prinsip terakhir, pengguna akan menggunakan setiap sumber rezeki secara hak, dengan memenuhi keperluan asas diri dan keluarga serta tidak memboros atau berlebih-lebihan dan tidak kedekut.

Berdasarkan penjelasan mengenai penggunaan menurut perspektif Islam, jelaslah bahawa ia berbeza berbanding penggunaan menurut perspektif Barat. Penggunaan menurut perspektif Islam lebih menyeluruh, bersifat mendidik, tidak mementingkan kepuasan diri sendiri serta menitikberatkan manfaat selepas kematian. Prinsip halal dan haram yang diterapkan dalam Islam mempengaruhi setiap aspek penggunaan barang dan perkhidmatan, menjadikannya lebih beretika dan patuh kepada syariah (al-Qardawi, 2009). Perkara ini adalah satu aspek penting yang membezakan antara penggunaan Islam dan penggunaan Barat. Penggunaan menurut perspektif Barat lebih menekankan kepada kepuasan diri.

Oleh itu, penggunaan menurut perspektif Islam bukan sahaja lebih beretika tetapi juga memberikan panduan yang lebih menyeluruh dan terperinci tentang bagaimana seorang pengguna sepatutnya berkelakuan dalam memenuhi keperluan dan kehendak mereka.

Seterusnya, perbincangan berkaitan niat menurut perspektif Barat, termasuk teori-teori niat bergelagat seperti *Theory of Planned Behavior* (TPB) dan *Theory of Reasoned Action* (TRA). Selain itu, kritikan terhadap teori Barat dalam konteks gelagat pengguna Muslim juga akan dibincangkan secara terperinci untuk menilai kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip Islam.

## 2.5 Niat Menurut Perspektif Barat

Kajian-kajian awal sarjana Barat tentang niat dapat ditemui seawal tahun 1930-an. Pada tahun 1934, Lapiere telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti pengaruh tindakan seseorang dengan sikapnya (Lapiere, 1934). Dockery dan Bedeian (1989); Fishbein dan Ajzen (1975) mengkritik Lapiere dengan menyatakan bahawa Lapiere sebenarnya tidak mengukur sikap, sebaliknya beliau mengukur niat bergelagat.

Niat telah dikupas dalam pelbagai bidang dengan melihat konsep niat dalam konteks yang berbeza, bersesuaian dengan konteks bidang masing-masing. Schroder et al. (2014) menyatakan hingga ke hari ini masih belum ada suatu teori niat yang sesuai digunakan dalam semua bidang. Setiap bidang membincangkan niat dengan tujuan

yang berbeza. Berdasarkan penjelasan Schroder et al. (2014), penerangan tentang niat dalam bidang falsafah adalah berkaitan dengan konsep niat, bidang psikologi menghuraikan tentang tingkah laku manusia, bidang neurosainstifik menerangkan niat untuk menjawab persoalan bagaimana minda memproses tindakan. Bloom (1996) pula menjelaskan niat dalam bidang artifak sebagai tujuan sesuatu tindakan dilakukan, manakala Gibbs (2004) telah mengupaskan niat dalam komunikasi.

Niat dalam bidang falsafah adalah menjelaskan tentang konsep niat itu sendiri. Ia telah mula dibincangkan semenjak tahun 1950 an. Antara yang memulakan perbahasan dalam bidang ini adalah Anscombe iaitu pada tahun 1957 dan Bratman pada tahun 1987 (Schroder et al., 2014). Anscombe antara sarjana Barat terawal membincangkan tentang niat dalam bidang falsafah sekitar tahun 1957, dan telah mempengaruhi penyelidikan berkaitan niat oleh pengkaji-pengkaji terkemudian (Ford et al., 2014; Smith, 2017). Anscombe telah menjelaskan tentang tiga keadaan niat, iaitu niat untuk bertindak, niat dalam bertindak dan niat dalam tindakan sedang dibuat serta menyimpulkan bahawa niat memberi kesan kepada tindakan masa depan (Ford et al., 2014).

Seterusnya, niat dalam neurosainstifik pula menjawab persoalan bagaimana minda memproses sesuatu tindakan (Blakemore & Decety, 2001). Dalam perbincangan Blakemore dan Decety (2001), mereka menjelaskan niat diproses oleh minda, dan seterusnya membawa kepada berlakunya sesuatu tindakan. Proses ini melibatkan proses biologi. Mereka turut menerangkan bahawa terdapat dua keadaan niat, iaitu niat diri sendiri dan tanggapan terhadap niat orang lain. Hal ini demikian kerana niat orang lain dapat difahami dengan memerhati tindakan mereka. Selain itu, niat juga

dibincangkan dalam bidang undang-undang. Misalnya, dalam undang-undang jenayah kes pembunuhan disiasat sama ada tindakan membunuh dengan niat atau tanpa niat (Schroder et al., 2014).

Niat turut dibahaskan dalam bidang seni bina artifak sebagaimana diterangkan oleh Bloom (1996). Niat pembuatan sesuatu binaan adalah untuk tujuan tertentu. Misalnya, dihuraikan bahawa pembinaan sebuah kerusi adalah dengan niat kerusi tersebut untuk diduduk, dan dinyatakan kerusi itu tidak akan terbentuk tanpa niat untuk digunakan. Niat menjelaskan tujuan sesuatu tindakan dibuat (Bloom,1996).

Seterusnya, huraian berkaitan niat dalam bidang psikologi adalah lebih tertumpu kepada gelagat manusia (Schroder et al., 2014; Smith, 2017). Antara pengkaji awal mengenai niat dalam psikologi adalah Lapiere iaitu pada tahun 1934, Dulany pada tahun 1962, Rogers pada tahun 1983, Triandis pada tahun 1980 serta Fishbien dan Ajzen sekitar tahun 1967 hingga kini (Ajzen, 2012; Dockery & Bedeian, 1989; Sheeran, 2002). Kesemua pengkaji awal telah mengupas bagaimana sesuatu gelagat terjadi dan bersetuju bahawa niat adalah antara pengaruh yang menyebabkan berlakunya sesuatu tindakan.

Kajian berkaitan niat bergelagat dalam bidang psikologi diberikan tumpuan utama oleh para pengkaji gelagat pengguna berbanding bidang sosiologi, neurosainstifik dan falsafah. Hal ini demikian kerana niat bergelagat dikaji dalam bidang psikologi untuk memahami sesuatu kehendak dan corak sosial seseorang atau sekumpulan individu

dengan menggunakan beberapa teori berkaitan niat yang dianggap sebagai teori utama dalam kajian-kajian berkaitan niat bergelagat hingga ke- Abad 21.

Schroder et al. (2014) dan Smith (2017) telah bersepakat niat sering dibincangkan dalam bidang psikologi, dan perbincangan mereka lebih tertumpu kepada tingkah laku manusia. Fishbein dan Ajzen (1975); Kim dan Hunter (1993); Ouellette dan Wood (1998) serta Smith (2017) menyatakan niat adalah punca atau berperanan memandu sesuatu tindakan. Menurut Smith (2017), niat membina pemikiran praktikal yang sesuai dan rasional. Apabila seseorang mempunyai hasrat untuk bertindak dalam beberapa perkara, secara rasional individu tersebut akan meletakkan dirinya dalam keadaan yang sesuai untuk bertindak pada masa hadapan merujuk kepada niatnya. Kenyataan ini disokong oleh Kim dan Hunter (1993) dengan pandangan bahawa niat telah membawa kepada wujudnya banyak model kontemporari dalam psikologi sosial yang mengandaikan niat mempengaruhi gelagat. Fishbein dan Ajzen (1975) pula menjelaskan, niat adalah hubungan diri seseorang dengan sesuatu tindakan yang kebarangkaliannya seseorang itu akan bertindak dengan beberapa gelagat.

Gibbs (2004) dalam bukunya menyatakan bahawa menurut ahli psikologi niat memaparkan keadaan mental peribadi seseorang yang diproses sebelum tingkah laku dijalankan. Dengan kata lain, niat adalah perancang untuk bertindak. Bradman (1984) turut bersetuju dengan kenyataan ini, dengan menyatakan niat adalah aktiviti mental.

Smith (2017) pula menyatakan niat digunakan untuk memahami manusia, niat dalam psikologi juga adalah untuk menghasilkan, membimbing, dan membentuk tindakan yang dicadangkan atau membentuk tindakan yang sewajarnya. Tambahan lagi, niat

bergelagat dikaji untuk memahami sesuatu kehendak dan corak sosial seseorang atau sekumpulan individu. Ajzen (1991); Fishbein dan Ajzen (1975); McDonald (2014); Schroder et al. (2014) dan Sheeran (2002) menyatakan bahawa dalam psikologi, niat bergelagat merupakan motivasi yang mendorong seseorang individu bertindak atau bergelagat. Di samping itu, niat juga merangkumi dua petunjuk sama ada melakukan atau tidak melakukan, di samping mempunyai perhitungan seperti berapa banyak masa diperlukan, dan usaha apa yang diperlukan sekiranya perbuatan tersebut ingin dibuat.

Sheeran (2002) berpendapat, niat boleh disimpulkan dengan tiga keadaan respon seseorang iaitu, “saya berniat untuk bertindak melakukan A”, “saya merancang melakukan A”, “saya akan melakukan A”. Ini bermaksud sesuatu yang disebut sebagai perancangan dan juga keinginan melakukan juga adalah merupakan niat. Selain itu, niat juga boleh berubah-ubah (Fishbein & Ajzen, 1975). Menurut Ajzen (1985) niat boleh berubah-ubah oleh beberapa keadaan. Antaranya, kesan daripada masa, keyakinan dan komitmen, perbezaan individu dan lain-lain.

Perkara ini menunjukkan niat menjadi pengaruh dalam melakukan sesuatu, untuk mencapai tujuan atau matlamat. Schroder et al. (2014) turut berpendapat bahawa niat adalah sesuatu yang ada dalam diri untuk mencapai matlamat, alasan dan juga sebab. Misalnya, tindakan seorang pelajar membaca buku atau menghadiri kelas dilakukan untuk mencapai matlamat memperolehi A dalam keputusan peperiksaan. Berdasarkan perbincangan Schroder et al. (2014) dan Sheeran (2002) menunjukkan niat adalah motivasi untuk bertindak dalam melakukan sesuatu perbuatan untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat.

Menurut Bagozzi (1981) pula, niat dalam bidang psikologi adalah merujuk kepada rancangan seseorang individu untuk bertingkah laku. Setiap orang yang merancang untuk melakukan sesuatu adalah merujuk kepada keinginan dan kemampuan untuk mencapai tingkah laku tersebut. Niat juga membawa kepada perbincangan masa depan (Bagozzi, 1989).

Bagozzi (1989) turut menyatakan niat juga merupakan kesediaan dan petunjuk sejauh mana kesanggupan seseorang berusaha untuk melakukan atau memiliki sesuatu. Semakin kuat niat seseorang untuk melakukan sesuatu gelagat, maka semakin besar kemungkinan gelagat tersebut dilakukan. Niat juga dinyatakan sebagai perancangan dan tujuan yang akan memandu tingkah laku seseorang di samping tingkah laku tersebut dipengaruhi oleh kawalan kemahuan seseorang individu.

Walau bagaimanapun, tidak semua niat yang terbentuk membawa kepada berlakunya sesuatu tindakan. Ajzen (1985) menjelaskan bahawa tingkah laku yang terjadi adalah dikawal oleh niat, namun tidak semua niat akan terlaksana. Selain itu, Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan niat adalah hubungan diri seseorang dengan sesuatu tindakan. Hal ini demikian kerana terdapat juga kebarangkalian seseorang itu akan bertindak dengan beberapa gelagat. Oleh itu, Fishbein dan Ajzen (1975) turut menyatakan niat bergelagat sebagai kebarangkalian seseorang akan melakukan beberapa tingkah laku.

Sutton (1998) pula berpendapat niat adalah bersifat sementara atau boleh berubah. Pendapat Sutton juga disetujui oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Hal ini demikian kerana Fishbein dan Ajzen menyatakan niat adalah sesuatu yang mempunyai

hubungan antara tindakan dan dalaman diri seseorang individu sendiri. Niat juga adalah bergantung kepada sesuatu situasi keadaan serta persekitaran dan semua perkara ini adalah berubah-ubah. Oleh yang demikian, niat juga adalah boleh berubah merujuk kepada situasi, keadaan dan persekitaran yang dilalui. Tambahan lagi, Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan seseorang individu akan tunaikan niatnya apabila mempunyai peluang.

Fishbein dan Ajzen (1975) telah mendefinisikan niat sebagai hubungan tindakan seseorang terhadap jangkaan perasaan yang ada dalam dirinya sendiri, manakala niat bergelagat pula didefinisikan sebagai jangkaan dirinya akan bertindak melakukan sesuatu gelagat. Definisi Fishbein dan Ajzen (1975) tidak disetujui oleh Warshaw dan Davis (1985). Mereka berpendapat niat bergelagat adalah lebih sesuai dikenali sebagai jangkaan tingkah laku. Hal ini demikian kerana sesuatu gelagat dijangka akan berlaku, namun ianya belum berlaku. Walau bagaimanapun, niat bergelagat yang didefinisikan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) telah diterima pakai dalam kebanyakan teori dan model yang berkaitan. Misalnya Bagozzi (1981) telah menggunakan niat bergelagat dalam teori mereka, bahkan turut menjadikan pendekatan yang diperkenalkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) sebagai asas pembinaan teori (Bagozzi, 1989; Bamberg & Schmidt, 2003; Kim & Hunter, 1993; McDonald, 2014).

Kesimpulannya, walaupun huraian tentang niat di dalam pelbagai bidang dengan teori dan model-model niat tersendiri, namun sarjana-sarjana Barat sepakat menyatakan niat adalah sesuatu yang mempengaruhi tindakan, dan sebahagiannya menyatakan proses niat terletak di minda. Seterusnya, niat dalam bidang psikologi adalah berkait rapat dengan aktiviti penggunaan. Hal ini demikian kerana aktiviti penggunaan melibatkan

tingkah laku atau gelagat seseorang. Sejak terbentuknya teori niat bergelagat oleh sarjana Barat hingga kini, kebanyakan kajian-kajian berkaitan niat bergelagat menggunakan teori tersebut, iaitu *Theory of Reasoned Action (TRA)* dan *Theory Planned Behaviour (TPB)*.

### **2.5.1 Teori Niat Bergelagat Menurut Perspektif Barat**

Sekitar tahun 1930, kajian berkaitan hubungan sikap dan gelagat telah mula dikaji oleh Richard T. Lapiere (Ajzen, 2012; Lapiere, 1934). Kajian Lapiere (1934) adalah berkaitan hubungan antara ucapan dan tindakan, namun didapati tiada hubungan antara ucapan dan tindakan. Dalam kajian Lapiere, beberapa hotel dan rumah tumpangan di Amerika Syarikat dipilih. Terdapat dua peringkat kajian tersebut, iaitu pada peringkat pertama antara soalan yang ditanyakan “adakah pihak tuan akan menerima tetamu daripada China?”. Majoriti jawapan yang diberi oleh pihak hotel dan rumah tumpangan tersebut adalah “tidak”. Beberapa bulan kemudian Lapiere telah membuat tinjauan ke hotel dan rumah tumpangan tersebut, dan didapati jawapan pihak hotel tidak selari dengan tindakan mereka. Hal ini demikian kerana pihak hotel telah menerima tetamu dari China. Hasil daripada kajian Lapiere menjelaskan bahawa tiada hubungan antara ucapan dan tindakan (Dockery & Bedeian, 1989).

Kajian oleh Lapiere juga telah mendapat kritikan daripada beberapa pengkaji lain, namun kajiannya juga telah mempengaruhi banyak kajian-kajian yang berkaitan hubungan sikap dan gelagat (Ajzen & Fishbein, 1969; Dockery & Bedeian, 1989). Fishbein dan Ajzen (1975) menjelaskan bahawa Lapiere tidak mengkaji hubungan

antara sikap dan gelagat, namun penyelidikan beliau adalah mengkaji hubungan sikap dan niat bergelagat.

Ajzen dan Fishbein (1969) menerangkan bahawa model yang diperkenalkan oleh Fishbein, iaitu *Theory of Reasoned Action* (TRA) merupakan model pertama yang mengkaji hubungan antara niat dan gelagat. *Theory of Reasoned Action* (TRA) telah dipengaruhi oleh *Theory of Propositional* yang diperkenalkan oleh Dulany (Ajzen, 2012; Fishbein & Ajzen, 1975; Ryan & Bonfield, 1975). Penyelidikan Dulany bermula dengan melihat hubungan ungkapan lisan dan kesedaran, seterusnya penyelidikan diperbaharui dan dilanjutkan dengan memasukkan niat sebagai pembolehubah kajian (Dulany, 1961). Hasil penyelidikan Dulany membuktikan bahawa niat mempunyai hubungan dengan tabiat dan kesedaran (Dulany, 1962). Hipotesis kajian Dulany juga menghuraikan bahawa niat seseorang individu terbentuk secara sedar untuk bertindak balas dengan tindakan tertentu. Niat bertingkah laku tersebut akan menentukan gelagat sebenar seseorang. Niat juga merupakan proses mental, melibatkan kepercayaan positif atau negatif seseorang dalam mempengaruhi sesuatu tindakan (Dulany, 1961).

Sehingga ke hari ini, kajian berkaitan niat bergelagat telah berkembang dan berterusan. Sepertimana yang dibincangkan oleh Ajzen dan Dasgupta (2015) fenomena berkembangnya kajian berkaitan niat dalam bergelagat telah mewujudkan banyak model kontemporari dalam bidang psikologi sosial yang mengandaikan niat mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang. Antaranya adalah, *Social Cognitive Theory* oleh Bandura (1997), *Theory Of Subjective Culture and Interpersonal Relations* oleh Triandis (1972), *Health Belief Model* oleh Rosenstock, Strecher dan Becker (1994), *Goal-Setting Theory* oleh Locke dan Latham (1994), *Information-Motivation-*

*Behavioral Skills Model* oleh Fisher dan Fisher (1992), dan *Technology Acceptance Model* oleh Davis (1989) serta *Theory Planned Behavior* oleh Ajzen (1991).

Jadual 2.5.1 menunjukkan beberapa teori dan model yang telah digunakan oleh beberapa pengkaji lepas. Teori-teori dan model-model tersebut telah menggunakan niat sebagai salah satu elemen dalam rangka kerja mereka.

Jadual 2.5.1  
*Teori dan Model Barat yang Mempunyai Elemen Niat*

Bil.	Konsep	Sumber	Teori/Model yang mempunyai elemen niat	Tujuan
1	Niat dalam bertindak	Davis dan Warshaw (1992)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Theory of Reasoned Action , Ajzen dan Fishbein (1975;1980)</li> <li>2. Theory Of Interpersonal Behavior, Triandis ( 1977; 1979)</li> <li>3. Subjective Probability Model, Jaccard and King ( 1977)</li> </ol>	Mengkaji pengukuran niat dalam bertindak, serta membandingkan niat bergelagat dan jangkaan niat.
2.	Niat bergelagat sebagai perantara antara sikap dan gelagat	Kim dan Hunter (1993)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Model Bagozzi (1981)</li> <li>2. Model Bentler &amp; Speckart (1979)</li> <li>3. Model Fishbein &amp; Ajzen, 1975</li> <li>4. Model Ryan &amp; Bonfield, 1975</li> <li>5. Model Sheth (1971; 1974)</li> <li>6. Model Warshaw (1980)</li> </ol>	Mengkaji hubungan niat dan sikap serta gelagat dalam beberapa teori.
3.	Niat sebagai perantara	Leone et al., (1999)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Theory Of Reasoned Action, Fishbein &amp; Ajzen (1975)</li> <li>2.Theory of Planned Behavior, Ajzen (1985)</li> <li>3. Theory Of Self-Regulation, Bagozzi (1992).</li> </ol>	Mengkaji tindakan semasa dan tindakan lepas dalam mempengaruhi niat.
		Sheeran ( 2002)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Theory Of Reasoned Action, Fishbein &amp; Ajzen (1975;1980)</li> <li>2. Theory of Planned Behavior Ajzen (1985; 1991)</li> <li>3. Attitude-Behavior Theory , Triandis (1980)</li> <li>4. Protection Motivation Theory , Rogers (1983)</li> </ol>	Mencari lompong antara niat dan gelagat.

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Pelbagai kajian berkaitan niat bergelagat telah dijalankan dalam pelbagai bidang, sama ada dalam pemasaran, sumber manusia, ekonomi, pengurusan dan lain-lain. Niat dianggap penting untuk dikaji kerana Fishbein dan Ajzen (1975) berpendapat bahawa niat mampu mempengaruhi gelagat dan niat juga boleh berubah-ubah bergantung kepada dalaman seseorang.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, terdapat beberapa teori yang berkaitan niat bergelagat. Namun kajian-kajian lepas menyatakan *Theory of Reasoned Action* (TRA) dan *Theory Planned Behaviour* (TPB) yang diperkenalkan oleh Fishbein dan Ajzen sering digunakan dalam kajian-kajian empirikal, terutamanya kajian-kajian berkaitan niat bergelagat. Wiyono et al. (2022) dan Sholihin (2023) turut menyatakan TRA dan TPB sering digunakan oleh pengkaji yang mengkaji niat gelagat pengguna. Bahkan dalam mengkaji gelagat Muslim dalam beberapa tindakan seperti memilih produk halal, pemilihan perbankan Islam, berwakaf, berzakat dan berpoligami pengkaji lepas telah menggunakan dua teori tersebut iaitu TRA dan TPB (Ahmad Najib, 2019). Namun demikian terdapat juga beberapa pengkaji seperti Adnan et al. (2017); Basaruddin dan Abu Bakar (2019) dan Othman (2018) menolak penggunaan teori TRA atau TPB dalam mengkaji gelagat pengguna Muslim dengan beberapa sebab.

### **2.5.2 Kritikan Terhadap Teori Barat**

Merujuk kepada kajian-kajian terdahulu, beberapa pengkaji telah menyatakan bahawa teori niat bergelagat menurut perspektif Barat tidak sesuai untuk digunakan dalam mengkaji niat gelagat Muslim, disebabkan beberapa perkara. Antaranya adalah tidak menepati syariat Islam, konsep niat tidak selari dengan ajaran Islam, faktor yang

mempengaruhi niat tidak selari dengan ajaran Islam dan tidak mempunyai unsur mendidik dan tidak menyelesaikan masalah sosial.

Adnan (2011); Adnan et al. (2017); Ahmad Najib (2019; 2022); Basarud-din dan Abu Bakar (2019); Mokthar (2019) dan Othman (2018) berpendapat teori niat bergelagat menurut perspektif Barat tidak menepati syariat Islam. Seperti yang dinyatakan oleh Othman (2018), konsep niat bergelagat menurut perspektif Barat menolak konsep tauhid yang ditekankan dalam ajaran Islam. Adnan (2011); Adnan et al. (2017) dan Ahmad Najib (2019; 2022) menyatakan definisi dan konsep niat Barat tidak menekankan elemen dosa pahala dan juga tujuan untuk mengkecapi keredaan Allah SWT dalam setiap tindakan. Tambahan lagi Barat turut menolak bahawa setiap tindakan diperhatikan oleh Allah SWT dan dicatat oleh malaikat (Othman, 2018).

Tambahan lagi, Barat menekankan konsep kepuasan dan kebebasan bertindak tanpa mempunyai sebarang garis panduan, sebaliknya Islam menekankan syariat yang perlu dipatuhi dan terdapat batasan dalam setiap tindakan (Adnan, 2011; Basarud-din & Abu Bakar, 2019; Othman, 2018). Selain itu faktor yang mempengaruhi niat tidak selari dengan ajaran Islam. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Basarud-din dan Abu Bakar (2019) serta Othman (2018), setiap niat seorang Muslim dipengaruhi oleh iman, amal dan akhlak yang mana kesemua elemen ini tidak dibincangkan oleh Barat. Selain itu faktor-faktor yang mempengaruhi niat yang dibincangkan oleh sarjana Barat juga tidak sesuai diaplikasikan dalam kajian gelagat Muslim (Ahmad Najib, 2019; Mokthar, 2019).

Seterusnya, teori niat bergelagat menurut perspektif Barat tidak mempunyai unsur mendidik dan tidak menyelesaikan masalah sosial. Hal ini demikian kerana konsep kebebasan dan kepuasan serta ketiadaan garis panduan dalam konsep penggunaan Barat. Tambahan lagi, Adnan et al. (2017) menyatakan matlamat penyelidikan berteraskan teori konvensional lebih tertumpu kepada usaha untuk memperbaiki produk atau perkhidmatan bukan pengguna itu sendiri. Hal ini selari dengan kenyataan oleh Basarud-din dan Abu Bakar (2019) yang berpendapat hasil daripada penyelidikan niat membolehkan pengeluar lebih memperdayakan pengguna dari segi produk, promosi, harga, saluran pengedaran dan sebagainya untuk disesuaikan dengan kehidupan pengguna dari segi lokasi, demografi, kelas sosial, gaya hidup, keperibadian, persepsi, tahap kesetiaan dan sebagainya berbanding mendidik jiwa dan kerohanian pengguna dalam mengingati Allah SWT.

Berdasarkan kajian dan pandangan pengkaji terdahulu, terbukti bahawa teori niat bergelagat Barat kurang sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian niat gelagat pengguna Muslim. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan difokuskan kepada konsep niat menurut perspektif Islam, dengan tujuan untuk memahami aspek-aspek utama seperti definisi, sumber ilmu, fungsi dan kepentingan, serta tahap dan jenis niat menurut pandangan Islam.

## **2.6 Niat Menurut Perspektif Islam**

Niat adalah suatu perkataan yang sering digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang diperlukan diawal tindakan. Dalam ajaran Islam niat sangat penting, segala gelagat

dikaitkan dengan niat terutamanya dalam gelagat-gelagat yang berkait dengan ibadat khusus.

### 2.6.1 Definisi Niat

Abdul Rahman (1989) mendefinisikan niat daripada bahasa sebagai seseorang yang melakukan sesuatu tindakan mengikut kemahuan sendiri berdasarkan “*qasad*” (tujuan hati) dan “*iradah*” (kehendak hati). Niat, “*qasad*” (tujuan hati) dan “*iradah*” (kehendak hati) membawa maksud yang sama (al-Ghazali, 1981). Al-Zuhaili (2010) mendefinisikan niat daripada sudut bahasa sebagai keinginan dan tekad hati serta kehendak untuk melakukan atau mendapatkan sesuatu tanpa rasa ragu-ragu. Al-Asyqar (2002) menyatakan niat sebagai keazaman. Al-Asyqar (2002) turut menjelaskan bahawa niat bermakna cetusan hati, halatuju dan kecenderungan kepada sesuatu matlamat yang ingin dicapai.

Daripada sudut syarak pula, Abdul Rahman (1989) mendefinisikan niat sebagai gerak hati ke arah untuk melakukan sesuatu perkerjaan atau tindakan untuk mencari keredaan Allah SWT dan taat kepada setiap perintah dan larangan-Nya, atau disebut juga sebagai ikhlas. Al-Zuhaili (2010) mendefinisikan niat daripada sudut syarak sebagai tekad hati untuk melakukan sesuatu amalan fardu atau amalan-amalan adat kebiasaan yang lain.

Seterusnya, definisi niat daripada sudut syarak dijelaskan oleh al-Qardawi (2000) dengan memberikan perbezaan pendapat maksud niat oleh ulama al-Malikiyyah dan asy-Syafi’iyyah. Ulama kalangan al-Malikiyyah mendefinisikan niat sebagai satu tujuan sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan, dengan menggambarkan niat terjadi

sebelum sesuatu perbuatan dilakukan. Manakala ulama asy-Syafi'iyah pula mendefinisikan niat sebagai suatu tujuan sesuatu perbuatan yang hadir bersama perbuatan tersebut.

Seterusnya, terdapat juga ilmuan yang membincangkan definisi niat secara umum, tanpa menyebutkan sama ada definisi daripada sudut bahasa atau syarak. Seperti al-Ghazali (1981) mendefinisikan niat sebagai sifat hati yang mendorong sesuatu tindakan dengan dipengaruhi oleh ilmu dan kehendak serta kemampuan. Beliau menjelaskan, niat bersifat berada di tengah-tengah antara ilmu dan tindakan, niat juga adalah keinginan yang bersesuaian dengan maksud yang ingin dicapai sama ada masa sekarang atau di masa akan datang. Manakala al-Qardawi (2018) mendefinisikan niat sebagai satu gambaran kehendak yang pasti untuk menentukan sesuatu perbuatan, sama ada baik atau buruk, wajib atau sunat, haram, makruh atau *mubah* (yang dibolehkan).

Al-Qardawi (2000) turut mendefinisikan niat sebagai terdetik kehendak seseorang untuk mencapai matlamat yang diinginkan, atau kemahuan yang bersungguh-sungguh. Niat juga didefinisikan sebagai cetusan hati, hala tuju dan kecenderungan kepada sesuatu yang mempunyai matlamat bagi niat tersebut untuk mencapai matlamat masa kini atau akan datang (al-Asyqar, 2002). Ahmad Najib (2019) mendefinisikan niat sebagai keazaman dan dorongan hati melakukan sesuatu tanpa paksaan, bertujuan untuk mendapatkan reda dan ganjaran serta mendekatkan diri kepada Allah SWT tanpa mencampuri tujuan lain atau mengharapkan pujian daripada sesiapa.

Alias et al. (2019) pula menyatakan niat bermaksud sebab utama berlakunya sesuatu perbuatan, niat juga adalah tujuan yang timbul dengan kesedaran hati untuk melakukan sesuatu dengan kemahuan sendiri. Mokhtar (2018) mendefinisikan niat sebagai kehendak dan keazaman untuk melakukan sesuatu tindakan dengan meletakkan keikhlasan sebagai sifat kepada niat agar tindakan itu diterima dan mendapat keredaan Allah SWT.

Kesimpulannya, niat dilakukan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mendapatkan keredaan-Nya. Niat yang dilakukan juga adalah untuk tindakan masa kini dan masa akan datang dengan kemahuan diri sendiri. Oleh yang demikian daripada perbincangan di atas, definisi untuk kajian ini adalah niat bermaksud tujuan atau kehendak melakukan sesuatu kerana Allah SWT untuk tindakan masa kini atau masa akan datang dengan kemahuan sendiri.

### 2.6.2 Sumber Ilmu Niat

Sumber ilmu berkaitan niat daripada perspektif Islam adalah berpandukan al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Niat telah disebutkan dalam beberapa ayat al-Quran dan juga hadis. Al-Zuhaili (2010) menyatakan penjelasan berkaitan niat dalam al-Quran tidak semuanya menggunakan perkataan "*al-niyyah*", namun perkataan yang digunakan adalah membawa maksud sama dengan "*al-niyyah*". Antara perkataan yang digunakan untuk menggambarkan niat, adalah seperti ikhlas, *al-iradah*, *ibtigha mardatillah* (menuntut keredaan Allah SWT), *ibtigha wajhillah* serta *ihtisab* dan lain-lain (Abdul Rahman, 2003; Abdul Syukur, 1995). Antara ayat-ayat al-Quran yang membawa maksud niat antaranya adalah surah al-Baqarah (2:225, 265 dan 272), surah

ali-Imraan (3:29) surah al-An'aam (6:52), surah al-Hajj (22:37) serta surah al-Bayyinah (98:5).

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَٰكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا كَسَبْتُمْ  
قُلُوبَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿٢٢٥﴾

Terjemahan: “Allah tidak mengira kamu berdosa disebabkan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi Allah menghukum kamu disebabkan (sumpah kamu) yang disengajakan (untuk bersumpah) oleh hatimu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar”.

(al-Baqarah 2:225)

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ  
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَتَاتَتْ أَكْطَافًا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِيبْهَا وَابِلٌ  
فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Terjemahan: “Perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan untuk mengukuhkan (keimanan) mereka itu seperti sebuah kebun di dataran tinggi yang disirami hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buah dua kali ganda banyaknya. Jika hujan tidak turun menyiraminya, embun atau gerimis pun (sudah memadai). Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu lakukan”.

(al-Baqarah 2:265)

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَا كِنَ اللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ وَمَا  
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا  
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُؤَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٦٧﴾

Terjemahan: “Bukanlah kewajipanmu (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan

petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberikan petunjuk (memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Namun, apa-apa hartamu yang halal yang kamu belanjakan (di jalan Allah), maka (pahalanya) untuk kamu sendiri. Jadi, janganlah kamu membelanjakan hartamu melainkan mencari keredhaan Allah. Sesungguhnya apa-apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan nescaya ganjaran pahalanya akan diberikan kepadamu sepenuhnya (tidak dikurangkan) dan kamu tidak akan dianiaya sedikit pun”.

(al-Baqarah 2:272)

قُلْ إِنْ تَخْفُوا مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تُبْدُوهُ يُعَلِّمَهُ اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٧٢﴾

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad), “Jika kamu sembunyikan apa-apa yang ada dalam dada kamu atau kamu zahirkannya, pasti Allah mengetahuinya. Dia mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu”.

(ali-‘Imran 3:29)

وَلَا تَطْرُدِ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۗ  
 مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِمْ مِنْ شَيْءٍ  
 فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٢﴾

Terjemahan: “Dan janganlah engkau mengusir orang yang beribadat dan berdoa kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang kerana mengharap keredhaan-Nya semata-mata. Kamu tidak memikul tanggungjawab sedikit pun terhadap hitungan amalan mereka dan mereka pun tidak memikul tanggungjawab sedikit pun terhadap hitungan amalan kamu. Maka, (sekiranya) kamu mengusir mereka nescaya kamu termasuk dalam golongan orang yang zalim”.

(al-An'am 6:52)

لَنْ يَتَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَتَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْنَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

Terjemahan: “Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredhaan Allah, tetapi ketaqwaan daripada kamulah yang dapat mencapai-Nya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berbuat baik”.

(al-Haj 22:37)

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Terjemahan: “Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya semata-mata dan tetap teguh atas tauhid dan mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar)”.

(al-Bayyinah 98:5)

Sementara itu, hadis utama dan sering menjadi sumber utama dalam membincangkan niat adalah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar iaitu:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ  
إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِيَ هِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ<sup>2</sup>.

Terjemahan: “Sesungguhnya setiap amal tergantung kepada niat. Dan pahala bagi setiap orang yang beramal diberikan sesuai dengan apa yang diniatkannya. Siapa yang hijrah dengan niat kerana hendak memperoleh keredhaan Allah dan RasulNya, maka pahalanya ada di sisi Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrah dengan niat hendak memperoleh harta kekayaan (kebanggaan duniawi) atau dengan niat hendak mengahwini seorang perempuan yang dicintainya, maka pahala hijrahnya sesuai dengan niatnya pula.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

<sup>2</sup> Al-Bukhāri, Bad-ul Wahyi, Kayfa Kāna Bad-ul Wahyi 'Ilā Rasullāhi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, hadith 1, daripada Umar bin al-Khattab.

Hadis ini telah diriwayatkan oleh dua orang Imam ahli hadis iaitu Imam Bukhari dan Imam Muslim (al-Nawawi, 1984). Seterusnya, hadis ini juga telah dibahaskan dalam pelbagai bidang ilmu oleh ulama-ulama terkenal seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam as-Sayuti serta ulama-ulama semasa seperti al-Zuhaili dan al-Qardawi. Hadis ini amat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Hadis ini juga mempunyai nilai martabat yang tinggi, kerana ianya menjadi rujukan bagi kebanyakan hukum dalam ajaran Islam. Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zuhaili (2010), Imam Abu Dawud telah *menukilkan* “*sesungguhnya hadis ini adalah separuh ajaran Islam*”. Dijelaskan lagi bahawa “*...separuh ajaran Islam...*” ini merujuk kepada ajaran Islam yang terdapat dua bentuk amalan. Iaitu amalan zahir yang terdiri daripada amalan secara perbuatan, dan amalan batin, yang terdiri daripada niat. Oleh yang demikian perkara ini menunjukkan niat adalah salah satu yang menggerakkan seseorang bertingkah laku.

Seterusnya, Imam Syafie, Imam Ahmad dan beberapa imam telah menyatakan bahawa hadis ini mengandungi sepertiga ilmu dalam kehidupan (Abdul Syukur, 1995; Abdul Rahman, 1989). Hal ini demikian kerana setiap perbuatan seseorang individu itu adalah melibatkan hati, lidah dan anggota badan. Imam al-Baihaqi juga turut menerangkan bahawa sesuatu tingkah laku manusia itu mempunyai faktor yang menggerakannya iaitu, sama ada hati, lisan dan juga anggota badan (al-Zuhaili, 2010). Tambahan lagi, Imam Syafie menyatakan hadis niat adalah termasuk dalam 70 bab dalam ilmu fekah (al-Marbawi, 2017). Di samping ianya telah menjadi tajuk pertama perbincangan dalam kitab beberapa orang ulama seperti Imam al-Bukhari dan Imam al-Nawawi. Tujuan Imam al-Bukhari dan Imam al-Nawawi meletakkan niat sebagai permulaan perbincangan kitab-kitab mereka adalah untuk mewujudkan rasa

ikhlas dalam menyampaikan ilmu, serta untuk memperingati bahawa niat ikhlas adalah penting dalam setiap tindakan. Atas dasar kepentingan niat, maka Imam al-Bukhari menjadikan hadis niat sebagai hadis nombor satu dalam Kitab Sahih Bukhari (al-Qaradawi, 2018). Selain daripada hadis utama ini, terdapat banyak hadis-hadis lain yang membincangkan tentang niat.

Tambahan lagi, terdapat ulama-ulama silam dan terkini yang membincangkan tentang niat. Imam al-Ghazali telah membincangkan niat dalam kitabnya yang bertajuk “*Ihya Ulumudin*” (al-Ghazali, 1981). Imam al-Nawawi pula telah membincangkan niat dalam kitab-kitabnya yang bertajuk “*Riyadus Solihin*” (Taman Orang Soleh), “*al-Adhkar*” dan “*al-Arba'in*” (Hadis Empat Puluh). Selain itu, ulama-ulama semasa seperti Wahbah al-Zuhaili dan Yusuff al-Qardawi juga turut membincangkan tentang niat, contohnya Wahbah al-Zuhaili telah membincangkan niat secara mendalam dalam pelbagai perbincangan dalam kitabnya yang bertajuk “*Fiqh Islam Wa Adillatuhu*”. Yusuff al-Qardawi pula telah membincangkan niat dalam beberapa perkara, termasuklah dalam ibadat dan perjuangan menerusi bukunya yang bertajuk “Ikhlas dalam Ibadat dan Perjuangan”. Kesemua ulama-ulama ini telah merujuk al-Quran dan hadis dalam membincangkan tentang niat. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa sumber utama ilmu berkaitan niat adalah daripada al-Quran dan hadis.

Selain hadis utama ini, terdapat juga hadis lain yang berkaitan niat antaranya:

حَدَّثَنِي عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (يَعْرُو جَيْشُ الْكَعْبَةِ، فَإِذَا كَانُوا بَيْنَدَاءَ مِنَ الْأَرْضِ يُخَسِّفُ بِأَوْلِهِمْ وَآخِرِهِمْ). قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ يُخَسِّفُ بِأَوْلِهِمْ وَآخِرِهِمْ، وَفِيهِمْ أَسْوَأُهُمْ، وَمَنْ لَيْسَ مِنْهُمْ؟. قَالَ: (يُخَسِّفُ بِأَوْلِهِمْ وَآخِرِهِمْ ثُمَّ يُبْعَثُونَ عَلَى نِيَاتِهِمْ)<sup>3</sup>.

*Terjemahan: Dari 'Aisyah r.a., katanya Rasulullah saw. bersabda: “Satu pasukan tentera menyerang Kaabah. Ketika mereka berada di tanah lapang, mereka ditenggelamkan ke bumi dari yang dahulu sampai mereka yang penghabisan, Saya bertanya, “Ya, Rasulullah! Mengapa mereka ditenggelamkan dari yang dahulu sampai penghabisan? Padahal di dalam mereka ada orang-orang pasar (rakyat banyak) dan orang-orang yang bukan dari golongan mereka”. Sabda beliau, “Ditenggelamkan mereka dari yang dahulu sampai yang penghabisan, kemudian mereka dibangkit sesuai dengan niat mereka masing-masing”.*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِتْمَا يُبْعَثُ النَّاسُ عَلَى نِيَاتِهِمْ<sup>4</sup>.

*Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a: Rasulullah SAW telah bersabda “Bahawasanya manusia akan dikumpulkan sesuai dengan niat mereka masing-masing”.*

*(Hadis Riwayat Ibnu Majah)*

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ، وَأَعْمَالِكُمْ<sup>5</sup>.

*Terjemahan: “Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat kepada rupa dan harta kamu. Akan tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amalan kamu”.*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

<sup>3</sup> Al-Bukhārī, Al-Buyu’, Ma Zukira fī Al-Aswaqī, hadīth 2012, daripada Nafi’ bin Jubair bin Mut’im.

<sup>4</sup> Ibnu Mājah, al-Zuhd, Al-Niat, hadīth 4229, daripada Abi Hurairah RA. Al-Albānī mengatakan bahawa sanad hadīth ini adalah sahih.

<sup>5</sup> Muslim, Al-Birr wa al-Sillati Wa Al-Adāb, Tahrimi Zulm Al-Muslim, Wa Qazlihi, Wahtiḡārihi, Wa Damihi, Wa ‘Irdhihi, Wa Mālihi, hadīth 2564, daripada Abi Hurairah RA.

### 2.6.3 Fungsi dan Kepentingan Niat

Niat adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan seorang Muslim. Para ulama bersepakat niat adalah diwajibkan dalam setiap ibadat khusus, dan terdapat sebahagian ulama menyatakan niat diperlukan dalam gelagat lain selain ibadat khusus. Hal ini demikian kerana niat mampu memberi kesan kepada gelagat seseorang (al-Asyqar, 2002; al-Zuhaili, 2010; al-Qardawi, 2018). Jadual 2.6.3 menjelaskan beberapa manfaat dan kepentingan niat dalam kehidupan seorang Muslim.

Jadual 2.6.3

*Pendapat Berkaitan Fungsi dan Kepentingan Niat*

<b>Fungsi dan Kepentingan Niat</b>	<b>Pendapat</b>
Membezakan satu ibadat dengan ibadat yang lain.	Al-Asyqar (2002); al-Qardawi (2018) & al-Zuhaili (2010)
Membezakan ibadat dengan perbuatan seharian.	Al-Asyqar (2002); al-Qardawi (2018) & al-Zuhaili (2010)
Mengubah gelagat yang <i>mubah</i> menjadi ibadat, menjadikan perbuatan biasa jadi istimewa.	Al-Asyqar (2002); al-Qardawi (2018); al-Zuhaili (2010); Alkaf (2013); Ibn 'Alwi Alaydrus (2023) & Musthafa (2010)
Ukuran mendapat ganjaran pahala atau sebaliknya.	Alkaf (2013) & Musthafa (2010)
Bezakan tujuan sesuatu gelagat kerana Allah SWT atau selainnya serta menjauhkan riak.	Al-Asyqar (2002); al-Zuhaili (2010) & Musthafa (2010)
Merawat penyakit lalai, tamak dan hidup tanpa tujuan.	Al-Asyqar (2002)
Mampu kawal keinginan dan kehendak.	Al-Asyqar (2002)

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Pertama niat penting kerana dengan niat sesuatu ibadat dengan ibadat yang lain dapat dibezakan. Misalnya, seseorang yang ingin menunaikan solat fardu dapat dibezakan antara solat Asar dan Zohor dengan berniat. Niat juga boleh membezakan sesuatu gelagat antara ibadat khusus dan aktiviti seharian. Contohnya, seseorang yang mandi

sunat hari raya, dan mandi sekadar untuk menyegarkan badan dapat dibezakan dengan niat (al-Asyqar, 2002; al-Qardawi, 2018; al-Zuhaili, 2010).

Seterusnya, niat tidak hanya diperlukan dalam ibadat khusus, bahkan dalam aktiviti seharian atau perkara *mubah* juga perlukan niat (al-Zuhaili, 2010). Oleh yang demikian, al-Asyqar (2002); al-Ghazali (1989); al-Qardawi (2018); al-Zuhaili (2010) dan Ibn 'Alwi Alaydrus (2023) telah berpendapat niat boleh menjadikan gelagat seharian berubah menjadi ibadat dan berpahala. Mereka turut sepakat berpendapat perbuatan seharian atau perbuatan *mubah* seperti makan minum, mencari nafkah, tidur, mandi dan lain-lain boleh berubah menjadi ibadat dan berpahala dengan niat atau dengan tujuan kerana Allah SWT. Alkaf (2013) menyatakan niat mampu menjadikan sesuatu perbuatan biasa menjadi sesuatu yang istimewa. Misalnya, seseorang yang makan untuk menghilangkan lapar dan mempunyai tenaga untuk beribadat akan mendapat ganjaran pahala berbanding seseorang yang makan hanya kerana ingin memuaskan keinginannya untuk makan.

Al-Zuhaili (2010) turut menjelaskan tidak menjadi suatu kewajipan untuk berniat dalam gelagat seharian, namun menjadi suatu kerugian jika seorang Muslim tidak berniat dalam aktiviti seharian. Hal ini demikian kerana dengan niat seseorang boleh mendapat pahala dalam setiap gelagat yang dilakukan. Alkaf (2013); al-Asyqar (2002) dan Musthafa (2010) turut menjelaskan dengan niat yang betul boleh menyelamatkan diri seseorang daripada dosa. Perkara ini kerana, seseorang yang mempunyai tujuan sesuatu tindakan untuk menunjuk-nunjuk atau riak boleh menyebabkan dia dibalas dengan dosa.


Seterusnya al-Asyqar (2002) menyatakan, niat mampu merawat penyakit lalai, tamak, dan perasaan kosong hidup tanpa tujuan. Niat juga mampu mengawal keinginan dan kehendak yang melampaui batas, serta mendidik seseorang meletakkan setiap keinginan dan kehendak bertujuan kerana Allah SWT. Pendapat al-Asyqar (2002) disandarkan kepada firman Allah SWT :

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ  
يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا



*Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad, “Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia seperti kamu yang diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya Tuhan kamu itu Tuhan Yang Maha Esa. Sesiapa mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadat kepada Tuhannya”.*

*(al-Kahf 18:110)*



Universiti Utara Malaysia

Berdasarkan penjelasan berkaitan fungsi dan kepentingan niat, jelas bahawa niat amat penting dalam kehidupan dan aktiviti seharian Muslim. Niat bukan sekadar diperlukan dalam gelagat ibadat khusus, seperti solat, puasa dan zakat. Namun niat juga bermanfaat untuk aktiviti seharian.

#### 2.6.4 Tahap Niat

Alkaf (2013) dan Laldin (2007) menyatakan, sebahagian ulama telah mengkategorikan niat kepada lima tahap. Pertama, *al-hajis* iaitu lintasan pertama niat ke atas hati atau apa yang muncul seketika dalam hati. Kedua *al-khathir*, iaitu niat yang terdetik di hati

atau apa yang terdetik di hati dapat dielak daripada melaksanakan niat tersebut. Ketiga *hadisun-nafsi*, bermaksud seseorang tidak pasti sama ada lintasan hati yang hadir perlu dilaksanakan atau tidak.

Keempat *al-hammu*, iaitu terdapat suatu niat untuk bertindak namun keinginan yang kuat untuk bertindak itu tidak terlaksana. Terdapat hadis yang menjelaskan sekiranya seseorang berniat melakukan kebaikan, namun tidak melaksanakannya, akan dicatat satu kebaikan, jika dilaksanakan akan dicatat dengan sepuluh kebaikan atau lebih. Manakala jika berniat melakukan kejahatan namun tidak dilaksanakan, akan dicatat satu kebaikan, namun jika niat jahat itu dilaksanakan maka satu kejahatan akan dicatatkan. Perkara ini boleh disandarkan kepada hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ، ثُمَّ بَيَّنَّ ذَلِكَ، فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً<sup>6</sup>.

*Terjemahan: “Sesungguhnya Allah telah menetapkan nilai kebaikan dan kejahatan, kemudian Dia menjelaskannya. Maka barang siapa berniat mengerjakan kebaikan tetapi tidak dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat untuk berbuat kebaikan lalu ia mengerjakannya, Allah mencatatnya sebagai 10 sampai 700 kali kebaikan atau lebih banyak lagi. Jika ia berniat melakukan kejahatan, tetapi ia tidak mengerjakannya, Allah mencatatkan padanya satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat melakukan kejahatan lalu dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kejahatan.”*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

<sup>6</sup> Al-Bukhāri, al-Raqāqi, Man Hamma Bihasanatin aw Bisayyiatin, hadith 6491, daripada Ibnī ‘Abbas.

Seterusnya tingkat yang ke lima, *al-‘azmu* iaitu niat disatukan oleh kehendak yang kuat untuk melaksanakan perbuatan. Terdapat ulama yang melakukan penelitian berkaitan niat dalam peringkat ini dengan menyatakan niat pada tingkat ini dikenakan hukuman (al-Zuhaili, 2010). Walaupun niat dalam perkara tidak baik sekiranya tidak terlaksana maka akan ternilai, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا تَوَاجَعَ الْمُسْلِمَانِ بِسَيْفَيْهِمَا فَكِلَاهُمَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ. قِيلَ: فَهَذَا الْقَاتِلُ، فَمَا بَالُ الْمَقْتُولِ؟ قَالَ: إِنَّهُ أَرَادَ قَتْلَ صَاحِبِهِ.<sup>7</sup>

*Terjemahan: “Bila dua orang Muslim bertemu dengan pedang mereka, maka yang membunuh dan yang dibunuh berada di dalam neraka. Aku (Abu Bakrah) pun bertanya, “Wahai Rasulullah, orang yang membunuh (memang patut dimasukkan ke dalam neraka), bagaimana pula dengan orang yang dibunuh? Nabi s.a.w. menjawab: ‘Sesungguhnya dia mahu membunuh temannya.’”*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

Niat pada tahap pertama, tidak dinilai kerana hanyalah lintasan hati yang tidak disengajakan, begitu juga untuk tahap kedua dan ketiga masih belum dinilai dosa pahala kerana ia suatu keinginan yang belum kuat untuk melakukannya (Alkaf, 2013).

Perbincangan tahap niat oleh Laldin (2007) dan Alkaf (2013) ini turut dibincangkan oleh al-Zuhaili (2010). Al-Zuhaili (2010) telah menyatakan Imam as-Subki membahagikan bisikan maksiat dalam jiwa kepada lima tingkatan. Kupasan setiap tahap niat adalah sama, namun sedikit perbezaan adalah al-Zuhaili (2010) membincangkan tahap niat ini hanya fokus untuk niat tindakan yang membawa kepada

---

<sup>7</sup> Al-Bukhārī, al-Fīṭanī, *Izā al-Taḳā al-Muṣlīmāni Bisayfayhimā*, hadith 7083, daripada al-Hasan.

maksiat, manakala Laldin (2007) dan Alkaf (2013) membincangkan tahap niat ini secara menyeluruh untuk tindakan yang baik dan sebaliknya.

### 2.6.5 Jenis Niat

Al-Ghazali (1981) telah membahagikan niat kepada empat jenis, iaitu niat yang murni atau ikhlas, niat berteman, niat perkongsian dan niat bertolong-tolongan. Setiap niat ini dibezakan dengan faktor yang mempengaruhi tindakan seseorang. Al-Ghazali (1981) turut menjelaskan hanya niat yang murni sahaja yang diiktiraf sebagai niat yang ikhlas.

Niat murni (*niyyatun khaalishatun*) ialah sesuatu perbuatan yang dilakukan dengan satu faktor utama tanpa dipengaruhi oleh faktor lain (al-Ghazali, 1981). Misalnya seseorang bersedekah kerana manfaat bersedekah yang diketahuinya, bukan kerana faktor lain. Contoh lain ialah, seseorang memilih makanan halal bukan kerana faktor terpengaruh dengan orang sekeliling atau bukan kerana kemampuannya untuk mendapatkan makanan tersebut. Namun pilihan dibuat kerana dia mengetahui bahawa sebagai seorang Muslim wajib baginya memilih makanan halal untuk mentaati perintah dan mendapat keredaan Allah SWT. Kesimpulannya, niat pertama ini adalah niat untuk bertingkah laku hanya kerana Allah SWT semata-mata tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Niat kedua adalah niat berteman. Niat ini mempunyai dua faktor mempengaruhinya. Misalnya, seseorang Muslim memilih makanan halal kerana mengetahui kewajibannya sebagai Muslim. Pada masa sama, dia terpengaruh dengan persekitaran

sekeliling dalam memilih makanan halal. Walaupun pada dasarnya dia tetap akan memilih makanan halal dalam apa jua keadaan sekeliling, namun al-Ghazali (1981) berpendapat niat ini tidak diiktiraf sebagai niat yang ikhlas kerana kehadiran faktor lain mempengaruhi tindakannya.

Niat seterusnya dikenali sebagai perkongsian, iaitu niat terbentuk oleh dua faktor yang saling mempengaruhinya. Misalnya, seorang Muslim memilih makanan halal kerana terdapat logo halal, dan keluarganya turut memilih produk tersebut. Sebaliknya, sekiranya makanan itu tidak mempunyai logo halal atau keluarganya tidak memilih, maka dia tidak memilih makanan tersebut. Kesimpulannya, individu tersebut tidak akan memilih makanan halal tersebut sekiranya dua faktor yang mempengaruhi pilihannya tidak wujud.

Jenis niat terakhir adalah bertolong-tolongan. Terdapat dua faktor yang mempunyai kekuatan berbeza mempengaruhi niat ini. Iaitu, faktor kuat dan faktor lemah. Faktor kuat mampu berdiri dengan sendiri dalam mempengaruhi niat, dan hadirnya faktor lemah mampu memperkuatkannya lagi. Sebaliknya faktor lemah tidak dapat berdiri dengan sendirinya. Misalnya, Abu sebagai seorang pensyarah bersama pelajar-pelajarnya telah terlibat dalam satu lawatan ke salah sebuah negara bukan Islam dan agak sukar untuk mendapatkan makanan halal. Abu tetap berusaha memilih makanan halal walaupun agak sukar, tambahan lagi beliau merasakan tanggungjawabnya untuk menunjukkan teladan baik kepada para pelajar. Dalam situasi ini, Abu adalah faktor kuat, beliau tetap berusaha mendapatkan makanan halal walaupun di negara bukan Islam. Faktor lemah pula merujuk kepada para pelajar yang kemungkinan tidak akan berusaha untuk mendapatkan makanan halal di negara tersebut tanpa bimbingan dan

teladan daripada Abu. Walaupun niat Abu berusaha mendapatkan makanan halal kerana Allah SWT, namun masih tidak dapat dinyatakan ikhlas kerana masih dipengaruhi oleh keberadaan para pelajarnya.

Al-Qardawi (2018) pula menjelaskan bahawa sebagai seorang hamba yang biasa, terdapat situasi seorang Muslim tidak dapat melarikan diri daripada mempunyai tujuan selain Allah SWT dalam tindakannya. Hal ini demikian kerana sifat lemahnya seorang manusia.

Kesimpulan daripada kesemua jenis niat ini, bukan mudah untuk seseorang Muslim ingin mencapai niat ikhlas. Merujuk kepada penjelasan al-Ghazali (1981), hanya niat jenis pertama, iaitu niat murni sahaja dikatakan sebagai niat ikhlas. Namun seperti yang dinyatakan oleh al-Qardawi (2018) sebagai manusia dan juga hamba yang lemah, seseorang mungkin tidak mampu untuk mengelak daripada dipengaruhi oleh faktor-faktor sekeliling.

## **2.7 Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat Bergelagat**

Pelbagai faktor yang mempengaruhi niat telah dikaji oleh pengkaji terdahulu dalam konteks gelagat pengguna Muslim. Faktor-faktor seperti sikap, norma subjektif, keinginan, dan tabiat sering kali diketengahkan dalam teori-teori niat bergelagat, seperti yang dibincangkan oleh Ajzen (1991); Bagozzi (1981); Fishbein dan Ajzen (1975). Walaupun faktor-faktor ini relevan dikaji, namun penyelidikan ini akan memfokuskan kepada faktor keagamaan dan pengetahuan sahaja. Pemilihan ini dibuat kerana kedua-dua faktor ini dianggap penting dalam mempengaruhi niat gelagat

pengguna Muslim, sesuai dengan tujuan kajian ini untuk meneroka niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Bukti kepentingan faktor keagamaan dan pengetahuan dalam mengkaji niat bergelagat penggunaan Muslim dapat dilihat dalam kajian-kajian lepas. Hal ini demikian kerana terdapat banyak kajian lepas yang telah memasukkan faktor keagamaan dan pengetahuan dalam kajian mereka. Perkara ini dibuktikan dengan paparan Jadual 2.7 di bawah:

Jadual 2.7  
*Ringkasan Kajian-kajian Lepas*

<b>Sumber</b>	<b>Tujuan Kajian</b>	<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Dapatan Kajian</b>
Abdou et al. (2024)	Antara tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara kepuasan pengguna terhadap makanan halal dan niat membeli produk halal dengan melihat hubungan keagamaan sebagai moderator antara kepuasan pengguna terhadap makanan halal dan niat membeli produk halal.	Kepuasan pengguna terhadap makanan halal, niat membeli produk halal dan keagamaan.	Keagamaan seseorang mempengaruhi niat pembelian produk halal, semakin tinggi keagamaan seseorang semakin tinggi niat dan kepuasannya terhadap produk halal.
Abid dan Jie (2023)	Mengkaji faktor yang mempengaruhi niat petani di Pakistan menggunakan perbankan Islam.	Niat bergelagat, sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku (PCB) dan keagamaan.	Dapatan menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif, keagamaan mempengaruhi niat petani di Pakistan menggunakan perbankan Islam.
Azman Ong et al. (2024)	Kajian ini untuk menyiasat satu set ciri yang berbeza yang mempengaruhi Muslim hasrat pelanggan untuk membeli kontrak pembiayaan Islam Ar-Rahnu di Malaysia.	Nilai yang dirasakan, kualiti yang dirasakan, faedah kewangan yang dirasakan, komitmen agama, pengetahuan mengenai produk dan niat membeli.	Hasil kajian menunjukkan bahawa pengguna Muslim mempunyai kecenderungan yang lebih besar untuk membeli kontrak pembiayaan Islam Ar-Rahnu. Analisis data mendapati bahawa nilai yang dirasakan, kualiti yang dirasakan, faedah kewangan yang dirasakan dan komitmen agama mempunyai kesan langsung terhadap keinginan untuk

			membeli produk Ar-Rahnu. Hasil kajian turut mendedahkan bahawa komitmen agama, kualiti dan manfaat kewangan yang dirasai adalah tiga faktor utama yang penting dalam mempengaruhi niat pengguna membeli produk Ar-Rahnu di Malaysia.
Bukhari et al. (2020)	Kajian ini merupakan usaha awal untuk memahami faktor mempengaruhi tingkah laku pembelian makanan pengguna Muslim di Pakistan. Pengaruh campuran pemasaran dan peranan keagamaan terhadap gelagat pembelian pengguna Muslim ke atas produk makanan yang di import daripada negara Barat.	Jenama, produk, harga, promosi, keluarga, personaliti, gaya hidup, agama, niat dan gelagat pembelian.	Hasil kajian mendapati tidak semua pengaruh campuran pemasaran mampu mempengaruhi niat dan seterusnya mempengaruhi tingkah laku seorang pengguna Muslim dalam memilih produk import. Hasil kajian turut mendapati keagamaan seseorang mempengaruhi niat dan gelagat pembelian seorang pengguna Muslim.
Hati et al. (2020)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan persepsi risiko dan persepsi nilai terhadap niat pelanggan untuk melabur dalam perbankan Islam.	Pengetahuan tentang produk, persepsi kualiti, persepsi risiko, persepsi nilai dan niat pelanggan.	Pengetahuan mengenai sesuatu produk mempengaruhi seseorang pengguna untuk niat memilih produk tersebut. Seorang pengguna Muslim memilih perbankan Islam bukan sekadar hanya dia seorang Muslim, namun kerana mempunyai pengetahuan mengenai perbankan Islam itu sendiri.
Hanifasari et al. (2024)	Mengkaji faktor yang mempengaruhi niat pengguna Muslim berusia muda di Indonesia memilih produk daging halal.	Pengetahuan tentang rangkaian bekalan halal ( <i>halal supply chain</i> ), sijil dan logo halal, kepercayaan agama, kesedaran halal dan niat membeli.	Dapatan kajian ini mendapati niat pembelian produk halal dalam kalangan generasi muda dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pengetahuan rangkaian bekalan halal ( <i>halal supply chain</i> ), sijil dan logo halal, dan kepercayaan agama. Namun begitu, hasil kajian ini juga menunjukkan kesedaran halal gagal menyederhanakan hubungan antara tiga pembolehubah utama ini

			terhadap niat pembelian produk halal.
Johan et al. (2021)	Tujuan kertas ini adalah untuk mengkaji hubungan antara sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, keagamaan dan pengetahuan dalam niat pengguna Muslim dan bukan Muslim memilih kad kredit patuh syariah.	Sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, keagamaan, pengetahuan dan niat.	Keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan antara faktor mempengaruhi pengguna Muslim dan bukan Muslim memilih kad kredit patuh syariah. Bagi pengguna Muslim, sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, keagamaan adalah signifikan dalam mempengaruhi niat mereka memilih kad kredit patuh syariah. Manakala bagi pengguna bukan Muslim hanya sikap dan subjektif sahaja signifikan.
Nurhayati dan Hendar, (2020)	Kajian ini untuk melihat hubungan dan kesan kesedaran tentang produk halal, faktor keagamaan (intrinsik), dan ilmu tentang produk halal terhadap niat memilih produk halal dalam kalangan pengguna Muslim di Indonesia.	Kesedaran tentang produk halal, niat memilih produk halal, faktor keagamaan (intrinsik), dan ilmu tentang produk halal.	Faktor keagamaan (intrinsik) adalah faktor paling signifikan mempengaruhi niat pengguna Muslim memilih produk halal. Ilmu dan kesedaran mengenai produk halal turut secara signifikan mempengaruhi niat pengguna memilih produk halal.
Ratnasari et al. (2023)	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan tahap pengetahuan agama dalam mempengaruhi niat pengguna Muslim untuk membeli kereta mewah berjenama Lexus di Indonesia.	Jenama, sikap, pengetahuan agama (pembolehubah moderator) dan niat membeli kereta mewah.	Hasil kajian mendapati semakin tinggi ilmu keagamaan seseorang, semakin rendah keinginannya untuk niat membeli kereta mewah.

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

### 2.7.1 Keagamaan

Agama seseorang mempengaruhi setiap keputusan individu, termasuk tindakan seorang Muslim dalam aktiviti penggunaan. Sepertimana telah dijelaskan oleh Delener (1994); Essoo dan Dibb (2004) agama adalah faktor budaya yang utama

mempengaruhi niat, sikap dan tingkah laku pengguna. Rakrachakarn et al. (2015) menyatakan pengkaji gelagat pengguna lepas menggemari untuk memahami bagaimana keagamaan seseorang mempengaruhi keinginan seseorang pengguna. Perkara ini turut dipersetujui oleh Ahlam Nuwairah et al. (2015); Nurhayati dan Hendar (2020) yang menyatakan bahawa keagamaan mempunyai pengaruh yang kuat dalam mempengaruhi niat seseorang bertindak. Keagamaan ialah keupayaan seseorang individu untuk berkomitmen kepada kepercayaan agama dengan mematuhi perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan, memahami dan melaksanakan nilai dan etika dalam agama tersebut, mengamalkan amalan yang diperintah dalam kehidupan seharian mereka (Johan et al., 2021).

Pegangan agama (*religious affiliation*) dan keagamaan (*religiosity*) adalah antara faktor penting yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat. Setiap pengguna daripada latar belakang agama yang berbeza cenderung memiliki corak penggunaan yang berlainan. Sebagai contoh, pengguna Muslim mempunyai keperluan khusus untuk memilih makanan yang disahkan halal dan perlu menghindari produk kewangan yang melibatkan riba. Berbanding dengan pengguna daripada agama lain, mereka mungkin tidak mempunyai keperluan atau keutamaan yang sama dalam pemilihan makanan atau produk kewangan tersebut. Malah, walaupun dalam kalangan pengguna yang sama agama, tahap keimanan seseorang juga boleh menyebabkan corak aktiviti penggunaan mereka berbeza (Nickerson et al., 2023). Perbezaan-perbezaan ini menunjukkan betapa pentingnya mengambil kira aspek keagamaan dalam kajian niat gelagat pengguna.

Seterusnya, Alam et al. (2011) menyatakan faktor agama adalah antara faktor penting dalam mempengaruhi pengguna memilih dan membuat keputusan sesuatu pembelian. Agarwala et al. (2019) pula menyatakan pegangan agama seseorang pengguna mempengaruhi corak tingkah lakunya. Iman seorang Muslim adalah suatu yang membuatkan dirinya yakin setiap tindakannya sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT. Al-Qardawi (2009) menyatakan, seseorang yang bertaqwa tidak akan mengambil sesuatu yang haram dan terlarang oleh agama.

Al-Qardawi (2009) berpendapat seorang Muslim yang beriman mempunyai kesedaran mendalam tentang peranannya sebagai khalifah, iaitu individu yang bertanggungjawab terhadap setiap tindakannya dan menyedari bahawa setiap harta dan rezeki yang dimiliki adalah milik Allah SWT. Oleh itu, setiap rezeki yang dikurniakan-Nya perlu dimanfaatkan dengan penuh bertanggungjawab dan mematuhi segala perintah serta larangan-Nya. Perkara ini jelas berbeza dengan pengguna bukan Muslim, yang tidak memiliki konsep khalifah dalam kehidupan mereka dan tidak meyakini bahawa setiap harta yang dimiliki berasal daripada Allah SWT.

Seterusnya, Basarud-din dan Abu Bakar (2019) telah membincangkan faktor keagamaan sebagai faktor yang mempengaruhi seorang pengguna Muslim bergelagat. Mereka telah membincangkan tiga faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna Muslim, iaitu akidah, ibadat dan akhlak. Mereka menggambarkan seorang pengguna yang mempunyai akidah atau kepercayaan yang kukuh kepada Allah SWT akan berniat untuk berbuat kebaikan. Selain itu, seseorang yang banyak beribadat akan mempengaruhi niat bergelagat, hal ini demikian kerana ibadat mampu membentuk peribadi seseorang. Misalnya, solat mampu mencegah seseorang daripada melakukan

maksiat. Seterusnya akhlak juga mampu mempengaruhi niat bergelagat, seorang pengguna Muslim yang berakhlak baik akan mempengaruhi niat dan tindakan mereka. Mereka telah membincangkan elemen-elemen akidah, ibadat dan akhlak secara berasingan, dan ketiga-tiga elemen ini adalah elemen keagamaan. Daripada keseluruhan perbincangan pengkaji lepas, penyelidik mendapati keagamaan adalah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi gelagat seseorang.

### **2.7.2 Pengetahuan**

Pengetahuan adalah sesuatu yang diketahui oleh seseorang tentang sesuatu perkara. Pengetahuan boleh dimiliki melalui pembelajaran secara formal atau melalui pengalaman seharian seseorang. Sepertimana yang dibincangkan oleh Abd Rahman et al. (2015) secara umumnya pengetahuan adalah merujuk kepada fakta yang dimiliki oleh seseorang atau pengalaman yang dilaluinya. Pengetahuan juga boleh ditakrifkan sebagai kesedaran atau kebiasaan yang didapati melalui pengalaman atau pembelajaran.

Kudryavtsev et al., (2020) menyatakan seorang pengguna penting mempunyai pengetahuan, setiap tindakan mereka memilih sesuatu produk atau perkhidmatan adalah bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki. Misalnya seorang pengguna Muslim penting mempunyai ilmu berkaitan produk halal untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan untuk memilih produk halal. Terdapat beberapa kajian telah membuktikan bahawa sebagai pengguna Muslim perlu mempunyai pengetahuan tentang produk halal untuk memilih produk yang tepat. Sepertimana kajian oleh Abd Rahman et al. (2015); Azman Ong et al. (2024); Hanifasari et al. (2024); Hati et al.

(2020); Johan et al. (2021); Kwon et al. (2021); Nurhayati dan Hendar 2020); Ratnasari et al. (2023); Rizkitysha dan Hananto (2020) telah membuktikan pengetahuan mempengaruhi niat dan gelagat pengguna Muslim dalam memilih produk halal.

Pengetahuan amat penting untuk seorang pengguna, terutamanya pengguna Muslim (Mohammed Zabidi & Tamuri, 2016). Berdasarkan kajian-kajian lepas antara ilmu yang diperlukan oleh pengguna Muslim adalah ilmu tentang produk halal. Hal ini demikian kerana pengguna Muslim boleh tersilap memilih produk sekiranya tidak mempunyai ilmu atau kekurangan ilmu berkaitan produk halal. Misalnya Abdul Rahman et al. (2022) telah melaporkan pengguna Muslim yang kurang pengetahuan berkaitan produk halal telah tersilap memilih produk makanan yang syubhah. Johan et al. (2021) pula telah mengkaji tentang keupayaan seorang pengguna Muslim memohon kad kredit patuh syariah, dan mendapati pengguna yang mempunyai pengetahuan lebih mudah untuk mendapatkan kad kredit patuh syariah.

Johan et al., 2021 telah menjelaskan pengetahuan produk merujuk kepada maklumat yang diperoleh oleh pengguna melalui carian maklumat, penggunaan, dan pengalaman. Pengetahuan ini meliputi pelbagai aspek seperti nama jenama atau tanda dagangan yang dikenali, pemahaman tentang ciri-ciri produk, keupayaan untuk membezakan antara alternatif produk, dan kebolehan untuk membuat penilaian berdasarkan keperluan dan keutamaan. Pengetahuan ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan pengguna terhadap sesuatu produk.

Selain ilmu tentang produk dan juga ilmu tentang halal, sebagai pengguna Muslim perlu juga menitik beratkan ilmu-ilmu lain yang perlu dipelajari. Sepertimana

dinyatakan Mohammed Zabidi dan Tamuri (2016), sebagai seorang Muslim perlu menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Hal ini demikian kerana kedua-dua bidang ilmu ini meliputi keseluruhan ilmu dalam ajaran Islam dan juga ilmu-ilmu penting untuk kehidupan seharian.

## **2.8 Kerangka Konseptual Kajian**


Kerangka konseptual kajian penting sebagai panduan kepada penyelidik dalam memahami dan mempersembahkan idea kajian. Rajah 2.8 merupakan kerangka konseptual awal kajian hasil daripada tinjauan kajian-kajian lepas dan juga beberapa kupasan cendekiawan Islam yang telah membincangkan berkaitan konsep niat menurut perspektif Islam. Bahan-bahan yang dirujuk adalah fokus kepada niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan.

Lebar (2017) menyatakan sesuatu kerangka konseptual awal kajian boleh didapati daripada konsep, istilah, definisi, model, teori serta literatur lepas yang telah dirujuk. Berdasarkan sorotan karya penyelidik menemui bahawa niat mampu mempengaruhi tindakan seseorang, di samping itu niat juga mempunyai beberapa faktor yang mempengaruhinya.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan. Antara faktor-faktor yang sering mempengaruhi niat pengguna dalam bergelagat adalah sikap, subjektif norma, kawalan tingkah laku yang dirasakan (*perceived behavioral control*), kepercayaan agama, tahap keagamaan, umur, pengetahuan, tahap pendidikan, kawasan tempat

tinggal, kewajipan moral, keselamatan bahan, logo halal, pengaruh promosi, dan sijil halal (Ayyub et al., 2020; Hanifasari et al., 2024; Khan et al., 2021; Mohd Esa & Mohd Nasiri, 2019; Wiyono et al., 2022).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat, namun dua faktor utama menjadi pilihan pengkaji. Kedua-dua faktor ini adalah antara faktor yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian empirikal lepas berkaitan niat gelagat pengguna. Tambahan lagi kedua-dua faktor ini juga sering disebut sebagai pencetus kepada niat oleh para cendekiawan Islam seperti al-Ghazali (1981); al-Qardawi (2018) dan al-Zuhaili (2010). Oleh yang demikian, Rajah 2.8 adalah gambaran awal bagi kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 2.8  
*Kerangka Konseptual Awal Kajian*  
Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

## 2.9 Kesimpulan

Setiap tindakan seseorang memerlukan niat. Ilmuan Barat dan Islam telah membincangkan tentang niat dalam bergelagat, namun terdapat perbezaan antara keduanya. Sebagai agama yang sempurna, Islam membincangkan perihal niat dengan terperinci berasaskan al-Quran dan hadis, namun kebanyakan pengkaji lepas telah

menggunakan teori niat yang diperkenalkan oleh sarjana Barat. Sebahagian pengkaji lepas mendapati teori Barat tidak sesuai diaplikasikan dalam kajian terhadap gelagat Muslim. Hal ini demikian kerana konsep dan asas teori Barat tidak menepati syariat Islam. Bab seterusnya iaitu bab ketiga menerangkan tentang metodologi kajian yang merangkumi proses kutipan data dan maklumat kajian serta penganalisan hasil dapatan kajian.



## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan reka bentuk dan tujuan kajian, sumber data dan kaedah pengumpulan data, populasi dan sampel, pembentukan tema awal dan kod, pembentukan protokol temu bual, kajian lapangan, teknik penganalisan data, kesahan dan kebolehpercayaan dan akhir sekali kesimpulan.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah pelan tindakan untuk memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian dan prosedur yang diperlukan untuk pengumpulan, pengukuran dan analisis data yang membantu penyelidik untuk menyusun dan menyelesaikan masalah kajian. Sekaran dan Bougie (2013) dan Yin (2016) berpendapat reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan (*blueprint*) yang logik mempunyai hubungan antara penyelidik dan data-data kajian. Data-data kajian dikumpul dan dianalisis dengan strategi tertentu dan seterusnya hasil dapatan kajian diperolehi berdasarkan persoalan kajian.

Terdapat beberapa elemen reka bentuk kajian, iaitu tujuan kajian, strategi kajian, unit analisis dan ufuk masa kajian. Berawi (2017) dan Creswell (2014) pula menyatakan reka bentuk kajian memberi tumpuan kepada kaedah pengumpulan dan analisis data,

penulisan kajian dan juga proses sepanjang kajian dijalankan. Namun begitu Yin (2016) dan Lebar (2017) menyatakan tiada reka bentuk kajian yang tetap bagi kajian kualitatif. Kajian kualitatif bersifat fleksibel mengikut andaian serta persoalan kajian, yang menyebabkan terdapat perbezaan dengan kajian kuantitatif.

Berdasarkan persoalan kajian, kaedah kajian yang bersesuaian bagi kajian ini adalah kaedah kualitatif. Bertepatan dengan pendapat Creswell (2013), perkara utama yang perlu dibincangkan dalam reka bentuk kajian oleh penyelidik adalah mengenal pasti kaedah kajian bersesuaian dengan persoalan kajian yang ingin diselesaikan sama ada kajian kuantitatif, kajian kualitatif atau kajian campuran. Kajian kualitatif adalah untuk menambah ilmu dengan kaedah kajian yang dilaporkan secara penceritaan dan andaian yang dibuat bermula daripada awal hingga akhir kajian. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang bersifat induktif atau dikenali sebagai kaedah bawah ke atas (*bottom-up*). Hal ini bertepatan dengan definisi kajian kualitatif yang diberikan oleh Creswell (2013).

Creswell (2013) menyatakan bahawa:

*“Qualitative research begins with assumptions and the use of interpretive/theoretical frameworks that inform the study of research problems addressing the meaning individuals or groups ascribe to a social or human problem. To study this problem, qualitative researchers use an emerging qualitative approach to inquiry, the collection of data in a natural setting sensitive to the people and places under study, and data analysis that is both inductive and deductive and establishes patterns or themes. The final written report or presentation includes the voices of participants, the reflexivity of the researcher, a complex description and interpretation of the problem, and its contribution to the literature or a call for change”* (ms. 44).

Kajian ini mempunyai beberapa ciri. Antaranya, penyelidik adalah instrumen utama kajian, data kajian terdiri daripada pelbagai sumber, data dianalisis secara induktif dan deduktif, serta reka bentuk kajian adalah fleksibel.

Penyelidik sebagai instrumen utama kajian bermaksud penyelidik sendiri terlibat dalam proses mengumpul data. Penyelidik mendapatkan data dan menganalisis data sendiri dengan protokol tertentu tanpa menggunakan soal selidik atau instrumen yang dibangunkan oleh penyelidik lain. Ciri kedua, data kajian terdiri daripada pelbagai sumber. Pengkaji telah mendapatkan data melalui analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada buku-buku yang mempunyai perbincangan tentang niat, tesis-tesis kajian lepas dan artikel yang bersesuaian. Temu bual semi berstruktur pula dibuat dalam kalangan pakar yang mempunyai pengetahuan berkaitan niat Islam. Kedua-dua sumber data kajian ini merupakan data bersifat terbuka. Hal ini demikian kerana penyelidik bebas mendapatkan data tanpa dikekang oleh skala atau instrumen yang telah ditetapkan.

Ciri seterusnya, data dianalisis secara induktif dan deduktif. Analisis secara induktif menggambarkan kerja berulang-alik dalam mengenal pasti tema dari pangkalan data sehingga penyelidik membentuk satu set tema yang komprehensif. Induktif juga adalah pengkaji membina kategori dan tema dari bawah ke atas. Proses deduktif pula adalah penyelidik melihat kembali tema yang diperolehi untuk mengenal pasti maklumat tambahan sebagai sokongan kepada tema tersebut.


Ciri terakhir kajian ini adalah reka bentuk adalah fleksibel. Iaitu rancangan awal untuk penyelidikan tidak ditetapkan secara menyeluruh, dan beberapa atau semua proses

kajian dalam setiap fasa boleh berubah setelah penyelidik memasuki lapangan dan mula mengumpul data. Antara yang boleh berubah dalam sesuatu kajian adalah soalan kajian, bentuk pengumpulan data berubah, dan individu yang dikaji mungkin berubah. Kesemua ciri-ciri ini bertepatan dengan ciri-ciri kajian kualitatif yang dibincangkan oleh Creswell dan Creswell (2018).

Dalam memenuhi objektif kajian, secara spesifiknya kajian ini merupakan kajian penerokaan (*exploratory research*). Pengkaji meneroka konsep niat dan faktor mempengaruhi niat bagi gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Hal ini demikian kerana sebelum ini kajian-kajian yang membincangkan tentang niat pengguna bergelagat kebanyakannya menggunakan teori daripada Barat. Kajian ini juga dijalankan bagi menampung kekurangan teori dan model gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Tujuan kajian ini bertepatan dengan pendapat Sekaran dan Bougie (2010) dan Stebbins (2001) yang menyatakan secara asasnya kajian penerokaan adalah mengkaji, meneliti, menganalisis atau menyiasat sesuatu yang belum diketahui atau kurang diberikan perhatian serta bersifat samar-samar atau kurang jelas. Penyelidik telah melakukan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas bagi mendapatkan gambaran dan kelompongan berkaitan kajian niat gelagat pengguna Muslim.

Tindakan penyelidik melakukan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas disokong oleh pandangan Creswell dan Creswell (2018) yang berpendapat, tinjauan terhadap kajian lepas dalam penyelidikan penerokaan dijalankan untuk membuktikan bahawa sedikit atau belum ada kajian lepas dijalankan berkaitan kajian yang sedang dijalankan. Oleh

itu, Rajah 3.2 adalah proses sepanjang kajian ini bagi mencapai kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan.



Rajah 3.2

*Proses Pelaksanaan Kajian*

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

### 3.3 Pembentukan Tema Awal Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas dan sorotan karya, penyelidik mula membentuk tema-tema yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian. Tema awal akan digunakan sebagai panduan untuk mendapatkan data kajian. Bagi kajian ini, data dikumpul melalui analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Dokumen-dokumen yang dianalisis dan soalan-soalan temu bual yang dibina adalah berdasarkan tema awal yang dibentuk berdasarkan kajian-kajian lepas dan sorotan karya. Senarai tema awal dan sub tema adalah seperti Jadual 3.3:

Jadual 3.3  
Senarai Tema Awal Kajian.

Objektif Kajian	Tema Awal	Sub Tema
Menjelaskan konsep niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	- <b>Konsep niat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan niat dalam aktiviti penggunaan.</li> <li>- Niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan.</li> <li>- Cara berniat dalam aktiviti penggunaan</li> <li>- Kesan niat dalam aktiviti penggunaan.</li> </ul>
Meneroka faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	- <b>Iman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan iman dalam mempengaruhi niat dan tindakan.</li> <li>- Manfaat dan kesan iman .</li> <li>- Ciri niat yang dipengaruhi iman.</li> </ul>
	- <b>Ilmu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepentingan dan keperluan ilmu.</li> <li>- Jenis ilmu yang diperlukan.</li> </ul>

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

### 3.4 Sumber Data dan Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian kualitatif terdapat pelbagai sumber dan kaedah pengumpulan data atau maklumat untuk menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif kajian. Analisis data kajian kualitatif adalah proses yang berterusan daripada bermulanya kajian. Yin (2016) menyenaraikan empat kaedah pengumpulan data dalam kajian kualitatif, iaitu temu bual, pemerhatian, mengumpul dan memeriksa (bahan) serta merasa (*feeling*). Kaedah yang sesuai bagi kajian ini adalah mengumpul dan memeriksa (bahan) atau dikenali sebagai analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Pemilihan dua kaedah pengumpulan data ini merupakan teknik triangulasi yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan kebolehpercayaan data yang diperoleh melalui langkah yang berulang dalam keadaan berbeza. Hal ini juga bertepatan dengan pendapat Creswell (2014) yang menyatakan kajian kualitatif adalah suatu kajian yang boleh menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan jawapan persoalan kajian lebih baik. Stebbins (2001) pula menyatakan kaedah temu bual adalah kaedah paling sesuai digunakan untuk kajian penerokaan, dan sesuatu tema yang dibentuk menjadi lebih kukuh jika dibentuk hasil daripada penelitian dokumen.

### 3.5 Sampel dan Prosedur Persampelan

Seterusnya dalam memilih informan bagi kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mendapatkan data yang berkaitan. Creswell (2014) berpendapat jumlah informan untuk kajian kualitatif adalah tidak ditetapkan. Bagi mencapai objektif kajian ini, lima orang informan telah dipilih bagi menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Hal ini Creswell (2014) turut berpendapat bahawa dalam reka bentuk penyelidikan kualitatif, walaupun bilangan

sampel lebih kecil berbanding dengan penyelidikan kuantitatif, ia boleh memberikan pandangan yang mendalam jika data yang diperoleh adalah komprehensif dan relevan. Begitu juga, Guest et al. (2013) menggariskan bahawa lima hingga sepuluh orang informan dalam temu bual semi berstruktur mencukupi untuk mencapai ketepuan data. Marshall (1996) pula menekankan bahawa saiz sampel yang kecil tidak mengurangkan kualiti data kualitatif selagi data tersebut dibangunkan dengan baik dan menganalisis secara mendalam. Patton (2015) juga menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa saiz sampel yang kecil membolehkan analisis dilakukan secara mendalam. Oleh itu, pemilihan lima orang informan dalam kajian ini adalah berasaskan prinsip-prinsip metodologi kualitatif yang diterima umum dan bertujuan untuk memastikan data yang diperoleh dapat menjawab setiap persoalan kajian.

Informan dipilih berpandukan pengalaman mereka berkaitan perbincangan niat bergelagat menurut perspektif Islam dan juga informan yang mempunyai latar belakang pendidikan yang bersesuaian dengan topik kajian. Tiga orang daripada informan adalah individu yang pernah menjalankan kajian berkaitan niat bergelagat menurut perspektif Islam iaitu Dr. Mohammad Zulfakhairi Mokhtar, Dr. Syazalie Hirman Ahmad Najib dan Dr. Siti Khalilah Basarud-din. Manakala dua orang informan yang lain mempunyai kepakaran dalam ilmu ekonomi Islam dan syariah, iaitu Profesor Madya Dr. Muhamad Noor Habibi Long dan Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari.

Sebelum temu bual dimulakan, pengkaji terlebih dahulu perlu menyediakan protokol temu bual. Protokol temu bual adalah soalan yang akan dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan. Protokol temu bual perlu disediakan untuk memastikan sesi temu bual

dijalankan dengan sistematik dan lancar. Selain itu, penting untuk membantu penyelidik lebih bersifat bersahaja, spontan dan tenang dalam membina perbualan ketika temu bual namun masih fokus kepada persoalan kajian (Patton, 2002).

Antara proses pembentukan protokol temu bual yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah melibatkan proses pembentukan soalan temu bual asas, pengesahan pakar bagi soalan temu bual, kajian rintis, penilaian semula soalan dan pembentukan soalan temu bual akhir. Setiap proses diterangkan di bahagian seterusnya.

### **3.6 Pembentukan Protokol Temu Bual**

Pembentukan soalan temu bual adalah salah satu proses penting sebelum mengumpul data dan maklumat dalam sesuatu kajian. Untuk mengelak dapatan kajian yang tidak menepati objektif kajian, penyelidik perlu mengelak daripada soalan yang tidak tepat dan tidak relevan dengan objektif kajian (Lebar, 2017). Oleh itu, soalan temu bual yang dibentuk perlulah berdasarkan persoalan kajian, objektif kajian dan literatur kajian.

Pada permulaannya, penyelidik membina soalan berdasarkan tema awal kajian. Tema awal kajian telah dibentuk berdasarkan objektif pertama dan kedua kajian. Objektif pertama kajian ini adalah menjelaskan konsep niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Objektif kedua, adalah meneroka faktor yang diperlukan dalam mempengaruhi niat pengguna Muslim bergelagat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Kemudian soalan yang dibentuk disemak oleh kedua-dua penyelia kajian.

Seterusnya, bagi memantapkan kualiti soalan temu bual, penyelidik telah menjalankan proses semakan dan pengesahan dengan dua pakar, iaitu Profesor Madya Dr. Muhammad Nasri Md Hussain, seorang pakar dalam pembentukan soalan temu bual bagi kajian kualitatif, dan Dr. Ahmad Khilmy Abdul Rahim, seorang pakar akademik dalam bidang fiqh syariah. Pendekatan ini disokong oleh Saunders et al. (2019), yang menegaskan bahawa setiap soalan temu bual perlu disemak oleh pakar sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Langkah ini bertujuan memastikan soalan yang dibangunkan adalah berkualiti, relevan, dan mencapai kesahan yang diperlukan untuk digunakan dalam kajian.

Setelah soalan disemak oleh pakar, terdapat beberapa perubahan dan penambah baik selari dengan objektif dan juga persoalan kajian. Kemudian soalan temu bual sekali lagi disemak oleh kedua-dua penyelia kajian iaitu Dr. Mohd Murshidi Mohd Noor dan Profesor Madya Dr. Syarifah Md Yusof. Hasil daripada komen pakar dan perbincangan bersama penyelia, soalan temu bual dilakukan penambah baik dengan menambah soalan untuk objektif ketiga, berkaitan hubungan antara niat, iman, ilmu dan tindakan. Pembentukan protokol temu bual adalah seperti Jadual 3.6. Seterusnya kajian rintis dijalankan bagi menguji kesemua soalan temu bual yang telah dihasilkan.

Jadual 3.6  
*Pembentukan Protokol Temu Bual*

<b>Objektif Kajian</b>	<b>Tema Awal</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Soalan</b>
1. Menjelaskan konsep niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	<b>Konsep niat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan niat dalam aktiviti penggunaan.</li> <li>- Niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan.</li> </ul>	1. Adakah islam menekan konsep niat dalam aktiviti penggunaan?  2. Bilakah waktu niat dalam aktiviti penggunaan?

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cara berniat dalam aktiviti penggunaan</li> <li>- Kesan niat dalam aktiviti penggunaan.</li> </ul>	<p>3. Bagaimanakah peranan niat bagi menjadikan aktiviti penggunaan sebagai ibadat bukan adat semata-mata?</p> <p>4. Islam mementingkan niat yang ikhlas, bagaimana mengaplikasikan niat yang ikhlas dalam aktiviti penggunaan?</p> <p>5. Adakah niat ini mampu membentuk seseorang menjadi <i>ibadurrahman</i>?</p> <p>6. Menurut perspektif Islam, adakah tindakan seseorang itu mesti ada (wujud) apabila melibatkan niat dalam aktiviti penggunaan, atau sekadar lintasan hati semata-mata sudah mencukupi untuk mendapat ganjaran pahala?</p>
2. Meneroka faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	<b>Iman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan iman dalam mempengaruhi niat dan tindakan.</li> <li>- Manfaat dan kesan iman.</li> <li>- Ciri niat yang dipengaruhi iman.</li> </ul>	<p>1. Adakah iman mempengaruhi niat seseorang dalam melakukan aktiviti penggunaan?</p> <p>2. Bagaimanakah yang dimaksudkan dengan aktiviti penggunaan berteraskan iman?</p> <p>3. Bagaimanakah kesan iman kepada aktiviti penggunaan?</p>
	<b>Ilmu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepentingan dan keperluan ilmu.</li> <li>- Jenis ilmu yang diperlukan.</li> </ul>	<p>1. Adakah ilmu mempengaruhi niat seseorang dalam bertindak, khususnya dalam aktiviti penggunaan?</p> <p>2. Ilmu yang bagaimana yang diperlukan oleh pengguna Muslim?</p>
3. Membangunkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	-	-	<p>1. Dalam rangkaian iman, ilmu, niat dan tindakan adakah boleh seseorang itu mengabaikan salah satu daripada rangkaian tersebut?</p> <p>2. Adakah memberi kesan kepada tindakan jika terabai salah satunya?</p>

			<p>3. Adakah cukup sekadar empat rantaian ini sahaja dalam isu kepenggunaan, atau perlu ditambah dengan faktor lain untuk melengkapkan perbincangan berkaitan niat dalam aktiviti penggunaan?</p> <p>4. Apakah faktor-faktor yang boleh mengganggu proses <i>ibadurrahman</i> dalam penggunaan?</p>
--	--	--	---

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

### 3.7 Kajian Rintis

Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas pakar bagi mengenal pasti soalan temu bual kajian adalah bersesuaian dan dapat difahami oleh informan, serta untuk memberi gambaran awal kepada pengkaji tentang suasana temu bual sebenar. Dalam penyelidikan ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas Profesor Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan, secara atas talian telefon pada 11 Januari 2021.

Data yang diperoleh daripada kajian rintis telah dianalisis dengan teliti untuk mengenal pasti sebarang kelemahan dalam soalan temu bual yang digunakan. Hasil analisis ini membawa kepada penambahbaikan, dengan memasukkan *probing* pada beberapa soalan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Lebar (2017) yang menyatakan kajian rintis adalah suatu kajian percubaan sebelum sesi penyelidikan sebenar dimulakan, dan tidak memerlukan jumlah informan yang banyak. Tujuannya adalah untuk menguji, mengesan, dan mengatasi segala masalah dan kekurangan yang ada sebelum kajian lapangan sebenar bermula. Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah

kandungan soalan temu bual, masa yang diperlukan untuk sesi temu bual dan suasana ketika temu bual. Kajian rintis juga penting bagi memastikan soalan yang digunakan dapat difahami oleh informan, serta sebagai persediaan awal kepada pengkaji suasana temu bual sebenar (Saunders et al., 2019).

Setelah menjalankan kajian rintis, sekali lagi soalan temu bual ditambah baik dan disemak oleh kedua-dua penyelia sebelum soalan temu bual digunakan untuk sesi temu bual sebenar. Soalan temu bual untuk kajian ini adalah seperti dalam Lampiran A.

### **3.8 Kajian Lapangan**

Setelah soalan temu bual disahkan sesuai digunakan dan telah dilakukan penambah baik, penyelidik mula melakukan kajian lapangan ke atas informan yang telah dipilih secara semuka dan atas talian. Hal ini sepertimana dinyatakan oleh Yin (2016) dan Lebar (2017) kajian lapangan merupakan proses pengumpulan data dan maklumat yang sangat penting bagi mencapai objektif kajian. Soalan temu bual akhir yang telah dikemaskini digunakan dalam kajian lapangan. Kajian lapangan adalah penyelidik mendapatkan data secara menemu bual informan kajian sama ada secara semuka atau atas talian.

Sebelum sesi temu bual dimulakan, penyelidik terlebih dahulu menghubungi informan untuk mendapatkan persetujuan untuk ditemu bual. Sebahagian informan dihubungi melalui *e-mel* dan sebahagian lagi dihubungi melalui *Whatsapp*.

Terlebih dahulu penyelidik memaklumkan tujuan penyelidikan kepada informan, dan meminta persetujuan untuk menemu bual mereka. Tarikh dan masa temu bual

dibincangkan. Setiap informan diberikan surat kebenaran (seperti di Lampiran B) untuk sesi temu bual, dan soalan temu bual diberikan lebih awal sebelum hari sebenar temu bual. Tujuan soalan temu bual diberi lebih awal kepada informan adalah untuk mereka lebih bersedia untuk sesi temu bual sebenar. Perjalanan sesi temu bual dan perbincangan sebelum temu bual secara lengkap bagi setiap informan adalah seperti berikut:

Jadual 3.9

*Informan dan Jadual Perjalanan Sesi Temu Bual*

<b>Bil</b>	<b>Informan</b>	<b>Tarikh/Masa</b>	<b>Tempat</b>	<b>Medium Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Prof Madya Dr. Muhamad Noor Habibi Long	15 Mac 2022/ 12.30 Tengah hari	-	Atas talian (aplikasi <i>Webex</i> )
<b>P2</b>	Dr. Mohammad Zulfakhairi Mokhtar	18Mac 2022 /10.50 Pagi	Pusat Pengajian Perniagaan Uitm Puncak Alam, Selangor	Bersemuka
<b>P3</b>	Dr. Syazalie Hirman Ahmad Najib	18 Mac 2022/ 3.30 petang	Kedai makan NKE (Bangi, Selangor)	Bersemuka
<b>P4</b>	Dr. Siti Khalilah Basarud-din	24 Mac 2022	-	Atas talian (aplikasi <i>google meet</i> )
<b>P5</b>	Prof Madya Dr. Zakaria Bahari	23 Mac 2022/ 5.30 Petang	Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang (kediaman informan)	Bersemuka

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Setiap pertemuan dengan informan dimulakan dengan memberi salam dan penyelidik memberikan sedikit penjelasan tentang tujuan kajian dan juga objektif kajian kemudian membincangkan beberapa perkara berkaitan kajian. Setelah informan bersedia untuk memulakan sesi temu bual, penyelidik terlebih dahulu meminta izin untuk merakamkan perbualan untuk tujuan kajian. Selain merakamkan kajian

penyelidik turut mencatat setiap isi-isi penting yang dikongsikan oleh informan, sesi temu bual diakhiri dengan ucapan terima kasih.

Tindakan penyelidik ini selari dengan pendapat Patton (2002) yang menyatakan, pada peringkat kajian lapangan penyelidik akan menjalankan temu bual di tempat atau situasi sebenar dengan bergaul dan berinteraksi secara langsung dengan informan bagi mengetahui lebih tepat tentang fenomena yang ingin dikaji.

### **3.9 Kaedah Menganalisis Data**

Analisis data dalam kajian ini melibatkan data kualitatif yang dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Analisis dokumen digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada bahan-bahan selain temu bual. Antara dokumen yang digunakan adalah tafsir al-Quran, terjemahan kitab-kitab ulama silam dan terkini, buku-buku berkaitan niat dalam Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tema-tema kajian.

Untuk menganalisis data, penyelidik telah menggunakan kaedah manual tanpa bantuan perisian analisis seperti NVivo atau ATLAS.ti. Keputusan ini dibuat dengan tujuan memastikan ketulenan data yang diperolehi, meminimumkan risiko pengasingan penyelidik daripada konteks data, dan memupuk interaksi langsung dengan bahan penyelidikan. Pendekatan manual membolehkan penyelidik memahami data secara lebih mendalam melalui proses seperti pemetaan visual, nota melekat, dan analisis langsung ke atas dokumen. Menurut Basit (2003), analisis manual menyediakan fleksibiliti yang tinggi dan membantu penyelidik lebih dekat dengan data, terutamanya dalam kajian berskala kecil. Maher et al. (2018) pula menegaskan bahawa analisis

manual mendorong penyelidik untuk berinteraksi secara lebih bermakna dengan data berbanding penggunaan perisian yang mungkin menyebabkan pemisahan dalam pandangan terhadap keseluruhan data. Pendekatan ini juga memberikan ruang kepada penyelidik untuk mengenal pasti tema-tema dan pola-pola yang lebih mendalam yang mungkin tidak dapat ditangkap melalui penggunaan teknologi secara automatik. Oleh itu, pendekatan manual bukan sahaja memperkukuh ketulenan data tetapi juga memupuk pemahaman holistik terhadap isu yang dikaji. Perkara ini turut disokong oleh Liamputtong (2014) yang turut berpendapat menganalisis data secara manual dapat menjaga ketulenan data.

Dalam menganalisis dokumen, terlebih dahulu penyelidik memilih dokumen-dokumen yang bersesuaian dengan objektif kajian, teks-teks yang berkaitan dengan tema kajian dikenal pasti. Tindakan menganalisis data daripada bahan dokumen ini disokong oleh Liamputtong (2014), yang telah menyatakan analisis dokumen adalah melibatkan penyelidik mengenal pasti kod sebelum mencari kewujudannya dalam data, dan inilah adalah kaedah deduktif.


Misalnya, penyelidik telah memilih dua Tafsir al-Quran untuk digunakan dalam menganalisis data. Tafsir yang digunakan adalah Tafsir Ibn Kathir Jilid 1 hingga Jilid 6, dan Tafsir al-Munir Jilid 1 hingga Jilid 15. Selain itu, penyelidik turut memilih beberapa terjemahan kitab-kitab ulama silam dan terkini untuk mendapatkan data. Antara kitab yang menjadi pilihan penyelidik adalah terjemahan bagi *Ihya Ulumuddin* karya al-Ghazali, *Fi Al-Thariq Ilallah Al Niyyah Wa al-Ikhlas, Al-Tawakal* karya Yusuf al-Qardawi, dan *Fiqih Islam Wa Adillatuhu* karya Wahbah al-Zuhaili. Ketiga-ketiga karya ini dipilih kerana penulis telah membincangkan niat secara meluas tidak

terikat pada niat dalam perihal ibadat khusus, namun perbincangan niat dalam perkara-perkara *mubah* turut dibincangkan.

Dalam menganalisis data temu bual semi berstruktur pula, terlebih dahulu penyelidik mentranskripkan temu bual yang telah dirakam ke dalam bentuk dokumen. Kemudian data yang telah ditranskrip dibaca oleh penyelidik berulang kali dengan teliti, dan tema-tema baru dikenal pasti. Terdapat lima langkah dalam proses penyelidik menganalisis data temu bual yang turut melibatkan kaedah pengumpulan data secara induktif (Liamputtong, 2014) iaitu:

- i) Transkrip data temu bual, dan baca berulang kali untuk memahami data yang diperolehi.
- ii) Mula membina kod-kod awal atau disebut sebagai proses *coding*.
- iii) Kod-kod yang dikenal pasti dibahagikan mengikut gambaran tema awal dan juga tema baru wujud yang bersesuaian dengan objektif kajian.
- iv) Semak semula tema-tema yang dibentuk.
- v) Setelah memastikan tema yang wujud, definisi dan nama tema yang sebenar ditetapkan.

Setelah selesai data temu bual semi berstruktur dianalisis, beberapa tema baru ditemui. Sekali lagi analisis dokumen dilakukan terhadap dokumen-dokumen yang telah digunakan oleh penyelidik bagi menganalisis kandungan berdasarkan tema baru yang didapati daripada hasil analisis data temu bual. Untuk lebih jelas aktiviti menganalisis data dalam kajian ini, penyelidik telah memilih model menganalisis data kualitatif yang diperkenalkan oleh Miles et al. (2014) dan Miles dan Huberman (1994) seperti Rajah 3.9:



Rajah 3.9  
*Model Penganalisan Data*  
 Sumber: Miles dan Huberman (1994)

Model Miles dan Huberman (1994; 2014) ini mempunyai tiga fasa utama dalam proses penganalisan data, iaitu kondensasi, paparan serta rumusan dan pengesahan data. Proses penganalisan data ini dapat dilakukan setelah penyelidik melalui proses pengumpulan data dan ia melibatkan konsep pengulangan dalam penganalisan data oleh penyelidik. Penjelasan setiap fasa proses penganalisan data adalah seperti penerangan berikut:

#### **i. Kondensasi data**

Kondensasi data merupakan proses yang melibatkan penyelidik membuat pemilihan, meringkaskan, memfokus, mengabstraksi atau mengubah data dari pelbagai sumber data seperti transkrip temu bual, dokumen-dokumen kajian seperti artikel, buku-buku dan sebagainya. Proses ini adalah proses berterusan bermula di awal kajian hingga akhir kajian yang bertujuan untuk mengukuhkan data dan menjawab objektif kajian

(Miles et al., 2014). Proses kondensasi ini melibatkan penyelidik melakukan pengkodan (*coding*) dan pengkelasan (*categorization*) ke atas data kajian.

## ii. Paparan Data

Setelah kondensasi data, proses seterusnya adalah paparan data. Paparan data merupakan proses mengadaptasikan maklumat dan data yang banyak secara sistematik. Data dipaparkan dalam bentuk format visual yang membolehkan pembaca faham dan membuat kesimpulan awal mengenai dapatan kajian (Miles et al., 2014). Dalam kajian ini penyelidik menggunakan paparan jadual (*matrices*) dan rajah (*network*) bagi memaparkan dapatan kajian. Contoh data temu bual yang telah dianalisis seperti Rajah 3.9.2 (a) dan Rajah 3.9.2 (b).

---

### Informan    Petikan Temu Bual

**P1**    Niat ini terjadi secara natural, tidak la macam solat dan puasa, dalam aktiviti kepenggunaan ni tak dak la perlulah niat sahaja aku, tapi perlu ada tujuan dia untuk dapat pahala.

Rajah 3.9.2 (a)

*Contoh Data Temu Bual yang Telah Dianalisis.*

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.



Rajah 3.9.2 (b)

*Contoh Hasil Temu Bual yang Telah Dianalisis.*

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

### **iii. Rumusan dan Pengesahan Data**

Rumusan dan pengesahan data merupakan proses terakhir dalam analisis data. Proses ini adalah suatu proses penyelidikan menghuraikan tema dan sub tema daripada hasil analisis data. Analisis data dibuat bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Teknik rumusan data yang dicadangkan oleh Miles et al. (2014) digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti dan menghuraikan tema penting dalam kajian. Setelah analisis data selesai, pengesahan dan semakan dibuat oleh kedua-dua penyelia kajian. Pengesahan dan semakan ini adalah penting untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Seterusnya, dapatan kajian disemak dan disahkan oleh dua orang informan. Kedua-dua informan bersetuju dengan hasil dapatan kajian dan mencadangkan sedikit penambah baik dalam model kerangka konseptual kajian yang telah dibentuk hasil daripada dapatan kajian. Lampiran C dan lampiran D menunjukkan pengesahan dapatan yang telah disahkan oleh dua orang informan.

### **3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian**

Penyelidik memastikan hasil kajian adalah benar dan tiada unsur bias, dan dapatan kajian disokong oleh sokongan yang jelas dan tidak meragukan atau disebut sebagai kesahan. Hal ini demikian kerana Berawi (2017) menyatakan kesahan dalam sesuatu kajian dipenuhi dengan ciri-ciri seperti sesuai, betul, bermakna dan berguna pada data kaedah yang digunakan. Lebar (2017) meringkaskan kesahan dalam kajian kualitatif adalah mengenal pasti sama ada dapatan kajian adalah benar dan pasti.

Selain kesahan, kebolehpercayaan kajian juga amat penting dititik beratkan. Lebar (2017) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula. Dalam kajian kualitatif kebolehpercayaan berkait dengan soal kebolehsandaran (*dependability*) dan ketekalan (*consistency*) sesuatu dapatan kajian. Bagi memastikan sesuatu keputusan kajian adalah tekal, terdapat tiga teknik dicadangkan oleh Lebar (2017), iaitu pendirian penyelidik, triangulasi dan jejak audit (*audit trail*).

Dalam teknik pendirian penyelidik, penyelidik menjelaskan andaian kajian dan teori yang digunakan dengan pendirian yang jelas. Misalnya bagi kajian ini penyelidik menetapkan untuk mengenal pasti konsep niat bagi pengguna Muslim bergelagat menurut perspektif Islam. Seterusnya, penting juga kebolehpercayaan kajian ini dicapai dengan triangulasi.


Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Manakala dalam menganalisis data pula penyelidik telah menggunakan kaedah analisis kandungan. Ini bertepatan dengan pendapat Lebar (2017) menyatakan triangulasi adalah pengkaji menggunakan pelbagai metode dalam mengumpul dan menganalisis data dalam sesuatu kajian. Prastowo (2012) pula menyatakan triangulasi adalah teknik pengumpulan data yang berbeza untuk mendapatkan data yang sama.


Terakhir, kebolehpercayaan dicapai dengan melakukan jejak audit. Jejak audit adalah penyelidik menjelaskan secara terperinci kaedah mengumpul, dan mengkategorikan

data serta keputusan merumuskan kajian serta perjalanan sepanjang kajian dijalankan (Lebar, 2017).

### **3.11 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan tentang kerangka konseptual kajian, reka bentuk kajian, sehingga ke bahagian kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif, dengan menggunakan pendekatan kajian penerokaan. Data kajian pula dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Rajah 3.11 adalah menjelaskan ringkasan berkaitan elemen-elemen penting dalam metodologi kajian ini iaitu bentuk kajian, pendekatan kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Seterusnya bab akan datang akan membincangkan berkaitan hasil dapatan kajian.





Rajah 3.11

*Elemen Penting dalam Metodologi.*

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## BAB EMPAT

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan


Analisis dapatan kajian dalam bab ini disusun mengikut objektif kajian yang dibentuk. Memandangkan terdapat tiga objektif utama kajian, analisis dapatan kajian ini dipecahkan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan analisis mengenai konsep niat bagi gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Bahagian kedua pula membincangkan berkaitan faktor yang mempengaruhi niat bagi gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Seterusnya, bahagian ketiga merupakan pembangunan kerangka konseptual niat bagi gelagat pengguna menurut perspektif Islam.

Bagi mencapai objektif pertama dan kedua, penyelidik telah mendapatkan data melalui penelitian dokumen dan temu bual semi berstruktur. Dokumen-dokumen yang diteliti terdiri daripada tafsir al-Quran, buku-buku, artikel dan tesis yang mengupas berkaitan niat menurut perspektif Islam. Manakala untuk mencapai objektif ketiga, hasil analisis objektif pertama dan kedua digarapkan dan dibangunkan satu kerangka konseptual bagi gelagat pengguna menurut perspektif Islam.

## 4.2 Konsep Niat Bagi Gelagat Pengguna Menurut Perspektif Islam

Objektif pertama kajian ini adalah menjelaskan konsep niat bagi gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Terdapat tiga tema yang boleh menjelaskan konsep niat bagi gelagat pengguna iaitu:

- i. Keperluan niat
- ii. Cara berniat
- iii. Kesan niat



Rajah 4.2  
*Tema Bagi Objektif Pertama*  
Sumber: Dapatan penyelidikan (2024)

#### 4.2.1 Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan

Setiap tindakan seorang Muslim memerlukan niat, termasuklah aktiviti penggunaan. Hal ini kerana niat penting untuk menjadikan sesuatu tindakan bermanfaat kepada kehidupan seseorang Muslim, sama ada semasa di dunia mahupun di akhirat. Aktiviti penggunaan yang dimaksudkan adalah aktiviti seharian seperti makan, minum, pakai, mendapatkan perkhidmatan dan lain-lain. Jadual 4.2.1 menjelaskan hasil dapatan tentang keperluan niat dalam aktiviti penggunaan dan manfaat niat dalam aktiviti penggunaan kepada pengguna Muslim.

Jadual 4.2.1

*Hasil Dapatan Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan dan Manfaatnya.*

Subtema	Data Temu Bual	Data Dokumen Analisis
<b>Keperluan niat dalam aktiviti penggunaan</b>	Kesemua informan (P1, P2, P3, P4, dan P5)	- Al-Ghazali (1981; 1917/1994) - Al-Nawawi (1984; 1989) - Al-Qardawi (2018) - Al-Zuhaili (2010) - Monzer Kahf (1992)
<b>Manfaat Niat</b>		
i. Aktiviti seharian berubah menjadi ibadat	P1	- Al-Ghazali (1917/1994) - Al-Zuhaili (2010) - Al-Qardawi (2018) - Ahmad Najib (2019b)
ii. Mendapat ganjaran pahala	P1, P2, P3, P4	- Al-Ghazali (1917/1994) - Al-Nawawi (1984; 1989) - Al-Zuhaili (2010) - Ibn 'Alwi Alaydrus (2015)
iii. Memperolehi keredaan Allah SWT	P1, P3, P5	- Ahmad Najib (2019) - Basarud-din dan Abu Bakar (2019)

Sumber: Analisis data temu bual dan dokumen analisis penyelidik.

Keperluan niat dalam aktiviti penggunaan turut disepakati oleh ulama terkemuka seperti al-Ghazali (1981; 1994), al-Nawawi (1984; 1989), al-Qardawi (2018), dan al-Zuhaili (2010). Menurut al-Ghazali (1981), niat dalam amalan *mubah* mampu

menjadikan amalan tersebut sebagai amalan baik yang mendekatkan diri kepada Allah SWT, seterusnya memperoleh darjat yang tinggi di sisi-Nya.

*“Tiada suatu pun dari amalan yang mubah, melainkan memungkinkan satu niatan-niatan, yang dengan niatan-niatan itu menjadi sebahagian dari amalan yang baik, yang mendekatkan diri kepada Allah. Dan tercapai dengan yang demikian darajat yang tinggi”.*

(al-Ghazali, 1981, ms. 627)

Hasil temu bual turut mendapati kesemua informan menyatakan niat diperlukan dalam aktiviti penggunaan. Sebahagian mereka menjelaskan bahawa niat menjadi tujuan sesuatu tindakan dilakukan oleh seseorang kerana setiap tindakan pastinya ada sebab atau tujuan yang mendorong tindakan tersebut dilakukan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan temu bual dengan P1, P2, P3, P4 dan P5 berikut:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Yang pertamanya, secara umum niat satu perkara yang penting dalam Islam, di mana dalam Islam ini semua perkara dihitungkan dihisab berdasarkan niat. Jadi soalnya, adakah dalam bidang penggunaan ini ditekankan niat secara umumnya memang termasuklah.
<b>P2</b>	Niat memang ada dalam tindakan, cuma dalam Islam tak terhenti setakat dia nak buat apa, tapi ada tujuan tindakan itu atau sebab apa nak guna sesuatu. Sama macam solat la, tujuan dia nak dapat pahala. Niat ni adalah tujuan, setiap sesuatu ada tujuan. Cuma orang kita ni terhad dalam definisi niat dalam Islam ni, sebenarnya semua benda yang kita buat tu ada niat.
<b>P3</b>	Ok, dalam penggunaan ni nak beli sesuatu tu apa saja boleh. Nak beli kasut Adidas itu harus, harus boleh berubah menjadi pahala, beli baju cantik tak salah, Islam sukakan kecantikan, tutup aurat dapat pahala. Tapi semua bergantung pada niat. Contoh kahwin, hukum kahwin ni kan berubah-ubah mengikut niat. Macam tu gak dalam penggunaan. Konsep niat ni memang ada dalam penggunaan.
<b>P4</b>	Ya, aktiviti penggunaan perlu niat. Niat juga sebenarnya apa sahaja yang terlintas di hati. Segala perkara baik, dengan niat akan dapat pahala.

---

<b>P5</b>	Ada la, biasanya dalam Islam semua ada niat, yang penting semua perkara dalam kehidupan ni perlu patuh syariat, semata-mata kerana Allah, adakan hadis hijrah kerana Allah atau selain-Nya, hadis <i>innama a'malubilniat</i> tu.
-----------	---

Informan P5 memberi pengukuhan tentang perlunya niat dalam aktiviti penggunaan ini dengan bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW tentang niat. Hal ini seiringan dengan perbincangan oleh al-Zuhaili (2010) yang turut menyandarkan hadis tentang niat ini dalam tindakan *mubah*. Hadis tersebut seperti berikut:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا،  
أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.


*Terjemahan: "Sesungguhnya setiap amal tergantung kepada niat. Dan pahala bagi setiap orang yang beramal diberikan sesuai dengan apa yang diniatkannya. Siapa yang hijrah dengan niat kerana hendak memperoleh keredhaan Allah dan RasulNya, maka pahalanya ada di sisi Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrah dengan niat hendak memperoleh harta kekayaan (kebanggaan duniawi) atau dengan niat hendak mengahwini seorang perempuan yang dicintainya, maka pahala hijrahnya sesuai dengan niatnya pula."*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

Dapatan ini selari dengan pandangan Yusoff et al. (2018), yang menekankan bahawa setiap tindakan seharian memerlukan niat, termasuklah tindakan mengikuti kursus Bahasa Inggeris di masjid. Selain itu, Wiyono et al. (2022) turut menyatakan bahawa niat adalah elemen penting dalam aktiviti mendapatkan produk makanan halal.

Tambahan lagi, aktiviti penggunaan yang disertakan dengan niat akan memberikan manfaat kepada pengguna Muslim. Rajah 4.2.1 dan Jadual 4.2.1 telah meringkaskan hasil dapatan kajian berkaitan manfaat niat dalam aktiviti penggunaan kepada

pengguna Muslim. Terdapat tiga manfaat niat. Pertama menjadikan aktiviti seharian sebagai ibadat, kedua mendapat ganjaran pahala, dan ketiga memperoleh keredaan Allah SWT.



Rajah 4.2.1  
*Subtema Keperluan Niat dalam Aktiviti Penggunaan*  
Sumber : Dapatan penyelidikan (2024)

Manfaat pertama niat dalam aktiviti penggunaan adalah menjadikan aktiviti seharian sebagai ibadat. Hal ini telah dinyatakan oleh ulama besar iaitu al-Ghazali, al-Nawawi, al-Qardawi dan al-Zuhaili. Informan P1 juga berpendapat gelagat seharian boleh berubah menjadi aktiviti ibadat atau kebajikan dengan adanya niat.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Fungsi niat di sini menukar aktiviti kehidupan biasa ni menjadikan aktiviti penggunaan ini sebagai ibadah.

Manfaat kedua niat dalam aktiviti penggunaan kepada pengguna Muslim adalah mendapat ganjaran pahala. Antara ulama-ulama besar yang menyatakan niat mendapatkan pahala untuk aktiviti seharian adalah al-Ghazali (1917/1994), al-Nawawi (1984; 1989) dan al-Zuhaili (2010). Petikan daripada al-Zuhaili (2010) menyatakan:

*“Perkara-perkara mubah dan perbuatan adat kebiasaan seharian jika dilakukan dengan dorongan (niat) oleh ketaqwaan dan taat perintah Allah akan mendapat pahala serta dianggap sebagai ibadat. Sebaliknya jika tidak diniatkan maka tidak berpahala”.*

(al-Zuhaili, 2010, ms. 192)

Manakala petikan informan yang menyatakan dengan niat membuatkan aktiviti penggunaan mendapat ganjaran pahala adalah seperti berikut:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	.....tapi niat dijadikan untuk ukuran untuk dapat ganjaran pahala atau apa namanya, menjadikan sesuatu amalan itu sebagai satu kebajikan.
<b>P2</b>	...Sama macam solat la, tujuan dia nak dapat pahala...
<b>P3</b>	...Islam sukakan kecantikan, tutup aurat dapat pahala. Tapi semua bergantung pada niat.
<b>P4</b>	... Segala perkara baik, dengan niat akan dapat pahala...

Seterusnya, manfaat niat dalam aktiviti penggunaan kepada pengguna Muslim adalah untuk memperolehi keredaan Allah SWT. Basarud-din dan Abu Bakar (2019) dan Ahmad Najib (2019) telah berpendapat bahawa dengan niat seseorang akan mendapat keredaan Allah SWT dalam tindakan yang dilakukan. Basarud-din dan Abu Bakar (2019) menyatakan, “...niat menjadikan seseorang Muslim bertindak dalam semua gelagat adalah untuk mendapat reda Allah dengan niat yang ikhlas”.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, informan P1, P3, dan P5 menyatakan bahawa salah satu manfaat niat dalam tindakan ialah memperoleh keredaan Allah SWT. Kenyataan mereka adalah seperti berikut:

Informan	Petikan Temu Bual
P1	Dengan niat ni juga menjadikan sesuatu tu ibadat dan diredai Allah.
P3	Niat ni gak membawa kepada tujuan akhir, tengok tesis saya, dalam kerangka kajian, asas niat adalah kerana nak reda Allah. Sebagai pengguna Muslim asas dia untuk dapat reda Allah dalam setiap tindakan dan terikat dengan hukum syarak.
P5	Dalam Islam apa-apa dibuat nak capai reda Allah, nak capai <i>alfalah</i> .

Untuk memperolehi manfaat niat dalam aktiviti penggunaan, iaitu sesuatu tindakan *mubah* berubah menjadi ibadat, mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT seorang pengguna Muslim perlulah berniat dengan betul. Niat yang betul adalah niat yang ikhlas. Hal ini dijelaskan oleh al-Ghazali (1917/1994) iaitu “*niat yang betul serta ikhlas hati kerana Allah, akan meningkatkan kedudukan amalan seharian ke tahap ibadah yang diterima*”. Tambahan lagi, mematuhi syariat dalam setiap niat dan tindakan juga merupakan syarat yang diperlukan untuk setiap tindakan penggunaan

berubah menjadi ibadat, serta membolehkan seseorang pengguna Muslim memperoleh manfaat ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT dalam setiap tindakan. Informan P5 telah menyatakan, “...*Ada la, biasanya dalam Islam semua ada niat, yang penting semua perkara dalam kehidupan ni perlu patuh syariat, semata-mata kerana Allah...*” (Penjelasan berkaitan niat ikhlas dan kepentingan mematuhi syariat akan dijelaskan lebih terperinci dalam perbincangan seterusnya).

Bagi memastikan setiap tindakan seharian dapat dianggap sebagai ibadat serta memperoleh ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT, niat dalam sesuatu tindakan boleh diperbanyakkan. Memperbanyakkan niat bermaksud menjadikan sesuatu tindakan disertai dengan pelbagai niat yang bermanfaat. Sebagai contoh, ketika menjamah makanan, seseorang boleh berniat untuk menyantuni ahli keluarga yang menyediakan makanan, mendapatkan tenaga bagi melaksanakan tugas, serta memperoleh nutrisi untuk kesihatan tubuh badan. Dengan pelbagai niat, ganjaran pahala juga dapat dilipatgandakan (al-Asyqar, 2002; al-Ghazali, 1981). Selain itu, Ibn 'Alwi Alaydrus (2023) turut memberikan contoh beberapa niat yang boleh diamalkan oleh seorang Muslim semasa membeli dan menggunakan jam, seperti berikut:

- i. Diniatkan untuk mengatur waktu dalam kebaikan.
- ii. Diniatkan untuk mengatur waktu solat.
- iii. Diniatkan untuk dapat membahagikan waktu dengan baik.
- iv. Diniatkan untuk mengatur janji-janji agar tepat waktu.

Tambahan lagi, al-Ghazali (1981) turut memberikan contoh dengan mempelbagaikan niat dalam gelagat mengenakan minyak wangi. Beliau berpendapat bahawa setiap

aktiviti seharian boleh menjadikan sesuatu yang mendekatkan diri kepada Allah SWT, walaupun hanya dengan gelagat berminyak wangi. Misalnya hukum mengenakan minyak wangi harus pada asalnya, namun ia akan berubah menjadi sunat kerana dengan beberapa niat yang baik. Antara contoh niat bermanfaat adalah pertama, memakai minyak wangi untuk mengikut sunnah Rasullullah SAW, menghilangkan bau badan dan memberi ketenangan kepada orang lain, serta menyegarkan minda. Sebaliknya, jika niat memakai minyak wangi tersebut untuk tujuan menunjuk-nunjuk atau memikat lelaki atau perempuan yang bukan mahram. Maka niat-niat itu boleh membawa kepada maksiat dan terlarang dalam Islam, bahkan boleh mendatangkan dosa (al-Ghazali, 1981).

Lantaran itu, berdasarkan perbincangan dan hasil kajian mendapati keperluan niat dalam aktiviti penggunaan ini juga bertepatan dengan firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ



*Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesungguhnya, solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam”.*

*(al-An'am 6:162)*

Ibnu Kathir (2017) telah menjelaskan maksud ayat ini bahawa setiap tindakan seorang Muslim adalah perlu mempunyai tujuan kerana Allah SWT kerana setiap tindakan akan dinilai mengikut apa yang diniatkan. Rasullullah SAW turut menghuraikan perkara ini dalam hadis Baginda iaitu:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.<sup>8</sup>

*Terjemahan: “Sesungguhnya setiap amal tergantung kepada niat. Dan pahala bagi setiap orang yang beramal diberikan sesuai dengan apa yang diniatkannya. Siapa yang hijrah dengan niat kerana hendak memperoleh keredhaan Allah dan RasulNya, maka pahalanya ada di sisi Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrah dengan niat hendak memperoleh harta kekayaan (kebanggaan duniawi) atau dengan niat hendak mengahwini seorang perempuan yang dicintainya, maka pahala hijrahnya sesuai dengan niatnya pula.”*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

Kesimpulannya, berdasarkan hasil analisis dokumen dan temu bual, penyelidik mendapati bahawa niat memainkan peranan penting dalam aktiviti penggunaan. Pengguna Muslim yang menyertakan niat dalam tindakan penggunaan akan memperoleh manfaat yang signifikan, termasuk menjadikan setiap tindakan sebagai ibadat, memperoleh ganjaran pahala, dan mendapat keredaan Allah SWT. Sebaliknya, tanpa niat, aktiviti penggunaan hanya memberi manfaat duniawi semata-mata tanpa membawa sebarang nilai di akhirat kelak. Seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali (1989) dan al-Zuhaili (2010), setiap tindakan yang dilakukan tanpa niat adalah merugikan kerana ia tidak membawa manfaat ukhrawi. Tambahan pula, untuk memastikan manfaat niat dapat diperolehi, niat tersebut mestilah niat yang ikhlas dan selari dengan syariat Islam, manakala tindakan yang dilakukan juga perlu mematuhi peraturan syariat.

---

<sup>8</sup> Al-Bukhāri, Bad-ul Wahyi, Kayfa Kāna Bad-ul Wahyi 'Ilā Rasullāhi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, hadith 1, daripada Umar bin al-Khattab.

#### 4.2.2 Cara Berniat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam

Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat tiga manfaat utama apabila aktiviti penggunaan disertakan dengan niat yang betul. Manfaat tersebut ialah aktiviti penggunaan dapat berubah menjadi ibadat, memperoleh ganjaran pahala, dan mencapai keredaan Allah SWT. Walau bagaimanapun, persoalan utama yang timbul adalah mengenai cara dan syarat yang perlu dipenuhi untuk memastikan manfaat niat dalam aktiviti penggunaan dapat diperoleh.

Kebanyakan perbincangan berkaitan niat dalam karya-karya fiqh adalah niat dalam aktiviti ibadah khusus seperti solat, puasa, haji dan zakat. Niat dalam ibadah khusus dikira sebagai rukun untuk menyempurnakan ibadat tersebut, dan perlu jelas niatnya untuk membezakan antara suatu jenis ibadat dengan jenis ibadat yang lain (al-Zuhaili, 2010). Misalnya, niat dalam ibadat solat perlu dinyatakan jenisnya, bilangan rakaatnya, tujuannya sama ada solat yang diwajibkan atau solat sunat. Contoh lafaz niat solat, “*Sahaja aku solat fardu Subuh dua rakaat tunai kerana Allah*”. Daripada niat ini jelas menunjukkan bahawa solat yang dikerjakan itu adalah solat fardu subuh, bilangan rakaatnya adalah dua rakaat dan perlakuannya adalah secara tunai.

Niat dalam perbuatan seharian atau tindakan *mubah* pula berbeza dengan niat ibadat khusus iaitu tidak semestinya menentukan jenis sesuatu tindakan, fardu atau sunat dan sebagainya. Perkara utama ialah tujuan seseorang melakukan sesuatu tindakan perlulah jelas dan terlintas dalam hati ketika memulakan perbuatan itu dengan tujuan membawa kebaikan, mematuhi syariat dan kerana Allah SWT. Perkara ini telah dinyatakan oleh informan P1 dan P2.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Niat ini terjadi secara natural, tidak la macam solat dan puasa, dalam aktiviti penggunaan ni tak dak la perlulah niat sahaja aku, tapi perlu ada tujuan dia untuk dapat pahala.
<b>P2</b>	Tak semestinya bila nak makan tu perlu sebut aku makan kerana Allah, tapi tujuan akhir itu semestinya membawa kepada tujuan yang betul. Tujuan kena <i>clear</i> , setiap aktiviti penggunaan kena <i>relate</i> kepada Allah...

Seterusnya, untuk memperoleh manfaat daripada niat dalam aktiviti penggunaan, seorang pengguna Muslim perlu memastikan bahawa niatnya adalah benar dan bebas daripada unsur riak. Ini merujuk kepada niat yang ikhlas kerana Allah SWT serta disertai tindakan yang mematuhi syariat. Hasil temu bual dengan informan P1, P2, dan P3 turut menegaskan pentingnya niat yang benar, iaitu niat yang berlandaskan tujuan yang baik kerana Allah SWT, bersifat ikhlas, dan sejajar dengan kehendak syariat. Berikut petikan temu bual informan P1, P2, dan P3;

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Ya, kena tujuan kerana Allah. Sekiranya kerana benda lain, tak dapat pahala, misalnya makan, makan untuk kenyang saja, makan untuk syok-syok saja, sebab sedap, apatah lagi makan sebab nak tunjuk kat orang, <i>snap</i> gambar lak boh dalam <i>facebook</i> , lagi la bukan saja tak dapat pahala, bahkan boleh membawa kepada haramlah, boleh menguris hati orang yang menonton.
<b>P2</b>	Macam tujuan makan ni, untuk sihat, ini memenuhi maqasid syariah, dalam menjaga kesihatan. Tujuan itu ke arah penggunaan yang patuh syariat. Contohnya judi, kalau tujuannya baik, tapi niat tak boleh halalkan benda-benda yang tak patuh syariat.  Tujuan kena <i>clear</i> , setiap aktiviti penggunaan kena <i>relate</i> kepada Allah. Jadi kalau makan itu disebut untuk sihat, untuk bertenaga nak bekerja, ini tujuan yang baik. Contoh lagi, beli barang dengan niat untuk menunjuk-menunjuk, ini tak boleh la.  Ikhlas ni pun bergantung kepada tujuan la. Contoh beli kualiti yang berkualiti untuk masak, dengan sihat, nak elak dari kualiti yang

---

bahaya, ini kira ikhlas. Tapi klu beli kualiti yang mahal berkualiti lepas tu dengan tujuan nak menunjuk, siap share di *facebook* lagi, ini dah tak ikhlas.

...Contoh beli kereta, kalau beli kereta niat nak guna untuk pergi kerja, untuk mudah balik kampung. Atau beli kereta sebab nak menunjuk, ini adalah konteks penggunaan yang tak betul. Setiap tujuan atau niat kena semak selari atau tak selari dengan Islam. Contoh berhutang kalau tujuan yang baik ok...

**P3**

Saya bagi contoh, membeli sesuatu kerana apa, kerana nak membantu, dapat la pahala. Mandi-mandi biasa, kalau niat nak wangi nak p masjid dapat pahala. Beli minyak wangi niat nak ikut sunnah dapat pahala. Niat ni sangat penting dalam Islam, niat separuh agama, tak ada niat, tak dak apa-apa makna setiap tindakan kita tu. Niat ni gak membawa kepada tujuan akhir, tengok tesis saya, dalam kerangka kajian, asas niat adalah kerana nak reda Allah. Ada asas niat, faktor niat yang nakkan reda Allah, ada gak tatacara berniat. Dalam Islam gak suka tak suka kena buat, jika haram suka tak suka tak boleh buat. Niat asasnya kerana Allah, diikat oleh syarak. Subjektif norm, orang sekeliling tak boleh mempengaruhi kita. Niat gak boleh dipengaruhi oleh budaya dan lain-lain, tapi kalau menyalahi syarak tak boleh juga. Sebab tu elemen dalam TPB tak sesuai *apply* dalam kontek kepenggunaan Islam. Niat kita solid kerana Allah, sebagai hamba, memang kerana Allah ja tujuan kita, itu hakikat sebagai hamba. Dalam Islam persepsi kita tolak tepi, yang penting Allah. Sebagai pengguna Muslim asas dia untuk dapat reda Allah dalam setiap tindakan dan terikat dengan hukum syarak.

---

Informan P1 dan P2 telah memberi beberapa contoh tujuan gelagat penggunaan. Pertama, contoh untuk tujuan makan adalah untuk sihat dan bekerja, serta memenuhi salah satu daripada lima tujuan *maqasid* syariah. Contoh kedua, seseorang berjudi dengan tujuan yang baik, namun tindakan tersebut telah melanggar syariat, maka niat yang membentuk tindakan itu adalah salah satu niat yang tidak betul di sisi ajaran Islam, bahkan ia boleh menjadi satu dosa jika tindakan tersebut terlaksana. Contoh ketiga, seseorang makan hanya untuk kenyang saja, makan untuk berseronok saja, makan kerana sedap, maka ini juga bukan tujuan yang boleh mendapat ganjaran pahala. Contoh terakhir, seorang Muslim membeli kereta dengan niatnya untuk menunjuk-nunjuk atau untuk bermegah-megah, maka ini adalah niat yang tidak betul

berdasarkan perspektif Islam. Informan P1 dan P2 turut berpendapat tindakan budaya mempamerkan penggunaan di media sosial boleh membawa kepada riak dan seterusnya mengundang dosa.

Informan P3 pula telah menjelaskan apa sahaja aktiviti seharian yang mempunyai tujuan yang baik akan mendapat pahala jika tujuan akhirnya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Beliau menjelaskan asas niat yang betul adalah tujuan akhirnya kerana Allah SWT dan perlu selari dengan syarak. Misalnya seorang Muslim makan bertujuan untuk kenyang dan bertenaga untuk bekerja mencari nafkah, dan nafkah itu diniatkan untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Dengan niat sebegini sudah pasti individu Muslim tersebut mendapat pahala sekiranya makanan yang dipilih adalah halal dan daripada sumber yang halal juga.

Al-Ghazali (1981) turut menjelaskan bahawa seorang pengguna Muslim dapat mendekati diri kepada Allah SWT melalui aktiviti harian, seperti menggunakan minyak wangi. Misalnya hukum mengenakan minyak wangi harus pada asalnya, namun ia akan berubah menjadi sunat kerana dengan beberapa niat yang baik. Antara contoh niat bermanfaat adalah pertama, memakai minyak wangi untuk mengikut sunnah Rasulullah SAW, menghilangkan bau badan dan memberi ketenangan kepada orang lain, serta menyegarkan minda. Sebaliknya, jika niat memakai minyak wangi tersebut untuk tujuan menunjuk-nunjuk atau memikat lelaki atau perempuan yang bukan mahram. Maka niat-niat itu boleh membawa kepada maksiat dan terlarang dalam Islam, bahkan boleh mendatangkan dosa (al-Ghazali, 1981).

Dapat disimpulkan bahawa tidak semua niat atau tujuan dalam sesuatu perbuatan yang harus itu boleh menerima ganjaran pahala. Terdapat niat yang bersesuaian dengan syarak, dan ada pula niat yang tidak bersesuaian dengan kehendak syarak. Oleh yang demikian, gelagat yang dilakukan oleh seorang Muslim perlulah disertai dengan niat yang menepati kehendak syarak. Jadual 4.2.2 (a) meringkaskan tentang tujuan sesuatu gelagat dan kesannya.

Jadual 4.2.2 (a)  
*Tujuan Sesuatu Gelagat dan Kesannya*

<b>Tujuan/ patuhi syariat</b>	<b>Kesan</b>	<b>Contoh</b>
Kerana Allah, patuh syariat (ada ilmu dan kesedaran).	Mendapat ganjaran pahala.	Makan untuk bertenaga, sumber dan bahan makanan halal.
Kerana Allah, tidak patuh syariat (tidak berilmu dan bermaklumat).	Mendapat balasan dosa.	Sumber atau bahan tidak halal.
Tidak kerana Allah, tidak bertentangan syariat	Tiada ganjaran pahala atau balasan dosa.	Makan kerana makanan viral, makanan tersebut halal.
Tidak kerana Allah, tidak patuh syariat.	Mendapat balasan dosa.	Makan di restoran berprestij, tidak peduli halal dan haram dengan tujuan menunjuk-nunjuk.


Sumber: Dapatan Penyelidik (2024)

Mematuhi syariat bermaksud mematuhi setiap hukum-hukum yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam. Al-Maududi (2006) menjelaskan syariat adalah cara beribadat dan hukum-hukum atau fatwa berkenaan sesuatu tindakan yang berteras al-Quran dan hadis. Misalnya mematuhi syariat dalam aktiviti penggunaan perlulah menitikberatkan halal dan haram sesuatu produk atau perkhidmatan. Sepertimana yang telah dibincangkan oleh Gunardi et al. (2022) dalam pengambilan makanan dan minuman perlulah menepati syariat, iaitu mematuhi konsep *halalan tayyiban* yang berpandukan

kepada al-Quran, hadis, ijmak dan ulama serta perlu juga perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Seterusnya, perbincangan mengenai niat yang ikhlas. Al-Ghazali (1917/1994) menjelaskan niat yang betul atau niat yang seharusnya hadir dalam diri setiap Muslim adalah niat yang ikhlas. Al-Ghazali mendefinisikan ikhlas sebagai seseorang memfokuskan setiap tujuan dan tindakan semata-mata kerana Allah SWT, tanpa ada yang lain menjadi pendorongnya. Al-Qardawi (2000) pula mendefinisikan niat ikhlas sebagai mengharapkan reda Allah SWT dalam setiap perbuatan dan mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu hanya untuk kepentingan diri yang bersifat duniawi semata-mata.

Makna niat ikhlas juga disepakati oleh informan bahawa niat yang tujuannya kerana Allah SWT. Petikan temu bual oleh informan P1 dan P4 adalah seperti berikut;



<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Niat yang asal-asalnya mesti ikhlas, apa maknanya ikhlas? Ikhlas maknanya kerana Allah tak bercampur aduk. Bercampur aduk itu tak ikhlas. Allah tak terima sesuatu yang tak ikhlas bukan setakat niat dalam aktiviti biasa, walaupun dalam ibadat pun, kalau tengah-tengah solat ada orang tengok, niat nak tunjuk kat orang kata rajin, jadi kosong, solat tu sah.
<b>P4</b>	Niat ikhlas ni bila buat sesuatu tak menunjuk-nunjuk, niat <i>lillahitaala</i> , kerana Allah,tak ada unsur-unsur riak

Dalam hal ini, Mokhtar et al. (2018) menyatakan sebelum sampai kepada niat yang ikhlas, seorang Muslim perlu mempunyai sifat ihsan. Sifat ihsan adalah menyedari setiap tindakan adalah diperhatikan oleh Allah SWT. Informan P5 telah menyatakan,

“...ikhlas adalah sesuatu yang perlu diusahakan...”. Untuk sampai ke tahap ikhlas, seorang Muslim perlu menyedari bahawa setiap tindakannya diperhatikan oleh Allah SWT.

Informan	Petikan Temu Bual
P5	Ikhlas ni, kita kena usaha, nak dapat betul-betul kena usaha, macam anak kita mula-mula sembahyang, mula-mula ikut-ikut ja buat, lama-lama ikhlas. Satu lagi ilmu ni penting, ilmu penting, sebagai makanan jiwa. Manusia ni selalu lupa, bila lupa zalim. Saya rasa untuk dapat ikhlas ni tak dak lain la, rasa Allah memerhati.

Terdapat sebuah Hadis Rasulullah SAW:

مَا الْإِحْسَانُ؟ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ<sup>9</sup>

Terjemahan: “...Apakah Ihsan? Baginda menjawab: Sesungguhnya kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, walaupun kamu tidak melihatnya, akan tetapi Allah melihat kamu.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Firman Allah SWT:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Terjemahan: “Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya semata-mata dan tetap teguh atas tauhid dan mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar)”.

(al-Bayyinah 98:5)

<sup>9</sup> Al-Bukhāri, al-Īmān, Suāl Jibril an-Nabi Sallā Allah Alaihiwasallam 'An al-Iman wa al-Islām, hadith 50, daripada Abi Hurairah.

Al-Zuhaili (2013) telah menjelaskan bahawa ayat ini menerangkan tentang pokok keimanan dalam beragama iaitu melakukan setiap ibadat dan gelagat seharian adalah dengan ikhlas kerana Allah SWT. Setiap ibadat khusus seperti solat, puasa dan zakat diwajibkan disertakan dengan niat. Namun begitu al-Zuhaili (2010) berpandangan sunat untuk menetapkan niat bagi setiap tindakan *mubah* yang merupakan aktiviti seharian seperti makan, minum, tidur dan sebagainya. Penjelasan al-Zuhaili adalah seperti berikut:

*“Dengan demikian, segala perintah harus disertai dengan niat yaitu seseorang berniat dengan perbuatannya tersebut semata-mata ikhlas karena Allah. Hal-hal yang dilarang, jika ditinggalkan tanpa niat, tidak akan diberi pahala, jika ditinggalkan karena menginginkan reda Allah, hal itu akan diberi pahala. Sementara itu, hal-hal yang mubah, seperti makan dan tidur jika dikerjakan tanpa niat, tidak berpahala dan jika dikerjakan dengan niat, mendapatkan reda Allah dan untuk memperkuat tubuh demi ibadah, itu berpahala”.*

(al-Zuhaili, 2013, ms. 622-623)

Niat yang ikhlas dalam setiap gelagat adalah penting bagi memastikan setiap gelagat seorang Muslim adalah bermanfaat dunia dan akhirat. Misalnya setelah menjamah makanan, seorang Muslim dapat memenuhi keperluan hidup seperti bertenaga untuk bekerja dan juga menghilangkan rasa lapar. Di samping itu balasan pahala boleh diperolehi di akhirat kelak dengan gelagat makan tersebut. Kepentingan niat ikhlas juga adalah mampu membetulkan akidah dan membetulkan setiap gelagat seorang Muslim berlandaskan syariat Islam. Mustahil seorang Muslim yang ikhlas melakukan sesuatu kerana Allah SWT akan melanggar syariat Islam (al-Qardawi, 2000).

Terdapat beberapa firman Allah SWT yang menjelaskan tentang ikhlas, iaitu:

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيْتًا مِّنْ أَنْفُسِهِمْ  
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَاتَتْهُ أَكْثَرُهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِْبْهَا وَابِلٌ  
فَظَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Terjemahan: “Perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan untuk mengukuhkan (keimanan) mereka itu seperti sebuah kebun di dataran tinggi yang disirami hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buah dua kali ganda banyaknya. Jika hujan tidak menyiraminya, embun atau gerimis pun (sudah memadai). Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu lakukan”.

(al-Baqarah 2:265)

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ  
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٦٤﴾

Terjemahan: “Katakanlah: “Tuhanku menyuruh berlaku adil (dalam segala perkara) dan (menyuruh supaya kamu) menghadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul setiap kali mendirikan solat serta beribadatlah dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepadaNya semata-mata (kerana) sebagaimana Dia telah menciptakan kamu pada mulanya, (demikian pulalah) kamu akan kembali (kepada-Nya)”.

(al-A'raf 7:29)

فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿١٤﴾

Terjemahan: “Maka sembahlah Allah dengan penuh ikhlas dalam beribadat kepada-Nya meskipun orang kafir tidak menyukai”.

(Ghafir 40:14)

Namun sebaliknya sekiranya tiada niat ikhlas dalam setiap gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan, perkara ini boleh mengundang kesan tidak baik dan merugikan seseorang. Perkara ini kerana tanpa niat ikhlas boleh menyebabkan seseorang bersikap tamak dan rakus dalam memenuhi keperluan seharian (al-Ghazali, 1917/1994). Tanpa niat ikhlas juga seorang Muslim akan mengalami kerugian kerana setiap gelagatnya hanyalah memenuhi keperluan duniawi, tanpa mendapat apa-apa balasan akhirat. Selain itu, gelagat tanpa niat yang ikhlas akan menyebabkan seseorang pengguna Muslim mudah dipengaruhi oleh bisikan nafsu dan syaitan.

Terdapat dua syarat untuk seorang pengguna Muslim mencapai niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan, iaitu syarat dari segi batin dan zahir. Untuk memenuhi syarat batin, seorang pengguna Muslim haruslah berniat bahawa setiap gelagat dilakukan ikhlas kerana Allah SWT. Bagi memenuhi syarat zahir pula, seorang pengguna Muslim perlulah melaksanakan segala tindakan penggunaan berlandaskan syariat (al-Qardawi, 2000). Misalnya dalam gelagat makan, perlulah dipilih makanan halal, membaca doa sebelum makan dan berhenti makan sebelum kenyang.

Di samping itu, terdapat juga perkara yang boleh merosakkan niat ikhlas iaitu perasaan riak (al-Maqdisi, 2008; al-Muhasibi, 2013; al-Ghazali, 1994). Perasaan riak membuatkan tujuan seorang pengguna Muslim bergelagat kerana selain Allah SAW lebih berat atau tiada langsung tujuan kerana Allah SWT. Misalnya, membeli kereta baru untuk memenuhi kehendak nafsu dan untuk bermegah-megah kepada orang sekeliling. Riak jelas boleh merosakkan niat ikhlas seseorang, hatta dalam ibadat khusus seperti solat. Perkara ini telah dijelaskan oleh informan P1 seperti berikut:

Informan	Petikan Temu Bual
P1	Walau dalam ibadat pun, kalau tengah-tengah solat ada orang tengok, niat nak tunjuk kat orang kata rajin, jadi kosong, solat tu sah.

Bahaya riak telah disebut dalam firman Allah SWT dan juga hadis Rasulullah SAW.

Antara firman Allah SWT yang menjelaskan keburukan riak adalah seperti berikut:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ  
مَالَهُ رِضَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ  
عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَ كُفَّهُ صَدَدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا  
كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

*Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu merosakkan (pahala amalan) sedekahmu dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti (perasaan penerimanya) seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak kepada manusia sedangkan dia tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat. Maka orang itu diumpamakan seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian apabila hujan lebat menimpa batu itu, lalu bersih dan licinlah kembali (tiada lagi tanah di atasnya). Mereka tidak memperoleh sesuatu atas apa-apa yang diusahakan oleh mereka dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang kafir".*

*(al-Baqarah 2:264)*

Ibnu Kathir (2017) menjelaskan ayat ini ditujukan kepada orang-orang yang berinfak dengan tujuan untuk riak. Riak wujud apabila melakukan sesuatu ibadah atau tindakan untuk mendapat pujian dan penghormatan, tanpa mengharapkan balasan daripada Allah SWT. Manakala al-Muhasibi (2013) menjelaskan terdapat dua jenis riak. Iaitu pertama, riak untuk tujuan dipandang oleh manusia. Kedua, riak kerana ingin dipandang oleh Allah SWT dan manusia.

Terdapat hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan tentang riak iaitu:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَحَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْأَصْعَرُ " قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْعَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟  
قَالَ: الرِّيَاءُ، يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِأَعْمَالِهِمْ: اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ  
كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا فَانظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً<sup>10</sup>.

*Terjemahan: "Perkara yang paling aku takut terjadi pada kalian adalah Syirik yang kecil. Para Sahabat bertanya : apa itu syirik yang kecil wahai Rasulullah. Nabi saw bersabda : Itulah Riya'. Allah swt akan berfirman pada hari kiamat kelak : pergilah kepada orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepadanya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu)".*

*(Hadis Riwayat Ahmad)*

Firman Allah SWT yang lain berkaitan riak dalam aktiviti penggunaan adalah:

وَالَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ رِيَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَنْ يَكُنِ الشَّيْطَانُ لَهُ قَرِينًا فَسَاءَ قَرِينًا



*Terjemahan: "Dan (begitu juga) orang yang membelanjakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk) kepada orang lain dan mereka tidak beriman kepada Allah dan tidak juga beriman kepada hari akhirat. Dan sesiapa yang menjadikan syaitan sebagai temannya, maka (ketahuilah bahawa) dia (syaitan itu) adalah teman yang sangat jahat".*

*(an-Nisa' 4:38)*

Para ulama sepakat bahawa setiap gelagat yang dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT akan mendapat balasan pahala. Sebaliknya, setiap gelagat dengan niat untuk riak akan mendapat balasan dosa atau dimurkai Allah SWT. Terdapat juga

<sup>10</sup> Ahmad, hadith 23630, daripada Mahmud bin Labid. Shu`ayb al-Arna`ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah hasan.

perselisihan pendapat para ulama tentang hukum amalan yang ikhlas kerana Allah SWT, namun bercampur aduk dengan niat kerana nafsu dan riak. Perselisihan faham tersebut menimbulkan persoalan adakah terdapat balasan pahala atau dosa atau tidak terdapat apa-apa balasan dalam tindakan tersebut dalam aktiviti seharian (al-Maqdisi, 2008). Al-Ghazali (1981) telah menjelaskan perselisihan para ulama ini dengan jelas dan beliau turut membahagikan niat kepada tiga katogeri.

Tiga kategori yang dikemukakan oleh al-Ghazali (1981) ialah pertama, niat yang ikhlas kerana Allah SWT atau disebut sebagai *niyyatun khalisatun*. Kategori kedua, niat yang bercampur aduk antara ikhlas dan tidak ikhlas atau bercampur aduk dengan riak dan hawa nafsu, manakala ketiga ialah niat yang tidak ikhlas. Niat yang jelas diterima atau yang betul serta berpahala adalah niat yang ikhlas kerana Allah SWT, dan hal ini disepakati oleh para ulama (al-Asyqar, 2002; al-Ghazali, 1981; al-Qardawi, 2018 & al-Zuhaili, 2010).

Bagi kategori pertama iaitu *niyyatun khalisatun*, al-Ghazali (1981) menyatakan bahawa terdapat tiga elemen yang mendorong keikhlasan murni seseorang dalam melakukan sesuatu gelagat iaitu pertama, perasaan takut kepada azab Allah SWT. Kedua, taat kerana syurga yang dijanjikan. Ketiga, cinta kepada Allah SWT dan Rasul melebihi yang lain. Niat ikhlas dengan rasa takut di sini bermaksud seseorang melakukan kebaikan kerana takut kepada Allah SWT dalam erti kata takut akan balasan dosa serta neraka yang dijanjikan oleh Allah SWT. Niat kerana taat pula bermaksud melakukan sesuatu kerana mentaati perintah dan larangan Allah SWT serta mendambakan balasan syurga. Seterusnya, niat kerana cinta pula bermaksud seseorang itu melakukan sesuatu kerana rasa cinta kepada Allah SWT. Terdapat juga *niyyatun*

*khalisatun* yang boleh mendatangkan dosa, iaitu sepenuhnya niat yang tujuannya selain Allah SWT.

Seterusnya jenis kedua iaitu niat yang bercampur aduk antara ikhlas dan tidak ikhlas. Menurut al-Ghazali (2005), terdapat tiga keadaan niat bercampur aduk iaitu pertama tujuan atau niat kerana Allah SWT melebihi tujuan yang lain (*murafaqah*), kedua tujuan kerana Allah dan sama kuat (*musyarakah*), dan terakhir tujuan selain Allah SWT itu lebih kuat daripada tujuan kerana-Nya (*mu'awanah*).

Al-Ghazali (1981) menjelaskan bahawa niat *murafaqah* akan diperhitungkan pahalanya berdasarkan kekuatan tujuannya kerana Allah SWT. Misalnya, seseorang membeli kereta mewah dengan tujuan untuk memudahkan dia bergerak bagi menjalankan usaha dakwah di jalan Allah SWT. Pada masa yang sama timbul juga tujuan untuk dipandang hebat oleh orang sekeliling, tetapi tujuan tersebut hanyalah sampingan sahaja, maka ia tetap berpahala atas dasar niat dakwah yang merupakan niat asalnya.

Niat *musyarakah* pula tidak mendapat pahala dan juga tidak mendapat dosa kerana niatnya kerana Allah SWT dan selain Allah SWT itu sama-sama kuat. Misalnya, seseorang membeli kereta mewah dengan tujuan untuk memudahkan dia bergerak ke tempat kerja. Pada masa yang sama, dia ingin dipandang berkemampuan oleh orang sekeliling. Kedua-dua niat ini sama berat, maka tidaklah dia berdosa. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

أَتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا<sup>11</sup>.

Terjemahan: “.....Ikuti keburukan dengan kebaikan yang menghapuskannya”  
(Hadis Riwayat Ahmad)

Implikasi niat *mu'awanah* membawa kepada kerugian atau boleh membawa kepada dosa. Hal ini demikian kerana seseorang itu melakukan sesuatu dengan mengutamakan tujuan selain Allah SWT. Misalnya, seseorang yang membeli kereta mewah semata-mata untuk menunjuk-nunjuk kekayaannya kepada orang ramai, serta untuk memenuhi keinginan nafsunya, maka dalam hal ini dia tidak memperoleh apa-apa pahala, malahan boleh mengundang dosa disebabkan niat yang tidak baik itu. Pendapat al-Ghazali berkaitan kategori niat dan pecahan niat bercampur aduk ini disimpulkan dalam Jadual 4.2.2 (b):

Jadual 4.2.2 (b)  
Kategori Niat dan Pecahan Niat Bercampur Aduk Pandangan Imam Al-Ghazali

	Kategori Niat	Jenis Dorongan	Kesan Niat
<b>Niat ikhlas (niat kerana Allah =NKA)</b>	1. Takut 2. Taat 3. Cinta	Niyyatun khaalishatun ( <i>niat murni</i> ).	NKA = Pahala
<b>Niat yang bercampur aduk (kerana Allah dan selainNya)</b>	1. Tujuan kerana Allah melebihi tujuan yang lain.	Dorongan <i>murafaqah</i> .	NKA > NKS = Pahala
	2. Tujuan kerana Allah dan tujuan yang lain sama kuat.	Dorongan <i>musyarakah</i> .	NKA = NKS = Tiada pahala, tiada dosa
	3. Tujuan selain Allah lebih kuat berbanding tujuan kerana Allah.	Dorongan <i>mu'awanah</i> .	NKS > NKA = Dosa
<b>Niat tidak ikhlas (niat kerana selain Allah)</b>	-	Niyyatun khaalishatun (niat sepenuhnya tidak ikhlas).	NKS = Dosa

<sup>11</sup> Ahmad, hadith 21988, daripada Mu`adh. Shu`ayb al-Arna`ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *hasan*.

Sumber: Dapatan Penyelidik (2024)

*NKA = Niat kerana Allah SWT.*

*NKS = Niat selain Allah SWT.*

*NKA > NKS = Niat kerana Allah lebih kuat daripada niat kerana selain Allah SWT.*

*NKS > NKA = Niat kerana selain Allah lebih kuat daripada niat kerana Allah SWT.*

Dalam perbincangan berkaitan niat bercampur aduk, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Ada ulama yang berpendapat niat sesuatu yang bercampur dengan tujuan selain Allah SWT tidak akan diterima sama sekali. Hal ini demikian kerana mereka bersandar pada firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ  
يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

*Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia seperti kamu yang diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya Tuhan kamu itu Tuhan Yang Maha Esa. Sesiapa yang mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia melakukan amalan soleh dan janganlah dia mempersekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadat kepada Tuhannya”.*

*(al-Kahf 18:110)*

Merujuk kepada Ibnu Kathir (2017) dan al-Zuhaili (2013), setiap amalan seseorang hamba adalah bertujuan untuk mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata tanpa mempersekutukan-Nya dengan perkara lain. Ibnu Kathir (2017) telah menjelaskan terdapat dua rukun untuk mendapat reda Allah SWT. Pertama, ikhlas kerana Allah SWT. Kedua, segala amalan yang dibuat perlu sesuai dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Terdapat sabda Rasulullah SAW berkaitan segala perbuatan hanya kerana Allah SWT:

أَنَا أَعْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشِّرْكَ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا أَشْرَكَ فِيهِ مَعِيَ غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكُهُ<sup>12</sup>.

*Terjemahan: “Allah berfirman, “Aku adalah sebaik-baik sekutu, maka sesiapa yang mengerjakan amal yang di dalamnya ia mempersekutukan Aku dengan selain-Ku, maka Aku berlepas diri darinya, dan amalnya adalah untuk sekutunya”.*  
(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan penjelasan daripada Ibnu Kathir (2017) dan al-Zuhaili (2013), mempersekutukan Allah SWT adalah melakukan sesuatu tidak ikhlas semata-mata kerana-Nya. Sebaliknya terdapat unsur riak, iaitu perasaan ingin diketahui oleh orang lain setiap kebaikan yang dilakukan. Selain riak, *sum'ah* (menceritakan kebaikan) juga adalah sesuatu yang boleh menghilangkan keikhlasan. Riak adalah sesuatu yang bahaya kerana ia merupakan syirik kecil. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَحَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْأَصْعَرَ " قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْعَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ، يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِأَعْمَالِهِمْ: اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا فَانظُرُوا هَلْ جَدُّونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً.<sup>13</sup>

*Terjemahan: “Perkara yang paling aku takut terjadi pada kalian adalah Syirik yang kecil. Para Sahabat bertanya : apa itu syirik yang kecil wahai Rasulullah. Nabi saw bersabda : Itulah Riya’. Allah swt akan berfirman pada hari kiamat kelak: pergilah kepada orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepadanya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu)”.*

(Hadis Riwayat Ahmad)

<sup>12</sup> Muslim, al-Zuhd wa al-Raqā'iqi, Man 'Ashraka fi 'Amalihi Ghayra Allah, hadith 46, daripada Abi Hurairah.

<sup>13</sup> Ahmad, hadith 23630, daripada Mahmud bin Labid. Shu'ayb al-Arna'ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *hasan*.

Namun demikian, al-Ghazali berpandangan niat yang bercampur aduk masih boleh diterima selagi tidak melanggar syariat. Hal ini demikian kerana pada umumnya, tindakan seharian mempunyai kebarangkalian yang kuat untuk mempunyai niat yang bercampur. Maka, penyelidik memilih pendapat al-Ghazali, iaitu niat bercampur masih mempunyai peluang untuk mendapat ganjaran pahala. Terdapat firman Allah SWT yang boleh mengukuhkan pendapat al-Ghazali seperti berikut:

يَوْمَئِذٍ يَصُدُّرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لَّيْرًا وَأَعْمَلَهُمْ ۖ

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۖ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۖ

*Terjemahan: "Pada hari itu, manusia keluar bertempiran (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) semua perbuatan mereka. Maka sesiapa melakukan kebaikan seberat zarah nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalnya). Dan sesiapa melakukan kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)"*

(az-Zalzalah 99:6-8)

Al-Zuhaili (2013) telah memperincikan ayat, bahawa setiap gelagat akan diperhitungkan, walaupun seberat semut kecil atau debu yang berterbangan. Terdapat firman Allah SWT yang lain:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكَ حَسَنَةً

يُضَاعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا ۖ

*Terjemahan: "Sesungguhnya Allah tidak sesekali menzalimi seseorang itu walaupun seberat zarah dan jika ada kebaikan (walaupun seberat zarah), nescaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan pahala yang besar daripada sisi-Nya".*

(an-Nisa' 4:40)

Terdapat juga hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan tentang larangan meremehkan sesuatu tindakan kebaikan yang kecil, kerana setiap amalan kebaikan atau keburukan walaupun kecil tetap akan diperhitungkan. Hadis-hadis tersebut seperti berikut:

لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تُفْرِعَ مِنْ دَلْوِكَ فِي إِثَاءِ الْمُسْتَسْقِي، وَلَوْ أَنْ تُكَلِّمَ أَحَاكَ وَوَجْهَكَ إِلَيْهِ مُنْبَسِطًا<sup>14</sup>.

*Terjemahan: “Janganlah sekali-kali kamu meremehkan kebaikan sedikit pun. Meskipun kamu hanya menjulurkan timba untuk memberi minum orang yang minta minum dan meskipun itu hanya dengan wajah berseri ketika bertemu temanmu”.*  
(Hadis Riwayat Ahmad)

يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ، لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً لِجَارَتِهَا وَلَوْ فَرَسَنَ شَاةٍ<sup>15</sup>.

*Terjemahan: “Wahai wanita-wanita muslimat! Janganlah seorang jiran wanita menghina (hadiah atau pemberian) jirannya, walaupun hanya kuku kambing”.*  
(Hadis Riwayat Ahmad)

Informan kajian turut memberi pendapat berkaitan percampuran niat dalam aktiviti penggunaan. Informan berpendapat niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan boleh bercampur dengan elemen lain selagi mana tidak melanggar syariat, tidak mempunyai unsur riak dan mempunyai tujuan kerana Allah SWT. Hal ini telah dijelaskan oleh P3, bahawa niat dalam aktiviti penggunaan boleh bercampur aduk, namun niat yang baik-baik sahaja atau niat yang tidak melanggar syariat sahaja yang dibolehkan.

<sup>14</sup> Ahmad, hadith 20633, daripada 'Aqil bin Talhah. Shu'ayb al-Arna'ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *sahih*.

<sup>15</sup> Ahmad, hadith 7591, daripada Abi Hurairah. Shu'ayb al-Arna'ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *sahih*.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P3</b>	Niat boleh bercampur aduk, tapi yang baik-baik jala, istilah orang putih “baling satu batu dua tujuan”.

Tambahan lagi dalam petikan temu bual berikut, informan P2, P4 dan P5 telah menjelaskan beli sesuatu dengan tujuan untuk kesihatan, dengan pengaruh promosi, pengaruh faktor harga dan kualiti tidak salah dalam Islam. Bahkan sebagai pengguna Muslim, mereka perlu bijak memilih dan merancang untuk memenuhi sesuatu keperluan supaya tidak mendatangkan kerugian pada masa hadapan.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P2</b>	Ikhlas ni pun bergantung kepada tujuan la. Contoh beli kualiti yang berkualiti untuk masak, dengan sihat, nak elak dari kualiti yang bahaya, ini kira ikhlas. Tapi kalau beli kualiti yang mahal berkualiti lepas tu dengan tujuan nak menunjuk, siap <i>share</i> di fb lagi, ini dah tak ikhlas.
<b>P4</b>	Tengok benda yang mempengaruhi, contoh kalau bercampur aduk dengan promosi, ok ja, selagi benda yang mempengaruhi itu tak bertentangan dengan Islam.
<b>P5</b>	Ya tak ya kan, ok yang ni, ya kita ni manusia, bila kita beli barang kita kena <i>survey</i> , Contoh, makan, contoh saya sendiri saya <i>survey</i> , cari yang murah, berkualiti kalau terkena pun tak ada la menyesal, contoh tak surver tu ada orang merungut. Ada hadis, orang bijak orang yang merancang. Pengguna yang ideal yang bijak orang yang boleh merancang, mengungkit tak boleh.
<b>P1</b>	Ya, kena tujuan kerana Allah. sekiranya kerana benda lain, tak dapat pahala, misalnya makan, makan untuk kenyang saja, makan untuk syok-syok saja, sebab sedap, apatah lagi makan sebab nak tunjuk kat orang, <i>snap</i> gambar lak boh dalam fb, lagi la bukan saja tak dapat pahala, bahkan boleh membawa kepada haramlah, boleh mengguris hati orang yang menonton.

Seterusnya, perbincangan mengenai waktu berniat turut diberi penekanan, kerana ia merupakan aspek penting yang perlu diperhatikan oleh pengguna Muslim. Menurut informan P1, P2, P3 dan P4, niat dalam aktiviti penggunaan diperlukan sebelum sesuatu gelagat terjadi. Niat dimaksudkan sebagai perancangan awal, yang tujuan akhirnya kerana Allah SWT. Informan P3 menambah bahawa niat diperlukan sama ada sebelum bertindak, semasa dan selepas bertindak. Menurut informan P3 lagi, niat perlu sentiasa diperbaharui kerana seseorang itu boleh sahaja berubah niat disebabkan faktor sekeliling.

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Ok, dalam penggunaan, nak beli barang nak buat apa-apa maknanya kita perlu ada niat dulu, ada perancangan dulu, tak ditentukan bila-bila masa. Maknanya sebelum melakukan aktiviti tersebut la.
<b>P2</b>	Niat ni biasanya sebelum kita buat sesuatu la, niat memang berlaku sebelum, dan tak ada sesuatu tindakan tanpa tujuan. Seperti saya sebut tadi, niat itu adalah tujuan. Walaupun ada ja tindakan membeli tanpa perancangan, tapi apa yang dibeli atau diguna tu mesti ada tujuan.
<b>P3</b>	Dalam tesis saya, saya bincangkan niat ini perlu sentiasa ada. Ada niat sebelum, niat semasa dan niat selepas. Permulaan niat itu memang ada, niat ni berterusan, dan gabung niat. Kita tak sedar selalu gabung niat. Niat boleh bercampur aduk, tapi yang baik-baik jala, istilah orang putih “baling satu batu dua tujuan”. Dalam penggunaan niat sebelum, niat masa transaksi dan niat lepas tindakan membeli tu, niat ni kena sentiasa diperbaharui.
<b>P4</b>	Niat ni selalunya sebelum sesuatu tindakan terjadi, niat juga sebenarnya apa sahaja yang terlintas di hati. Segala perkara baik, dengan niat akan dapat pahala.

---

Sekiranya niat dilakukan setelah sesuatu gelagat sedang dilakukan, maka informan P1 berpandangan bahawa hal tersebut adalah dibolehkan. Namun, beliau lebih cenderung

untuk mengatakan bahawa sepatutnya niat seseorang itu perlu hadir sebelum sesuatu gelagat dilakukan. Pandangan informan P1 seperti petikan berikut:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	...boleh la, tapi sepatutnya pada mula. Niat ni membentuk sikap, jika niat kerana Allah, cara makan beza, tertib, pilih yang halal, jika tak dak niat maknanya makan itu ikut suka, tak cek, makanan halal ka tak halal ka.

---

Setelah meneliti pendapat para informan, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa niat dalam aktiviti penggunaan adalah sebelum bermulanya sesuatu gelagat. Hal ini diperkuatkan dengan pandangan oleh al-Qardawi (2000):

*“Memasang atau menghadirkan niat ketika memulakan kerja atau amal. Ini adalah kerana amalan akan dinilai berdasarkan niat. barangsiapa yang melakukan sesuatu amalan secara spontan tanpa niat, baik atau buruk tidak dapat dijumlahkan dalam lingkungan orang-orang ikhlas”.*

(al-Qardawi, 2000, ms. 9)

Kesimpulannya, cara berniat dalam aktiviti penggunaan hendaklah dilakukan sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan, dengan menetapkan niat bahawa tujuan akhir aktiviti tersebut adalah ikhlas kerana Allah SWT. Selain itu, semua niat yang ditetapkan mesti selari dengan kehendak syariat. Bagi memastikan niat tidak tersasar daripada tujuan asal, pengguna Muslim disarankan untuk menghindarkan diri daripada unsur riak dalam setiap tindakan yang dilakukan. Rajah 4.2.2 menerangkan cara berniat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam, manakala Jadual 4.2.2(c) memperincikan hasil dapatan berkaitan cara berniat tersebut berdasarkan kajian.



Rajah 4.2.2

*Cara Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam*

Sumber: Dapatan penyelidik (2024).

Jadual 4.2.2 (c)

*Hasil Dapatan Cara Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam*

Subtema	Data Temu Bual	Data Dokumen Analisis
Tujuan yang baik dan membawa tujuan akhir kerana Allah.	P1, P2 dan P3	Al-Ghazali (1918)
Setiap tindakan yang diniatkan adalah patuh syariat.	P1, P2 dan P3	Al-Ghazali (1918)
Ikhlas, tiada unsur riak.	P1, P2 dan P3	Al-Ghazali (1918)
Niat sebelum sesuatu gelagat dilakukan.	P1, P2, P3 dan P4	Al-Qardawi (2000)

Sumber: Dapatan penyelidik (2024).

### 4.2.3 Kesan Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam

Kajian ini mendapati bahawa niat dalam perspektif Islam memainkan peranan penting dalam membentuk sikap, akhlak, dan gelagat pengguna Muslim. Niat yang ikhlas

memberikan kesan signifikan bukan sahaja terhadap kehidupan duniawi, malah turut membawa manfaat ukhrawi seperti memperolehi pahala, mendapat keredaan Allah SWT, dan bersederhana dalam aktiviti penggunaan. Peranan niat ikhlas ini tidak hanya memandu tindakan pengguna agar menepati syariah, tetapi juga membentuk hubungan spiritual dengan Allah SWT.

Hasil daripada temu bual dan analisis dokumen, tiga kesan utama niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan telah dikenalpasti seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4.2.3:

Jadual 4.2.3

*Hasil Dapatan Kesan Niat dalam Aktiviti Penggunaan*

<b>Subtema</b>	<b>Data Temu Bual</b>	<b>Data Dokumen Analisis</b>
Kesan terhadap sikap dan akhlak	P1 dan P4	- Al-Asyqar (2002) - Ibn 'Alwi Alaydrus (2023)
Kesan terhadap gelagat penggunaan	P3	- Al-Qardawi (2000) - Basarud-din dan Abu Bakar (2019)
Kesan terhadap hubungan dengan Allah SWT	P1	- Al-Asyqar (2002) - Al-Ghazali (1981)

Sumber: Analisis data temu bual dan dokumen analisis penyelidik.

**a. Kesan terhadap sikap dan akhlak**

Niat yang ikhlas memberi kesan langsung kepada sikap dan akhlak pengguna Muslim. Informan P1 dan P4 menjelaskan bahawa niat adalah asas kepada pembentukan sikap yang baik, akhlak terpuji, dan tindakan yang bermanfaat. P4 pula menyatakan bahawa niat yang baik menjadi pendorong utama kepada pembentukan akhlak mulia. Berikut adalah petikan temu bual informan P1 dan P4:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Ya boleh sangat, niat boleh membentuk sikap, dari niat sikap dan tindakan selepas itu jadi baik. Niat yang baik akan membentuk sikap dan tindakan yang baik. Ciri-ciri <i>ibadurahman</i> itu dalam semua amalannya adalah untuk Allah. Hidup kita ni tak ada nilai kalau tak kerana Allah, tak ada nilai kecuali kaitkan segala yang kita buat kerana Allah.
<b>P4</b>	Mesti, niat yang baik, wujud tindakan yang baik, akhlak yang baik.

Al-Asyqar (2002) turut menyatakan niat mampu membentuk peribadi seseorang menjadi sorang yang baik dan seterusnya membentuk sikap dan akhlak yang baik. Ibn 'Alwi Alaydrus (2023) pula menyatakan niat mampu membentuk tindakan yang baik. Niat yang betul membimbing pengguna Muslim untuk mengamalkan prinsip kedherhanaan, menjauhi pembaziran, dan mematuhi syariah. Informan P3 merujuk kepada surah al-Furqan sebagai panduan untuk memastikan gelagat pengguna berada dalam kesederhanaan.

#### **b. Kesan terhadap gelagat penggunaan**

Seterusnya, niat yang betul membimbing pengguna Muslim untuk mengamalkan prinsip kesederhanaan, menjauhi pembaziran, dan mematuhi syariah. Informan P3 merujuk kepada surah al-Furqan sebagai panduan untuk memastikan gelagat pengguna berada dalam kesederhanaan. Petikan temu bual informen P3:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P3</b>	Niat akan bawa pengguna untuk tak kedekut tak boros macam dalam surah al-Furqan, " <i>bila guna harta tak kedekut, tak memboros</i> ".

Al-Qardawi (2000) turut mendapati bahawa niat yang ikhlas memainkan peranan penting dalam membentuk gelagat pengguna Muslim. Menurut al-Qardawi, pengguna yang mempunyai niat ikhlas kerana Allah SWT akan terhindar daripada sifat tamak, pemborosan, taksu kepada perhiasan duniawi dan nafsu. Beliau juga menegaskan bahawa niat ikhlas membimbing pengguna untuk membuat keputusan berdasarkan syariat, termasuk memilih yang halal, bersederhana, dan mengelakkan budaya yang bertentangan dengan Islam. Basarud-din dan Abu Bakar (2019) telah menyatakan “*niat gelagat mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan gelagat pengguna Islam*” (m.s 175).

**c. Kesan terhadap hubungan dengan Allah SWT**

Niat yang ikhlas dalam aktiviti penggunaan boleh menjadikan setiap amalan seorang pengguna Muslim sebagai satu bentuk ibadah. Informan P1 menekankan bahawa hidup seseorang tidak mempunyai nilai sekiranya segala amalannya tidak dihubungkan dengan Allah SWT. Oleh itu, dengan niat yang ikhlas dalam aktiviti penggunaan seorang pengguna Muslim bukan sekadar dapat memenuhi keperluan duniawi, turut dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Hidup kita ni tak ada nilai kalau tak kerana Allah, tak ada nilai kecuali kaitkan segala yang kita buat kerana Allah.

Al-Asyqar (2002) berpendapat dengan niat yang ikhlas seseorang tidak akan lalai mengingati Allah SWT dalam setiap tindakan, walaupun dalam tindakan untuk

memenuhi keinginan sendiri. Niat ikhlas juga mampu membentuk diri seseorang untuk sentiasa kaitkan setiap tindakan kerana Allah SWT, termasuklah aktiviti penggunaan (al-Ghazali, 1981).

Hasil dapatan temu bual dan analisis dokumen berkaitan niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan akan menjadikan seorang pengguna Muslim yang berakhlak, bertindak dengan menepati syariat dalam aktiviti pengguna serta mengaitkan semua tindakan penggunaan kepada Allah SWT. Dapatan ini disokong oleh Hanapi dan Muhammad (2017) dan Sholihin (2023) yang telah membincangkan seorang pengguna Muslim yang bertindak dengan baik akan menepati syariat iaitu memilih yang halal, bersederhana, tidak boros dan tidak kedekut, serta setiap keputusan penggunaan dibuat dengan bijaksana.

Al-Zuhaili (2013) menjelaskan seorang yang bersederhana dalam tindakan penggunaannya boleh mencapai darjat *ibadurrahman*. Al-Zuhaili menjelaskan prasyarat untuk mencapai *ibadurrahman* ialah keimanan kepada Allah SWT. *Ibadurrahman* adalah hamba-hamba Allah SWT yang layak mendapat rahmat Allah SWT dan sentiasa berada dalam kebaikan. Ciri *ibadurrahman* ini telah disenaraikan dalam al-Quran, iaitu pada ayat 63 hingga ayat 77 surah al-Furqan. Ciri seorang pengguna yang bersifat *ibadurrahman* terdapat dapat ayat berikut:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Terjemahan: “Dan mereka (yang diredhai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.

(al-Furqan 25:67)

Berdasarkan ayat ini, Ibnu Kathir (2017) menjelaskan bahawa seseorang yang mematuhi perintah Allah SWT dalam berbelanja, tidak boros dan tidak kedekut boleh mencapai gelaran sebagai *ibadurrahman*. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

“*Ibadurrahman dan bukanlah orang-orang yang melampaui batas dalam berinfak. Mereka tidak membelanjakan harta di luar kebutuhan (keperluan). Namun, juga tidak kikir (kedekut) dan melalaikan hak nafkah keluarga mereka*”.

(Ibnu Kathir, 2017, Jilid 5, ms. 56)

Al-Zuhaili (2013) turut menjelaskan ciri *ibadurrahman* iaitu:

“...seseorang yang apabila mereka menginfakkan (harta), mereka tidak berlebihan dalam infak mereka, mereka tidak berinfak yang melebihi batas kemampuan, dan tidak pula bakhil (kikir) atau mengurangi harta infak yang menjadi hak mereka dan yang harus mereka bayar dalam infak. Akan tetapi, mereka menunaikan infak dengan adil, tidak berlebihan, sesuai dengan kebutuhan (keperluan), sebaik-baik perkara adalah yang tengah-tengah (adil)”

(al-Zuhaili, 2013, Jilid 10, ms. 119)

Penjelasan ini juga bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا

كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢١﴾

*Terjemahan: “Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu (kedekut) dan janganlah terlalu menghulurkannya kerana akibatnya kamu menjadi tercela dan menyesal”.*

*(al-Isra' 17:29)*

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa niat memberikan kesan mendalam terhadap pembentukan sikap, pengurusan gelagat penggunaan, dan hubungan spiritual pengguna Muslim dengan Allah SWT. Dengan niat yang betul, aktiviti penggunaan bukan sahaja memberikan manfaat duniawi, tetapi juga menjadi medium ibadah yang boleh mendapat ganjaran pahala, keberkatan, dan keredaan Allah SWT. Seterusnya, faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam akan dibincangkan.

#### **4.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Niat dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam**

Al-Ghazali (1981) telah menjelaskan bahawa setiap niat pasti ada pendorongnya. Tanpa pendorong, tidak wujud niat. Misalnya seseorang yang tidak mempunyai keinginan untuk menjamah makanan, tidak mungkin akan makan dengan sendirinya tanpa apa-apa pendorong seperti rasa lapar. Al-Zuhaili (2010) menyatakan antara faktor yang mempengaruhi niat adalah akidah dan pengetahuan. Konsep yang terbentuk dalam diri seseorang adalah daripada pembelajaran, pengalaman, pengaruh persekitaran dan pergaulan mereka.

Faktor yang mempengaruhi niat menurut perspektif Barat menjadi antara topik kerap dikaji oleh pengkaji lepas terutamanya dalam bidang pemasaran bagi membolehkan

pemasar mengetahui pilihan, keperluan dan kehendak pengguna (Amalia et al., 2020 & Marmaya et al., 2019).

Perbincangan faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam penyelidikan ini adalah faktor yang sepatutnya menjadi pendorong atau sesuatu yang mempengaruhi niat seorang pengguna Muslim dalam mengambil sesuatu keputusan berkaitan aktiviti penggunaan seharian menurut perspektif Islam. Hal ini supaya aktiviti tersebut menjadi sesuatu yang bermanfaat di dunia dan akhirat. Seperti yang telah dibincangkan, setiap aktiviti penggunaan boleh menjadi ibadat jika disertakan dengan niat yang betul menurut perspektif Islam. Niat itu pula pasti mempunyai pendorong yang membentuknya. Daripada jangkakan tema awal kajian, penyelidik mendapati iman dan ilmu adalah dua faktor penting yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Daripada hasil dapatan kajian, penyelidik mendapati iman dan ilmu adalah faktor utama yang mempengaruhi niat seorang pengguna Muslim bertindak dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Di samping itu, terdapat dua penemuan tema baru sebagai faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan, iaitu nafsu dan muhasabah. Jadual 4.3 adalah meringkaskan hasil dapatan untuk faktor-faktor yang mempengaruhi niat.

Jadual 4.3

*Hasil Dapatan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Niat*

<b>Faktor-faktor</b>	<b>Data temu bual</b>	<b>Data dokumen analisis</b>
<b>Iman</b>	Informan P1, P2, P3, P4 dan P5	- Al-Ghazali (1989) - Al- Qardawi (2018) - Al-Zuhaili (2013)
<b>Ilmu</b>	Informan P1, P2, P3, P4 dan P5	- Al -Ghazali (1980; 1981; 1989)
<b>Nafsu</b>	Informan P1, P2, P4 dan P5	- Al-Ghazali (1989) - Muhammad (2014) - Muhammad et al. (2020)
<b>Muhasabah</b>	Informan P1 dan P5	- Al-Ghazali (1981) - Al- Qardawi (2009b)

Sumber: Analisis data temu bual dan dokumen analisis penyelidik.

### 4.3.1 Iman

Hasil daripada temu bual, penyelidik mendapati kesemua informan menjelaskan bahawa iman adalah faktor utama yang mempengaruhi niat seorang pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Informan P1 menyatakan iman sangat mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Menurut beliau, terdapat tiga kategori pengguna, iaitu pengguna yang tinggi imannya, pengguna yang lemah iman, dan pengguna yang tidak beriman iaitu yang bukan Islam.

Penjelasan informan P1 seperti berikut:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Ya, sangat-sangat mempengaruhi, orang yang imannya rendah, maknanya orang yang tak ada iman, tak kan berniat kerana Allah, orang yang iman lemah maka kadang-kadang berniat kerana Allah kadang kerana nafsu, kadang kerana orang. Dan orang yang iman kuat ja yang niat kerana Allah sepanjang masa. Iman manusia ni ada naik dan turun, ada juga orang yang banyak masanya menaik. Ada orang banyak masanya menurun.

Menurut informan P1 lagi, pengguna yang tinggi imannya akan sentiasa berniat dalam aktiviti penggunaannya kerana Allah SWT. Manakala seorang individu yang lemah imannya, atau imannya bersifat turun dan naik maka niatnya akan berbeza-beza. Ada ketikanya niatnya kerana Allah SWT, dan ada ketikanya niatnya bercampur aduk antara kerana Allah SWT dan selain-Nya. Malahan ada ketikanya tiada sebarang niat kerana Allah SWT yang hadir dalam hatinya. Hal ini demikian kerana iman bersifat menurun dan menaik, firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ  
 آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

*Terjemahan: “Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) apabila disebut nama Allah (dan segala sifat-Nya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka dan kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal”.*

(al-Anfal 8:2)

Ayat ini menerangkan tentang ciri-ciri orang beriman yang ada turun naiknya iman mereka (al-Zuhaili, 2013). Terdapat ayat lain yang turut menjelaskan perihal naik dan turunnya iman seseorang iaitu:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَرُدَّادُوا إِيمَانًا  
 مَعَ إِيمَانِهِمْ ۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا

﴿٤﴾

Terjemahan:“(Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dialah yang menurunkan ketenangan ke dalam hati orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah keimanan dan keyakinan mereka yang sedia ada. Padahal Allah jualah yang menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka) dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

(al-Fath 48:4)

وَإِذَا مَا أَنْزَلْنَا سُورَةً فَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ  
إِيمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾


Terjemahan:“Dan apabila diturunkan sesuatu surah (daripada al-Quran), maka ada antara mereka (orang munafik) itu yang berkata (secara mengejek), "Siapakah antara kamu yang bertambah imannya disebabkan oleh (turunnya) surah ini?" "Sedangkan bagi orang yang beriman, surah itu menambahkan keimanan mereka dan mereka berasa gembira (dengan turunnya surah itu)”.

(at-Taubah 9:124)

Pendapat informan P1 berkaitan tinggi rendah iman ini selari dengan perbincangan oleh Salleh (2003) yang telah menyatakan, ulama telah membahagikan iman kepada lima tahap. Tahap-tahap iman itu terdiri daripada iman *taqlid*, iman *ilmu*, iman *ayan*, iman *haq* dan iman *haqiqat*. Iman *taqlid* adalah iman yang berada pada tahap paling rendah iaitu iman pada orang yang mengikut-ngikut dalam bergelagat tanpa ilmu. Kemudian iman meningkat kepada iman *ilmu*, iaitu iman pada orang yang berilmu namun tidak mengamalkan ilmunya. Kedua-dua iman ini adalah iman yang berada pada tahap yang masih rendah.

Seterusnya tahap iman yang lebih tinggi, iaitu iman yang sentiasa membimbing seseorang berniat dan melakukan perkara-perkara kebaikan serta mentaati syariat. Bermula dengan iman *ayan*, iaitu iman yang berada pada orang yang berilmu dan

beramal dengan ilmunya, kemudian semakin meningkat imannya kepada tahap iman *haq*. Iman *haq* adalah iman yang benar, dan tahap iman tertinggi adalah iman para Nabi dan Rasul iaitu iman *haqiqat*. Rajah 4.3.1 meringkaskan tahap iman bermula dengan tahap iman terendah dan meningkat kepada tahap iman tertinggi.



Iman juga sebagai dasar dalam seluruh kehidupan. Tindakan yang mengabaikan aspek keimanan akan menimbulkan sikap-sikap negatif seperti tamak dan suka membazir. Perkara ini telah dijelaskan oleh informan P2 bahawa dengan penghayatan iman, seseorang itu mampu mengawal nafsunya daripada melakukan perbuatan yang tidak digalakkan oleh Islam seperti bersikap tamak.

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P2</b>	Iman ini sebenarnya bertindak sebagai dasar dalam kehidupan kita. Iman sangat mempengaruhi niat, iman mempengaruhi seluruh kehidupan kita di dunia ini. Iman yang kuat tak akan menyebabkan nafsu mempengaruhi kita, jika iman tak kuat membuatkan kita bersikap tamak dan lain-lain.

Perkara yang sama dinyatakan oleh Informan P4 iaitu iman yang dihayati dengan sebaiknya mampu mengawal setiap kehendak dan kemahuan seseorang. Orang yang dipengaruhi oleh iman akan sentiasa memilih produk yang halal, tidak melakukan pemborosan dan akan memilih hanya yang mendatangkan manfaat yang baik.

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P4</b>	Orang yang beriman akan kawal diri dia, orang beriman ni tahu keperluan atau kehendak dia, dia tahu apa yang mendatangkan kebaikan yang mana yang baik untuk dia. Seorang yang beriman akan pilih yang halal, tak memboros, pilih barang-barang yang mendatangkan kebaikan.

---

Pendapat informan P2 dan P4 berkaitan iman dapat mengawal tindakan dan kemahuan seseorang disokong oleh Manap et al. (2013) yang menjelaskan bahawa seorang yang sempurna imannya akan bertindak berdasarkan syariat Islam dalam seluruh tindakan sehariannya. Hamat (2002) turut menyatakan akidah adalah sesuatu yang memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang sentiasa melakukan kebaikan. Tambahan lagi, seorang yang niatnya dipengaruhi oleh iman akan membawa kepada usaha untuk mengakrabkan diri kepada Allah SWT, serta meninggalkan segala larangan-Nya. Para informan telah memberikan penjelasan niat dan tindakan yang dipengaruhi oleh iman seperti berikut:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Maksudnya sebarang aktiviti dia dipandu oleh niat untuk meningkatkan iman, untuk apa ni, niat untuk mendekatkan diri kerana Allah. niat untuk Allah maknanya niat untuk mencari keredaan Allah. Niat apa yang Allah suka, dia tak niat apa yang Allah tak suka, itu dari persepsi imanlah.
<b>P2</b>	Dia ada dua syarat, apa nama ni, yang pertamanya mesti dia patuh syariat, hukum-hukum, kedua ikut sunnah, jadi kalau dua kriteria ini

---

---

diikuti makna dia aktiviti selaras dengan iman. Adakan hadis, berhenti makan sebelum kenyang, penggunaan berteraskan iman adalah ikut sunnah dan syariat. Semua nya dah lengkap garis panduan dalam Islam, Cuma kita kena faham semuanya, contoh dalam pakaian menutup aurat, apa itu menutup aurat.

- P3** Apabila apa saja tingkah laku Muslim ni pasti untuk dapat reda Allah.  
Menjaga garis panduan dan syariat, contoh halal haram dan lain-lain. Seperti dalam surah al-Furqan. Guna tak boleh boros tak boleh kedekut.
- P4** Penggunaan berteraskan iman ni adalah dengan memilih yang halal, pilih yang ada kesan yang baik, pilih yang tak syubhah dan pilih benda-benda yang bagi kebaikan.
- P5** Oh, pastikan yang halal haram, membazir tak membazir, mudharat tak mudharat, sebab tu rokok tu tak boleh, rokok itu mudharatkan. Yang lain-lain itu tak apa, kemudian kesan dalam penggunaan itu terhadap sesuatu masyarakat dan alam sekitar itu kena lihat, kalau dia penggunaan ini rosak, maknanya iman itu tak betul la, maknanya iman itu, bertambah iman itu dengan ilmu, ilmu fardu ain, fardu kifayah, kalau kita tak ambil tahu fardu kifayah tak boleh juga, kita ni sebagai khalifah Allah, kita memeriahkan alam ini dan juga memberi manfaat kepada alam ini kita tak boleh memudharatkan alam ini, sama juga dengan penggunaan.
- 

Hasil daripada temu bual dengan para informan mendapati bahawa terdapat enam ciri niat yang menatijahkan tindakan yang dipengaruhi oleh iman yang mendalam:

- i. Niat seseorang pengguna dalam aktiviti penggunaan adalah untuk mendapat reda Allah SWT.
- ii. Setiap tindakannya adalah mematuhi syariat dan sunnah.
- iii. Berusaha memilih produk yang halal dan baik (*toiyibban*)
- iv. Berusaha menjauhi perkara *syubhah*.
- v. Tidak boros atau kedekut dalam penggunaan.

- vi. Mengambil berat tentang kesan aktiviti penggunaannya terhadap masyarakat dan juga alam sekitar.

Kesemua pandangan informan berkaitan ciri niat dan seterusnya tindakan yang dipengaruhi oleh iman ini menepati dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis, serta pandangan-pandangan para ulama Islam. Ciri pertama dan kedua, iaitu niat seseorang pengguna dalam aktiviti penggunaan adalah untuk mendapat reda Allah SWT dan perlu menepati syariah. Dua ciri ini bertepatan dengan perbincangan al-Ghazali (1989), al-Qardawi (2018) dan al-Zuhaili (2013) yang telah sepakat mengatakan bahawa setiap aktiviti atau tindakan seharian memerlukan niat untuk mendapat reda Allah SWT. Seterusnya dengan niat mampu mengubah aktiviti penggunaan yang asalnya hanyalah aktiviti *mubah* berubah menjadi ibadah. Syarat untuk menjadikan aktiviti penggunaan sebagai ibadah juga adalah setiap tindakan perlu mematuhi syariat.

Ciri ketiga, memilih sesuatu produk yang halal dan baik (*tayyiban*). Perkara ini telah jelas dalam firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُلُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا رَزَقْنٰكُمْ وَاشْكُرُوْا لِلّٰهِ اِنْ  
كُنْتُمْ اِيَّاهٖ تَعْبُدُوْنَ ﴿١٧٢﴾

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik-baik (yang halal) yang Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar-benar hanya beribadat kepada-Nya”.

(al-Baqarah 2:172)

Daripada ayat ini Allah SWT telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk memilih sesuatu yang baik-baik, iaitu yang halal *tayyiban* sahaja daripada apa yang direzekikan kepada mereka dan bersyukur dengan setiap nikmat yang dikurniakan. Seseorang yang memilih yang halal *tayyiban* dan bersyukur dengan nikmat tersebut disifatkan sebagai ikhlas beribadat kepada-Nya (Ibnu Kathir, 2017). Hal ini demikian kerana aktiviti penggunaan boleh menjadi ibadat jika disertakan dengan niat dan tindakan yang betul. Tambahan lagi Mokti et al. (2024) menyatakan memilih produk halal *tayyiban* penting untuk menjaga spiritual dan fizikal seseorang dan juga sebagai bukti ketaatan kepada Allah SWT.

Selain memilih yang halal, seorang pengguna Muslim yang niat serta tindakannya dipengaruhi iman juga akan menjauhi diri daripada memilih sesuatu yang *syubhah*. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ<sup>16</sup>.

*Terjemahan: “Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan”.*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

<sup>16</sup> Muslim, *al-Buyu'*, *Akhzi al-Halāli wa Tarki al-Shubuhah*, hadith 107, daripada Nuqman bin Bashir.

Seorang pengguna Muslim yang dipengaruhi oleh iman dalam niat dan tindakannya juga adalah seorang yang tidak membazir, boros dan kedekut (Abd Ghani et al., 2010).

Ciri-ciri ini telah jelas dalam firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

*Terjemahan: “Dan mereka (yang diredhai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.*

*(al-Furqan 25:67)*

Berdasarkan penjelasan berkaitan ayat ini oleh Ibnu Kathir (2017), seorang yang niat dan tindakannya yang didasarkan kepada penghayatan iman yang mendalam, disifatkan sebagai tidak boros dan tidak pula kedekut dalam berbelanja. Sikap bersederhana dalam sesuatu tindakan yang menepati konsep tidak boros dan tidak kedekut dalam penggunaan turut disentuh oleh para pengkaji seperti Abd Ghani et al. (2010); Junaidi et al. (2021); Khan (2014); Sholihin (2023) dan Quoquab et al. (2015). Seseorang yang tidak boros dan kedekut ini juga adalah salah satu ciri hamba Allah SWT yang digelar sebagai *ibadurrahman* (al-Zuhaili, 2013).

Hasil daripada temu bual, penyelidik mendapati para informan berpendapat niat yang dipengaruhi oleh iman akan memberi kesan kepada tahap kerohanian pengguna Muslim itu sendiri. Pandangan para informan adalah seperti berikut:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	Pertamanya dapat keberkatan dalam hidup, mendapat apa namanya ketenangan, kebahagiaan, kecukupan daripada rezeki-rezeki, walaupun pendapatan sikit mencukupi, walaupun nampak hidup sederhana tapi bahagia, dan maknanya dia dapat banyak gi la

---

---

kurniaaan Allah. Selamat dari bencana, Allah bagi keselamatan, selamat dari bahaya, berkat, kehidupan itu menjadi ibadat dan diredai Allah, ganjaran di sisi akhirat hinggalah dia dapat dua-dua, dunia dapat akhirat dapat ganjaran yang tinggi lah.

**P2** Banyak kesan dia, utamanya iman boleh *control* nafsu, contoh pembaziran makanan kita dipengaruhi oleh nafsu. Contohkan bulan puasa, kita selalu beli kuih banyak, kalau kita letak kesederhanaan kita boleh elak pembaziran. Seperti saya kata iman ni sebagai dasar kita, iman boleh kawal nafsu.

**P3** Kesan dia setiap tindakan kita *decide* semuanya ikut apa yang Allah suka, semuanya kena terikat dengan hukum syarak. Bukan pilih apa yang dia nak, tapi pilih apa yang Allah nak. Sebab tu TBP tak sesuai untuk pengguna Muslim, contoh macam sikap, setiap pilihan kita tak boleh bergantung apa yang kita suka. Ajzen dia tak rasa bersalah dalam teori dia sebab ramai dah buat kajian guna teori tu, sebenarnya tak sesau apatah lagi kajian guna tbp dalam kajian buat ibadat, tak sesuai. Sebenarnya, contoh, kajian oleh stesen tv, banyakk rancangan agama, itu buat kajian guna TPB. Depa (mereka) ni memang kaji apa yang depa (mereka) nak buat. Barat kaji sebab apa dia buat benda tu. Contoh kajian zakat, sebab apa bayar zakat? Mesti kerana suruhan Allah tak mungkin buat ibadat kerana selain Allah. TPB ni diasaskan oleh Yahudi dan Israel, depa keluarkan tak mungkin setiap gerak geri terjadi tanpa sesuatu mesti ada apa yang mempengaruhi niat. Islam pun asas tindakan adalah niat, yang mempengaruhi adalah Allah, sebab makan kerana Allah, beza ngan Barat cari sebab nak makan. Niat dalam Islam adalah kerana Allah.

---

Dapat disimpulkan bahawa dengan berniat dalam aktiviti penggunaan yang dipengaruhi oleh iman, pengguna Muslim dapat mengecapi beberapa manfaat antaranya ialah:

- i. Pengguna Muslim akan memperolehi keberkatan, ketenangan dan kebahagiaan serta sentiasa berasa cukup.
- ii. Mendapat manfaat dunia dan akhirat.
- iii. Dapat mengawal nafsu, dan seterusnya dapat mengelakkan daripada masalah pembaziran dan pemborosan.

Kesimpulannya, iman amat penting dalam mempengaruhi niat seseorang pengguna, terutamanya dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Iman yang mendalam perlu diikuti dengan ilmu. Hal ini demikian kerana amal yang dilakukan oleh pengguna Muslim tanpa bersandarkan kepada ilmu mengurangkan kesempurnaan sesuatu tindakan menurut Islam. Seperti yang dibincangkan oleh Salleh (2003), seorang yang sempurna imannya perlu juga mempunyai ilmu supaya setiap tindakannya menjadi sempurna dengan mengikut kehendak syariat Islam.

#### **4.3.2 Ilmu**

Ilmu adalah penjelasan tentang sesuatu perkara. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) telah mendefinisikan ilmu sebagai pengetahuan dalam perkara dunia dan akhirat. Secara amnya pengetahuan merujuk kepada fakta, perasaan atau pengalaman yang diketahui oleh seseorang atau sekumpulan manusia. Pengetahuan juga boleh ditakrifkan sebagai kesedaran atau kebiasaan dalam sesuatu tindakan yang diperolehi melalui pengalaman dan pembelajaran (Abd Rahman et al., 2015). Secara khusus, pengetahuan merujuk kepada kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan manusia melalui pemahaman sesuatu teori atau praktikal mengenai sesuatu perkara (Ahmat et al., 2011).

Berdasarkan dapatan kajian melalui temu bual, para informan menegaskan bahawa ilmu, khususnya pengetahuan agama, ilmu muamalat dan kesedaran syariah, merupakan faktor utama yang mendorong niat dan seterusnya mempengaruhi tindakan pengguna Muslim. Kenyataan informan tentang ilmu sebagai pendorong kepada niat adalah seperti berikut:

Informan	Petikan Temu bual
P1	Ya sudah tentu, orang jahil yang tak tahu tak belajar, dia tak berniat, dia tak tau nak suaikan antara niat penggunaan , macam mana dia nak suaikan jika tak ada ilmu. Orang biasa makan, orang bukan Islam makan,tapi kalau tak ada ilmu, tak berniat tak ada beza antara orang Islam makan dengan orang bukan Islam makan.
P2	Ilmu itu benda yang membentuk kita punya kehendak atau kemahuan, tak ada ilmu tak ada kehendak. Ilmu dalam konteks penggunaan sekadar tahu tak cukup, kita sebagai pengguna muslim yang sempurna ia tak cukup. Sebab itu kena didasari oleh iman.
P3	Ya mempengaruhi. Jika seseorang yang tau niat tu dapat pahala mesti dia berniat.
P4	Ilmu ni sangat penting dalam apa saja. Semua perbuatan berteraskan ilmu , ilmu yang perlu macam ilmu muamalat contoh nak beli sesuatukan paling-paling kurang kena tahu tentang bahan-bahan sesuatu produk, tau apa yang haram apa yang ditegah.
P5	Ya, ilmu mempengaruhi, mempengaruhi apa, bila dia buat keputusan la, keputusan penggunaan tu la, dia ada asas, contohnya dia nak beli, nak beli ikan, beli ikan, yang paling <i>detail</i> lah, dengan orang Cina kita boleh beli dengan orang Islam kita boleh beli, kenapa kita beli dengan orang Islam, kerana kita pasti orang Islam tu menjaga kesucian dia kan, orang Cina belum pasti, tapi dengan ilmu tu juga kalau orang tak amal tak boleh jugakan, jadi ada ilmu barulah kita boleh buat keputusan, tak ada ilmu kita tak boleh buat keputusan, tak ada orang berikan asas panduan untuk kita memilih sesuatu, untuk kita bergelagat ha ok.

Informan menjelaskan bahawa ilmu adalah faktor yang mempengaruhi niat dan tindakan gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Daripada penjelasan informan, ilmu seseorang mampu mempengaruhi niat seseorang bertindak, khususnya dalam aktiviti penggunaan. Ilmu juga mempunyai kesan dan fungsi tertentu kepada pengguna Muslim.

Sepertimana dinyatakan oleh informan P1, kesan daripada ilmu dalam aktiviti penggunaan adalah dapat membezakan tindakan seorang Muslim dan bukan Muslim.

Hal ini demikian kerana pengguna Muslim yang berilmu sudah pasti akan mematuhi garis panduan dalam aktiviti penggunaan yang telah dijelaskan dalam ajaran Islam. Selain itu, ilmu mampu berfungsi sebagai asas panduan kepada seseorang pengguna Muslim dalam berniat dan seterusnya bertindak dalam aktiviti penggunaan berteraskan Islam.

Al-Ghazali (1980) juga menyatakan bahawa dengan ilmu, manusia akan mentaati perintah Allah SWT. Dengan ilmu, seorang Muslim dapat mengenal pasti halal dan haram sesuatu produk. Ilmu bertindak sebagai pembimbing dan amal pula adalah sebagai pengikut. Selain itu, al-Ghazali turut menekankan tentang keterkaitan ilmu dalam setiap niat dan tindakan seseorang Muslim. Al-Ghazali (1981) telah meletakkan ilmu sebagai pendorong kepada terbentuknya niat seseorang.

Penjelasan al-Ghazali membuktikan ilmu penting dalam mempengaruhi niat dan tindakan seseorang Muslim dalam semua tindakan, termasuklah dalam aktiviti penggunaan. Souiden dan Jabeur (2015) menyatakan ilmu penting bagi membimbing seseorang bertindak dengan betul berdasarkan pengetahuannya dan bukan mengikut-ngikut orang sekeliling semata-mata.

Kepentingan ilmu juga telah disebut dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Terdapat penjelasan kelebihan orang berilmu dalam al-Quran:

أَمَّنْ هُوَ قَدِيتَ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا  
 رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ  
 إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

*Terjemahan: “(Kamukah yang lebih baik) atau adakah orang yang taat beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri kerana takut akan (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya?” Katakanlah (kepadanya), “Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya hanya orang yang berakal sempurna yang dapat menerima pengajaran dan peringatan”.*

(az-Zumar 39:9)

وَمِنَ النَّاسِ وَالْذَوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ ۗ كَذَلِكَ إِنَّمَا  
 يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

*Terjemahan: “Dan antara manusia, binatang yang melata dan haiwan ternakan ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sebenarnya, yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah )Allah dalam kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun”.*

(Fatir 35:28)

Manakala sabda Rasulullah SAW berkaitan kepentingan ilmu adalah seperti berikut:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا  
 رِضَاءً لِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ حَتَّى الْحَيَاتَانِ  
 فِي الْمَاءِ، وَفَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ، كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ  
 الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِلَّا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ<sup>17</sup>.

*Terjemahan: “Sesiapa yang melalui jalan untuk menuntut ilmu, Allah permudahkan kepadanya satu jalan ke syurga. Para malaikat pasti meletakkan*

<sup>17</sup> Al-Tirmizi, *Al-`Ilm, Ma Jaā fi Fadl al-Fiqh `Ala al-`Ibadah*, hadith 2682, daripada Qays bin Kathir. Al-Tirmidhi mengatakan bahawa hadith ini adalah hasan sahih.

*sayapnya bagi memayungi penuntut ilmu, kerana redha dengan apa yang dia lakukan. Dan orang yang menuntut ilmu itu, telah meminta ampun baginya oleh penghuni langit dan bumi sehinggakan ikan-ikan di dalam air (laut) dan kelebihan orang yang berilmu itu, dengan seorang ahli ibadah (abid) adalah umpama bulan dengan bintang-bintang lain, dan sesungguhnya ulama' adalah pewaris para Nabi, dan para Nabi tidak meninggalkan wang dinar dan dirham, akan tetapi mereka meninggalkan ilmu, sesiapa yang dapat mengambilnya, bermakna dia mendapat habuan yang amat besar."*

*(Hadis Riwayat al-Tirmizi)*


Antara ilmu yang diperlukan dalam aktiviti penggunaan adalah ilmu berkaitan tasawuf (ilmu tentang niat) ilmu muamalat dan ilmu berkaitan produk. Misalnya, seperti dalam petikan temu bual sebelum ini, informan P1 dan P3 telah menyatakan bahawa pengguna Muslim memerlukan ilmu tentang niat untuk mereka mempunyai kesedaran berniat dalam aktiviti penggunaan. Dapatan pentingnya ilmu kepada seorang pengguna Muslim turut disokong oleh Ab Rahman dan Jamaludin (2011) yang berpendapat antara ilmu yang diperlukan dalam aktiviti penggunaan adalah ilmu berkaitan syariah dan ilmu berkaitan produk amat penting kepada seorang pengguna Muslim. Ilmu yang dimaksudkan adalah ilmu yang berkaitan dengan garis panduan penggunaan. Antaranya adalah mengetahui konsep halal dan haram dan tahap keperluan dalam penggunaan agar tidak terikut-ikut dengan trend semasa dan sebagainya. Sebagaimana telah dinyatakan oleh Nooh dan Ab.Aziz (2018), pengguna Muslim kini gemar mengikut tren semasa berbanding mengikut garis panduan yang telah sedia ada dalam ajaran Islam. Rahman et al. (2021) turut membuktikan terdapat pengguna Muslim telah mengambil produk berstatus *syubhah* disebabkan kekurangan ilmu berkaitan penggunaan Islam.

Berdasarkan dapatan kajian ini, yang disokong oleh hasil kajian lepas, didapati bahawa penguasaan ilmu fardu ain dan fardu kifayah adalah amat penting bagi seorang

pengguna Muslim. Penguasaan ini bukan sahaja membentuk asas kefahaman tentang tanggungjawab individu dan sosial, tetapi juga memastikan bahawa setiap tindakan, termasuk dalam aktiviti penggunaan, selaras dengan prinsip syariat Islam.

#### 4.3.2.1 Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah

Dapatan daripada temu bual mendapati bahawa pengguna Muslim perlu menguasai pelbagai jenis ilmu, termasuk ilmu tasawuf, halal-haram, akhlak, dan ekonomi. Kesemua jenis ilmu ini, secara keseluruhannya, terkandung dalam kategori ilmu fardu ain dan fardu kifayah, yang menjadi asas kepada kehidupan seorang Muslim. Berikut adalah petikan temu bual yang menyokong dapatan ini:



---

Informan	Petikan Temu Bual
P1	<p>Ilmu penting di samping ilmu tentang niat, kata apa.... ilmu tentang penggunaan itu sendiri tentang halal haram, syubhah, banyak aspek la, di samping ilmu akhlak, seperti makan duduk, tak menunjukkan kat orang, snap boh (masukkan) gambar kat fb, sebab dia tak ada ilmu menunjuk-nunjuk makanan tu Islam larang. Menunjuk makanan tu makruh, walaupun tak haram. Makruh sebab boleh jadi orang lain teringin. Ikut ulama yang warak makan kedai tepi jalan yang orang nampak itu makruh. Walaupun tak haram tapi makruh makan tepi jalan ni, sebab kalau ada orang tak mampu dia teringin, Islam jaga sampai macam tu. Ulama-ulama yang warak dia menjaga benda ni.</p> <p>Ya kena ada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Kalau macam ustaz kata tadi, ilmu jaga hati itu ilmu tasawuf, kalau ilmu fekah ja tak jumpa ilmu hati itu. Perlu dibincangkan juga produk-produk hari ni, produk yang bercampur bahan-bahan yang macam-macam.</p>
P2	<p>Ilmu penting sebagai asas kepada pengguna bertindak, ilmu asas ilmu halal haram yang jelas. Misalnya kod barang, ilmu fardu kifayah, contoh produk kewangan, untuk menjadi pengguna</p>

---

---

sempurna walau pun tak minat kena ambil tahu tentang ilmu kewangan.

- P3** Ilmu halal haram, keduanya ilmu tasawuf, iaitu ilmu berkaitan hati. Untuk dekat dengan Allah dalam buat sesuatu. Untuk zaman sekarang fardu ain yang *basic-basic* perlu, contoh logo halal negara Malaysia dan negara lain.
- P4** Yang penting ilmu fiqh muamalat la, pertama pasal halal haram, jual beli, tinggal yang *shubhah* dan *gharar*.
- P5** Ilmu yang diperlukan ilmu fardu ain, fardu kifayah dan juga ilmu tasawuf, ilmu berkaitan hati, kita mengesakan Allah buat apa yang Allah suruh tinggalkan apa yang Allah larang.

Ilmu ekonomi juga perlu, contohnya, sebelum kita beli kita tahu, harga macam mana, macam mana kualiti, kat mana barang murah, contohnya kalau kita beli beras pulut murah, kat mana, kat siam, tapi kena cukai, klu tak kena cukai, jauh pulakkan *transpot*, makna ilmu itu membantu kita buat pilih sejauh mana cekap pilihan tu dan efisien nak dapatkan sesuatu. Se jauh mana nak dapatkan penggunaan yang banyak dan kita nak memberi kepada orang lainkan.

---

Al-Ghazali (1980) telah menjelaskan ilmu fardu ain dengan jelas:

*“Termasuk ilmu yang dikatakan fardu ain itu, ialah ilmu pengetahuan yang bakal mengenalkan asas tauhid (mengesakan Allah) yang dengannya pula dapat diketahui zat Allah SWT dan sifat-sifat-Nya. Juga ilmu pengetahuan yang dengannya dapat dituntut cara-cara beribadat, dibezakan antara yang halal dan yang haram, dan mana satu yang dilarang oleh agama, dan mana pula yang dibolehkan dalam urusan hidup sehari-hari.*

*Termasuk juga ilmu yang fardu ain ialah ilmu yang mengenalkan hal-ehwal hati, mengenai sifat-sifatnya yang terpuji, seperti bersabar, bersyukur, bermurah hati, berakhlak tinggi, bergaul baik, berkata benar dan ikhlas. Begitu juga dengan sifat-sifatnya yang terkeji seperti balas dendam, dengki, menipu, meninggi diri, riya', marah, berseteru, membenci dan kikir. Maka mengetahui apa-apa yang harus ditinggalkan dari sifat-sifat yang pertama dan apa-apa yang harus ditinggalkan dari sifat-sifat yang kedua itu adalah fardhu ain, sepertimana hukumnya, membersihkan hal-hal mengenai kepercayaan, ibadat atau muamalat”.*

(al-Ghazali, 1980, ms.18)

Penemuan ini selari dengan pandangan Salleh (2003), yang menekankan kepentingan ilmu dalam membentuk individu Muslim yang mampu menjalankan tanggungjawab peribadi dan sosial. Salleh (2003) turut menyatakan ilmu fardu ain adalah ilmu yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu Muslim.

Ilmu fardu ain dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu ilmu tauhid, ilmu fikah dan ilmu tasawuf. Ilmu tauhid menjelaskan hubungan dengan akidah dan mengandungi penerangan mengenai rukun iman dan rukun Islam. Ilmu fikah pula adalah ilmu yang berhubung dengan syariat. Terdapat empat pecahan ilmu fikah, iaitu ibadat, muamalat, *munakahat* (perkahwinan) dan *jinayat* (jenayah). Seterusnya, ilmu tasawuf adalah ilmu berkaitan akhlak, iaitu ilmu yang mampu merubah seseorang yang mempunyai sifat *mazmumah* (tidak baik) menjadi seorang yang bersifat *mahmudah* (baik) (Salleh, 2003).

Ilmu fardu kifayah pula adalah ilmu yang diperlukan untuk memudahkan seseorang Muslim memahami keperluan dan syarat yang perlu mereka patuhi dalam setiap tindakan. Ilmu kifayah adalah ilmu yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh sebahagian masyarakat Muslim. Walaupun ilmu fardu kifayah tidak diwajibkan ke atas semua Muslim, namun amat digalakkan seorang Muslim untuk menguasai dan mempelbagaikan pengetahuan dalam ilmu kifayah, khususnya dalam bidang penggunaan dan amnya untuk bidang-bidang lain (Mohammed Zabidi & Tamuri, 2016). Ilmu fardu kifayah terlalu luas, oleh itu pengguna Muslim perlulah bijak memilih ilmu yang bersesuaian dengan keperluan mereka dan keluarga. Misalnya informan P2 telah menyatakan kepentingan mempelajari ilmu tentang kewangan Islam

oleh pengguna Muslim. Walaupun pada hakikatnya masyarakat Muslim kini masih belum gemar mempelajarinya (Informan P2).

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P2</b>	Ilmu penting sebagai asas kepada pengguna bertindak, ilmu asas ilmu halal haram yang jelas. Misalnya kod barang, ilmu fardu kifayah, contoh produk kewangan, untuk menjadi pengguna sempurna walaupun tak minat kena ambil tahu tentang ilmu kewangan. Adalah ilmu yang berkait dengan sumber ilmu dari akal dan pancaindera. Ilmu fardhu kifayah terlalu luas dan sukar untuk manusia memperolehi semua ilmu tersebut.

---

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat dua bidang ilmu utama yang perlu dikuasai oleh pengguna Muslim, iaitu ilmu berkaitan konsep halal dan haram, serta ilmu yang membantu mengenal pasti tahap keperluan dalam aktiviti penggunaan. Penguasaan kedua-dua ilmu ini bukan sahaja memastikan bahawa keputusan pengguna selaras dengan prinsip syariat, tetapi juga membantu mereka membuat pilihan yang lebih bertanggungjawab dan berpandukan nilai Islam.

#### **a. Ilmu Tentang Halal dan Haram**

Ilmu berkaitan halal dan haram dalam penggunaan telah jelas dalam sumber utama ilmu Islam, iaitu al-Quran dan hadis (al-Qardawi, 2013). Telah jelas garis panduan dalam memilih produk atau perkhidmatan telah tersedia ada dalam ajaran Islam (Mustafar & Borhan, 2013b). Sebagai seorang pengguna Muslim, memilih produk atau perkhidmatan halal adalah suatu kewajipan. Penetapan halal dan haram bukan hanya ke atas produk atau perkhidmatan, malahan cara mendapatkan dan sumbernya juga

perluhalal (Nooh & Ab.Aziz, 2018; Quoquab et al., 2015). Sebagaimana firman Allah:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

*Terjemahan: "Wahai manusia, makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu".*  
(al-Baqarah 2:168)

Al-Qardawi (2013) telah mengupaskan tentang halal dan haram menurut perspektif Islam secara terperinci. Beliau telah membincangkan sebelas prinsip yang perlu dijadikan panduan dalam menentukan halal atau haram sesuatu perkara.

**i. Pada hakikatnya segala sesuatu adalah *mubah*.**

Pada asasnya, semua yang diciptakan oleh Allah SWT adalah halal selagi tiada nas atau bukti yang jelas menunjukkan bahawa ia haram. Al-Quran dan sumber lain telah memberikan penjelasan tentang perkara yang haram dan halal. Misalnya, dibenarkan untuk memakan mana-mana haiwan dan tumbuhan kecuali yang telah dijelaskan pengharamannya. Setiap sesuatu yang diharamkan adalah kerana ianya memudaratkan, beracun, memabukkan atau menyebabkan masalah (Ab Rahman & Jamaludin, 2011). Terdapat firman Allah SWT :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن  
 كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٣﴾

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
 فَمَن اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

*Terjemahan: “Wahai orang yang beriman, makanlah daripada benda-benda yang baik-baik (yang halal) yang Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar-benar hanya beribadat kepada-Nya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai (binatang yang tidak disembelih) daging babi (termasuk semuanya), dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.*  
 (al-Baqarah, 2:172-173)



Selain itu terdapat hadis yang menyebut perkara ini:

الْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ، فَهُوَ مِمَّا  
 عَفَا عَنْهُ<sup>18</sup>.

*Terjemahan: “Apa sahaja yang dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya ia adalah halal, dan apa sahaja yang diharamkan ia adalah haram. Dan apa sahaja yang tidak disebutkan oleh Allah maka ia adalah ampunan, terimalah ampunan Allah kerana Allah tidak akan melupakan apa pun”.*  
 (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

<sup>18</sup> Ibnu Mājah, *Al-At'imati, Akli al-Jubn wa al-Samni*, hadith 3367, daripada Salman al-Farisi. Al-Albānī mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *hasan*.

ii. **Halal dan haram adalah hak mutlak Allah SWT.**

Al-Qardawi (2013) menjelaskan setiap sesuatu yang diharamkan atau dihalalkan hanya Allah SWT yang berhak menentukannya, dan segala yang dihalalkan dan diharamkan telah ada dalam al-Quran. Allah SWT berfirman:

وَمَا لَكُمْ إِلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ  
عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ  
عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

*Terjemahan: “Dan mengapakah kamu tidak mahu memakan daripada (sembelihan binatang-binatang yang halal) yang disebutkan nama Allah ketika menyembelihnya padahal Allah telah menjelaskan kepada kamu apa-apa yang diharamkan-Nya untuk kamu kecuali apa-apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan (daripada manusia) benar-benar hendak menyesatkan (orang lain) dengan hawa nafsu mereka tanpa pengetahuan. Sesungguhnya Tuhan kamu, Dialah yang lebih mengetahui orang yang melampaui batas”.*

*(al-An'am 6:119)*

Namun mengikut perkembangan semasa, misalnya produk yang dihasilkan dengan teknologi terkini telah menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Muslim. Oleh yang demikian, pengguna Muslim boleh merujuk kepada fatwa yang telah dipersetujui oleh majlis muzakarah. Fatwa dikeluarkan oleh para ulama atau individu berkelayakan. Setiap fatwa yang ditentukan adalah bersumberkan al-Quran dan hadis (Aminnuddin & Ramli, 2015; Jamaludin et al., 2010).

iii. Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram adalah *musyrik*.

Penetapan halal dan haram adalah hak mutlak Allah SWT. Seseorang yang cuba untuk menghalalkan yang haram, atau menghalalkan yang haram adalah suatu perbuatan yang menyalahi agama. Bahkan boleh membawa kepada syirik (al-Qardawi, 2013). Terdapat beberapa firman Allah SWT yang telah mengingatkan untuk setiap Muslim tidak mengubah apa yang telah dihalalkan dan apa yang diharamkan. Antaranya seperti berikut:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا نَصَبْنَا لَكُمْ آيَاتٍ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِيَتَفَتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾




*Terjemahan: “Dan janganlah kamu menggunakan lidahmu untuk menyebut kata-kata secara dusta, Ini halal dan ini haram, untuk mengada-adakan pembbohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang yang mengada-adakan pembbohongan terhadap Allah tidak akan beruntung”.*

(al-Nahl 16:116)

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَحْرِمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾



*Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengharamkan apa-apa yang baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halal-halalnya itu)! Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas. Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman”.*

*(al-Maidah 5: 87-88)*

#### **iv. Haram kerana buruk dan merugikan.**

Al-Qardawi (2013) telah menjelaskan sesuatu yang diharamkan dan dihalalkan oleh Allah SWT adalah sesuatu yang rasional dan bermanfaat untuk setiap manusia. Allah SWT menghalalkan semua yang mendatangkan kebaikan dan mengharamkan segala yang memudaratkan. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ  
الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ  
عَلَيْكُمْ وَادْكُرُوا اللَّهَ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ



*Terjemahan: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang (makanan) yang dihalalkan bagi mereka. Katakanlah, “Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang baik-baik dan (binatang yang ditangkap) oleh binatang pemburu yang telah kamu latih (untuk berburu). Kamu mengajarnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu, makanlah apa-apa yang ditangkap (oleh binatang pemburu yang telah kamu latih itu) untukmu dan sebutlah nama Allah atasnya, (ketika kamu melepaskannya berburu). Dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri daripada memakan apa-apa yang diharamkan Allah), sesungguhnya Allah cepat hitungan-Nya”.*

*(al-Maidah 5:4)*

**v. Yang halal menafikan keperluan akan yang haram.**

Sesuatu yang halal adalah lebih banyak berbanding yang haram. Allah SWT hanya mengharamkan perkara yang mempunyai kesan buruk dan memudaratkan, dan setiap yang diharamkan mempunyai gantian yang lebih baik dan bermanfaat. Sebagai contoh, arak adalah minum yang dilarang, tetapi terdapat banyak minuman lain yang lebih baik untuk kesihatan.

**vi. Wasilah yang haram adalah haram.**

Sesuatu yang diharamkan turut mengharamkan semua yang membantu kepada proses perkara tersebut. Sebagai contoh, pengharaman arak bukan sahaja diharam untuk mengambilnya, bahkan pihak yang menghasilkan, menjualkan, atau menghidangkannya ditegah dan diharamkan.

**vii. Pengubahsuaian haram adalah haram.**

Sesuatu yang diharam, tetaplah haram walaupun diubahsuai dengan istilah atau nama yang lain. Misalnya, riba yang telah jelas pengharamannya, namun kini ia disebut sebagai faedah atau bunga. Lantaran itu, pengguna Muslim perlulah berhati-hati untuk tidak terkeliru. Terdapat sabda Rasulullah SAW seperti berikut:

لَيَكُونَنَّ مِنْ أُمَّتِي أَقْوَامٌ يَسْتَحِلُّونَ الْحِرَّ وَالْحَرِيرَ وَالْحُمْرَ وَالْمَعَازِفَ<sup>19</sup>.

*Terjemahan: "Akan ada di antara umatku, satu kaum yang menghalalkan zina, sutera (untuk lelaki), arak dan alat muzik".*

*(Hadis Riwayat al-Bukhari)*

إِنَّ أَنْاسًا مِنْ أُمَّتِي يَشْرَبُونَ الْخَمْرَ، يُسَمُّوْهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا<sup>20</sup>.

*Terjemahan: "Manusia daripada kalangan umatku akan meminum arak dan menamakannya dengan nama selain arak..."*

*(Hadis Riwayat Ahmad)*

#### **viii. Niat baik tidak boleh menghalalkan yang haram.**

Sesuatu gelagat seorang Muslim perlu berlandaskan syariat, walaupun berniat atau bertujuan untuk kebaikan. Namun jika gelagat tersebut berasaskan kepada sesuatu yang dilarang oleh syariat ianya tetap haram. Misalnya, seseorang yang mencuri dengan tujuan untuk bersedekah dengan wang curi tersebut. Walaupun tujuannya adalah baik, namun tindakannya tetap terlarang oleh syariat.

#### **ix. Hindari *syubhah* supaya tidak terperangkap dengan yang haram.**

*Syubhah* adalah sesuatu yang diragui antara halal dan haram. Terdapat hadis

Rasulullah SAW yang menjelaskan setiap Muslim seharusnya menjauhkan diri

---

<sup>19</sup> Al-Bukhāri, *Al-Ashribati, Mā Jā'a Fiiman Yastahillu al-Khamr wa Yusammiihi Bighayri Asmihi*, hadith 5590, daripada Abu Malik al-Ash'ari.

<sup>20</sup> Ahmad, hadith 18073, daripada seorang lelaki dalam kalangan sahabat nabi. Shu'ayb al-Arna'ut mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah sahih.

daripada mengambil sesuatu yang *syubhah*, hal ini demikian kerana halal dan haramnya masih diragui. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ<sup>21</sup>.

*Terjemahan: "Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhah bererti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan".*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

**x. Haram adalah bersifat universal.**

Sesuatu yang diharamkan adalah haram untuk semua golongan, tidak ada pengecualiaan pengharam sesuatu untuk golongan tertentu. Seperti yang dinyatakan oleh al-Qardawi (2013), sesuatu yang diharamkan adalah haram untuk bangsa Arab dan bukan Arab. Perkara ini juga bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

وَإِيْمُ اللّٰهِ، لَوْ اَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا<sup>22</sup>.

*Terjemahan: "Demi Allah, andai kata Fatimah binti Muhamad mencuri, pastilah aku memotong tangannya".*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

<sup>21</sup> Muslim, *Al-Buyu'*, *Akhzi al-Halāli wa Tarki al-Shubuhah*, hadith 107, daripada Nuqman bin Bashir.

<sup>22</sup> Muslim, *Al-Hudud, Qat'i al-Sāriq al-Shariif wa Ghayrihi wa al-Nahy 'An al-Shafā'at fi al-Hudud*, hadith 8, daripada Aisyah.

**xi. Keadaan darurat membolehkan yang haram.**

Dalam keadaan darurat atau terpaksa, sesuatu yang diharamkan adalah dibolehkan untuk meneruskan hidup. Misalnya, seseorang yang menghadapi kebuluran, maka saat itu sesuatu yang diharamkan dibolehkan untuk menghilangkan kebuluran dan demi menyelamatkan nyawa. Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

*Terjemahan: “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai (binatang yang tidak disembelih), darah (yang keluar mengalir), daging babi (termasuk semuanya) dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedangkan dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.*

*(al-Baqarah 2:173)*

Merujuk kepada sebelas konsep halal dan haram yang telah dijelaskan oleh al-Qardawi (2013) menunjukkan Islam sebuah agama yang teliti dalam semua perkara. Setiap perkara yang membahayakan dan boleh mendatangkan kemudaratan ditegah penggunaannya untuk menjaga keselamatan diri dan masyarakat. Namun begitu Islam tidak membebankan, hal ini demikian kerana dalam keadaan darurat yang diharamkan dibolehkan untuk menyelamatkan daripada keadaan yang lebih membahayakan.

## b. Ilmu Tentang Batasan Tahap Keperluan

Seterusnya pengguna Muslim juga perlu mengetahui batasan tahap keperluan yang disarankan dalam Islam. Sebagaimana disarankan oleh Alserhan (2011) dalam memenuhi keperluan seharian setiap pengguna Muslim perlu mempertimbangkan apa, bagaimana dan bila sesuatu barangan diperlukan. Misalnya, dalam pengambilan makanan. Seorang Muslim perlu mempertimbangkan apakah halal makanan yang akan diambil dan berapa kuantiti yang diperlukan, bila perlu makan, serta jenis makanan bagaimana yang diperlukan olehnya (Alserhan, 2011).

Al-Qardawi (2009a) menjelaskan majoriti sarjana ekonomi Islam membincangkan terdapat tiga tahap keperluan dalam penggunaan iaitu *daruriyat* (keperluan), *hajjiyat* (keselesaan) dan *tahsiniyat* (mewah). Namun begitu terdapat juga sarjana Islam yang membahagikan tahap keperluan kepada enam tahap iaitu barang keperluan hidup, barang keperluan asas, barang keperluan kecekapan, barang keselesaan, barang mewah dan barang yang merosakkan atau merbahaya (al-Qardawi, 2009a; Hanapi & Muhammad, 2017). Dalam kajian ini, penyelidik memilih tiga tahap keperluan seperti pendapat al-Qardawi (2009a) untuk dijadikan sandaran perbincangan penyelidik dalam membincangkan tahap keperluan penggunaan.

Pada asasnya penggunaan seseorang adalah berbeza mengikut keperluan dan tahap kehidupan masing-masing (Hanapi & Muhammad, 2017; Quoquab et al., 2015). Hasan (2002) menyatakan al-Ghazali membahagikan penggunaan kepada tiga jenis iaitu rumah kediaman, makanan dan pakaian. Setiap penggunaan ini mempunyai tiga tahap

iaitu tahap rendah, pertengahan dan tinggi. Sebagai pengguna Muslim penggunaan pada tahap tinggi adalah perbelanjaan yang tidak digalakkan.


*Daruriyat* adalah keperluan asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan. Memenuhi tahap keperluan asas juga menjadi suatu kewajipan untuk seorang Muslim. Keperluan *daruriyat* perlu dipenuhi berdasarkan kepada lima keperluan (*daruriyat al-khams*) iaitu keperluan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Hanapi & Muhammad, 2017; Quoquab et al., 2015). *Daruriyat al-khams* turut disebut sebagai *maqasid syariah* (Mustafar & Borhan, 2013; Quoquab et al., 2015).

Contoh memenuhi keperluan asas hidup (*daruriyat*) adalah setiap pengguna Muslim perlu membelanjakan sejumlah wang untuk mendapatkan keperluan makanan, minuman, kesihatan dan menyediakan tempat tinggal atau rumah bagi menjaga keperluan nyawa. Seterusnya, membeli pakaian bagi menjaga keperluan agama dan kehormatan, membayar kos pendidikan bagi memenuhi keperluan akal. Setiap keperluan yang dipenuhi perlulah daripada sumber yang halal dan mempertimbangkan penggunaan harta dengan bijak dan seimbang (Hanapi & Muhammad, 2017; Mustafar, 2018).

Seterus adalah keperluan *hajiyyat*, iaitu suatu keperluan bersifat melengkapkan dan memudahkan setiap urusan seharian. Keperluan *hajiyyat* adalah merujuk kepada keperluan yang diperlukan untuk mengelakkan kesusahan dan halangan (Hanapi & Muhammad, 2017; Quoquab et al., 2015). Keperluan *hajiyyat* mampu memudahkan urusan muamalah sesama manusia (Kamri, 2008). Namun begitu, tanpa keperluan

*hajiyyat* ianya tidak mendatangkan kemudaran kepada seseorang (Mustafar & Borhan, 2013). Seterusnya, keperluan *tahsiniyat* iaitu suatu keperluan bertujuan untuk memberi keselesaan dan kemudahan. Ia bertindak sebagai pelengkap kepada keperluan sedia ada (Quoquab et al., 2015).


Oleh itu, setiap pengguna Muslim sepatutnya mempertimbangkan tahap-tahap keperluan mereka sebelum membuat keputusan penggunaan. Berpandukan kepada kemampuan dan tahap keperluan, pengguna dapat mengelak daripada berlebih-lebihan atau boros (Mustafar & Borhan, 2013). Ini bertepatan dengan firman Allah:



*Terjemahan: “Wahai anak Adam, pakailah pakaian yang indah setiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mendirikan solat)! Dan makan dan minumlah dan jangan pula kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas”.*

*(al-A'raf 7:31)*

Telah dijelaskan dalam al-Quran setiap penggunaan adalah perlu bersederhana, tidak boleh membazir atau memboros serta bersifat kedekut.



*Terjemahan: “Dan mereka (yang diredhai Allah itu juga ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula bakhil, bahkan mereka bersederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.*

*(al-Furqan 25:67)*

Berdasarkan ayat ini, Ibnu Kathir (2017) dan al-Zuhaili (2013) telah menjelaskan bahawa salah satu ciri-ciri *ibadurrahman* adalah bersederhana, tidak membazir atau boros serta tidak kedekut dalam berbelanja. Berbelanja dengan adil, tidak berlebihan, bersederhana serta bersesuaian dengan keperluan adalah cara berbelanja yang betul dalam dasar ekonomi Islam (al- Zuhaili, 2013). Allah SWT berfirman:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا  
كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

*Terjemahan: "Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu (kedekut) dan janganlah terlalu menghulurkannya kerana akibatnya kamu menjadi tercela dan menyesal".*

*(al-Isra' 17:29)*

Sikap suka berbelanja secara berlebihan adalah punca seseorang menghadapi masalah kewangan (al-Zuhaili, 2013). Tambahan lagi pemborosan boleh terjadi bukan hanya dalam keadaan belanja untuk diri dan keluarga, bahkan berbelanja dalam perkara kebaikan di jalan Allah SWT juga boleh membawa kepada pemborosan sekiranya secara berlebih-lebihan. Hasan al-Basri menyatakan:

*"...tidak boleh berinfak di jalan Allah dengan berlebih-berlebihan (boros)".*  
*(al-Zuhaili, 2013, Jilid 8, ms. 120)*

Islam sama sekali tidak pernah melarang seorang Muslim untuk berbelanja. Namun pemborosan amat ditegah dalam Islam, hal ini terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan berkaitan pemborosan.

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا



*Terjemahan: “Dan berikanlah kepada kaum kerabat kamu yang terdekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan, dan janganlah kamu membelanjakan (hartamu) secara membazir. Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya”.*

*(al-Isra' 17:26- 27)*

Ibnu Kathir (2017) menjelaskan “saudara-saudara syaitan” itu menggambarkan seseorang yang berbelanja secara berlebihan tanpa keperluan dan berbelanja di jalan kemaksiatan atau perkara yang tidak dibenarkan dalam syariat Islam. Syaitan adalah makhluk yang melupakan nikmat Allah SWT kepadanya. Begitu juga seorang pengguna yang melupakan bahwa setiap nikmat atau rezeki yang dimilikinya adalah milik Allah SWT maka dia leka menggunakan rezeki tersebut kepada perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Seterusnya, Khan (2020) telah membincangkan bahawa berdasarkan al-Quran terdapat empat corak perbelanjaan iaitu sederhana, membazir, memboros dan kedekut. Oleh yang demikian, Khan (2020) mencadangkan sederhana, membazir, memboros dan kedekut dijadikan sebagai dimensi dalam mengukur gelagat pengguna Muslim. Sederhana adalah cara perbelanjaan yang paling terbaik yang akan mendatangkan manfaat untuk diri individu yang berbelanja dan masyarakat. Namun sebaliknya membazir, memboros dan kedekut adalah cara berbelanja yang tidak baik dan ditegah oleh agama Islam, bahkan boleh mendatangkan kerosakan (Khan, 2020).

Khan (2020) turut menjelaskan perbezaan antara pembaziran dan pemborosan. Pembaziran adalah melibatkan tindakan seseorang pengguna yang membelanjakan sumber yang ada secara tidak wajar seperti bermegah-megah dengan kelebihan yang ada. Manakala pemborosan pula adalah perbelanjaan yang ada sedikit manfaat tetapi tidak sepadan dengan jumlah sumber yang dibelanjakan atau perbelanjaan yang tidak bijaksana.


Kedekut pula adalah keadaan seseorang yang mengabaikan keperluan. Hal ini demikian kerana rasa bimbang dan takut kehabisan harta yang ada. Seseorang yang kedekut sentiasa berkira-kira untuk memenuhi keperluan asas, bahkan menjauhkan diri daripada perbelanjaan ke jalan Allah SWT seperti berzakat, bersedekah, berwakaf dan lain-lain. Terdapat perbezaan antara individu yang sederhana dan kedekut. Bersederhana adalah berbelanja untuk memenuhi keperluan pada tahap kemampuan sendiri. Kedekut pula adalah seseorang yang berkemampuan, namun berkira-kira atau tidak berbelanja untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga (Khan, 2020).

Seterusnya, pengguna Muslim perlu mengetahui tentang konsep *maqasid syariah* dalam penggunaan. Konsep *maqasid syariah* adalah untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan pengguna secara menyeluruh dari segi agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dalam setiap gelagat penggunaan (al-Qardawi, 2009).


Aziz et al. (2021) telah menjelaskan ilmu sebagai sumber pengetahuan seseorang sama ada melalui proses pembelajaran atau pengalaman yang diperoleh daripada kehidupan seharian. Bagi seorang Muslim, ilmu merupakan pengetahuan yang meliputi perkara berasaskan hukum syarak iaitu ilmu berkaitan hubungan manusia dengan Allah SWT,

hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam serta ilmu dalam kehidupan seharian. Ilmu berbentuk umum juga meliputi perkara yang berkaitan hal-hal keduniaan dan akhirat yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Ilmu yang perlu dituntut oleh seseorang Muslim adalah ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah.

Hasil daripada dokumen analisis dan analisis data temu bual, ilmu fardu ain dan fardu kifayah adalah ilmu yang diperlukan oleh setiap pengguna Muslim. Rajah 4.3.2 (a) adalah antara pecahan ilmu yang diperlukan oleh setiap pengguna Muslim, dan Rajah 4.3.2 (b) adalah tahap keperluan yang perlu seorang pengguna Muslim turuti. Dalam Rajah 4.3.2 (b) menjelaskan terdapat tiga tahap penggunaan, iaitu *daruriyat* (keperluan), *hajjiyat* (keselesaan) dan *tahsiniyyah* (mewah). Tahap *daruriyat* adalah keperluan yang perlu dipenuhi oleh setiap individu, namun perlu patuhi *maqosid syariah*, bersederhana dan memilih yang *halalan tayyiban*. Seterusnya pengguna Muslim boleh memenuhi keperluan pada tahap *hajjiyat* untuk kehidupan yang lebih selesa dan cekap. Untuk tahap penggunaan *tahsiniyyah*, terdapat ulama yang menyatakan tidak digalakkan dan tidak pula diharamkan bagi individu yang berkemampuan. Namun lebih utama setiap tahap penggunaan perlulah mematuhi *maqosid syariah*, bersederhana dan memilih yang *halalan tayyiban*.



Rajah 4.3.2 (a)  
*Ilmu yang Diperlukan oleh Pengguna Muslim*  
 Sumber: Dapatan penyelidik (2024)



Rajah 4.3.2 (b)  
*Tahap Keperluan yang Pengguna Muslim Perlu Ikuti.*  
 Sumber: Dapatan penyelidik (2024)

Kesimpulannya, ilmu merupakan elemen penting yang mempengaruhi niat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan, seterusnya menghasilkan tindakan yang selaras dengan syariat apabila diaplikasikan. Kepentingan ilmu dalam membentuk niat bertindak turut disokong oleh kajian seperti Cannoosamy et al. (2014), Kudryavtsev et al. (2020), Rihn et al. (2021), serta Teng dan Wang (2015), yang menegaskan bahawa pengetahuan pengguna tentang sesuatu produk atau maklumat secara signifikan mempengaruhi keputusan pembelian mereka. Sebagai contoh, kajian Rizkitysha dan Hananto (2020) mendapati bahawa pengetahuan tentang status halal produk mempengaruhi niat pembelian pengguna terhadap produk pencuci yang mempunyai logo halal. Selain itu, ilmu dalam penggunaan juga penting untuk mengurangkan risiko pengguna membuat pilihan yang salah atau tertipu. Rahman et al. (2022) menunjukkan bahawa kekurangan pengetahuan menyebabkan segelintir pengguna Muslim memilih produk makanan separa proses yang diragui (*syubhah*). Oleh itu, penguasaan ilmu dalam aspek penggunaan bukan sahaja membantu pengguna membuat keputusan yang lebih baik, tetapi juga memastikan keselarasan tindakan mereka dengan tuntutan syariat.

#### **4.3.3 Nafsu**

Nafsu adalah sesuatu yang berada dalam diri semua manusia. Nafsu berperanan mendorong atau menimbulkan kehendak dan keinginan dalam diri seseorang manusia (al-Ghazali, 1989). Oleh itu, nafsu adalah suatu faktor yang sentiasa mempengaruhi setiap niat dan tindakan seseorang dalam aktiviti penggunaan. Muhammad (2014) menyatakan nafsu berperanan penting dalam mempengaruhi kehendak manusia dalam aktiviti ekonomi. Namun begitu, nafsu perlu dikawal oleh setiap pengguna Muslim

supaya setiap niat dan tindakan dalam aktiviti penggunaan adalah tidak melanggar syariat. Othman (2018) dan Muhammad et al. (2020) pula menyatakan dalam diri seseorang terdapat dua nafsu yang sentiasa bergerak dan berperanan sebagai pendorong kepada pembentukan niat bergelagat. Dua nafsu tersebut adalah nafsu baik dan nafsu tidak baik.

Sepertimana dinyatakan oleh informan P4 dan P2 dalam petikan di bawah, aktiviti penggunaan seringkali dikaitkan dengan tindakan untuk seseorang itu memuaskan nafsu. Hal ini demikian kerana nafsu adalah jelas berada dalam diri manusia dan sering mempengaruhi untuk memenuhi keinginan yang ada. Namun, nafsu perlu dikawal bagi mengelak niat dan tindakan yang tidak baik seperti membazir dan memboros terjadi.

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
-----------------	--------------------------

<b>P4</b>	Dalam penggunaan ini juga selalu gak terpengaruh oleh kepuasan nafsu. Nafsu memang ada, tapi nafsu berlebihan tak boleh, segala aktiviti kita kena berlandaskan garis panduan dalam Islam. Aktiviti penggunaan boleh tergugat jika ada nafsu. Nafsu boleh bagi kesan yang tak baik, nafsu lebih akan boros.
-----------	---

<b>P2</b>	Banyak kesan dia, utamanya iman boleh <i>control</i> nafsu, contoh pembaziran makanan kita dipengaruhi oleh nafsu.
-----------	--

---

Pendapat ini selari dengan perbincangan oleh Bakar et al. (2014); Bujang et al. (2022); Fachrunisa dan Chizanah (2020); Kamaruding dan Kamaruding (2018); Muhammad et al. (2020) dan Wahab et al. (2017) yang berpendapat nafsu adalah suatu faktor yang mendesak seseorang untuk memenuhi sesuatu keinginan. Terdapat keinginan yang tidak perlu dipenuhi dan perlu ditentang. Namun demikian ramai manusia tidak mampu mengawal nafsu dan menyebabkan banyak perkara tidak sepatutnya terjadi.

Nafsu tidak boleh dibiarkan menguasai diri seorang pengguna Muslim, namun nafsu perlu dikawal supaya tidak menguasai diri seseorang (Fachrunisa & Chizannah, 2020).

Nafsu dapat dikawal dengan adanya iman. Informan P2 dan P5 telah menyatakan iman dapat mengawal nafsu.

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P2</b>	Banyak kesan dia, utamanya iman boleh control nafsu, contoh pembaziran makanan kita dipengaruhi oleh nafsu.
<b>P5</b>	Baik, tapi itulah iman itu perlu ada kaitan dengan nafsu.

---

Seperti dibincangkan sebelum ini, iman mempunyai tahap-tahap tertentu, begitu juga nafsu turut mempunyai tahap-tahap tertentu. Muhammad (2014), Muhammad et al. (2020) dan Salleh (2003) telah membincangkan nafsu mempunyai tujuh peringkat. Iaitu nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah*, nafsu *mulhamah*, nafsu *mutmainnah*, nafsu *radhiyah*, nafsu *mardhiyyah* dan nafsu *kamilah*. Muhammad (2014) telah menghuraikan berkaitan tahap nafsu dengan terperinci disertakan dengan ciri-ciri seseorang dengan tahap nafsu tertentu. Misalnya nafsu *ammarah* yang merupakan nafsu paling rendah dan lemah yang sering membawa seseorang kepada perkara yang tidak baik dan melanggar syariat. Antara ciri-ciri seorang yang bernafsu *ammarah* adalah kedekut, tamak, berhasad dengki, bodoh, sombong, shahwat dan membenci.

Nafsu *ammarah* mampu mempengaruhi seseorang untuk melakukan atau bertindak bertentangan dengan ajaran dan garis panduan Islam. Misalnya seperti dibincangkan oleh Muhammad (2014), tindakan seseorang yang mempunyai nafsu *ammarah* adalah sentiasa ingin memenuhi kehendak untuk bermewah melalui jalan terlarang seperti

riba, mencuri dan sebagainya, tidak membayar zakat serta bermegah dengan setiap tindakannya.

Nafsu *lawwamah* pula merupakan nafsu yang sudah sedar dan insaf tetapi masih lemah serta sering terpengaruh dengan dorongan nafsu. Nafsu *lawwamah* dapat digambarkan dengan keadaan seseorang yang sudah memiliki kesedaran dan keinsafan berkaitan dosa pahala, dan telah menyedari perlu mematuhi syariat. Keinginan untuk berbuat kebaikan sentiasa ada, namun tidak bertahan lama. Seseorang yang mempunyai nafsu *lawwamah* juga mempunyai rasa bersalah apabila melakukan sesuatu yang melanggar syariat. Pada tahap ini nafsu dan ilmu sering berselisih, nafsu mengajak ke arah tindakan tidak baik, manakala ilmu mengajak ke arah kebaikan. Namun keinginan untuk melakukan sesuatu yang terlarang oleh agama itu adalah kuat (Muhammad, 2014; Muhammad et al., 2020).

Nafsu *mulhamah* pula merupakan nafsu yang berada pada peringkat peralihan antara nafsu *lawwamah* dan *mutmainnah*. Kedudukan nafsu ini tidak tetap. Kadang-kadang naik kepada *mutmainnah* dan adakalanya terjatuh kepada *lawwamah*. Namun setiap tindakan yang melanggar syariat tidak dilakukan secara terang-terangan, dan setiap tindakan yang melanggar syariat sering mempunyai rasa bersalah (Muhammad, 2014; Muhammad et al., 2020).

Seterusnya, nafsu yang disifatkan sebagai nafsu yang baik terdiri daripada nafsu *mutmainnah*, nafsu *radhiyah*, nafsu *mardhiyyah* dan nafsu *kamilah*. Nafsu *mutmainnah* disebut juga sebagai *qalbun salim* iaitu hati yang selamat sejahtera. *Qalbun salim* juga dimaksudkan sebagai hati yang tetap dengan perintah dan larangan

Allah SWT dan tidak goyah oleh hasutan nafsu yang bertaraf rendah. Nafsu ini dikuasai oleh iman yang kuat, dan mampu membuat pilihan yang menepati syariat (Muhammad, 2014; Muhammad et al., 2020).

Nafsu *radhiah* pula merupakan nafsu yang merujuk kepada sifat reda, iaitu nafsu yang mampu menerima atau mematuhi segala ketepatan, perintah dan larangan daripada Allah SWT. Seterusnya nafsu *mardhiah*, iaitu merujuk kepada nafsu yang diredai dan meredai. Diredai dan meredai bermaksud Allah SWT reda ke atas mereka dan mereka reda kepada Allah SWT. Terakhir, nafsu *kamilah* iaitu merupakan nafsu yang dimiliki oleh para Rasul dan Nabi. Seseorang yang berada pada tahap nafsu *kamilah* sentiasa memenuhi keinginan dan kehendak hanya kerana Allah SWT semata-mata. Sekiranya terdapat kehendak dan keinginan selain daripada Allah SWT, segala kehendak atau keinginan itu diperhalusi dengan teliti supaya tidak menyimpang daripada jalan Allah SWT (Muhammad, 2014; Muhammad et al., 2020).

Secara kesimpulannya, nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah*, nafsu *mulhamah* adalah nafsu yang membawa kepada perkara yang tidak baik, manakala nafsu *mutmainnah*, nafsu *radhiyah*, nafsu *mardhiyyah* dan nafsu *kamilah* pula adalah nafsu yang sentiasa membawa seseorang ke arah kebaikan (Muhammad, 2014; Muhammad et al., 2020 & Salleh, 2013).


Perkara ini turut disebut oleh informan P5:

---

<b>Informan P5</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
	Oh tu kena kaitkan penggunaan dengan nafsu, dan nafsu ini boleh kaitkan dengan iman. Tengok balik peringkat nafsu, kaitkan yang tu, level seorang pengguna berdasarkan level nafsu, dan dia ada kaitan iman juga

---

Hasil daripada temu bual dan analisis dokumen penyelidik telah menemui nafsu sebagai suatu tema baru, dan nafsu adalah antara faktor yang sering mengganggu pengguna Muslim berniat dan bertindak dalam aktiviti penggunaan. Nafsu sering mengganggu pendirian seseorang yang menyebabkan individu yang rendah imannya sering tergerak mengikut ajakan nafsu, sehinggakan dia terjerumus melakukan perkara yang ditegah oleh syarak. Terdapat tujuh tahap nafsu iaitu *ammarah*, nafsu *lawwamah*, nafsu *mulhamah*, nafsu *mutmainnah*, nafsu *radhiyah*, nafsu *mardhiyyah* dan nafsu *kamilah*. Rajah 4.5 meringkaskan tahap nafsu yang bermula dengan nafsu *ammarah*, iaitu nafsu paling tinggi dan menyesatkan seseorang. Seterusnya nafsu semakin menurun hingga ke tahap nafsu *kamilah*, iaitu nafsu yang membawa kepada kebaikan.



Rajah 4.3.3

*Tahap Nafsu*

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

#### 4.3.4 Muhasabah

Salah satu faktor yang dikenal pasti sebagai mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan ialah muhasabah. Berdasarkan dapatan temu bual, informan P1 dan P5 menekankan kepentingan elemen muhasabah sebagai komponen penting yang perlu dipertimbangkan dalam kerangka niat gelagat pengguna. Muhasabah merujuk kepada proses refleksi diri dalam menilai niat dan tindakan berdasarkan prinsip syariat, disarankan oleh informan untuk dimasukkan sebagai faktor mempengaruhi niat bertindak kerana ia membantu pengguna membuat keputusan yang lebih bijaksana dan selaras dengan nilai Islam. Petikan temu bual informan P1 dan P5 seperti berikut:

---

Informan	Petikan Temu Bual
----------	-------------------

P1

Apa rantaian tadi, iman, ilmu niat dan tindakan. Secara umumnya dah memenuhi rantaian niat ni, sudah cukup untuk *circle* penggunaan, cuma mungkin kalau nak tambah sikit lagi muhasabah, tindakan kemudian muhasabah. Fahamkan muhasabah tu macam mana.

Muhasabah ni maknanya dia buat penilaian terhadap tindakan dia, dia dah tetapkan niat, dan ada iman ilmu, lepas tindakan tu muhasabah. Lihat di mana kelemahan kekurangan dalam tindakan tu. Contoh niat betul dah pergi pasar membeli yang halal, bantu Muslim, penuhi keperluan keluarga, ibadat gak, tindakan semua dah ok, balik rumah dia duduk di kerusi fikir, berapa jumlah dia belanja, jumlah tu luar biasa kemudian muhasabah belanja lebih dak.

P5

Ikhlas di kaitkan dengan kesungguhan, bila ada ikhlas kita buat bersungguh. *Last* sekali kaitkan dengan muhasabah, itu dikaitkan dengan nilai. sebab itu bermula dengan niat. Muhasabah itu untuk menilai tindakan selari dengan perintah Allah.

---

Informan P1 telah menjelaskan muhasabah adalah melakukan penilaian terhadap tindakan yang lalu. Muhasabah juga adalah menghitung apakah kelemahan dan kekurangan tindakan yang telah dilakukan. Misalnya, setelah berbelanja pengguna Muslim perlu bermuhasabah adakah berlaku perbelanjaan berlebihan. Jika berlaku maka hasil muhasabah tersebut dapat dijadikan garis panduan untuk tindakan berbelanja pada masa akan datang. Satu contoh, seseorang yang telah berbelanja untuk persiapan berbuka puasa pada hari pertama Ramadan, dan didapati terdapat pembaziran. Seterusnya pada hari kedua Ramadan, individu tersebut perlu bermuhasabah untuk pembaziran tidak berulang lagi. Informan P5 turut menyatakan muhasabah diperlukan untuk menilai tindakan sama ada selari dengan perintah Allah SWT atau sebaliknya.

Al-Ghazali (1981) telah mengupas tentang muhasabah dengan terperinci dan menetapkan beberapa tahap muhasabah yang sepatutnya dilakukan oleh setiap Muslim dalam setiap tindakan seharian. Terdapat firman Allah SWT berkaitan muhasabah iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ  
 إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

*Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertaqwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan".*

*(al-Hasyr 59:18)*

Berdasarkan penjelasan daripada Ibnu Kathir (2017), ayat ini berkaitan dengan muhasabah. Setiap Muslim seharusnya melakukan muhasabah pada setiap tindakan supaya tidak mengulangi tindakan yang tidak bermanfaat dan membawa kepada perkara-perkara tidak baik seperti membazir.

Al-Ghazali (1981) menjelaskan lagi, muhasabah adalah salah satu pendidikan akhlak bagi seorang Muslim yang mampu memahami keadaan diri sendiri dengan menjaga perhatiannya hanya kepada Allah SWT (*muraqabah*). Sehingga akhlak yang dibentuk dengan konsep muhasabah ini adalah benar-benar tulus ikhlas kerana Allah SWT. Hasanah (2018) telah menyimpulkan definisi muhasabah daripada ungkapan-ungkapan para ulama sebagai usaha yang dilakukan seseorang untuk membuat penilaian terhadap setiap tindakan yang telah dilakukan. Penilaian yang dibuat adalah untuk memastikan apakah setiap tindakan yang dilakukan mempunyai unsur maksiat atau benar-benar untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Muhasabah adalah perbuatan menilai diri untuk memperbaiki diri sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Oleh itu, muhasabah adalah salah satu tindakan yang perlu diambil berat oleh semua pengguna Muslim untuk memastikan muhasabah sebagai faktor yang meluruskan niat mereka bergelagat dalam aktiviti penggunaan pada masa seterusnya. Elemen muhasabah akan ada bagi gelagat yang pernah dilakukan. Keperluan muhasabah dalam niat bergelagat diperkukuhkan lagi dengan kenyataan oleh al-Qardawi (2009b) seperti berikut:

*“Kita perlu melakukan muhasabah diri. Kita perlu menilai diri sendiri. Ketika ini ramai orang berbicara tentang peraturan dalam berbelanja. Memang kita perlu mengatur sebaik mungkin apa yang kita belanjakan. Selama ini kita*

*melakukan pemborosan seakan-akan harta yang kita belanjakan benar-benar milik kita sendiri dan bukan milik Allah yang ada di tangan kita” ( ms. 75).*

Tindakan bermuhasabah dalam aktiviti penggunaan ini juga bersesuaian dengan pendapat Zalega (2014) yang menyatakan tindakan dan pengalaman pengguna pada tindakan yang lepas sangat penting dalam mempengaruhi keputusan mereka dalam sesuatu tindakan akan datang. Arsad et al. (2018) pula menyatakan muhasabah dilakukan untuk mengetahui kelemahan dan kekurangan diri dalam setiap tindakan.

Kesimpulan yang dapat dibuat berkaitan muhasabah ini adalah, ia merupakan suatu tindakan perlu dilakukan untuk memperbaiki niat seseorang untuk bertindak dalam setiap aktiviti penggunaan yang sering berulang-ulang dalam seseorang memenuhi keperluan seharian.

#### **4.4 Hubungan antara Iman, Ilmu, Nafsu, Niat, Tindakan dan Muhasabah**

Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual yang telah dijalankan didapati iman, ilmu dan nafsu mempengaruhi niat seseorang pengguna dalam aktiviti penggunaan. Seterusnya niat yang terbentuk mempengaruhi bagaimana pengguna bergelagat.

Iman dan ilmu adalah faktor yang menjadi panduan untuk seseorang pengguna berniat menurut perspektif Islam sebelum sesuatu gelagat dalam aktiviti penggunaan terlaksana. Hal ini dijelaskan oleh informan P2, *“Iman dan ilmu saling melengkapi, seperti saya katakan, iman adalah dasar, ilmu apa yang kita kena cari”*. Kesemua

informan berpendapat bahawa iman dan ilmu adalah faktor penting yang mempengaruhi niat seseorang pengguna Muslim bergelagat dalam aktiviti penggunaan. Salleh (2003) dan Manap et al. (2013) menyatakan diri seorang Muslim akan sentiasa dalam keadaan bertindak dengan bijak dengan adanya kemantapan iman dan ilmu. Dengan iman dan ilmu, pengguna Muslim mampu untuk mengawal diri mereka daripada melakukan sesuatu tindakan yang mengikut nafsu.

Nafsu pula adalah sesuatu yang menggerakkan keinginan seseorang. Menurut al-Ghazali (1981), seseorang yang tidak mempunyai nafsu tidak akan mempunyai apa-apa keinginan, namun nafsu perlu dikawal supaya tidak berlebihan. Imanlah yang akan mengawal nafsu dan memastikan tidak berlaku gelagat yang ditegah oleh ajaran Islam, seperti membazir. Hal ini dinyatakan oleh oleh informan P2 seperti berikut:

*“...utamanya iman boleh control nafsu, contoh pembaziran makanan kita dipengaruhi oleh nafsu. Contohkan bulan puasa, kita selalu beli kuih banyak, kalau kita letak kesederhanaan kita boleh elak pembaziran. Seperti saya kata iman ni sebagai dasar kita, iman boleh kawal nafsu”.*

(Informan P2)

Seterusnya, terdapat informan yang berpendapat selain faktor iman dan ilmu, muhasabah juga diperlukan untuk mempengaruhi niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan untuk tindakan yang sama pada kali kedua, agar dilakukan penambahbaikan terhadap tindakan tersebut. Hal ini demikian kerana muhasabah mampu memberi peringatan kepada pengguna untuk tidak mengulangi kesilapan atau kesalahan daripada gelagat lepas. Setelah nafsu mendorong keinginan, iman, ilmu, dan muhasabah menjadi penanda aras bagi seseorang untuk berniat. Kemudian diikuti

dengan tindakan penambahbaikan terhadap tindakan awal yang mungkin terdapat kekurangan atau sesuatu yang tidak selari dengan syarak.

Seterusnya, perbincangan berkaitan dengan niat dan tindakan. Terdapat perbincangan mengenai niat yang tidak dapat disusuli dengan tindakan disebabkan oleh halangan tertentu. Dalam situasi ini, persoalan yang timbul adalah sama ada niat baik seseorang dalam bertindak masih layak menerima ganjaran pahala atau sebaliknya. Perkara ini diperbincangkan oleh para ulama, antaranya al-Ghazali (1981), al-Qardawi (2018) dan al-Zuhaili (2010) yang menjelaskan sesuatu niat yang baik namun tidak mampu dilaksanakan tetap berpahala. Pandangan mereka bersandar kepada hadis Nabi SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: لَمَّا رَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ غَزْوَةِ تَبُوكَ فَدَنَا مِنَ الْمَدِينَةِ قَالَ: إِنَّ بِالْمَدِينَةِ لِقَوْمًا مَا سِرْتُمْ مِنْ مَسِيرٍ، وَلَا قَطَعْتُمْ وَاذْيَا، إِلَّا كَانُوا مَعَكُمْ فِيهِ . قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَهُمْ بِالْمَدِينَةِ؟ قَالَ: وَهُمْ بِالْمَدِينَةِ حَبَسَهُمُ الْعُدْرُ<sup>23</sup>.

*Terjemahan: “Dari Anas bin Malik berkata, “kami kembali dari perang Tabuk bersama Rasulullah s.a.w, lalu Baginda bersabda, “ Sesungguhnya ada sekelompok orang di belakang kita (tetap tinggal di Madinah), tiada kita lalui suatu jalan di bukit atau lembah kecuali mereka selalu menyertai kita, mereka tertahan oleh keuzuran”.*

*(Hadis Riwayat Ibn Majah)*

Terdapat hadis lain iaitu:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَادِكُمْ، وَلَا إِلَى صُورِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ<sup>24</sup>.

<sup>23</sup> Ibnu Mājah, *Al-Jihād, Man Habasahu al-'Udhru 'an al-Jihād*, hadith 2764, daripada Anas bin Malik. Al-Albānī mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah sahih.

<sup>24</sup> Muslim, *Al-Birr wa al-Silati wa al-Aadāb*, Tahrimi Zulmi al-Muslimi, wa Khazlihi, Wahtiqārihi, Wadamihī, Waeirdhihi, Wamālihi, hadith 33, daripada Usamah bin Zaid.

*Terjemahan: “Sesungguhnya Allah tidak melihat bentuk badan kalian atau rupa kalian, akan tetapi Dia melihat ke dalam hati kalian”.*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

Perihal niat tanpa disertai oleh tindakan kerana terdapat halangan tertentu turut dibincangkan oleh informan kajian seperti berikut:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	<p>Allah Maha Pemurah, Allah kata ‘Aku ni sangat Pemurah, di antara kemurahan Allah, siapa yang buat jahat dibalas jahat, tapi sapa berniat jahat tak dikira, tapi niat baik dapat satu pahala, buat baik dapat sepuluh pahala. Contoh niat nak tolong kawan, tapi tak jadi sebab kawan dah ok, dapat satu pahala, tapi kalau dia tolong tadi dapat 10 pahala atau dengan tahap keikhlasan dia boleh sampai 100 pahala. Bila niat berubah masih tetap dapat pahala. Itulah Pemurahnya Allah.</p> <p>Dapat satu pahala bila niat untuk kebaikan, niat ni menjadikan kita dapat pahala percuma, orang yang tak mampu, niat kalau aku kaya nak sedekah, dah dapat pahala percuma.</p>
<b>P2</b>	<p>Perkara ni ada dalam beberapa situasi, Contoh hadis berkaitan orang tak mampu boleh dapat pahala dengan niat. Tapi, rangkaian iman ilmu tindakan tu kena ada. Untuk dapat balasan pahala tak semestinya ada tindakan, tapi dari segi proses memang kena ada ketiga-tiga ni.</p>
<b>P3</b>	<p>Dapat pahala bila berniat buat baik dapat pahala. Ganjaran dari niat, niat itu sendiri dapat pahala, tapi kalau niat tak berubah, sebab tu niat ni perlu berterusan. Niat dapat pahala, bila bertindak pahala berganda. Dapat pahala banyak atau kurang bergantung pada niat gak, niat diperlukan sebelum bertindak, semasa bertindak dan selepas bertindak.</p>
<b>P5</b>	<p>Dalam Islam ada hadis, kalau niat tak lakukan dapat satu pahalakan, kalau dibuat digandakan. Dalam surah al-Baqarah tu Allah ada sebut gandaan setiap tangkai tu satu tujuh gandaan, malahan ada lebih, ini sebenarnya bergantung kepada keikhlasan kita, dan kemudian kita amalkan, kalau kita amalkan kita akan dapat la. Contoh niat nak sembahyang, tapi kita tak sembahyang, jadi tak betul, macam tu dengan tindakan, tapi tindakan tadi kena diiring dengan keikhlasan tadi la.</p>

---

Daripada perbincangan informan berkaitan niat tanpa disusuli dengan tindakan kerana ada halangan tertentu, kesemua informan bersetuju menyatakan bahawa niat seorang Muslim akan mendapat ganjaran pahala, dan pahala boleh berganda-ganda jika disertakan dengan tindakan bergelagat.

Niat juga haruslah berterusan ikhlas dan tidak dirosakkan dengan sesuatu yang boleh menghilangkan keikhlasan. Seperti yang dijelaskan oleh P3, niat yang dimaksudkan adalah niat ikhlas diperlukan sebelum mulanya sesuatu gelagat, ketika bergelagat dan setelah bergelagat. Misalnya, sebelum makan seorang Muslim perlu berniat makannya adalah untuk bertenaga dan memenuhi keperluan diri, ketika makan juga niat tersebut perlu diteruskan sehinggalah setelah selesai makan, niat itu perlu dijaga tidak dirosakkan.

Niat itu boleh rosak jika ada gelagat yang membawa kepada riak. Misalnya, seorang pengguna telah memilih untuk makan di sebuah restoran makanan berasaskan organik dengan tujuan kesihatan, tindakan ini tidak salah dan tujuannya juga tidak salah. Namun tindakannya berkongsi gelagatnya memilih restoran makanan berasaskan organik di sosial media untuk tujuan menunjuk-nunjuk (riak) maka tindakan ini boleh merosakkan niat awalnya.

Terdapat informan menyatakan pada hari ini, masyarakat gemar mempamerkan gelagat mereka di sosial media (seperti *facebook*), pernyataan informan seperti berikut:

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	... “dengan tujuan nak menunjuk, siap <i>share</i> di <i>fb</i> lagi, ini dah tak ikhlas...”
<b>P2</b>	... “ <i>snap</i> gambar lak boh dalam <i>fb</i> ...”

Kesimpulan daripada dapatan kajian ini iman, ilmu, muhasabah dan nafsu adalah faktor yang mempengaruhi niat bergelagat. Di samping itu, iman dan ilmu mampu mengawal nafsu daripada bergelagat dengan gelagat yang ditegah oleh ajaran Islam. Muhasabah pula adalah faktor yang mempengaruhi niat pengguna untuk bergelagat dengan tindakan sama di masa akan datang. Setelah berlaku tindakan pada kali pertama, maka dilakukan muhasabah untuk tindakan yang lebih baik pada masa seterusnya. Muhasabah amat diperlukan dalam urutan niat yang berasaskan perspektif Islam iaitu iman, ilmu, nafsu, niat dan tindakan. Muhasabah adalah untuk penambahbaikan niat untuk tindakan pada masa hadapan.

Gelagat yang disyorkan dalam aktiviti penggunaan untuk pengguna Muslim adalah gelagat yang bersederhana sepertimana yang telah dibincangkan berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat 67, surah al-Furqan. Dalam ayat tersebut telah dijelaskan salah satu ciri *ibdurrahman* adalah seorang yang sentiasa bersederhana, tidak boros atau kedekut dalam tindakan penggunaannya. Oleh itu, daripada perbincangan ini satu kerangka konseptual niat bergelagat untuk pengguna Muslim dibentuk.

#### **4.5 Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna untuk Pengguna Muslim dalam Aktiviti Penggunaan**

Hasil daripada temu bual dan juga penelitian dokumen, penyelidik mendapati niat menurut perspektif Islam iaitu niat yang ikhlas adalah diperlukan dalam aktiviti penggunaan. Pentingnya niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan adalah bagi membolehkan setiap gelagat seharian yang pada asalnya adalah hanya perkara adat kebiasaan boleh berubah menjadi ibadat dan seterusnya layak mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah SWT.

Syarat bagi mencapai niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan adalah setiap niat dan gelagat yang dilakukan perlulah mempunyai tujuan kerana Allah SWT, tidak riak serta mematuhi syariat. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam bertindak juga penting untuk dipertimbangkan oleh pengguna Muslim dalam bergelagat. Hasil kajian mendapati iman, ilmu dan nafsu merupakan tiga faktor utama yang mempengaruhi gelagat seorang pengguna Muslim. Nafsu adalah faktor yang membangkitkan keinginan dan kehendak seseorang, namun niat setiap keinginan dan kehendak itu perlu dipertimbangkan dengan iman dan ilmu.

Seterusnya, muhasabah juga perlu menjadi faktor yang mempengaruhi niat dan tindakan seorang pengguna dalam aktiviti penggunaan untuk tindakan yang sama pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana dengan pengalaman lalu, pengguna dapat menilai dan menghitung corak penggunaan yang telah dilakukan menepati ajaran Islam atau sebaliknya. Misalnya, dengan bermuhasabah seseorang dapat menilai adakah dirinya membazir atau tidak.

Di sinilah perbezaan utama konsep niat daripada perspektif Islam dan Barat. Hal ini demikian kerana dalam teori niat bergelagat yang dipelopori oleh sarjana Barat pengguna bebas membuat pilihan tanpa ada batasan. Kebebasan ini membuatkan segala keinginan dan kehendak yang didorong oleh nafsu bebas dipenuhi. Tambahan lagi dalam teori niat bergelagat Barat tidak menitikberatkan unsur iman dan ilmu bergelagat sepertimana perspektif Islam.

Dalam sesi temu bual, informan telah memberikan beberapa pandangan berkaitan kelemahan teori niat bergelagat Barat. Oleh kerana adanya kelemahan tersebut, maka kerangka konseptual niat bergelagat daripada perspektif Islam adalah diperlukan. Informan P4 menyatakan, Barat mengkaji niat pengguna adalah untuk mengetahui permintaan dan kepuasan pengguna. Sebaliknya ajaran Islam tidak mementingkan kepuasan manusia semata-mata, tetapi keredaan Allah SWT merupakan matlamat yang paling diutamakan. Islam menitikberatkan setiap tindakan agar mematuhi syariat dan layak untuk mendapat ganjaran pahala. Tambahan lagi seperti dinyatakan informan P1, Barat amat pentingkan materialistik dalam penggunaan dan ini amat berbeza dengan konsep penggunaan dalam Islam.

Materialistik menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) adalah mementingkan kebendaan. Konsep mementingkan kebendaan, bebas bertindak tanpa sekatan dan membelakangkan konsep kerohanian inilah yang diperkenalkan oleh Barat dalam corak perbelanjaan gelagat pengguna (Adnan, 2011; Basarud-din & Abu Bakar, 2019). Seperti yang dinyatakan oleh Abdullah et al. (2022), Basarud-din dan Abu Bakar, (2019) sikap mementingkan materialistik dalam masyarakat telah menyebabkan peningkatan kepada perbelanjaan bukan keperluan. Tambahan lagi terdapat

masyarakat yang beranggapan memenuhi kehendak diri yang bersifat materialistik itu suatu kepuasan dan sebagai alat untuk menjaga harga diri, bahkan mereka sanggup berhutang bagi memuaskan kehendak diri yang melebihi kemampuan kewangan (Ngadiman et al., 2019).

Seterusnya, informan P5 menyatakan konsep penggunaan Barat dan Islam adalah berbeza. Penggunaan dalam perspektif Islam ada batasan-batasan yang perlu dipatuhi, namun dalam perspektif Barat setiap pengguna bebas memenuhi setiap keinginan tanpa batasan. Oleh demikian, sekiranya teori niat bergelagat Barat digunakan oleh penyelidik Muslim, secara tidak langsung konsep penggunaan Barat turut mempengaruhi niat pengguna Muslim yang mana falsafah mereka adalah berbeza dengan falsafah Islam.

Informan P1 dan P5 menyatakan, teori niat bergelagat Barat adalah tidak sempurna kerana hanya membincang sesuatu perihal fizikal yang boleh dilihat. Manakala perbincangan niat bergelagat dalam Islam menitik beratkan perihal fizikal dan alam ghaib. Perihal alam ghaib yang dimaksudkan adalah ajaran Islam yang menekankan balasan dosa pahala serta kehidupan selepas kematian.

Seterusnya informan P3 berpendapat, walaupun teori niat bergelagat Barat digunakan dan dimodifikasikan dengan menambah elemen-elemen ajaran Islam dalam teori tersebut, namun masih tidak sempurna sekiranya konsep niat bergelagat itu tidak dibentuk berteraskan ajaran Islam. Informan P3 turut menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi niat dalam teori niat bergelagat Barat juga tidak sesuai dan tidak selari dengan ajaran Islam. Hal ini demikian kerana Islam mementingkan tujuan sesuatu

gelagat adalah kerana Allah SWT, dan perlu mempunyai tujuan untuk mendapat reda Allah SWT.

Berikut adalah petikan-petikan temu bual berkaitan kekurangan teori niat bergelagat daripada perspektif Barat:

---

<b>Informan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>
<b>P1</b>	<p>Konsep penggunaan Barat ni pandang semata-mata materialistik, mereka hanya lihat yang boleh disentuh boleh dilihat ja. Dimensi Barat tu terhad, tak ambil kira elemen ghaib.</p> <p>Kesan dia sangat terhad, tak ambik kira dosa pahala, tak kira kehidupan lepas mati, bahkan wujud gak (juga) hipokrik. Kalau benda yang mendatangkan untung, depa akan kata baik, tapi sebaliknya.</p>
<b>P2</b>	<p>Tak ok, macam saya sebut tadi, Barat hanya bincangkan di atas permukaan tak mendalam.</p>
<b>P3</b>	<p>Jika nak guna untuk kaji tingkah laku Muslim untuk produk mungkin boleh, tapi jika benda-benda produk Muslim macam tak relevan sebab tak ada iman. Kalau dimodifikasikan pun masih tak sempurna, ada yang cuma tambah ja, asas dia kena ada reda Allah kalau tambah ja dalam TBP masih macam tak bermula dari akar.</p> <p>Subjektif norm, orang sekeliling tak boleh mempengaruhi kita. Niat gak boleh mempengaruhi oleh budaya dan lain-lain, tapi kalau menyalahi syarak tak boleh juga. Sebab tu elemen dalam TPB tak sesuai <i>apply</i> dalam kontek penggunaan Islam. Niat kita solid kerana Allah, sebagai hamba, memang kerana Allah ja tujuan kita, itu hakikat sebagai hamba. Dalam Islam persepsi kita tolak tepi, yang penting Allah. Sebagai pengguna Muslim asas dia untuk dapat reda Allah dalam setiap tindakan dan terikat dengan hukum syarak.</p>
<b>P4</b>	<p>Barat kaji niat untuk kaji kehendak dan kepuasan pengguna. Salah satu agenda Barat cuba cegah niat dalam Islam sebab itulah, Islam tak utamakan kepuasan pengguna itu sendiri, Islam utamakan nak dapatkan pahala. Barat memaksimumkan sumber, memaksimumkan produktiviti memberi kepuasan kepada pengguna, dan ini boleh terpengaruh dengan hawa nafsu.</p>
<b>P5</b>	<p>Kita kena usaha dari akar umbi, asbab nuzul al-Quran, tengok tokoh-tokoh lepas, tengok ekomologi Islam dan semua-semua itu. Barat melihat satu dimensi, Islam melihat tiga dimensi, dimensi dalam perut ibu, kemudian diuji di dunia, kemudian di akhirat, dimensi waktu dah tak sama, sebab itu kerangka pun kena beza, kita ada kepercayaan</p>

---


---

akhirat, Barat tak ada, sebab itu kena tengok tasawuf, akar umbi Barat berasal dari akal. Pertama tasawuf tak sama, sumber-sumber tak sama, semua dalam ilmu tak sama, Malahan dalam era dulu Islam dah lama jadi pencetus ilmu tapi tertutup oleh Barat, dia sendiri banyak ambil ilmu dalam Islam.

Barat ni asas dia ikut nafsu, kalau dalam ekonomi pun, *wants*, dia tak ada barang keperluan ka apa ka, tapi yang ada *wants*, kehendak, hanya ada untuk mencapai kepuasan. Apa-apa saja yang nak guna nak capai kepuasan, bukan nak dapat keredaaan Allah. Dalam Islam apa-apa dibuat nak capai reda Allah, nak capai *al-falah*. Kena kaitkan dengan ekonomi Islam.


Barat ni menghasilkan barangan ikut permintaan yang mengikut pola permintaan mereka juga. Beza konsep permintaan Barat dengan Islam adalah Islam ada batasan-batasan perintah dan larangan Allah.

---




Rajah 4.5 (a)  
*Ketidaksesuaian Teori Niat Bergelagat Barat*  
Sumber: Dapatan penyelidikan (2024).

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil analisis dokumen dan temu bual penyelidik membentuk satu kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Kerangka konseptual tersebut seperti Rajah 4.5 (b), namun kerangka ini dilakukan penambah baik selepas disahkan oleh pakar seperti Rajah 4.5 (c), dan pada Rajah 4.5 (d) adalah tahap iman dan ilmu serta jenis ilmu yang diperlukan oleh pengguna Muslim.




Rajah 4.5 (b)  
*Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam Sebelum Penambah Baik.*  
 Sumber: Dapatan penyelidik (2024).



Rajah 4.5 (c)  
*Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna dalam Aktiviti Penggunaan Menurut Perspektif Islam*  
 Sumber: Dapatan penyelidik (2024)

\*\* Bagi iman dan nafsu terdapat tahap tertentu, bagi ilmu terdapat dua kategori (seperti rajah di bawah)



Rajah 4.5 (d)  
*Tahap Iman, Kategori Ilmu dan Tahap Nafsu*  
Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

#### 4.6 Kesimpulan

Bab ini secara umumnya adalah telah membentangkan hasil kajian yang telah dianalisis berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi melalui analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur. Hasil kajian dalam bab ini telah menjawab persoalan kajian dan telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Hasil dapatan bagi objektif kajian pertama telah menjelaskan tentang keperluan niat, cara berniat dan kesan niat dalam aktiviti penggunaan. Daripada hasil kajian mendapati walaupun aktiviti penggunaan adalah suatu tindakan *mubah* atau hanyalah aktiviti

seharian, namun dengan niat terdapat tiga manfaat yang boleh diperolehi oleh seorang pengguna Muslim dalam aktiviti tersebut. Tiga manfaat niat dalam aktiviti penggunaan adalah sesuatu yang *mubah* boleh berubah menjadi ibadat, mendapat ganjaran pahala dan reda Allah SWT.

Bagi memperolehi manfaat niat tersebut, daripada hasil kajian penyelidik mendapati seorang pengguna Muslim perlulah berniat dengan cara yang betul. Terdapat empat cara atau syarat untuk memperolehi manfaat niat dalam aktiviti penggunaan. Pertama setiap yang diniatkan perlulah mempunyai tujuan yang baik dan setiap tujuan tersebut perlulah membawa tujuan akhir kerana Allah SWT. Kedua, setiap niat dan tindakan perlulah mematuhi syariat. Ketiga, niat itu perlu ikhlas dan tiada unsur riak. Terakhir, niat perlulah diniatkan sebelum sesuatu tindakan dilakukan.

Niat dalam aktiviti penggunaan juga turut memberi kesan kepada pengguna Muslim. Daripada hasil dapatan kajian mendapati terdapat tiga kesan niat dalam aktiviti penggunaan. Pertama, seorang pengguna Muslim akan menjadi seorang yang bersikap dan berakhlak baik, kedua pengguna Muslim akan bergelagat dengan gelagat yang disarankan seperti dalam al-Quran, iaitu bersederhana tidak bakhil dan boros. Terakhir seorang pengguna Muslim yang sentiasa berniat dalam aktiviti penggunaan juga akan mempunyai hubungan yang akrab dengan Allah SWT. Kesan daripada niat juga akan mendorong seorang pengguna Muslim menjauhkan diri daripada melakukan tindakan membazir, menggunakan barangan terlarang, mengikut hawa nafsu dan lain-lain. Tambahan lagi manfaat niat terhadap aktiviti penggunaan bukan hanya akan dikecapi oleh pengguna itu sendiri, bahkan turut bermanfaat untuk keluarga dan masyarakat.

Seterusnya, hasil dapatan bagi objektif kedua penyelidik mendapati terdapat empat faktor yang mempengaruhi niat bergelagat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam. Empat faktor tersebut terdiri daripada iman, ilmu, nafsu dan muhasabah. Iman, ilmu dan nafsu untuk tindakan permulaan, manakala faktor muhasabah hanya akan ada untuk tindakan kali kedua dan seterusnya. Nafsu adalah suatu faktor yang perlu dikawal oleh iman dan ilmu. Memandangkan aktiviti penggunaan ini adalah suatu aktiviti yang berulang kali dilakukan, maka muhasabah diperlukan sebagai faktor mempengaruhi niat. Muhasabah bertindak sebagai suatu elemen menilai tindakan lepas supaya tidak mengulangi sekiranya terdapat sesuatu tindakan yang tidak menepati syariat.

Oleh yang demikian kajian ini adalah suatu kajian yang sangat penting untuk memahami dan membentuk suatu kerangka konsep niat pengguna bergelagat menurut perspektif Islam. Tambahan lagi teori Barat yang sedia ada yang sering digunakan dalam mengkaji niat pengguna bergelagat tidak menitik beratkan beberapa perkara yang penting dalam ajaran Islam. Pertama, teori Barat tidak menyentuh soal dosa pahala, tidak menitik beratkan keredaaan Allah SWT. Konsep penggunaan Barat tidak menepati syariat Islam dan faktor-faktor yang mempengaruhi niat yang dibincangkan oleh Barat juga kurang sesuai diaplikasikan sepenuhnya dalam gelagat seorang Muslim. Seterusnya bab selepas ini adalah berkaitan kesimpulan keseluruhan kajian, implikasi kajian dan cadangan untuk kajian pada masa hadapan dibincangkan.

## BAB LIMA

### KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

#### 5.1 Pengenalan

Berdasarkan latar belakang dan permasalahan kajian, bab pertama mengemukakan tiga objektif kajian dan tiga persoalan kajian. Seterusnya bab kedua membincangkan kajian lepas dan sorotan karya. Bab ketiga membincangkan tentang metodologi kajian, dan bab empat adalah dapatan dan perbincangan kajian. Seterusnya, bab ini berkaitan ringkasan dan kesimpulan dapatan kajian, implikasi dasar kajian, cadangan kajian masa hadapan dan diakhiri dengan kesimpulan.

#### 5.2 Gambaran Ringkas Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membentuk kerangka konseptual niat pengguna bergelagat menurut perspektif Islam. Untuk mencapai matlamat ini, kajian dimulakan dengan meneliti konsep niat dalam konteks gelagat pengguna dan mengenal pasti faktor-faktor yang sepatutnya mempengaruhi niat seorang pengguna Muslim menurut perspektif Islam.

Matlamat kajian ini timbul daripada pernyataan masalah yang berkaitan dengan kebergantungan pengkaji-pengkaji Muslim terhadap teori niat bergelagat yang berasal daripada Barat. Khususnya, teori-teori seperti *Theory of Planned Behavior* (TPB) dan *Theory of Reasoned Action* (TRA) yang sering digunakan dalam kajian niat gelagat.

Contoh kajian yang menggunakan teori-teori ini termasuk kajian tentang zakat, wakaf, pemilihan produk halal, dan kewangan Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji niat bergelagat menurut perspektif Islam dan membentuk kerangka konseptual niat bergelagat yang sesuai dengan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, terdapat beberapa kajian terdahulu yang mula meneroka konsep niat berdasarkan perspektif Islam. Walau bagaimanapun, bilangan kajian tersebut masih sangat terhad. Selain itu, terdapat juga usaha oleh para penyelidik untuk membangunkan model niat bergelagat daripada perspektif Islam. Namun begitu, model-model tersebut dilihat kurang sesuai untuk digunakan dalam mengkaji niat bergelagat pengguna Muslim dalam konteks aktiviti penggunaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan utama yang timbul, iaitu:

- 1) Apakah konsep niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?
- 2) Apakah faktor yang mempengaruhi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?
- 3) Bagaimanakah membangunkan kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam?

Bagi menjawab persoalan kajian, kajian kualitatif ini dilaksanakan menggunakan kaedah penerokaan, dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual semi berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian penerokaan ini dilakukan terhadap permasalahan yang belum pernah dikaji secara mendalam atau hanya terdapat

sedikit kajian sebelumnya. Oleh kerana pendekatan kualitatif yang digunakan, dapatan kajian ini bersifat subjektif dan memberikan pemahaman mendalam mengenai topik yang dikaji. Pada akhir kajian, satu kerangka konseptual mengenai niat pengguna dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam telah dibangunkan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5 (c).

### **5.3 Ringkasan Dapatan Kajian**

Perkara utama yang dirungkaikan dalam kajian ini meliputi aspek penjelasan mengenai konsep niat bagi gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Antara yang dikupaskan dalam konsep niat adalah keperluan niat dalam aktiviti penggunaan dan niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan. Terdapat juga perbincangan berkaitan cara berniat dalam aktiviti penggunaan dan kesan niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.

Hasil daripada dapatan kajian, penyelidik mendapati aktiviti penggunaan adalah suatu aktiviti seharian yang boleh berubah menjadi ibadat dan berpahala jika disertakan dengan niat ikhlas dalam setiap gelagat. Niat ikhlas boleh dicapai dengan niat yang terbentuk bertujuan kerana Allah SWT dan perlu mematuhi syariat serta tiada unsur riak.

Dengan sifat lemahnya seorang hamba, sudah pasti terdapat unsur-unsur atau tujuan yang bercampur antara kerana Allah SWT dan selain-Nya oleh seorang pengguna dalam membentuk niat aktiviti penggunaan. Namun, daripada hasil analisis dokumen

dan temu bual semi berstruktur, penyelidik memahami bahawa selagi mana sesuatu tujuan yang bercampur aduk dengan niat kerana Allah SWT itu tidak melanggar syariat, maka layaklah bagi pengguna tersebut mendapat ganjaran pahala dan reda Allah SWT. Penting juga diawasi supaya dalam niat bercampur aduk tujuannya kerana Allah SWT dan selain-Nya supaya tujuan selain Allah SWT itu tidak menjadi tujuan utama. Perkara ini telah dibincangkan dalam bahagian 4.2.3.

Kesinambungan daripada penjelasan mengenai konsep niat dalam gelagat penggunaan serta faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat penggunaan menurut perspektif Islam telah menjawab persoalan kajian. Antara faktor utama yang perlu mempengaruhi niat gelagat penggunaan menurut perspektif Islam adalah iman, ilmu, nafsu, dan muhasabah. Berdasarkan ini, satu kerangka konseptual bagi niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan telah dibangunkan. Konsep niat dalam gelagat penggunaan ini telah dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar, diselaraskan dengan ajaran al-Quran, hadis, kitab-kitab ulama terpilih, dan pandangan informan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kajian.

Sehubungan itu, kerangka konseptual ini boleh digunakan sebagai alat baharu untuk menilai niat gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan secara khusus, dan secara amnya, ia boleh digunakan untuk menilai niat dalam pelbagai aktiviti Muslim lain seperti berzakat, berwakaf, melancong, berniaga, dan sebagainya. Tambahan lagi, kerangka konseptual ini juga boleh berfungsi sebagai paradigma baharu dan garis panduan dalam pendidikan penggunaan seorang Muslim. Diharapkan, kerangka ini dapat meningkatkan kesedaran pengguna Muslim tentang kepentingan niat dalam

aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam, serta peranan penting iman dan ilmu dalam proses tersebut.

## **5.4 Implikasi Kajian**

Berdasarkan hasil dapatan dan rumusan kajian, dapat dikemukakan dua implikasi kajian berserta sebuah cadangan dasar. Implikasi kajian ini dibahagikan kepada dua, iaitu implikasi teoretikal dan implikasi praktikal. Implikasi teoretikal kajian ini adalah pemahaman konsep niat bagi gelagat pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan. Implikasi praktikal pula kerangka konseptual niat bergelagat dalam aktiviti penggunaan sebagai panduan kepada pengguna Muslim dan juga kepada pihak yang terlibat dengan pembangunan diri pengguna, sama ada pihak kerajaan dan bukan kerajaan seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

### **5.4.1 Implikasi Teoretikal**

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab pertama dan bab kedua, kajian berkaitan niat bergelagat daripada perspektif Islam merupakan kajian yang masih baharu diterokai. Termasuklah kajian yang menilai niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan yang menggunakan konsep niat yang berteraskan al-Quran dan hadis serta ijma' ulama adalah masih kurang. Sebaliknya, kajian-kajian lepas kebanyakannya adalah merujuk kepada teori niat bergelagat yang diperkenalkan oleh sarjana Barat, yang konsep dan kefahamannya adalah berbeza daripada ajaran Islam.

Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada aspek kerangka konseptual niat bergelagat daripada perspektif Islam secara amnya, dan menyumbang kepada kerangka konseptual niat gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan daripada perspektif Islam secara khususnya. Kajian ini penting bagi membolehkan pengkaji-pengkaji akan datang dalam bidang niat pengguna Muslim bergelagat membuat pilihan untuk mula menggunakan teori niat yang dicadangkan ini menurut perspektif Islam. Dengan ini penyelidik di masa akan datang tidak lagi hanya bergantung kepada teori Barat semata-mata. Seperti yang dinyatakan oleh informan P2, teori yang diperkenalkan oleh Barat adalah teori yang hanya bertujuan untuk mengetahui niat seseorang pengguna untuk manfaat pihak pemasar. Sebaliknya teori Barat tidak membincangkan kesan dan fungsi sesuatu niat kepada pengguna sendiri.

*“Teori barat tidak ada tujuan, melainkan tujuan mereka untuk melihat permintaan dan penerimaan sesuatu produk, kajian mereka secara surface ja, bincang dari luaran tidak mendalam, tidak membincangkan kesan dan fungsi sesuatu niat, yang dikaji hanya nak atau taknak ja”.*

*(Informan P2)*

Hasil dapatan kajian mendapati konsep niat yang disampaikan dalam Islam adalah suatu konsep yang membawa manfaat menyeluruh, iaitu manfaat kepada individu pengguna dan juga masyarakat. Kesan dan fungsi niat juga diambil kira. Konsep niat daripada perspektif Islam adalah lebih kepada konsep mendidik pengguna untuk mematuhi syariat. Seperti yang dijelaskan oleh Regenstein et al. ( 2003) syariat Islam adalah suatu panduan yang lengkap bagi menjaga kemaslahatan seluruh ummah.

#### 5.4.2 Implikasi Praktikal

Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan sangat penting bagi pengguna Muslim, bukan hanya untuk mendapatkan manfaat di dunia tetapi juga di akhirat. Niat ikhlas membantu membentuk pengguna Muslim menjadi individu yang bijaksana, sekaligus mempengaruhi gelagat penggunaan yang membawa manfaat kepada masyarakat dan negara. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seorang pengguna Muslim yang mempunyai niat dalam aktiviti penggunaan berpotensi mencapai gelaran sebagai *ibadurrahman*.

Pemahaman mendalam tentang konsep niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam perlu disampaikan dengan lebih agresif kepada pengguna Muslim. Pendidikan tentang konsep ini seharusnya bermula seawal usia kanak-kanak, dengan ibu bapa memainkan peranan utama dalam mendedahkan anak-anak kepada konsep niat menurut perspektif Islam dalam aktiviti penggunaan. Pihak berautoriti dalam bidang pendidikan kepenggunaan juga bertanggungjawab memastikan konsep ini disampaikan kepada masyarakat, supaya semua pengguna Muslim dapat memahami dan mengamalkannya.

Jika niat menurut perspektif Islam dapat diaplikasikan secara meluas, masalah-masalah seperti pembaziran, kadar hutang yang tinggi, dan penggunaan produk terlarang dalam kalangan pengguna Muslim dapat dikurangkan. Seterusnya, hal ini akan memberi impak positif kepada ekonomi negara, seperti yang dinyatakan oleh al-

Qardawi (2009a) bahawa corak perbelanjaan pengguna mempengaruhi kestabilan ekonomi sesebuah negara.

Kerajaan dan organisasi bukan kerajaan juga mempunyai peranan dalam menyedarkan pengguna Muslim tentang kepentingan niat ikhlas dalam gelagat penggunaan. Perkara ini selari dengan strategi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk melahirkan pengguna bijak. Oleh itu, PPIM harus memberikan penekanan kepada kesedaran tentang niat ikhlas dalam gelagat harian pengguna Muslim.

Selain itu, konsep niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan sepatutnya dimasukkan dalam silibus pendidikan di peringkat sekolah dan pengajian tinggi, untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada para pelajar. Konsep ini juga wajar diperkenalkan dalam pendidikan tidak formal, seperti di surau dan masjid, bagi memastikan masyarakat memahami konsep niat Islam dengan lebih tepat dalam konteks gelagat penggunaan. Dalam usaha mendidik pengguna Muslim, penglibatan semua pihak adalah penting. Misalnya, Junaidi (2021) mencadangkan kerjasama antara bank Islam dan ulama dalam mendidik masyarakat tentang perbezaan antara kewangan Islam dan konvensional. Dengan pendekatan serupa, ulama juga berperanan penting dalam memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengguna Muslim mengenai kepentingan konsep niat menurut perspektif Islam, supaya mereka dapat membuat keputusan yang lebih bijak dalam aktiviti penggunaan.

Kesimpulannya, pemahaman dan penerapan konsep niat ikhlas dalam gelagat penggunaan bukan sahaja penting untuk pembangunan individu Muslim yang

bertanggungjawab, tetapi juga untuk kesejahteraan masyarakat dan kestabilan ekonomi negara secara keseluruhannya. Dengan kerjasama pelbagai pihak, termasuk ibu bapa, pihak berautoriti, organisasi bukan kerajaan, dan ulama, usaha untuk memperkukuhkan konsep ini dalam kehidupan harian pengguna Muslim dapat dicapai. Perkara ini turut akan memastikan bahawa gelagat penggunaan yang selari dengan prinsip-prinsip Islam terus diamalkan, memberikan impak positif yang berterusan bagi generasi kini dan akan datang.

### **5.5 Cadangan Kajian Lanjutan**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai ketiga-tiga objektif yang ditetapkan, dan persoalan-persoalan kajian telah terjawab. Namun, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk memperluaskan lagi penyelidikan berkaitan niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam pada masa akan datang.

Pertama, kerangka konseptual yang dihasilkan dalam kajian ini boleh digunakan oleh penyelidik masa hadapan untuk menjalankan kajian kuantitatif terhadap gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan. Pendekatan kuantitatif akan membolehkan pengesahan hubungan korelasi antara pemboleh ubah serta membolehkan penilaian terhadap hubungan sebab dan akibat. Selain itu, penggunaan data numerikal dalam kajian kuantitatif juga membolehkan analisis statistik yang lebih terperinci. Penyelidik masa hadapan disarankan untuk membina soal selidik yang berasaskan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kerangka konseptual ini, seperti yang dicadangkan oleh kajian Etikan dan Bala (2017) dalam konteks pembinaan soal selidik. Selain itu

penyelidik juga telah mempunyai cadangan soal selidik yang boleh digunakan seperti dalam Jadual 5.5.

Jadual 5.5  
Cadangan Soal Selidik

Tema	Cadangan soalan
Niat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya beraktiviti/ berbelanja untuk memenuhi keperluan kerana Allah.</li> <li>2. Saya beraktiviti/ berbelanja untuk mendapat reda Allah.</li> <li>3. Saya beraktiviti/ berbelanja untuk mendapat pahala.</li> <li>4. Tindakan/ perbelanjaan saya ini sebagai suatu ibadat.</li> </ol>
Tindakan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya sentiasa berniat dalam aktiviti seharian untuk mendapat ganjaran pahala dan reda Allah.</li> <li>2. Saya pastikan setiap tindakan seharian saya patuhi syariat .</li> <li>3. Saya berusaha memilih produk/perkhidmatan yang halal dan baik.</li> <li>4. Saya berusaha jauhkan perkara syubhah.</li> <li>5. Saya tidak memboros atau membazir dalam memenuhi keperluan seharian.</li> <li>6. Saya tidak kedekut dalam memenuhi keperluan seharian.</li> <li>7. Saya sentiasa bersederhana dalam memenuhi keperluan seharian.</li> <li>8. Saya sentiasa menitikberatkan kesan setiap aktiviti seharian terhadap keluarga, Masyarakat dan alam sekitar.</li> </ol>
Iman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya mempertimbangkan dosa dan pahala dalam setiap tindakan/ perbelanjaan.</li> <li>2. Saya mempertimbangkan manfaat akhirat dalam setiap tindakan/ perbelanjaan.</li> <li>3. Saya mempertimbangkan reda Allah dalam setiap tindakan/ perbelanjaan.</li> </ol>
Ilmu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya tahu setiap tindakan ada perhitungan dosa pahala.</li> <li>2. Saya tahu niat boleh mengubah aktiviti seharian menjadi ibadat.</li> <li>3. Saya tahu niat kerana Allah diperlukan dalam aktiviti seharian.</li> <li>4. Saya tahu setiap produk/perkhidmatan atau sumber pendapatan perlu halal.</li> <li>5. Saya tahu <i>syubhah</i> (sesuatu yang tidak jelas halal dan haram) perlu dijauhan.</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Saya tahu dalam ajaran Islam ada tahap keperluan seperti <i>daruriyat</i>, <i>hajjiyat</i> dan <i>tahsiniyat</i>.</li> <li>7. Saya tahu setiap tindakan dalam memenuhi keperluan seharian perlu dititikberatkan soal agama, nyawa, akal, maruah dan keturunan serta harta.</li> </ol>
Nafsu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya sentiasa memastikan setiap keinginan tercapai.</li> <li>2. Saya sentiasa mempertimbangkan keinginan saya mengikut keperluan sebenar.</li> <li>3. Saya mempertimbangkan setiap keinginan saya mengikut syariat Islam.</li> <li>4. Saya tahu nafsu mempunyai beberapa tahap.</li> </ol>
Muhasabah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saya menilai kembali setiap jumlah perbelanjaan seharian.</li> <li>2. Saya tidak kesah dengan setiap jumlah perbelanjaan seharian.</li> <li>3. Saya sentiasa menilai sama setiap tindakan seharian saya di redai Allah atau sebaliknya.</li> <li>4. Saya sentiasa menilai sama setiap tindakan seharian saya mematuhi syariat atau sebaliknya.</li> </ol>

Sumber: Dibina oleh penyelidik untuk kajian ini.

Kedua, walaupun kerangka konseptual kajian ini khusus untuk gelagat pengguna dalam aktiviti penggunaan, ia juga berpotensi untuk diaplikasikan dalam kajian-kajian lain yang melibatkan gelagat Muslim dalam pelbagai aktiviti. Misalnya, penyelidik masa hadapan boleh menggunakan kerangka konseptual kajian ini dalam konteks gelagat berzakat, berwakaf, melancong, keusahawanan, dan aktiviti lain yang bersesuaian.

Ketiga, setiap elemen dalam kerangka konseptual ini perlu didalami dengan lebih mendalam oleh penyelidik akan datang. Elemen iman, misalnya, memerlukan penelitian tentang kaedah-kaedah yang boleh memperkukuhkan dan mengekalkan keimanan dalam diri pengguna Muslim. Begitu juga elemen ilmu, yang mencakup ilmu tasawuf, kewangan dan ekonomi Islam, serta ilmu berkaitan pemrosesan

produk, harus diperhalusi. Soal selidik yang relevan boleh dibangunkan untuk menilai kesedaran dan kefahaman pengguna Muslim tentang ilmu-ilmu ini, seperti yang dibincangkan oleh Ismail dan Ahmad (2021) dalam kajian mereka tentang pemakanan halal.

Seterusnya, elemen nafsu dalam gelagat penggunaan menurut perspektif Islam juga memerlukan perhatian khusus. Penyelidik akan datang disarankan untuk merujuk kepada karya Sholihin (2023) untuk memahami konsep nafsu dan bagaimana ia mempengaruhi gelagat pengguna Muslim. Di samping itu, elemen muhasabah juga perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana ia memainkan peranan penting dalam mempengaruhi gelagat pengguna. Kajian Arsad et al. (2018) boleh dijadikan rujukan awal untuk mendalami elemen ini.

Akhir sekali, elemen tindakan yang mempengaruhi niat dan gelagat pengguna Muslim yang bertentangan dengan ajaran Islam perlu diperhalusi. Pengkaji masa hadapan boleh mengklasifikasikan tindakan-tindakan ini berdasarkan ayat 67 surah al-Furqan, yang merujuk kepada sikap boros, kedekut, dan bersederhana. Kajian oleh Khan (2020) dan Sholihin (2023) boleh dijadikan rujukan penting dalam memahami elemen-elemen ini.

Secara keseluruhan, cadangan-cadangan ini diharapkan dapat memperkayakan kajian mengenai niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam, serta memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami dan mengaplikasikan konsep ini dalam konteks yang lebih luas.

## 5.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya membentuk sebuah kerangka konseptual mengenai niat gelagat pengguna Muslim menurut perspektif Islam. Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa niat memainkan peranan penting dalam setiap aktiviti penggunaan. Selain itu, kajian ini juga telah mengenal pasti cara pelaksanaan niat yang sesuai serta kesan positifnya terhadap gelagat penggunaan, sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam.

Niat dalam gelagat pengguna Muslim ternyata dipengaruhi oleh beberapa faktor penting. Hasil kajian ini telah mengenal pasti terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi niat, iaitu iman, ilmu, nafsu, dan muhasabah. Nafsu dikenal pasti sebagai elemen awal yang boleh menjadi pendorong kepada niat, namun ia perlu dikawal dan dibimbing oleh iman dan ilmu agar niat yang terbentuk selaras dengan syariat Islam. Muhasabah, walaupun sering kali dilakukan setelah sesuatu tindakan berulang kali dilakukan, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi niat seseorang. Ia berfungsi sebagai proses penilaian diri untuk mengelakkan pengulangan kesilapan yang sama dalam tindakan-tindakan berikutnya.

Hasil dapatan kajian ini berpotensi untuk mengisi kekurangan dalam kajian mengenai niat gelagat pengguna menurut perspektif Islam. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan pengetahuan dalam skop niat dan gelagat pengguna Muslim melalui pendekatan penyelidikan yang dilaksanakan. Hasil kajian

ini juga membuka peluang bagi penyelidik masa depan untuk melanjutkan kajian dalam bidang niat gelagat pengguna Muslim, dengan tujuan mengisi kelompongan yang masih ada. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pengguna Muslim dalam memperbaiki niat dan gelagat mereka dalam aktiviti penggunaan, selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.



## RUJUKAN

### Al-Quran dan Hadis

- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma' il. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Dimash: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma' il. (2012). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuwaq al-Najah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Saurah bin Musa bin Al-Dahhak. (2010). *Sunan Al-Tirmizi*. Shirkah Maktabah Wamatbaeat Mustafaa.
- Al-Zuhaili, W. (2013). *Tafsir Al-Munir*. Gema Insani.
- Basmeih, A. M (2022) *Tafsir pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran edisi rumi baharu*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Rimbunan Islamik Media.
- Ibnu Hanbal. (2010). *Musnad Ahmad*. Muassasah Al- Risalah.
- Ibnu Kathir (2017). *Mudah Tafsir Ibnu Katsir*. Maghfirah Pustaka.
- Ibnu Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Al-Qazwini. (2010). *Sunan Ibnu Majah*. Dar Ihya Kutub Arabiah.
- Muslim, Abu Al-Hussein Muslim bin Al-Hajjaj. (2012). *Sahih Muslim*. Dar Tuwaq al-Najah.
- Muslim, Abu Al-Hussein Muslim bin Al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' Turath Al-Arabi.

### Artikel, Buku dan Tesis

- Ab Rahman, S., & Jamaludin, M. A. (2011). *Halal haram dalam kepenggunaan Islam semasa*. Universiti Putra Malaysia.
- Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Mohd Shah, M. K., & Yusoff, M. S. (2021). Pengaplikasian nilai-nilai Islam dalam program latihan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di Institusi Pendidikan Tinggi Islam di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 6(39), 101–110. <https://doi.org/10.35631/ijepc.639006>.
- Abd Ghani, B., Abd Ghani, S., & Ali, J. (2010). Kepenggunaan Islam dalam masalah asas ekonomi. *Jurnal Intelek*, 5(1), 1–13.
- Abdou, A. H., Chan, M. P., Rehman, S. U., Albakhit, A. I. A., & Almahyayitah, M. Y. (2024). Islamic food laws: customer satisfaction effect halal purchase intention in China. Moderating role of religiosity. *British Food Journal*, 126(8), 3088–3112. <https://doi.org/10.1108/BFJ-10-2023-0875>.
- Abd Rahman, A., Asrarhaghighi, E., & Rahman, A. S. (2015). Consumers and halal

- cosmetic products: Knowledge, religiosity, attitude and intention. *Journal of Islamic Marketing*, 6(1), 148–163. <https://doi.org/10.1108/JIMA-09-2013-0068>.
- Abd Samad, S., Othman, M. K., & Kasa, M. D. (2019). Pembangunan kerangka konseptual kajian aspirasi kerjaya. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 64–73.
- Abdul Rahman, M. (2003). *Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi suatu kajian terhadap kitabnya: Bahru al-Mazi Tumpuan kepada niat* [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Abdul Rahman, M. (1989). *Hadith 40: Terjemahan dan syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Razak, N., & Mohd Dali, S. Z. (2012). *Perbezaan analisis kepenggunaan menurut ekonomi konvensional dan ekonomi Islam*. Prosiding Perkem VII, 2, 1461–1470.
- Abdul Syukur, A. H. (1995). *Ulasan dan terjemahan hadith 40, Jilid 1*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M. F., Hoque, M. N., Rahman, M. H., & Said, J. (2022). Can Islamic financial literacy minimize bankruptcy among the muslims? An exploratory study in Malaysia. *Sage Open*, 12(4), 1–13. <https://doi.org/10.1177/21582440221134898>.
- Abid, A., & Jie, S. (2023). Understanding farmers' decision-making to use Islamic finance through the lens of theory of planned behavior. *Journal of Islamic Marketing*, 14(4), 1084–1106. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2020-0324>.
- Adnan, A. A. (2011). Islamic consumer behavior (ICB): Its why and what. *International Journal of Business and Social Science*, 2(21), 157–165.
- Adnan, A. A., Abd Ghani, B., Mat Zin, S., & Abdul Aziz, I. (2017). The disciplinary status of Islamic consumer behavior. *International Journal of Asian Social Science*, 7(12), 949–962. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2017.712.949.962>.
- Adnan, A. A., Abdul Aziz, I., Mat Zin, S., & Endut, W. A. (2018). A redefinition of the productive debt concept in halal lifestyle framework. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(6), 553–565. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i6/4257>.
- Adnan, M. H. (1994). *Konsep asas kepenggunaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agarwala, R., Mishra, P., & Singh, R. (2019). Religiosity and consumer behavior: A summarizing review. *Journal of Management, Spirituality and Religion*, 16(1), 32–54. <https://doi.org/10.1080/14766086.2018.1495098>.
- Ahlam Nuwairah, A., Azmawani, A. R., & Suhaimi, A. R. (2015). Assessing knowledge and religiosity on consumer behavior towards halal food and cosmetic products. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(1), 10–14. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2015.V5.413>.

- Ahmad Najib, S. H. A. (2019). *Niat bertingkah laku berteraskan Islam dalam Teori Tingkah Laku Terancang*. [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan] Universiti Sains Malaysia (USM).
- Ahmad Najib, S. H. A (2022). *Hubungan antara niat dan tingkah laku dalam teori tingkah laku terancang (Theory of planned behaviour: TPB): Analisis menurut perspektif Islam*. *Persidangan Antarabangsa Sains Dan Kemanusiaan Ke-7 (PASAK 7)*, 7, 1425–1432.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Ajzen, I. (2012). Fishbein ' s legacy : The reasoned action approach. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 10–28. <https://doi.org/10.1177/0002716211423363>.
- Ajzen, I., & Dasgupta, N. (2015). *Explicit and implicit beliefs, attitudes and intentions: The role of conscious and unconscious processes in human behavior*. Oxford University Press.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1969). The prediction of behavioral situation intentions in a choice. *Journal of Experimental Social Psychology*, 400–416.
- Al-Asyqar, U. S. (2002). *Rahsia niat dalam ibadat, kelebihan dan kepentingan niat*. Jasmin Enterprise.
- Al-Ghazali. (1981). *Ihya' ulumiddin, atau mengembangkan ilmu-ilmu agama* (I. Yakub, Terj.). Singapura Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, M. (1994). *Peribadi Muslim* (O. Khalid, Terj.). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (Terbitan asal 1917).
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'ulum al-din wa ma'ahu al- muhgni 'an haml al-asfar fi takhrij ma fi al-ihya' min al-akhbar*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Maqdisi, I. (2008). *Mukhtasar minhajul qasidin, jalan orang-orang soleh*. Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Al-Marbawi, M. I. (2017). *Bahru al-madzi sharah mukhatashar shahih at-Tirmidzi (Juzu' 1)*. Al-Hidayah Publications.
- Al-Muhasibi, A. H. (2013). *Belajar ikhlas, 91 kiat menemukan nikmat taat*. Zaman.
- Al-Nawawi. (1984). *Riyadhush shalihin taman kaum shalihin dari sabda Penghulu sekalian Rasul* (M. A. Rathomy, Terj.). Singapura Pustaka Nasional.
- Alserhan, B. A. (2011). *The Principles of Islamic Marketing*. Gower Publishing Limited.
- Al-Qardawi, Y. (2000). *Ikhlas dalam ibadat dan perjuangan*. Persatuan Ulama Malaysia.

- Al-Qardawi, Y. (2009a). *Ekonomi Islam nilai dan akhlak (Dawru al-Qiyam Wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islamiy)*. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM).
- Al-Qardawi, Y. (2009b). *Nafahat Al-Jumaah: 12 peribadi cemerlang Ibadurrahman*. Blue-T Publication.
- Al-Qardawi, Y. (2013). *Halal dan haram menurut perspektif Islam* (A. J. Muhammad, Terj.). Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qardawi, Y. (2018). *Ikhlas dan tawakal ilmu suluk menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Istanbul.
- Alam, S. S., Mohd, R., & Hisham, B. (2011). Is religiosity an important determinant on muslim consumer behaviour in Malaysia? *Journal of Islamic Marketing*, 2(1), 83–96. <https://doi.org/10.1108/17590831111115268>.
- Alias, M. S., Mokhtar, M. Z., Abang Muis, A. M. R., & Kamaruding, M. (2019). Konsepni niat menurut al-Ghazali: Implikasinya dalam penyelidikan al-Ghazali 's conception of intention : Its implications in research. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 432–442.
- Alif Yahya, A. N., & Wan Hasan, W. N. (2019). Prinsip-prinsip penggunaan Islam dalam pelaksanaan bantuan rakyat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 4(24), 76–85.
- Alkaf, M. Y. (2013). *The power of niat, mengungkap kedahsyatan niat*. Khazanah Pesantren.
- Alserhan, B. A. (2011). *The principles of Islamic marketing*. Gower.
- Amalia, F. A., Sosianika, A., & Suartanto, D. (2020). Indonesian millennials' halal food purchasing: Merely a habit?. *British Food Journal*, 122(4), 1185–1198. <https://doi.org/10.1108/BFJ-10-2019-0748>.
- Amin, H. (2019). The Islamic theory of consumer behaviour for ijarah home financing. *Journal of Asia Business Studies*, 13(4), 672 - 693. <https://doi.org/10.1108/JABS-09-2018-0261>.
- Aminuddin, A. Q., & Ramli, M. A. (2015). Peranan institusi fatwa negara Brunei Darussalam dalam menangani isu-isu kepenggunaan halal. *Islam Borneo International Conference VIII (KAIB VIII) 2015, September*, 1–30.
- Arizan, A. T., Mohammad, N. M., & Shaharuddin, S. N. (2023). Hebahan pernikahan menerusi media sosial : Penelitian mengikut hukum syarak dan situasi semasa terhadap ekonomi. *Journal of Islam in Asia*, 20(1), 241-271.
- Arsad, S. S., Nik Yaacob, N. R., & Othman, M. H. (2018). Integration of muhasabah concept and scaling question technique in counselling. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 23–29.
- Ayyub, S., Xuhui, W., Asif, M., & Ayyub, R. M. (2020). Determinants of intention to

use Islamic banking: A comparative analysis of users and non-users of Islamic banking: Evidence from Pakistan. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 13(1), 147-163.

- Al-Zuhaili, W. (2010). *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Darul Fikir.
- Aziz, A., Ibrahim, M. A., Ismail, M. S. I., & Ismail, S. (2021). Kepentingan dan saranan menuntut ilmu menurut Islam berdasarkan dalil al-Quran dan as-sunnah. *Voice of Academia* 17(11), 49–58.
- Azman Ong, M. H., Mohd Yasin, N., & Ibrahim, N. S. (2024). The purchase intention of ar-Rahnu Islamic financing contract in Malaysia: perception of Muslim consumers. *Journal of Islamic Marketing*, 1–20. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2022-0085>.
- Bagozzi, P. R. (1989). An investigation into the role of intentions as mediators of the attitude-behavior relationship. *Journal of Economic Psychology*, 10, 35–62.
- Bagozzi, R. P. (1981). Attitudes, intentions and behavior: A test of some key hypotheses. *Journal of Personality and Social Psychology*, 41(4), 607–627.
- Bakar, N. H., Azizan, N. I., & Ismail, N. (2014). Potensi qalbu dalam membuat keputusan: Kajian menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 41–56.
- Bamberg, S., & Schmidt, P. (2003). Incentives, morality, or habit? Predicting students' car use for university routes with the models of Ajzen, Schwartz, and Triandis. *Environment and Behavior*, 35(2), 264–285. <https://doi.org/10.1177/0013916502250134>.
- Basarud-din, S. K., & Abu Bakar, A. (2019). Model gelagat pengguna Islam. *Journal of Human Development and Communication*, 8, 169–182.
- Basit, T. N. (2003). Manual or electronic? The role of coding in qualitative data analysis. *Educational Research*, 45(2), 143–154.
- Bendjilali, B., & Bashir, F. (1989). Towards a theory of Islamic consumer behavior. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 43–67.
- Berawi, F. M. (2017). *Metodologi penyelidikan*. Universiti Utara Malaysia.
- Blakemore, S. J., & Decety, J. (2001). From the perception of action to the understanding of intention. *Nature Reviews Neuroscience*, 2(8), 561–567.
- Bloom, P. (1996). Intention, history, and artifact concepts. *Cognition*, 60(1), 1-29.
- Bujang, S., Abdullah, F., & Abdullah, J. (2022). Peranan Islam dalam kelakuan pengguna. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 361–373.
- Bukhari, F., Hussain, S., Ahmed, R. R., Streimikiene, D., Soomro, R. H., & Channar, Z. A. (2020). Motives and role of religiosity towards consumer purchase behavior in western imported food products. *Sustainability (Switzerland)*, 12(1), 1–22. <https://doi.org/10.3390/SU12010356>.

- Cannoosamy, K., Pugo-Gunsam, P., & Jeewon, R. (2014). Consumer knowledge and attitudes toward nutritional labels. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 46(5), 334–340. <https://doi.org/10.1016/j.jneb.2014.03.010>.
- Che Ahmat, N. H., Radzi, S. M., Zahari, M. S. M., Muhammad, R., Aziz, A. A., & Ahmad, N. A. (2011). The effect of factors influencing the perception of price fairness towards customer response behaviors. *Journal of Global Management*, 2(1), 22–38.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design* (3rd ed.). Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publication.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Sage Publication.
- Davis, F. D., & Warshaw, P. R. (1992). What do intention scales measure?. *The Journal of Psychology*, 119(4), 391–407. <https://doi.org/10.1080/00221309.1992.9921181>.
- Delener, N. (1994). Religious contrasts in consumer decision behaviour patterns: Their dimensions. *European Journal of Marketing*, 28(5), 36–53.
- Dockery, T. M., & Bedeian, A. G. (1989). Attitudes versus actions: Lapiere's (1934) classic study revisited. *Social Behavior and Personality*, 17(1), 9–16. <https://doi.org/10.2224/sbp.1989.17.1.9>.
- Dulany, D. E. (1961). Hypotheses and habits in verbal "operant conditioning." *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 63(2), 251–263.
- Dulany, D. E. (1962). The place of hypotheses and intentions: An analysis of verbal control in verbal conditioning. *Journal of Personality*, 30(3), 102–129. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6494.1962.tb02310>.
- Elseidi, I. R. (2017). Determinants of halal purchasing intention: Evidences from UK. *Journal of Islamic Marketing*, 9(1), 167–190. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1108/MRR-09-2015-0216>.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing questionnaire base on selection and designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 219–221. <https://doi.org/10.15406/bbij.2017.05.00150>.
- Fachrunisa, R. A., & Chizanah, L. (2020). Al-Ghazali's psychological construct of nafsu. *International Journal of Islamic Psychology*, 3(1), 10-21.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. <http://people.umass.edu/aizen/f&a1975.html>.
- Ford, A., Hornsby, J., & Stoutland, F. (2014). *Essays on Anscombe's intention*.

Harvard University Press.

- Gibbs, R. W. (2004). *Intentions in the experience of meaning*. Cambridge University Press.
- Gordon, R. F., & Ronal, E. G. (1994). *Consumer psychology for marketing*. Routledge.
- Guest, G., Namey, E. E., & Mitchell, M. L. (2013). *Collecting qualitative data: A field manual for applied research*. SAGE Publications.
- Gunardi, S., Awang, M. S., Mohd Mahyeddin, M. S., Ab. Halim, M. A., & Abdul Rab, M. A. (2022). Kawalan Perundangan Terhadap Pemakanan Halal di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3), 106–125.
- Hanifasari, D., Masudin, I., Zulfikarijah, F., Rumijati, A., & Restuputri, D. P. (2024). Millennial generation awareness of halal supply chain knowledge toward purchase intention for halal meat products: empirical evidence in Indonesia. *Journal of Islamic Marketing*, 15(7), 1847–1885. <https://doi.org/10.1108/JIMA-01-2023-0012>.
- Hamat, M. F. (2002). Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: Satu analisis dalam konteks masyarakat kini. *Jurnal Usuluddin*, 16, 13-34.
- Hanapi, M. S., & Muhammad, S. M. (2017). Model kepenggunaan- Wasatiyyah untuk mengimbangi fenomena kepenggunaan dalam sistem ekonomi liberal- kapitalis: satu sorotan. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 7(2), 137–153.
- Hasan, S. K. (2002). Perbelanjaan bermanfaat dan tidak membazir mengikut perspektif Islam. *Jurnal Syariah*, 10(2), 87–98.
- Hasanah, S. A. (2018). Konsep muhasabah dalam al-Qur'an telaah pemikiran Al-Ghazali. *Jurnal Al-Dirayah*, 1(1), 57–65.
- Hati, S. R. H., Wibowo, S. S., & Safira, A. (2020). The antecedents of Muslim customers' intention to invest in an Islamic bank's term deposits: evidence from a Muslim majority country. *Journal of Islamic Marketing*, 12(7), 1363–1384. <https://doi.org/10.1108/JIMA-01-2020-0007>.
- Ibn 'Alwi Alaydrus, A. H. M. (2023). *Kitab niat sebuah buku membahas seputar persoalan niat*. Layar.
- Ismail, A. M., & Ahmad, N. (2021). *Isu halal pengguna di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., & Ab Rahman, S. (2011). Ijtihad kontemporari dalam pembinaan fiqh kepenggunaan semasa di Malaysia. *International Conference on Creativity and Innovation for Sustainable Development 2011*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 1-15.
- Jamiah, M., Azimi, H., Sidek, M. N., Hasnan, K., Krauss, S. E., Khairul Anwar, M., Turiman, S., & Fazilah, I. (2013). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. *Journal of Psychology & Human Delelopment*, 1(1), 36–43.

- Johan, Z. J., Hussain, M. Z., Mohd, R., & Kamaruddin, B. H. (2021). Muslims and non-Muslims intention to hold Shariah-compliant credit cards: a SmartPLS approach. *Journal of Islamic Marketing*, 12(9), 1751–1785. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2019-0270>.
- Junaidi, J. (2021). The awareness and attitude of Muslim consumer preference: The role of religiosity. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 12(6), 919-938. <https://doi.org/10.1108/JIABR-08-2020-0250>.
- Junaidi, J., Wicaksono, R., & Hamka, H. (2021). The consumers' commitment and materialism on Islamic banking: The role of religiosity. *Journal of Islamic Marketing*, 13(8), 1786–1806. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2020-0378>.
- Kahf, M. (1991). Sumbangan Kepada Teori Perlakuan Pengguna dalam Sebuah Masyarakat Islam. In *Kajian dalam Ekonomi Islam* (pp. 29–54). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruding, M., & Kamaruding, S. (2018). Aplikasi kaedah kepimpinan berteraskan qalb dalam kalangan pelaku pembangunan. *Sains Insani*, 3(2), 83–88.
- Kamri, N. A. (2008). Kepenggunaan dalam Islam: Tinjauan dari sudut etika. *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*, 1-17.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kastin Hassan, S., & Ahmad, S. (2010). *Ekonomi Islam dasar dan amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, F. M. (2014). The framework for Islamic theory of consumer behaviour. *Journal of Islamic Business and Management*, 4(1), 17–54. <https://doi.org/10.12816/0019134>.
- Khan, M. A. (2020). Theory of consumer behavior : An Islamic perspective. *MPRA Paper*.1-36.
- Khan, N., Sarwar, A., & Tan, B. C. (2021). Determinants of purchase intention of halal cosmetic products among generation Y consumers. *Journal of Islamic Marketing*, 12(8), 1461–1476. <https://doi.org/10.1108/JIMA-11-2019-0248>.
- Kim, M. S., & Hunter, J. E. (1993). Relationships among attitudes, behavioral intentions, and behavior: A meta-analysis of past research, part 2. *Communication research*, 20(3), 331-364.
- Kotler, P., & Keller, K. L. (2016). *Marketing management* (15th ed.). Pearson Education.
- Laldin, M. A. (2007). *A mini guide to shariah and legal maxims*. CERT Publications.
- Lapiere, R. T. (1934). Attitudes vs actions. *International Journal of Epidemiology*, 13(2), 7–11. <https://doi.org/10.1093/ije/dyp398>.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan kualitatif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Leone, L., Perugini, M., & Ercolani, A. P. (1999). A comparison of three models of attitude-behavior relationships in the studying behavior domain. *European Journal of Social Psychology*, 29, 161–189.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Universiti Putra Malaysia.
- Maher, C., Hadfield, M., Hutchings, M., & de Eyto, A. (2018). Ensuring rigor in qualitative data analysis: A design research approach to coding combining NVivo with traditional material methods. *International Journal of Qualitative Methods*, 17(1), 1–13.
- Manap, J., Hamzah, A., Noah, S.M., Kasan, H., Krauss, S. E., Mastor, K. A., Suandi, T., & Idris, F. (2013). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. *Journal of Psychology & Human Deelopment*, 1(1), 36–43.
- Marmaya, N. H., Zakaria, Z., & Mohd Desa, M. N. (2019). Gen Y consumers' intention to purchase halal food in Malaysia: a PLS-SEM approach. *Journal of Islamic Marketing*, 10(3), 1003–1014. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2018-0136>.
- Marshall, M. N. (1996). Sampling for qualitative research. *Family Practice*, 13(6), 522-526.
- McDonald, F.V. (2014) Developing an integrated conceptual framework of pro-environmental behavior in the workplace through synthesis of the current literature. *Administrative Sciences*, 10(3), 276-303. <https://doi.org/10.3390/admsci4030276>.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *An expanded sourcebook qualitative data analysis*. Sage Publication.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis a methods sourcebook*. Sage Publication.
- Mohammed Zabidi, M., & Tamuri, A. H. (2016). Kepercayaan pelajar UiTm terhadap ilmu menurut Islam. *Technical and Social Science Journal*, 5(1), 114–131.
- Mohd Ali, A. B. (2005). *Tanggungjawab setiap Muslim*. Al-Hidayah Publishers.
- Mohd Esa, M., & Mohd Nasiri, I. A. H. (2019). Faktor yang mempengaruhi kecenderungan pembeli terhadap pemilihan produk makanan halal PKS di FAZZ Enterprise. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 4(1), 23–35.
- Mohd Noor, N. A. (2024). *Consumerism: An Ambiguous Surge In The Modern Era*. School of International Studies (SoIS), Universiti Utara Malaysia.
- Mokhtar, M. Z. (2018). *Pengaruh niat terhadap tingkah laku berwakaf tunai dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang*. [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan] Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mokhtar, M. Z. (2019). Penilaian terhadap konsep niat dalam teori niat bertingkah laku (TRA) dari perspektif konsep niat dalam Islam. *Jurnal Al-Sirat*, 1, 19–32.

- Mokthar, M. Z., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Abang Muis, A. M. R. (2018). Impak niat terhadap pekerja di institusi Islam dari perspektif tasawur Islam. *Sains Insani eISSN: [0127-7871]*, 3(1), 92–97.
- Mokti, H. A., Kamri, N. A., & Balwi, M. A. W. F. M. (2024). Persepsi pengguna terhadap tayyiban dalam makanan halal: Analisis kajian rintis. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(1), 1-16.
- Muhammad, M. Z. (2014). Nafsu menurut Islam dan pengaruhnya terhadap andaian ketidak-terhadan kehendak manusia dalam ekonomi Islam arus perdana. *The 9th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2014)*, 1–25.
- Muhammad, M. Z., Abd Hamid, N. F., Hasan, H., & Abdullah, A. J. (2020). Pengaruh konsep nafsu dalam andaian ketidak-terhadan kehendak manusia dalam ekonomi Islam arus perdana. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 3(6), 1–17.
- Mustafar, M. Z. (2018). Gelagat pengguna Muslim: Analisis faktor pemilihan institusi perbankan Islam di Negeri Sembilan. [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan] Universiti Malaya (UM).
- Mustafar, M. Z., & Borhan, J. T. (2013). Muslim consumer behavior : Emphasis on ethics from Islamic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 18(9), 1301–1307.
- Mustafar, M. Z., & Mohamad, M. T. (2018). Model gelagat pengguna Muslim: Analisa perspektif sarjana ekonomi Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(1), 74–88.
- Musthafa, A. U. A. (2010). *Semua tergantung niat 1001 rahasia "nawaitu"*. Wacana Ilmiah Press.
- Ngadiman, D. W., Rahim, H. A., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Harga diri, niat menambah pinjaman dan gelagat perbelanjaan individu Muslim berpendapatan rendah di sektor perladangan. *UMRAN- International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(1), 49–61. <https://doi.org/1.11113/umran2019.6n1.276>.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Pengaruh hubungan sosial terhadap gelagat pembelian barangan bukan asas dan niat berhutang dalam kalangan isi rumah B40. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 53(1), 35–46. <https://doi.org/10.17576/JEM-2019-5301-4>.
- Nickerson, C., Georgiadou, E., & Nandialath, A. M. (2023). Religious affiliation and religiosity: do Islamic appeals in advertising lead to higher purchase intentions among muslim consumers in Dubai?. *Journal of Islamic Marketing*, 14(4), 1128–1145. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2021-0332>.
- Nooh, M. N., & Ab. Aziz, M. R. (2018). *Gelagat pengguna Muslim dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhayati, T., & Hendar, H. (2020). Personal intrinsic religiosity and product knowledge on halal product purchase intention: Role of halal product awareness.

*Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 603–620. <https://doi.org/10.1108/JIMA-11-2018-0220>.

Othman, K. B. (2018). *Konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan*. [Tesis kedoktoran tidak diterbitkan] Universiti Sains Malaysia (USM).

Ouellette, J. A., & Wood, W. (1998). Habit and Intention in Everyday Life: The Multiple Processes by Which Past Behavior Predicts Future Behavior. *Psychological Bulletin*, 124(1), 54–74.

Paim, L., & Masud, J. (2003). *Pengenalan ekonomi pengguna*. Universiti Putra Malaysia.

Patton, M. Q. (2002). Qualitative research and evaluation methods (3rd ed.). *Evaluation Journal of Australasia*, 3(2). Sage Publication. <https://doi.org/10.1177/1035719X0300300213>.

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.

Prastowo, A. (2012). *Metode penelitian kualitatif dalam perspektif rancangan penelitian*. Ar-Ruzz Media.

Puteri, H. E., Parsaulian, B., & Azman, H. A. (2022). Potential demand for Islamic banking: Examining the Islamic consumer behavior as driving factor. *International Journal of Social Economics*, 49(7), 1071–1085. <https://doi.org/10.1108/IJSE-10-2021-0614>

Quoquab, F., Abdullah, N. L., & Ahmad, M. (2015). Epicureanism and global consumerism in shaping muslim buyers' consumption pattern: An Islamic perspective. *International Journal of Innovation and Business Strategy (IJIBS)*, 3(1).

Rahman, A. ., Asrarhaghighi, E., & Rahman, S. . (2015). Consumers and Halal cosmetic products: Knowledge, religiosity, attitude and intention. *Journal of Islamic Marketing*.

Rahman, R.A., Zahari, M.S.M., Hanafiah, M.H. and Mamat, M.N. (2022). The influence of knowledge on wholesomeness, labelling and trust toward muslim consumers purchase behaviour of syubhah semi-processed food products. *Journal of Islamic Marketing*, 13(10) 2009-2027. <https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2020-0133>.

Ratnasari, R. T., Prajasari, A. C., & Kassim, S. (2023). Does religious knowledge level affect brand association and purchase intention of luxury cars? Case of the Lexus cars in Indonesia. *Journal of Islamic Marketing*, 14(4), 988–1006. <https://doi.org/10.1108/JIMA-01-2020-0004>.

Regenstein, J. M., Chaudry, M. M., & Regenstein, C. E. (2003). The kosher and halal foods laws. *Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety*, 2, 111-127.

- Rihn, A., Khachatryan, H., & Wei, X. (2021). Perceived subjective versus objective knowledge: Consumer valuation of genetically modified certification on food producing plants. *Plos One*, 16(8), 1–19. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0255406>.
- Rizkitysha, T.L. and Hananto, A. (2022). Do knowledge, perceived usefulness of halal label and religiosity affect attitude and intention to buy halal-labeled detergent. *Journal of Islamic Marketing*, 13(3) 649-670. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2020-0070>.
- Ryan, J. M., & Bonfield, E. H. (1975). The fishbein extended model and behavior consumer. *Journal of Consumer Research*, 2(2), 118–136. <https://doi.org/10.1086/208623>.
- Sajahan, M. S., Abd Hamid, N. Z., Soonthronpipit, H., Hemaphan, S., & Saensook, P. (2021). Penggunaan kolaboratif dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*, 4(17), 74–82. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.417007>.
- Salleh, M. S. (2003). *Tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Zebra Editions Sdn.Bhd.
- Salleh, M. S. (2013). Spirituality and the new form of poverty management. *The International Journal of Religion and Spirituality in Society*, 2(2), 1–17. <https://doi.org/10.1542/pir.32-9-e91>.
- Samuelson, P. A., & Nordhaus, W. D. (2010). *Economics* (19th ed.). McGraw-Hill Education.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P., & Adrian, T. (2019). *Research methods for business students*. Pearson.
- Schiffman, L. G., & Kanuk, L. L. (2007). *Consumer behavior*. Pearson Prentice Hall.
- Schiffman, L. G., & Kanuk, L. L. (2010). *Consumer behavior* (10th ed.). Prentice Hall.
- Schroder, T., Stewart, T. C., & Thagard, P. (2014). Intention, emotion, and action: A neural theory based on semantic pointers. *Cognitive Science*, 38(5), 851–880. <https://doi.org/10.1111/cogs.12100>.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business a skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research methods for business*. John Wiley & Sons.
- Sharma, R. R., Newaz, F. T., & Fam, K. S. (2016). Muslim religiosity, generational cohorts and buying behaviour of Islamic financial products. *Australian Journal of Management*, 42(3), 482–501. <https://doi.org/10.1177/0312896216659530>.
- Sheeran, P. (2002). Intention behavior relations : A conceptual and empirical review. *European Review of Social Psychology*, 12(1), 37–41. <https://doi.org/10.1080/14792772143000003>.

- Sheth, J. N., & Mittal, B. (2004). *Customer behavior: A managerial perspective*. South-Western College Pub.
- Sholihin, M. (2023). Islamic rationality of muslim consumers: New insight from text analytics and Al-Ghazali's thought. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 15(7), 1093-1117. <https://doi.org/10.1108/JIABR-10-2022-0291>.
- Sholihin, M., Shalihin, N., Ilhamiwati, M., & Hendrianto, H. (2023). Maqasid-based consumption intelligence: an empirical model of its application to the intention of halal purchase. *International Journal of Ethics and Systems*, 39(2), 402-431. <https://doi.org/10.1108/IJOES-11-2021-0204>.
- Siddiqi, M. N. (1981). *Muslim economic thinking*. The Islamic Foundation.
- Smith, M. N. (2017). Intentions: past, present, future. *Philosophical Explorations*, 20(2), 1-12. <https://doi.org/10.1080/13869795.2017.1356360>.
- Sobian, A. (2022). Household Food Waste Reduction: An Islamic Perspective. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15(2), 89-109. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no2.4>
- Solomon, M. R. (2018). *Consumer behavior: Buying, having, and being* (12th ed.). Pearson Education.
- Souiden, N. and Jabeur, Y. (2015). The impact of Islamic beliefs on consumers' attitudes and purchase intentions of life insurance. *International Journal of Bank Marketing*, 33(4) 423-441. <https://doi.org/10.1108/IJBM-01-2014-0016>
- Stebbins, R. A. (2001). *Exploratory research in the social sciences*. Sage.
- Sutton. (1998). Predicting and explaining intentions and behavior : How well are we doing ?. *Journal of Applied Social Psychology*, 28(15), 1317-1338.
- Syahrivar, J. (2021). Hijab no more: A phenomenological study. *Journal of Religion and Health*, 60, 1969-1991. <https://doi.org/10.1007/s10943-020-01068-7>
- Tahir, S., Ghazali, A., & Syed Agil, S. O. (1992). *Readings in microeconomics*. Longman Malaysia.
- Teng, C. C., & Wang, Y. M. (2015). Decisional factors driving organic food consumption: Generation of consumer purchase intentions. *British Food Journal*, 117(3), 1066-1081. <https://doi.org/10.1108/BFJ-12-2013-0361>.
- Wahab, N., Abu Bakar, A., & Mohamad, A. M. (2017). Analisis elemen-elemen nafsu dalam Teori Psikoanalisis Sigmund Freud dan Kitab Penawar Bagi Hati Al-Mandili. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporer*, 14, 51-67.
- Wani, T. A. (2013). Buying Behaviour an Islamic perspective: An analysis of an ideal muslim buying behaviour. *International Journal of Research in Commerce and Management*, 5(2), 10-15.
- Warshaw, P. R., & Davis, F. D. (1985). Disentangling behavioral intention and behavioral expectation. *Journal of Experimental Social Psychology*, 21(3), 213-

- Wiyono, S. N., Deliana, Y., Wulandari, E., & Kamarulzaman, N. H. (2022). The Embodiment of Muslim Intention Elements in Buying Halal Food Products: A Literature Review. *Sustainability*, *14*, 1–19. <https://doi.org/10.3390/su142013163>.
- Yahaya, N., & Othman, M. A. (2002). *Pengenalan sains pengguna*. Universiti Putra Malaysia.
- Yahya, N., Syed Omar, S. H., Mohamad Yusoff, S. H., Ismail, M. S., Md Zain, A. D., Rozali, M. H., & Mamat, A. (2021). Elemen Kesufian Menurut Al Muhasibi dan Hubungannya dengan Psikispiritual dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemi Covid 19. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, *1*(3), 186–192.
- Yin, R. K. (2016). *Qualitative research from start to finish*. Guilford Publications.
- Yusoff, M. S. A., Che Hassan, N. S. I., Mohammad Nor, N. H., & Yusof, N. (2018). Pengaruh sikap dan nilai Islam terhadap niat untuk menghadiri Program Bahasa Inggeris di Masjid. *E-Academia Journal*, *7*(1), 98–108.
- Zalega, T. (2014). Consumer and consumer behaviour in the neoclassical and behavioural economic approach. *Konsumpcja i Rozwój*, *4*(9), 64–79.
- Zarqa, M. A. (2003). Islamization of economics : The concept and methodology. *English*, *16*(1), 3–42.

### Senarai Temu Bual

- Temu bual dengan Prof Madya Dr. Muhamad Noor Habibi Long secara virtual menggunakan aplikasi *webex*, pada 15 Mac 2022 jam 12.30 tengah hari.
- Temu bual dengan Dr. Mohammad Zulfakhairi Mokhtar di bilik pensyarah, Pusat Pengajian Perniagaan UiTM Puncak Alam, Selangor pada 18 Mac 2022 jam 10.50 pagi.
- Temu bual dengan Dr. Syazalie Hirman Ahmad Najib di Kedai makan NKE (Bangi, Selangor pada 18 Mac 2022 jam 3.30 petang.
- Temu bual dengan Dr. Siti Khalilah Basarud-din secara virtual menggunakan aplikasi *googlemeet*, pada 24 Mac 2022 jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan Prof Madya Dr. Zakaria Bahari di kediaman informan, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang pada 23 Mac 2022 jam 5.30 petang.

## LAMPIRAN

Lampiran A : Soalan Temu Bual



**Pusat Pengajian Perniagaan Islam**  
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL  
كلية إدارة الأعمال الإسلامية  
**Universiti Utara Malaysia**

### BAHAGIAN 1: INFO INFORMAN, TEMPAT DAN MASA TEMUBUAL

Nama :

Jawatan :

Tempat Temubual:

Masa / Tarikh temubual :

### BAHAGIAN 2 : SOALAN BERDASARKAN OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian	Tema	Soalan
<b>1. Mengenal pasti konsep niat menurut perspektif Islam dalam penggunaan.</b>	<b>Komponen utama dalam perbincangan niat (dalam aktiviti penggunaan)</b>	<p>1. Adakah islam menekankan konsep niat dalam aktiviti penggunaan? (<b>Probing</b>) adakah diperlukan dalam aktiviti penggunaan?</p> <p>2. Bilakah waktu niat dalam aktiviti penggunaan? (<b>Probing</b>) adakah sama seperti ibadat khusus.</p> <p>3. Bagaimanakah peranan niat bagi menjadikan aktiviti penggunaan sebagai ibadat bukan adat semata-mata.</p>

		<p>4. Islam mementingkan niat yang ikhlas, bagaimana mengaplikasikan niat yang ikhlas dalam aktiviti penggunaan.</p> <p>(<b>Probing</b>) jika niat bercampur aduk kerana Allah dan selainnya boleh dikira sebagai niat ikhlas dalam aktiviti penggunaan.</p> <p>5. Adakah niat ini mampu membentuk seseorang menjadi ibadurrahman</p> <p>6. Menurut perspektif Islam, adakah tindakan seseorang itu mesti ada (wujud) apabila melibatkan niat dalam aktiviti penggunaan, atau sekadar lintasan hati semata-mata sudah mencukupi untuk mendapat ganjaran pahala.</p> <p>(<b>Probing</b>) niat berubah, adakah niat seseorang yang baik pada mulanya boleh berubah kepada niat tidak baik dalam sesuatu tindakan yang dilakukan, contohnya pada asalnya berniat untuk menolong kawan, tiba-tiba dalam proses pembelian niat berubah untuk untuk diri sendiri sahaja.</p>
<p><b>2. Meneroka faktor mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan daripada perspektif Islam.</b></p>		<p><b>A. Iman</b></p> <p>1. Adakah iman mempengaruhi niat seseorang dalam melakukan aktiviti penggunaan?</p> <p>- Bagaimanakah yang dimaksudkan dengan aktiviti penggunaan berteraskan iman?</p> <p>- Bagaimanakah kesan iman kepada aktiviti</p>

		<p>penggunaan?</p> <p><b>B. Ilmu</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Adakah ilmu mempengaruhi niat seseorang dalam bertindak, khususnya dalam aktiviti penggunaan?</li> <li>2. Ilmu yang bagaimana yang diperlukan oleh pengguna Muslim</li> </ol> <p>(<b>Probing</b>) adakah cukup sekadar ilmu fardhu ain (halal haram) atau ilmu-ilmu tambahan yang lain, seperti ilmu fardhu kifayah.</p> <p><b>C. Hubungan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam rantaian iman, ilmu, niat dan tindakan adakah boleh seseorang itu mengabaikan salah satu daripada rantaian tersebut.</li> <li>2. Adakah memberi kesan kepada tindakan jika terabai salah satunya.</li> <li>3. Adakah cukup sekadar empat rantaian ini sahaja dalam isu kepenggunaan, atau perlu ditambah dengan faktor lain untuk melengkapkan perbincangan berkaitan niat dalam penggunaan.</li> <li>4. Apakah faktor-faktor yang boleh mengganggu proses ibadurrahman dalam penggunaan.</li> </ol>
--	--	--

Lampiran B : Surat Kebenaran Mengadakan Temu Bual



ISLAMIC BUSINESS SCHOOL  
UUM COLLEGE OF BUSINESS  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
MALAYSIA



Tel: 004-928 6651 / 6652 / 6658  
Faks (Fax): 004-928 9653  
Laman Web (Web): www.ibs.edu.my

UUM/COB/IBS/A-4/1  
19 April 2022/17 Ramadhan 1443H

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PERMOHONAN KEBENARAN MENGADAKAN TEMU BUAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penama berikut adalah pelajar di Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia yang sedang menyiapkan kajian peringkat sarjana beliau seperti berikut :

Nama	AZMAWIDA ABDULLAH
No. Matriks	901463
No. Telefon	019-4130813
Email	azmawida@gmail.com
Kursus	Doktor Falsafah (Pengurusan Islam)
Fakulti	Pusat Pengajian Islam (IBS) Universiti Utara Malaysia
Tajuk Kajian	Gelagat Kepenggunaan Islam: Kajian Berasaskan Konsep Niat dalam Kalangan Pengguna Muslim
Penyelia Kajian	Dr. Mohd Mushidi Bin Mohd Noor (Penyelia pertama) Dr. Syarifah binti Md Yusof (Penyelia kedua)

3. Sehubungan dengan itu, saya memohon agar pihak tuan/puan dapat memberi kebenaran kepada pelajar ini untuk menemu bual pakar. Semua maklumat dan informasi adalah dianggap SULIT dan hanya akan digunakan bagi tujuan akademik sahaja.


4. Sila berhubung dengan Puan Azmawida Abdullah di talian 019-4130813 atau emel [azmawida@gmail.com](mailto:azmawida@gmail.com) untuk maklum balas atau jika terdapat pertanyaan lanjut.

Kerjasama pihak tuan/puan di dalam perkara ini di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KEDAH SEJAHTERA- NIKMAT UNTUK SEMUA"  
"ILMU BUDI BAKTI"  
"FAITH, KNOWLEDGE, VIRTUE"

Saya yang menjalankan amanah.

  
PROF. DR. ROSYLIN MOHD. YUSOF  
Dekan  
Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)  
Universiti Utara Malaysia  
Tel : 049286650, Faks : 049286653  
Emel : [rosylin@uum.edu.my](mailto:rosylin@uum.edu.my)

Universiti Pengurusan Terkemuka  
The Eminent Management University



Lampiran C: Pengesahan Dapatan oleh Pakar 1

PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL NIAT BAGI GELAGAT PENGGUNA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	DAPATAN		ULASAN PAKAR
	Objektif Kajian 1	Objektif Kajian 2	
1. Pada pendapat anda adakah aktiviti penggunaan memerlukan niat.  YA / TIDAK	Konsep niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	Faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan.	Ya
2. Pada pendapat anda adakah iman mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Niat diperlukan dalam perkara <i>mubah</i> (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> <li>- Niat ikhlas adalah niat yang diterima dan layak mendapat ganjaran pahala (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Iman, ilmu dan nafsu faktor yang mempengaruhi niat dan tindakan sesuatu tindakan penggunaan pada permulaan.</li> <li>- Muhasabah faktor tambahan bagi tindakan penggunaan kali ke dua dan seterusnya.</li> </ul>	Ya
3. Pada pendapat anda adakah ilmu mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK			Ya
4. Pada pendapat anda adakah nafsu mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK			Ya
5. Pada pendapat anda adakah muhasabah dipertukan untuk tindakan kali kedua dalam aktiviti penggunaan, dan adakah ia mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK			Ya
6. Pada pandangan anda adakah kerangka konseptual ini sesuai diaplikasikan oleh pengguna Muslim dalam aktiviti penggunaan.			Ya



UUM

Universiti Utara Malaysia

Ulasan Keseluruhan

Kerangka konsep niat bagi gelagat pengguna ini sesuai digunakan untuk pengguna muslim dengan beberapa penambahbaikan spt. yg. dicadangkan.

.....


.....

.....

.....


.....

Tandatangan






**UUM**  
Universiti Utara Malaysia



Rajah 4.4b  
Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna Yang Holistik Dalam Aktiviti Kepenggunaan Menurut Perspektif Islam  
Sumber: Penyelidik (2024)

Lampiran D : Pengesahan Dapatkan oleh Pakar 2

PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL NIAT BAGI GELAGAT PENGGUNA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	DAPATAN		ULASAN PAKAR
	Objektif Kajian 1	Objektif Kajian 2	
1. Pada pendapat anda adakah aktiviti penggunaan memerlukan niat.  YA / TIDAK	Konsep niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	Faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan.	ya
2. Pada pendapat anda adakah iman mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Niat diperlukan dalam perkara <i>mubah</i> (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> <li>- Niat Ikhlas adalah niat yang diterima dan layak mendapat ganjaran pahala (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Iman, ilmu dan nafsu faktor yang mempengaruhi niat dan tindakan sesuatu tindakan penggunaan pada permulaan.</li> <li>- Muhasabah faktor tambahan bagi tindakan penggunaan kali ke dua dan seterusnya.</li> </ul>	ya
3. Pada pendapat anda adakah ilmu mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK			




PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL NIAT BAGI GELAGAT PENGGUNA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	DAPATAN		ULASAN PAKAR
	Objektif Kajian 1	Objektif Kajian 2	
1. Pada pendapat anda adakah aktiviti penggunaan memerlukan niat.  YA / TIDAK	Konsep niat dalam aktiviti penggunaan menurut perspektif Islam.	Faktor yang mempengaruhi niat pengguna bergelagat dalam aktiviti penggunaan.	ya
2. Pada pendapat anda adakah iman mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Niat diperlukan dalam perkara <i>mubah</i> (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> <li>- Niat Ikhlas adalah niat yang diterima dan layak mendapat ganjaran pahala (Al-Ghazali, 1980); (Al-Qardhawi, 2018)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Iman, ilmu dan nafsu faktor yang mempengaruhi niat dan tindakan sesuatu tindakan penggunaan pada permulaan.</li> <li>- Muhasabah faktor tambahan bagi tindakan penggunaan kali ke dua dan seterusnya.</li> </ul>	ya
3. Pada pendapat anda adakah ilmu mempengaruhi niat, dan seterusnya mempengaruhi gelagat pengguna Muslim.  YA / TIDAK			

Ulasan Keseluruhan

Segi positif dengan laporan, tetapi pada aspek daya perkhidmatan dan dapat diukur seperti antara lain, ilmu dan nafsu. Kelemahan dengan contoh-contoh yang berkaitan pelaksanaan di atas. → Ghat pelaksanaan perkhidmatan → Perkhidmatan dinilai kembali sekiranya dalam pelaksanaan mendapat negatif.

Tandatangan

  
5/4/24



Rajah 4.4b  
Kerangka Konseptual Niat Gelagat Pengguna Yang Holistik Dalam Aktiviti Kepenggunaan Menurut Perspektif Islam  
Sumber: Penyelidik (2024)